# PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

University of Malaya

ABD HADI BIN BORHAM

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

# PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

University of Malaya

ABD HADI BIN BORHAM

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: ABD HADI B. BORHAM (No. K.P/Pasport: [redacted]

No. Pendaftaran/Matrik: IHA 100046

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):
PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSUF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

[redacted]

Tandatangan Calon Tarikh 18/2/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandat[redacted] Tarikh 18.2.2016

Nama:
Jawatan:

**DR. FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR**
**Pensyarah Kanan**
**Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan**
**Akademi Pengajian Islam**
**Universiti Malaya**

University of Malaya

## ABSTRAK

Mohd Fadli Yusof merupakan seorang pendakwah bebas yang berasal daripada negeri Perak Darul Ridzuan. Beliau telah menjalankan usaha dakwah kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah sejak tahun 2011. Dalam tempoh dua tahun beliau telah berjaya mengislamkan 269 orang non-muslim yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti petani, pemburu, paderi, pastor gereja, pelajar dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof, faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah dan masalah kepada pendekatan dakwah beliau dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara perpustakaan dan lapangan. Data kajian secara lapangan dikutip dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan menemu bual informan yang telah dipilih secara bertujuan *(purposive sampling)* di Kampung Padang, mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan iaitu pendekatan *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Pendekatan *al-ḥikmah* dilakukan dengan menyeru non-muslim kepada Islam dengan tidak memaksa, membina hubungan baik, memahami psikologi golongan *mad'ū*, berziarah dan memberi hadiah secara berulang ulang, dan menjemput makan kenduri. Pendekatan *maw'izah al-hasanah* pula dilakukan dengan menyampaikan dakwah secara pengajaran lisan dan menunjukkan contoh atau model cara kehidupan Islam yang menarik. Manakala pendekatan *al-mujādalah* dilakukan secara dialog dengan non-muslim semasa ziarah. Di samping itu, dapatan ini menunjukkan terdapat lapan faktor yang menarik perhatian non-muslim di pedalaman Pensiangan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof iaitu faktor tarikan *qudwah*, tarikan *quwwah*, tarikan kelainan, tarikan berulang-ulang, tarikan keprihatinan, tarikan *targhīb* dan *tarhīb*, tarikan kesamaan dalam agama *samawi* dan tarikan menghubungkan. Hasil kajian ini juga mendapati pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof

University of Malaya

telah bejaya membangunkan model contoh kehidupan sosial secara Islam pedalaman Pensiangan. Namun begitu kajian ini turut menunjukkan terdapat beberapa masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Antaranya ialah masalah kesihatan beliau, contoh kurang baik dari pendakwah-pendakwah di pedalaman sebelum ini, halangan kuat pihak missionari Kristian di Sabah dan lain-lain.

University of Malaya

## ABSTRACT

Mohd Fadli Yusof is an independent *dāʻī* from the state of Perak Darul Ridzuan. He has been involved the *da'wah* work to the non-Muslim community in the rural area of Pensiangan, Sabah since 2011. In two years, he was succeeded converting 269 of non-Muslims from various backgrounds such as farmer, hunter, priest, pastor, students etc. Therefore, the aims of this study is to identify the *da'wah* approach, factors attracting or influencing the *da'wah* approach and the problems of the *da'wah* approach of Mohd Fadli Yusof in the Islamization of the non-Muslim community in the rural areas of Pensiangan, Sabah. The research methodology was used the qualitative through by library and field study methods. In the field, data was obtained with participation observation method and interviewing selected informants (purposive sampling) in Kampung Padang, mukim of Sepulut, Pensiangan, Sabah. The results showed that three *da'wah* approaches of Mohd Fadli Yusof in the Islamization of the non-Muslim community in the rural areas of Pensiangan are *al-ḥikmah*, *mawʻiẓah al-ḥasanah* and *mujādalah* approaches. The *al-ḥikmah* approach was carried out by giving *da'wah* work to the non-Muslims without force, good relationships with non-Muslim, understand the psychology of non-Muslim, visit and give gifts to non-Muslims repeatedly, as well as inviting them for feasts (*makan kenduri*). Meanwhile, the *mawʻizah al-hasanah* approach was done by giving *da'wah* work through oral teaching and showing examples or models of Islamic way of life. While, the *al-mujādalah* approach was made through dialogues with non-Muslims during visits. Also the findings showed eight attraction factors on the Mohd Fadli Yusof da'wah approaches toward non-muslim community in the rural of Pensiangan. These factors are *qudwah* attraction, *quwwah* attraction, variant attraction, repeated attraction, concern attraction, *targhīb* and *tarhīb* attraction, similarity attraction in *samawi* religion and connecting attraction. This study found the Mohd Fadli Yusof approaches was succeeded converting the non-Muslims belief to *ʻaqidah* Islam and also developing the good example for social

and economy life in the rural of Pensiangan. However, the findings also showed several problems regarding the *da'wah* approach of Mohd Fadli Yusof in the rural areas of Pensiangan. These problem are Mohd Fadli Yusof health problem, bad examples from previous *dāʻī*, obstacle from the Christian missionaries in Sabah etc.

University of Malaya

# PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekelian alam. Setinggi kesyukuran dirafaʿkan kehadrat Ilahi atas kurniaan rezeki, kemudahan, kekuatan dan kesihatan penulis serta keluarga dalam menyiapkan doktor falsafah ini mengikut tempoh yang ditetapkan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w serta para sahabatnya.

Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Fakhrul Adabi Bin Abdul Kadir selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa, memberi nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar yang bermanfaat kepada penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), terutamanya Prof. Dr. Aziz Mohd Zin, Dr. Yusmini Md. Yusoff, Dr. Norrodzoh Hj. Siren dan Dr. Mohammed Yusof. Begitu juga ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Prof. Dr. Badlihisham Mohd Nasir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku pemeriksa dan penyumbang idea dalam kajian penulis ini. Semoga Allah memberikan kebaikan kepada kalian semua. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di atas peluang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah. Begitu juga pihak Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), khususnya rakan-rakan di Jabatan Pengajian Islam yang telah memberikan idea dan semangat moral kepada sepanjang penulis dalam menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan sumbangan kalian itu akan mendapat ganjaran kebaikan dari Allah s.w.t.

Keduanya, sekalung penghargaan kepada pihak pengurusan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis sepanjang mendapatkan maklumat penting untuk tesis ini. Begitu juga, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pendakwah Mohd Fadli Yusof, Siti Aishah Nordin, sekeluarga dan rakan-rakan yang bersama-sama menyertai misi *Kembara Syahadah* di pedalaman Pensiangan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Pertubuhan Nurul Mustofa Kota Kinabalu Sabah, semua penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan yang telah sudi berkerjasama dalam memberi bantuan kepada penulis semasa mendapatkan data di pedalaman Pensiangan, Sabah. Semoga kalian diberkati dan mendapat kebaikan dari Allah s.w.t. Amin.

University of Malaya

Akhir sekali, ucapan dedikasi ini khas buat ibu - Hjh. Hamidah binti Hi. Salleh, isteri - Nor Hidayah binti Ab. Wahab dan anak-anak - Ahmad Thaqif Aisar, Nur ‘Awatif, Ahmad Ajwad dan Ahmad ‘Aqli; yang sentiasa mendoakan dan berkorban masa untuk penulis. Tidak ketinggallan buat adik beradik dan keluarga mertua yang sama-sama memberi bantuan, sokongan moral dan doa kepada penulis sekeluarga sepanjang pengajian di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Begitu juga kepada rakan-rakan yang mengenali penulis dan memberi sumbangan idea sepanjang pengajian ini. Semoga kalian diberkati dan mendapat kebaikan dari Allah s.w.t. Amin.

Abd Hadi Bin Borham
No. 12 A, Jalan Wangsa 1,Taman Wangsa Jaya
35900, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan
Emel: abdhadiborham@gmail.com

University of Malaya

## KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **PENGAKUAN** | | |
| **ABSTRAK** | | **ii** |
| **ABSTRACT** | | **iv** |
| **PENGHARGAAN** | | **vi** |
| **KANDUNGAN** | | **viii** |
| **SENARAI JADUAL** | | **xv** |
| **SENARAI TRANSLITERASI** | | **xvii** |
| **SENARAI KEPENDEKAN** | | **xxii** |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | **xxiv** |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar belakang Kajian | 2 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 8 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 11 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.6 | Skop Kajian | 13 |
| 1.7 | Tinjauan Literatur Lepas | 14 |
| 1.8 | Metodologi Kajian | 25 |
| | 1.8.1 Lokasi Kajian | 26 |
| | 1.8.2 Metod Pengumpulan Data | 27 |
| | 1.8.3 Metod Menganalisis Data | 35 |


University of Malaya

1.9 Kesimpulan 39

**BAB 2 PENDEKATAN DAKWAH KEPADA GOLONGAN NON-MUSLIM**

2.1 Pendahuluan 40

2.2 Definisi Pendekatan 41

2.3 Definisi Dakwah 45

2.4 Definisi Pengislaman 49

2.5 Definisi Non-Muslim 56

2.6 Matlamat Dakwah Kepada Golongan Non-Muslim 62

2.6.1 Menyeru Golongan Non-Muslim Beribadah kepada Allah 62

2.6.2 Melaksanakan Amanah Khalifah 65

2.6.3 Mencegah Kekufuran dan Segala Bentuk Syirik 68

2.6.4 Menjauhkan Manusia daripada Kemurkaan Allah 70

2.7 Pendekatan Dakwah Kepada Golongan Non-Muslim Berdasarkan Surah Al-Nahl, Ayat 125 72

2.7.1 Pendekatan Dakwah *Al-Ḥikmah* 73

2.7.2 Pendekatan Dakwah Secara *Maw'iẓah Al-Hasanah* 82

2.7.3 Pendekatan Dakwah Secara *Mujādalah* 85

2.8 Faktor-Faktor Tarikan Kepada Pendekatan Dakwah Non-Muslim 89

2.8.1 Tarikan Berasaskan *Taghrīb* 93

2.8.2 Tarikan Berasaskan *Tarhīb* 96



University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| | 2.8.3 Tarikan Berasaskan *Qudwah* | 100 |
| | 2.8.4 Tarikan Berasaskan *Quwwah* | 103 |
| | 2.8.5 Tarikan Berasaskan Kelainan | 106 |
| | 2.8.6 Tarikan Berasaskan Kesamaan | 108 |
| | 2.8.7 Tarikan Berasaskan Sifat Berulang-Ulang | 111 |
| | 2.8.8 Tarikan Berasaskan Keprihatinan | 113 |
| 2.9 | Masalah kepada Pendekatan Dakwah Non-Muslim | 116 |
| | 2.9.1 Masalah Berhubung dengan Pendakwah | 117 |
| | 2.9.2 Masalah Berhubung dengan Pendekatan Dakwah | 123 |
| | 2.9.3 Masalah Berhubung Sasaran Dakwah Non-Muslim | 127 |
| 2.10 | Kesimpulan | 133 |
| **BAB 3** | **PENDEKATAN DAKWAH DALAM PENGISLAMAN DI SABAH** | |
| 3.1 | Pendahuluan | 134 |
| 3.2 | Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman di Zaman Sebelum Penjajahan Di Sabah | 135 |
| 3.3 | Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman Semasa Penjajahan Di Sabah | 144 |
| 3.4 | Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman Pasca Kemerdekaan Di Sabah | 157 |
| 3.5 | Kesimpulan | 169 |

University of Malaya

**BAB 4 PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH**

4.1 Pendahuluan 171

4.2 Biografi Mohd Fadli Bin Yusof 172

4.2.1 Keluarga 172

4.2.2 Pendidikan 173

4.2.3 Kerjaya 177

4.2.4 Pengalaman dalam Dakwah dan Pengislaman 182

4.3 Bahagian Pedalaman Pensiangan 186

4.4 Kampung Padang Mukim Sepulut Pensiangan 192

4.5 Faktor- Faktor Penolak Dakwah di Pedalaman Pensiangan 198

4.6 Sumber Kewangan 202

4.7 Penyertaan Luar dalam Dakwah Mohd Fadli Yusof 205

4.8 Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah 209

4.8.1 Pendekatan Dakwah *al-Ḥikmah* 210

4.8.2 Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah Al-Hasanah* 228

4.8.3 Pendekatan Dakwah *Mujādalah* 237

4.9 Kesimpulan 242

University of Malaya

**BAB 5 FAKTOR-FAKTOR TARIKAN KEPADA PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH**

5.1 Pendahuluan 244

5.2 Faktor Tarikan kepada Pendekatan Dakwah *al-Ḥikmah* 245

5.2.1 Faktor Tarikan *Qudwah* 245

5.2.2 Faktor Tarikan *Quwwah* 251

5.2.3 Faktor Tarikan Kelainan 255

5.2.4 Faktor Tarikan Berulang-Ulang 260

5.2.5 Faktor Tarikan Keprihatinan 263

5.3 Faktor Tarikan kepada Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah al-Hasanah* 267

5.3.1 Faktor Tarikan *Targhīb* 267

5.3.2 Faktor Tarikan *Tarhīb* 271

5.4 Faktor Tarikan kepada Pendekatan Dakwah *al-Mujādalah* 275

5.4.1 Faktor Tarikan Kesamaan dalam Agama Samawi 276

5.4.2 Faktor Tarikan Menghubungkan 280

5.5 Kesimpulan 283

University of Malaya

**BAB 6 MASALAH KEPADA PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH**

6.1 Pendahuluan 285

6.2 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *al-Ḥikmah* 285

6.2.1 Masalah Kesihatan 286

6.2.2 Bentuk Muka Bumi Mencabar 287

6.2.3 Non-Muslim Suka Meminta-Minta 289

6.2.4 Diejek Non-Muslim 292

6.2.5 Masalah Adat dan Budaya Non-Muslim 294

6.3 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah al-Hasanah* 298

6.3.1 Contoh Akhlak Kurang Baik Pendakwah Lepas 299

6.3.2 Corak Kehidupan Segelintir Orang Islam Tidak Menjadi Contoh 301

6.3.3 Corak Kehidupan Segelintir Saudara Baru Tidak Menjadi Contoh 303

6.4 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *al-Mujādalah* 308

6.5 Masalah-Masalah Lain kepada Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah 310

6.5.1 Persepsi Organisasi Dakwah terhadap Mohd Fadli Yusof 310

6.5.2 Birokrasi dalam Organisasi Dakwah 314

University of Malaya

6.5.3 Halangan Pihak Missionari Kristian di Sabah 317

6.6 Kesimpulan 321

**BAB 7 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANAGAN**

7.1 Pendahuluan 323

7.2 Rumusan 323

7.3 Implikasi Kajian 328

7.4 Cadangan 332

**BIBLIOGRAFI 334**

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

**No. Jadual** **Halaman**

| No. Jadual | | Halaman |
|---|---|---|
| 3.1 | Jumlah Penduduk Sabah Mengikut Agama 2010 | 164 |
| 3.2 | Jumlah Masjid dan Surau di seluruh Sabah | 166 |
| 4.1 | Suku Kaum Murut di Pedalaman Atas, Negeri Sabah | 188 |
| 4.2 | Jumlah Suku Kaum Murut Mengikut Agama | 191 |
| 4.3 | Senarai Kampung di Mukim Sepulut Pensiangan | 193 |

University of Malaya

# TRANSLITERASI

## a. Konsonan

| Arab | Roman | Arab | Roman | Arab | Roman |
|---|---|---|---|---|---|
| ا,ء | a, ’ | ز | z | ق | q |
| ب | b | س | s | ك | k |
| ت | t | ش | sh | ل | l |
| ث | th | ص | ṣ | م | m |
| ج | j | ض | ḍ | ن | n |
| ح | ḥ | ط | ṭ | ه | h |
| خ | kh | ظ | ẓ | و | w |
| د | d | ع | ‘ | ي | y |
| ذ | dh | غ | gh | ة | h,t |
| ر | r | ف | f | | |

## b. Vokal

| Vokal Pendek | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| -َ- | a | قَنَتَ | *qanata* |
| -ِ- | i | سَلِمَ | *salima* |
| -ُ- | u | جُعِلَ | *ju‘ila* |

| Vokal Panjang | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ا,ى | ā | بَابُ, كُبْرَى | *bāb, kubrā* |
| ي | ī | وَكِيْل | *wakīl* |
| و | ū | سُوْرَةُ | *sūrah* |

## c. Diftong

| Diftong | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| وْ -َ- | aw | قَوْلَ | *qawl* |
| يْ -َ- | ay | خَيْر | *khay* |
| وّ -ُ- | uww | قُوَّة | *quwwah* |
| ي -- | iy, ī | عَرَبِي | *‘arabiy/ī* |

## d. Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi

1. Alif “ا” dan wāw “و” sebagai vocal tidak perlu diromanisasikan. Contohnya:

   أولئك : *ulā’ik* قالوا : *qālū*
   جعلوا : *ja‘lū* إسمعوا : *ism‘ū*

2. Tanda (-) mewakili vocal “a” panjang yang dimansuhkan. Contohnya:

   ابراهيم : Ibrāhīm سليمان : Sulaymān
   موسى : Mūsā عيسى : ‘Īsā

University of Malaya

3. Alif “ا” hendaklah diromanisasikan sebagai “a” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

| | |
|---|---|
| قال : *qāl* | قاري : *qārī* |
| رضى : *riḍā* | الإسلام : *al-Islām* |

4. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “w” jika berfungsi sebagai konsonan, sama ada awal, tengah atau akhir kalimah. Contohnya:

| | |
|---|---|
| ويل : *wayl* | وقف : *waqf* |
| حلوى : *ḥalwā* | عوض : *‘iwaḍ* |
| دلو : *dawl* | نحو : *naḥw* |

5. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “ū” jika berfingsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

| | |
|---|---|
| صورة : *ṣūrah* | وقوف : *wuqūf* |
| سورة : *sūrah* | ذو : *dhū* |

6. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “aw” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

| | |
|---|---|
| أولى : *awlā* | خوف : *khawf* |
| اوحى : *awḥā* | نوم : *nawm* |

7. Yā “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “y.” Contoh:

| | |
|---|---|
| يوم : *yawm* | عين : *‘ayn* |
| يحي : Yahyā | وحى : *wahy* |

8. Yā “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “ī” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

| | |
|---|---|
| ايمان: *īmān* | قيل : *qīl* |
| إيلاء: *īlā’* | فى : *fī* |

9. Yā “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “ay” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

| | |
|---|---|
| أينما : *aynamā* | القيوم : *al-Qayyūm* |
| عيني: *‘aynay* | شيء : *shay’* |

10. Alif maqsūrah “ى” hendaklah diromanisasikan sebagai “a” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

| | |
|---|---|
| عيسى : ‘Īsā | صغرى : *sughrā* |
| المأوى : *al-Ma’wā* | دعوى : *da‘wā* |

11. Hamzah “ء” di awal kalimah hendaklah diromanisasikan sebagai sama ada “a”, “i” atau “u” mengikut bunyi. Contohnya:

University of Malaya

أبرار : *abrār* اكبر : *akbar*
إن : *inna* إنسان : *insān*
أمرت : *umirtu* أنس : *uns*

12. Hamzah "ء" hendaklah diromanisasikan sebagai (') jika hidup atau mati atas sesuatu konsonan atai diftong. Contohnya:

المسألة : *al-mas'alah* الرأى : *al-ra'y*
عجائب : *'ajā'ib* خطيء : *khaṭī'*

13. Alif māddah "ا" yang terdapat pada awal atau tengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai a. Contohnya:

القرأن : *al-Qur'ān* مأبا : *ma'ābā*
آمنين : *āminīn* آخر : *ākhar*

14. Shaddah "ّ" atas wāw "و" hendaklah diromanisasikan sebagai "aww" jika berada selepas konsonan berbaris *fathah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

توّاب : *tawwāb* صوّر : *ṣawwar*
أوّل : *awwal* عوّام: *'awwām*

15. Shaddah "ّ" atas wāw "و" hendaklah diromanisasikan sebagai "uww" jika berada selepas konsonan berbaris *Ḍammah* dan berfungsi serentak sebagai konsonan. Contohnya:

قوّة : *quwwah* نبوّة : *nubuwwah*
غلوّ : *ghuluww* عدوّ : *'aduww*

16. Shaddah "ّ" atas yā' "ي" hendaklah diromanisasikan sebagai "iyy" jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* dan berfungsi serentak sebagai vokal panjang dan konsonan. Contohnya:

العربية : *al-'Arabiyyah* الماتريدية : *al-Māturīdiyyah*
هدية : *hadiyyah* ألو هية : *ulūhiyyah*

17. Shaddah "ّ" atas yā' "ي" hendaklah diromanisasikan sebagai "ī" jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* di akhir kalimah. Contohnya:

نبيّ : *nabī* القرضاويّ : al-Qaraḍāwī
أخرويّ : *ukhrawī* الطبريّ : al-Ṭabarī

18. Shaddah "ّ" atas yā' "ي" hendaklah diromanisasikan sebagai "ayy" jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

سيّدة : *sayyidah* أيّام : *ayyām*
حيّ : *hayy* غيّ : *ghayy*

19. Shaddah "ّ" atas huruf konsonan hendaklah diromanisasikan dengan menulis huruf tersebut sekali lagi. Contohnya:

University of Malaya

ربّنا : *Rabbanā* إنّا : *innā*
ثمّ : *thumma* كشّاف : *kashshāf*

20. Alif lām hendaklah diromanisasikan sebagai “al” sama ada bagi lām syamsiyyah atau qamariyyah dan dihubungkan dengan kalimah induk dengan tanda sempang (-). Dalam pada itu, “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Melayu. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kalimah induk. Contohnya:

الإمتحان : *al-imtihān* الأصل : *al-aṣl*
المكّية : *al-makkiyyah* الفتوحات : *al-futūhāt*

21. *Tā’ al-marbūṭah* di akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan “h” jika kalimah itu bermula dengan al- atau menjadi kalimah terakhir dalam sesuatu ayat. Contohnya:

المكتبة الوهبة: *al-Maktabah al-Wahbah*
الرسالة العلمية: *al-risālah al-‘ilmiyyah*

22. *Tā’ al-marbūṭah* di akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan “t” jika selepasnya kalimah bermula dengan al-. Contohnya:

المصابيحمشكاة: Mishkāt al-Maṣābīh
تحفة الأحوذي: Tuḥfat al-Aḥwadhī

23. Tanwin hendaklah diromanisasikan mengikut ejaan, bukan sebutan. Contohnya:

إنسانٌ : *insān* عينٌ : *‘ayn*
حيٌّ : *ḥayy* قوةٌ : *quwwah*

24. Kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu hendaklah dieja mengikut Bahasa Melayu. Semua kalimah Bahasa Arab, Inggeris atau bahasa asing hendaklah diitalik kecuali nama khas.

25. Kata nama khas hendaklah diromanisasikan dengan mengambil kira penggunaan huruf besar seperti kaedah ejaan Bahasa Melayu. Contohnya:

محمد : Muhammad الندي : Al-Nadawī
أبو الحسن : Abū al-Ḥasan أبو بكر : Abū Bakr

## SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|---|---|
| a.s | ‘alyh al-salām |
| & | dan |
| bil. | bilangan |
| et al. | dan pengarang-pengarang lain |
| ed. | edisi |
| etc. | dan lain-lain |
| jil. | jilid |
| *ibid*. | pengulangan rujukan |
| pnyt. | penyunting |
| r.a. | Raḍīyallahu‘an |
| t.th | tanpa tarikh |
| t.tp | tanpa penerbit |
| terj. | terjemahan |
| M | Masihi |
| MUIS | Majlis Agama Islam Negeri Sabah |
| NGO | Pertubuhan Bukan Kerajaan |
| IKIM | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| IPTA/S | Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| ABIM | Angkatan Belia Islam Malaysia |
| JIM | Jemaah Islah Malaysia |
| PERKIM | Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia |
| USIA | Pertubuhan Islam Seluruh Sabah |
| USNO | Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu |
| JHEAINS | Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah |

University of Malaya

| | |
|---|---|
| BNBCC | Syarikat Berpiagam Borneo Utara British |
| S.A.W | Sallā Allah ʻalayhi wasallam |
| S.W.T | Subhānahu wa taʿāla |
| SIB | Sidang Injil Borneo |
| UM | Universiti Malaya |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UIAM | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |

University of Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

**Halaman**


| | | |
|---|---|---|
| Lampiran A | Soalan temu bual | 352 |
| Lampiran B | Peta kawasan pedalaman Pensiangan, Sabah | 355 |
| Lampiran C | Senarai penduduk yang diislamkan oleh Mohd Fadli Yusof Di Pedalaman Pensiangan Dari Tahun 2011 hingga 2013 | 356 |
| Lampiran D | Kad Memeluk Agama Islam (PERKIM) | 375 |
| Lampiran E | Gambar | 376 |


University of Malaya

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Kajian tentang pendekatan dakwah kepada non-muslim merupakan suatu bidang khusus yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan teori dan praktikal. Pendekatan merupakan kaedah atau cara penyampaian mesej dakwah yang berkesan kepada non-muslim. Di Malaysia, non-muslim merupakan salah satu kelompok yang hidup secara bersama dan mempunyai hak-hak tertentu untuk dipelihara serta dihormati. Non-muslim di Malaysia terdiri daripada penganut Kristian (9.2 %), Buddha (19.8 %), Hindu (6.3 %), dan lain-lain (3.4 %).[1] Kepelbagaian kaum dan agama tidak menghalang masyarakat muslim dan non-muslim hidup secara harmoni dan bertoleransi. Pola kehidupan majmuk tidak menolak tuntutan amanah agama dalam menyampaikan Islam kepada golongan non-muslim melalui pelbagai pendekatan. Di atas faktor ini, kajian ini dilakukan untuk melihat pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Oleh itu, bab ini membincangkan mengenai kerangka kajian meliputi latar belakang, permasalahan, objektif, kepentingan kajian, literatur kajian lepas dan metodologi kajian.

---

[1] *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010* (Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 9.



University of Malaya

## 1.2 Latar belakang Kajian

Islam adalah agama samawi *(al-dīn al-samawī)* terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Baginda diutuskan untuk menyampaikan ajaran Islam yang lengkap dan sempurna kepada seluruh golongan manusia di dunia sebagaimana disebutkan Allah s.w.t melalui firman-Nya:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗا

Al-Māidah 5 : 3

> Terjemahan: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.[2]

Ayat di atas menjelaskan bahawa ajaran Islam yang di bawa oleh Nabi s.a.w adalah sempurna tanpa ada kekurangan dan pertambahan.[3] Islam adalah suatu nikmat yang amat besar bagi seluruh manusia di atas kesempurnaan yang meliputi perkara kehidupan di dunia dan akhirat. Setelah kewafatan Nabi s.a.w, tugas mengembangkan Islam kepada manusia menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam. Ini menunjukkan Allah s.w.t telah memberi penghormatan kepada umat Islam (umat Nabi Muhammad s.a.w) untuk berkongsi tugas dakwah dengan baginda berdasarkan setiap perintah yang al-Qur'ān yang diturunkan turut sama meliputi umat Islam melainkan jika terdapat pengecualian.[4] Ini menunjukkan umat Islam disifatkan sebagai umat pendakwah yang mempunyai amanah menyeru manusia kepada mengesakan Allah, mengajak kebaikan dan berusaha menolak segala bentuk

---

[2] Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'ān dalam tesis ini menggunakan terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010.

[3] Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutawally, *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litturāth, 2011), 380.

[4] 'Abdul Karim Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 308.



University of Malaya

kemungkaran yang menyebabkan kerugian di dunia dan akhirat.[5] Perkara ini dijelaskan di dalam al-Qur’ān, sebagaimana firman Allah:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

‘Ali Imran 3 : 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Maka di antara kelompok manusia yang menjadi tumpuan dalam kewajipan dakwah ini ialah golongan non-muslim. Mereka merupakan satu kelompok manusia yang tidak beriman kepada Allah dan wajib diseru atau diajak kepada agama Islam[6] kerana menjadi hak bagi non-musim untuk mengetahui tentang kebenaran Islam. Mereka wajib diseru untuk mengetahui tentang kebenaran Islam dengan tidak terbatas masa tertentu, bahkan menjadi kemestian dalam setiap keadaan yang mempunyai peluang untuk melaksanakannya.[7] Ini menunjukkan tanggungjawab menyeru non-muslim kepada Islam sentiasa berterusan sepanjang masa tanpa dibatasi dengan waktu-waktu tertentu.

Di Malaysia, dakwah kepada golongan non-muslim telah dilakukan sejak zaman perkembangan Islam di Tanah Melayu dan Nusantara. S.Q Fatimi menyatakan kedatangan Islam di Nusantara mempunyai kaitan dengan pendakwah Islam yang berasal daripada India, China Parsi dan Arab. Pendakwah Islam telah memainkan peranan penting dalam

University of Malaya

---

[5] ‘Abd al-Na‘im Muhammad Hussain, *Al-Da’wah ila Allah ‘ala Bashīrah* (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1984), 28.
[6] Ibrahim Che Noh, “Dakwah Kepada Non-Muslim,” dalam, *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed., Sidi Gazalba & Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.
[7] Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da’wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 320-321.

pengislaman golongan pemerintah dan masyarakat di Nusantara.[8] Ini bertepatan dengan salah satu teori yang dikemukakan oleh Cesar Adib Majul bahawa kedatangan Islam di Nusantara adalah berkait dengan teori *mubaligh* iaitu Islam tersebar dengan peranan pendakwah yang terdiri dari guru-guru, golongan profesional dan lain-lain. Peranan pendakwah telah digambarkan dengan mendekati masyarakat tempatan melalui pendekatan sebagai peniaga dalam perdagangan, pendekatan sufi melalui tarikat dan pendekatan politik melalui pemerintah.[9]

Dalam konteks perkembangan dakwah di Sabah, golongan pendakwah di zaman kesultanan Islam Brunei dan Sulu (sebelum abad ke-16) berperanan penting dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat tempatan.[10] Ia dapat dilihat dengan penerimaan Islam masyarakat tempatan Sabah (Borneo Utara) yang tinggal di kawasan pantai timur melalui pengaruh Kesultanan Sulu dan berkembang di kawasan pantai barat Sabah melalui pengaruh Kesultanan Brunei.[11] Pada abad ke-19, peranan pendakwah di bawah dua kesultanan tersebut menjadi perlahan selepas kemasukan pihak Syarikat British Borneo Utara (BNBCC) di Sabah yang bermotifkan ekonomi, sekularisasi dan missionari.[12] Namun dakwah dan pengislaman non-muslim masih berterusan secara tidak terang terangan. Hanya berlaku dalam konteks individu di atas pergaulan di antara muslim dan non-muslim.

Selepas mencapai kemerdekaan daripada British, Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1963.[13] Kemasukan Sabah ke dalam Malaysia telah memberikan implikasi positif

---

[8] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 5-7.

[9] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 68.

[10] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 57.

[11] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 6.

[12] Mat Zin Mat Kib, "The Varied Financial Sources of the Main Denominational Churches in Sabah: A Historical Perspective" *Jurnal Islamiyyat*, Bil. 25 (1) 2004), 72-73.

[13] Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), 25.



University of Malaya

dalam perkembangan dakwah.[14] Di bawah peruntukkan Perlembagaan Malaysia melalui Perkara 3 Fasal (1), Perkara 11 Fasal (1), (3) dan (4),[15] pelbagai pendekatan dakwah telah dilaksanakan sama ada secara individu perseorangan (*farḍiyyah*) dan institusi-institusi (*jamāʻah*) Islam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dalam hal ini, para pendakwah telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Islam di Sabah secara progresif, khususnya melalui organisasi Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Pendekatan dakwah USIA telah memberikan kesan positif dalam pengislaman non-muslim dengan berjaya mengislamkan hampir seratus ribu masyarakat non-muslim yang terdiri daripada pelbagai suku kaum di seluruh Sabah.[16]

Dengan kapasiti sebagai sebuah pertubuhan dakwah bukan kerajaan (NGO), USIA mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat Islam di Sabah, khususnya dalam politik kepartian Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO). Di atas faktor ini, USIA turut memainkan peranan penting dalam menubuhkan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan menjadikan usul Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah.[17] Kewujudan institusi tersebut membolehkan pentadbiran hal ehwal Islam dan pelaksanaan dakwah berjalan dengan baik dan teratur sehingga hari ini melalui pertubuhan dakwah kerajaan, bukan kerajaan (NGO) dan pendakwah perseorangan. Di peringkat kerajaan, pelaksanaan dakwah telah dijalankan melalui Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEINS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan lain-lain. Di peringkat badan bukan kerajaan (NGO), gerakan dakwah dilakukan melalui pertubuhan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Yayasan Dakwah

---

[14] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 17.
[15] Perkara 3 Fasal 1, Perkara 11 Fasal (1), (2) dan (3), *Perlembagaan Persekutuan*, (Selangor: International Law Book Centre (ILBS), 2005), 1 & 6-7.
[16] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 65.
[17] "Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)," dikemaskini 1 Januari 2014, dicapai 2 Jun 2014, http://www.usia.com.my/mukadimah.html.



University of Malaya

Islam Malaysia (YADIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM),[18] Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan lain-lain. Manakala di peringkat dakwah orang perseorangan, dakwah telah digerakkan melalui pendakwah-pendakwah tempatan di Sabah, pendakwah Indonesia, Filipina[19] dan semenanjung Malaysia[20] di atas tanggungjawab terhadap amanah agama seperti golongan guru[21] di Sabah.

Justeru pendakwah orang perseorangan dalam pengislaman juga dikatakan mempunyai peranan dan sumbangan yang signifikan di Malaysia. Judith Nagata menjelaskan bahawa perkembangan dakwah di kawasan urban khususnya dalam era 1970-1980-an telah melahirkan individu-individu yang memberikan impak kepada gerakan dakwah lain di kawasan luar bandar *(rural communites)*. Dakwah *urban* telah menyediakan medium yang tersusun dalam organisasi dan orang perseorangan untuk gerakan dakwah yang lebih meluas di seluruh negara.[22] Tambahan pula, pembangunan kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang semakin meningkat membolehkan para pendakwah bergerak dan menyampaikan risalah dakwah dengan meluas di di bandar dan luar bandar.[23] Di atas faktor ini, tokoh-tokoh pendakwah mula menjadi perhatian dan pelbagai pendekatan dakwah yang digunakan supaya kefahaman, kesedaran dan penerimaan Islam dapat berkembang dalam masyarakat selaras dengan prinsip syariat.

Di Sabah, beberapa tokoh pendakwah telah menyumbangkan kesan positif dalam pengislaman individu dan masyarakat non-muslim. Kebanyakan mereka bergerak di atas

[18] Kini Jemaah Islam Malaysia (JIM) dikenali dengan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM).
[19] Norasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah, 2012), 5-6.
[20] Hamdan Aziz, "Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976" *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah 1*, no. 2 (2013), 171.
[21] Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting untuk melahirkan guru-guru agama terlatih dari maktab atau universiti dan dihantar ke seluruh pelusuk negara sebagai salah satu agen mengembangkan Islam di seluruh Malaysia. Lihat Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996), 122.
[22] Judith A. Nagata, "The Impact of Islamic Revival (Dakwah) on the Religious Culture of Malaysia," dalam *Religion, Values and Development in Southeast Asia*, ed., Bruce Matthew & Judith A. Nagata (Singapura: Institute of Southeast Asia Studies, 1986), 41-45.
[23] Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal, Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 75.



University of Malaya

nama organisasi ataupun bergerak bersendirian. Antara pendakwah tersebut seperti Mandur Syarif yang telah berjaya menarik perhatian dan mengislamkan masyarakat pedalaman Dusun Ranau dalam era 1940-an.[24] Begitu juga dengan peranan masyarakat yang berketurunan Arab di Sabah seperti Habib Sheikh dan Habib Umar yang menjalankan dakwah dan pengislaman serta aktiviti perdagangan di Tawau.[25] Peranan Tun Datu Mustapha Datu Harun melalui USIA telah meluaskan dakwah dan proses pengislaman masyarakat pribumi dalam era 1960-1970-an. Gerakan dakwah dan pengislaman berkembang pesat walaupun menghadapi persaingan Kristianisasi. Gerakan dakwah dijalankan melalui peranan organisasi kerajaan, pertubuhan politik, NGO dan orang perseorangan di seluruh Sabah.[26] Gerakan dakwah dan pengislaman secara orang perseorangan juga berkembang di bawah nama organisasi-organisasi Islam tertentu sehingga hari ini.[27] Namun hanya sebahagian kecil daripada pendakwah orang perseorangan mempunyai pendidikan agama secara formal. Di kalangan mereka mempunyai semangat dalam menjalankan amanah dakwah yang tinggi dan turut menyumbangkan kesan positif kepada perkembangan Islam di Sabah sehingga hari ini.[28]

Ini menunjukkan terdapat faktor penolak kepada dorongan pendakwah dalam usaha pendakwahan dan pengislaman di Sabah. Antara faktor tersebut ialah faktor tuntutan amanah menyampaikan dakwah, faktor tokoh,[29] faktor perdagangan, faktor politik, faktor georgrafi, faktor Kristianisasi dan faktor pemerintah. Faktor ini turut dibincangkan Cesar

---

[24] Suraya Sintang, *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun* (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007), 50.
[25] Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris & Sukura @ Fatimah Md. Hidup, “Masyarakat Arab (Keturunan Syed) di Tawau, Sabah: Tinjauan Terhadap Sejarah Pertapakan dan Sumbangan dari Aspek Sosial,” *Borneo Research Journal*, no. 1, (2007), 191-193.
[26] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 8.
[27] Suraidah Roslan, “Adenan dipilih Tokoh Maal Hijrah” *Utusan BORNEO*, 16 November 2012, A3.
[28] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 62-63.
[29] Muhammad Abu Bakar (1991) menyatakan wujud juga gerakan dakwah yang diketuai oleh ahli sufi iaitu Maulana Malik Ibrahim di Gerisek, yang tinggal sebagai pendakwah selama lebih 20 tahun sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1419 AD. Tugas menyebarkan Islam di Tanah Jawa telah dijalankan oleh 9 orang ahli sufi yang digelar sebagai Wali Songo oleh orang-orang Jawa. Catatan sejarah Jawa, *Babad Tanah Jawi*, telah menyatakan salah seorang daripada Wali Songo, Sunan Bonang telah berjaya mengislamkan penganut Buddha-Siva yang dikenali sebagai *Adjar*. Lihat Badlihisham Mohd Nasir, “Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu,” *Jurnal Islāmiyyāt* 34 (Januari-Jun 2012), 6.

Majul Adib dalam mengemukakan teori dakwah. Manakala faktor penerima pendekatan pendakwah dalam pengislaman banyak dikaitkan dengan faktor tokoh atau ketokohan seseorang pendakwah, faktor organisasi, faktor ekonomi, politik dan pendidikan.[30]

Di atas faktor tersebut, pelbagai pendekatan dakwah yang digunakan dalam pengislaman khususnya melalui gerakan dakwah secara orang perseorangan di Sabah. Pendekatan dakwah secara orang perseorangan kepada golongan non-muslim telah memberikan kesan yang positif dalam pengislaman di Nusantara. Penulisan tentang dakwah dan Islamisasi di Nusantara turut mengakui faktor keberkesanan pendekatan pendakwah dalam mendekati golongan sasaran secara langsung dan diterima. Pengkaji seperti Arnold,[31] Fatimi[32] dan Cesar[33] juga mengakui kewujudan peranan pendakwah-pendakwah yang mendekati masyarakat tempatan Nusantara di semua peringkat dan berjaya mengislamkannya secara langsung. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meninjau secara lapangan (*field work*) pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

## 1.3 Permasalahan Kajian

Pelbagai pendekatan dakwah dalam mengislamkan non-muslim telah giat dijalankan oleh pelbagai pihak sejak sebelum mencapai kemerdekaan lagi. Matlamat utama yang menjadi tumpuan pendakwah ialah memastikan bahawa pendekatan dakwah digunakan berkesan diterima oleh masyarakat sasaran dalam memeluk Islam, memberi kefahaman dan penghayatan Islam di Malaysia.

---

[30] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 68.
[31] T.W Arnold, *The Preaching of Islam* (Lahore: Ashraf Publication, 1970), 668.
[32] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 40.
[33] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 68.



University of Malaya

Dalam konteks ini, terdapat pendekatan-pendekatan (*manāhij*) dakwah yang kurang menjadikan golongan non-muslim tertarik dengan Islam, bahkan menimbulkan kekeliruan tentang Islam dalam kehidupan majmuk di Malaysia.[34] Antara faktor yang menyebabkan timbul masalah sedemikian ialah kekurangan pendakwah mahir *(expertise)* terutamanya dalam konteks dunia moden yang memerlukan pendekatan dakwah yang sistematik dan berkesan.[35] Kedua, kekurangan pendakwah tidak dirujuk kepada golongan agamawan semata-mata, tetapi memerlukan penglibatan kumpulan-kumpulan professional lain dalam mengembangkan pendekatan dakwah kepada golongan non-muslim di Malaysia.[36] Ketiga, peranan pendakwah yang lebih memberikan tumpuan kepada pendekatan dakwah masyarakat Islam yang digambarkan seolah-olah sedang berusaha meng*islah* dan membangunkan umat Islam daripada kelesuan yang diistilahkan oleh Ismail al-Faruqi sebagai *malaise*.[37]

Ini menunjukkan faktor pendakwah dan pendekatan (*manhaj*) sangat mempengaruhi dalam penerimaan Islam. Dalam sejarah perkembangan Islam di Nusantara juga menunjukkan pendekatan pendakwah-pendakwah secara langsung telah memberikan kesan yang positif dalam pengislaman. Mereka telah menyumbangkan tenaga, harta, fikiran dan kehidupannya mendekati dan mengislamkan golongan non-muslim. Antara pendakwah yang terlibat aktif dalam pengislaman golongan non-muslim ialah saudara Mohd Fadli Yusof. Beliau merupakan seorang pendakwah bebas yang telah berjaya mengislamkan masyarakat non-muslim di kawasan pedalaman Pensiangan, Sabah. Sejak tahun 2011, beliau telah berjaya mengislamkan seramai 269 orang non-muslim dalam tempoh dua tahun

---

[34] Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badruddin, "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia" *Jurnal Hadhari*, bil.2 (2009), 33. Lihat Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment* (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2008), 100.
[35] Mohd Yusof Hussain, "Barriers and Obstacles to Islamic Da'wah," dalam *Reading in Islamic Da'wah,* ed., Mohd. Yusof Hussain (Kuala Lumpur: International Islam University Malaysia Press, 2009), 104-105.
[36] Syed Othman al-Habshi, "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah," dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed., Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff & Ideris Endot (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 109.
[37] *Islamization Of Knowledge, General Principles and Work Plan* (International Institute of Islamic Thought: USA, 1989), 1.



University of Malaya

(2011-2013).[38] Kejayaan ini dianggap unik kerana beliau bukan orang tempatan yang berasal dari negeri Sabah. Namun beliau telah berjaya mengislamkan non-muslim dengan tempoh masa yang agak cepat di kawasan pedalaman negeri Sabah. Kawasan ini mempunyai struktur muka bumi bergunung ganang dan masih diliputi dengan hutan tebal dan gerakan missionari Kristian sudah lama bertapak di situ.[39]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof juga telah berjaya mengislamkan golongan non-muslim di pedalaman Pensiangan, meliputi semua peringkat iaitu orang tua, orang dewasa, remaja, wanita dan kanak-kanak. Dalam kalangan mereka ada yang mempunyai latar belakang sebagai petani, ketua kampung, paderi, pengerusi gereja, pastor, pelajar dan lain-lain. Persoalannya, apakah pendekatan dakwah yang digunakan Mohd Fadli Yusof dalam menarik masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan kepada Islam? Apakah faktor-faktor yang mendorong masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan tertarik dengan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof? Apakah masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah? Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat persoalan-persoalan tersebut.

University of Malaya

---

[38] Pengislaman yang telah dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof telah disahkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEINS), Pejabat Agama Daerah Nabawan dan Sook, dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

[39] Pendakwah di Sabah terpaksa berhadapan dengan persaingan gerakan Kristianisasi yang telah bergerak sejak era penjajahan British. Pihak missionari telah berjaya menyebarkan Kristian kepada masyarakat tempatan dengan bersungguh-sungguh menghadapi cabaran halangan bentuk muka bumi dan masalah keragaman budaya suku di Sabah. Kaedah pendakwahan melalui pendidikan yang diterapkan sejak era penjajahan memberikan manfaat berterusan kepada pihak missionari hingga hari ini dengan melahirkan anak-anak tempatan yang menjadi pendukung utama semangat nasionalisme Kristian, sekaligus berperanan menentukan arus politik Sabah hingga hari ini. Lihat Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 142, dan Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 56.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis pola pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di negeri Sabah.
2. Menganalisis pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.
3. Menganalisis faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.
4. Menganalisis masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Ramai di kalangan masyarakat Islam yang masih memandang ringan dalam pendekatan menyampaikan dakwah kepada non-muslim walaupun mempunyai corak kehidupan yang rapat melalui hubungan kejiranan, perniagaan dan kemasyarakatan. Namun kesedaran ini masih di tahap sederhana rendah. Kebanyakannya masih beranggapan bahawa ia adalah tugas bagi organisasi dakwah tertentu dan seolah-olah 'diserah bulat-bulat' tanggungjawab itu, sekalipun memahami amanah bagi setiap umat Islam sebagai pendakwah.

Di samping itu, kajian ini dilihat penting dalam menonjolkan tokoh pendakwah kepada golongan non-muslim di Malaysia. Jarang tokoh pendakwah dalam pengislaman non-muslim ditonjolkan secara umum di Malaysia kerana melibatkan sensitiviti agama dan kaum-kaum. Justeru penonjolan pendakwah dalam kajian ini turut memainkan peranan

University of Malaya

setiap muslim secara tidak langsung dalam tanggungjawab dakwah kepada non-muslim. Ini disebabkan sikap tidak mengambil berat di kalangan masyarakat Islam menyebabkan non-muslim masih tidak tertarik dengan kebenaran agama Islam. Kajian Osman Chuah Abdullah et al., mendapati masih ramai non-muslim beranggapan Islam adalah agama bagi bangsa tertentu dan pemelukan Islam dianggap sebagai menukar bangsa atau kaum kepada bangsa lain. Bahkan non-muslim turut beranggapan kehidupan beragama yang dianutinya adalah sama seperti dengan ajaran agama-agama lain.[40] Di atas faktor tersebut, maka setiap orang Islam mesti berperanan mendekati non-muslim dengan pendekatan-pendekatan yang menarik dan mempengaruhi mereka kepada agama Islam.

Oleh itu, kepentingan kajian ini adalah sebagai panduan kepada pendakwah dan masyarakat Islam hari ini. Ia dapat diaplikasikan dalam konteks muslim sebagai guru, pelajar, pensyarah, pentadbir, jawatakuasa masjid, ketua komuniti, ketua kampung dan pemimpin-pemimpin masyarakat di Malaysia. Persepsi dakwah hanya terhad kepada kumpulan yang berlatar belakangkan agama sahaja dapat diharmonikan dengan peranan bergandingan yang dimainkan oleh setiap orang Islam dalam bidang masing-masing kerana ia adalah suatu amanah agama. Sebagaimana dinyatakan oleh Syed Othman Al-Habshi, bahawa dakwah memerlukan kepada kumpulan-kumpulan atau bidang-bidang kepakaran lain dalam menonjolkan keindahan Islam sebagai cara hidup manusia di dunia.[41] Pendekatan dakwah kepada non-muslim memerlukan gandingan kerjasama yang saling lengkap melengkapi. Malah ia dapat membantu menangani suasana masyarakat yang berbilang agama secara harmoni dan bertoleransi berasaskan dakwah melalui prinsip agama Islam yang syumul.

[40] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment* (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2008), 100.
[41] Syed Othman al-Habshi, "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah," dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed., Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff & Ideris Endot (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 109.



University of Malaya

Selain itu, kajian ini boleh membantu pihak pertubuhan dakwah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pertubuhan dakwah bukan kerajaan (NGO), khususnya di negeri Sabah dalam mendekati non-muslim kepada Islam. Ia bermanfaat dalam memberikan maklumat yang melibatkan perkongsian tanggungjawab dakwah di antara pendakwah dan organisasi dakwah. Di samping itu, hasil kajian dapat menyumbangkan kepada khazanah ilmu Islam. Di atas prinsip kajian empirikal, penyelidikan ini dianggap sebagai suatu ilmu yang bermanfaat dan berkesinambungan dalam tamadun hidup manusia sekian lama khususnya untuk meneroka aspek-aspek yang berkaitan dengan pendekatan dakwah kepada non-muslim di Malaysia.

## 1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini dapat difahami berdasarkan perkara berikut:

a) Lokasi kajian ini bertempat di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
b) Pemilihan responden dilakukan secara bertujuan *(purposive)* iaitu penyelidik memilih orang-orang tertentu sebagai informan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.
c) Kriteria informan yang dipilih adalah seperti berikut:

    i. Informan utama iaitu Mohd Fadli Yusof.
    ii. Individu sekeliling yang sering bersama dan pernah bersama dengan Mohd Fadli Yusof iaitu Siti Aisyah Nordin, Safwatullah Mohd Fadli, Muhammad Fidauddin Mohd, saudara Jamal Malim, saudara Muhammad Hakimi dan Muhammad Suffian Mohd Sulaiman.
    iii. Saudara baru yang berasal daripada suku kaum Murut dan telah diislamkan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan.

University of Malaya

d) Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah dari tahun 2011 hingga Disember 2014 sahaja.

## 1.7 Tinjauan Literatur Lepas

Kajian literatur adalah penulisan teoritikal atau konseptual dalam bidang yang dikaji serta data-data kajian yang telah dilakukan.[42] Kajian literatur juga didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah mendapatkan maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan.[43] Jackson menyatakan sorotan literatur adalah melibatkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kajian yang hendak dilakukan.[44]

Ini menunjukkan sorotan literatur lepas adalah proses penelitian, penilaian dan pemahaman ke atas kajian-kajian lepas atau penulisan lepas yang mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian yang dilakukan. Hasil daripada penelitian ini, akan menjelaskan ruang kosong atau 'vakum' dalam kajian pendekatan dakwah kepada non-muslim. Bagi tujuan tersebut, penulis telah melakukan penelitian ke atas kajian-kajian lepas dan penulisan lepas yang berkaitan dengan pendekatan dakwah kepada non-muslim. Penelitian ini tidak terhad kepada kajian khusus pendekatan dakwah kepada non-muslim, bahkan meliputi kajian dan penulisan yang berkaitan dengannya.

Dalam konteks ini, penulis telah mendapati beberapa kajian akademik berkaitan dengan pendekatan dakwah dan pengislaman non-muslim di Malaysia. Antaranya ialah kajian di peringkat sarjana Mohd Yazid Saad pada tahun 2012 yang tajuk *"Aplikasi Ilmu*

---

[42] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 2009), 79.
[43] Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan, Buku 1* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Kuala Lumpur), 2006), 35.
[44] Jackson, Sherri L, *Research Methods and Statistics, A Critical Thinking Approach* (USA: Wadsworth/Thinking Learning, 2003), 26.



University of Malaya

*Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM."*[45] Kajian ini memfokuskan mengenai pendekatan dakwah kepada non-muslim dengan aplikasi ilmu perbandingan agama. Kajian ini dilakukan secara lapangan ke atas organisasi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) melalui program-program yang telah dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati penggunaan kaedah perbandingan agama telah menarik golongan non-muslim untuk mengetahui tentang Islam dalam beberapa program ABIM iaitu program pemandu pelancong Masjid Negara, program ziarah hospital, program ziarah Orang Asli, program kaunseling dan program dialog antara agama. Secara umumnya, kajian ini dilihat memfokuskan mengenai kaedah khusus dengan kaedah perbandingan agama dalam pendekatan dakwah non-muslim. Namun ianya lebih terhad dengan program-program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) kepada sasaran tertentu di semenanjung Malaysia sebelum ini. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, penulis mendapati kajian di peringkat sarjana yang agak berkaitan dengan fokus kajian ini. Kajian tersebut telah dilakukan oleh Suzanah Nilam pada tahun 2012 tajuk *"Gerakan Dakwah di Kota Kinabalu: Kajian terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)."*[46] Kajian ini telah dilakukan secara tinjauan lapangan ke atas Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sebagai sebuah badan dakwah yang progresif di Sabah. Namun kajian ini turut menonjolkan dapatan mengenai pendekatan-pendekatan dakwah kepada masyarakat non-muslim yang telah dilaksanakan USIA secara tidak langsung. Kajian ini mendapati Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) merupakan salah satu organisasi dakwah yang berperanan dalam perkembangan Islam di Sabah semenjak sebelum kemerdekaan dan berperanan meningkatkan penganut Islam di Sabah untuk menjadikan

---

[45] Mohd Yazid Saad, "Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), iv.

[46] Suzanah Nilam, "Gerakan Dakwah di Kota Kinabalu: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), iv.



University of Malaya

Islam sebagai agama rasmi negeri. Secara umumnya, kajian ini turut memfokuskan mengenai pendekatan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) melalui kebajikan, pendidikan dan ekonomi kepada masyarakat seluruh di Sabah, termasuk non-muslim. Ia hanya menumpukan secara khusus mengenai gerakan dakwah USIA di Kota Kinabalu, Sabah. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, terdapat kajian di peringkat sarjana pada tahun 2012 yang ditulis Nurasnie Amiruddin bertajuk *"Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)."*[47] Kajian kualitatif ini memfokuskan faktor-faktor kedatangan pendakwah Indonesia di Sabah. Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor kedatangan pendakwah Indonesia di Sabah ialah kedudukan geografi, persaudaraan Islam, hubungan dua hala Sabah-Indonesia, bantuan negara Asia Barat dan faktor pemerintah. Pendekatan dakwah yang digunakan ialah pendekatan dakwah *bi al-hāl,* pengajian berkitab, kebajikan, ceramah dan membina pengajian pondok. Pendakwah Indonesia telah berjaya menambah jumlah pengislaman masyarakat non-muslim di Sabah dalam era 1967 hingga 1985. Secara umumnya, kajian ini turut memfokuskan pendekatan-pendekatan dalam sejarah pendakwah Indonesia di Sabah dalam mendekati masyarakat. Sebaliknya, kajian ini khusus memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, penulis juga mendapati kajian berkaitan dakwah dan pengislaman yang telah dilakukan oleh kumpulan ahli akademik di Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2011. Kajian ini dilakukan oleh Masthurhah Ismail, Hamdi Rahman Mohd Yaacob dan Mohd Fauzi Mohd Harun yang bertajuk *"Sejarah Dakwah dan Pengislaman Orang*

[47] Nurasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), v.



University of Malaya

*Asli di Negeri Perak."*[48] Kajian ini memfokuskan kepada sejarah dakwah Orang Asli di negeri Perak. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah yang berkesan dalam menarik minat Orang Asli sejak tahun 1950-an ialah pendakwah tinggal bersama dengan kelompok *mad'ū* dan orang Islam berkahwin dengan Orang Asli. Kajian ini telah dilakukan secara perpustakaan dan lapangan. Secara umumnya, kajian ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini iaitu dari sudut pengislaman masyarakat di pedalaman. Namun ia lebih khusus menumpukan aspek dakwah dan pengislaman non-muslim Orang Asli di negeri Perak. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Penulis juga mendapati satu kajian di peringkat doktor falsafah yang melihat khusus sepertimana fokus kajian ini. Kajian tersebut dilakukan oleh Yunus Abdullah Zheng pada tahun 2008 dengan tajuk *"Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur."*[49] Kajian ini dilakukan dengan kaedah tinjauan lapangan bagi melihat *manhaj-manhaj* dakwah secara khusus kepada masyarakat Cina non-muslim di Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati kekurangan pendakwah Islam yang mahir dalam mengetahui tentang realiti, kepercayaan, bahasa dan budaya masyarakat Cina di Kuala Lumpur. Secara umumnya, dapatan kajian ini lebih menunjukkan pendekatan dakwah *bi al-hāl* merupakan suatu yang penting dalam menyumbang keberkesanan dakwah kepada masyarakat Cina non-muslim di Kuala Lumpur. Fokus kajian ini lebih menonjolkan secara khusus mengenai pendekatan dakwah kepada masyarakat Cina non-muslim di bandar. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

---

[48] Masthurhah Ismail, Hamdi Rahman Mohd Yaacob & Mohd Fauzi Mohd Harun, "Sejarah Dakwah dan Pengislaman Orang Asli di Negeri Perak" (laporan penyelidikan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 2011), 1.

[49] Ma, Yunus Abdullah Zheng, "Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), iv-v.

Penulis turut mendapati kajian di peringkat sarjana yang agak berkaitan dengan fokus dalam kajian ini. Kajian tersebut telah dilakukan oleh Halim Mokhtar pada tahun 2004 dengan tajuk *"Penerimaan Dakwah Islamiyyah di kalangan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor."*[50] Kajian ini telah dilakukan dengan tinjauan secara lapangan di penempatan Orang Asli di Pulau Carey, Selangor. Kajian ini mendapati masyarakat Orang Asli masih tidak terdedah dengan maklumat mengenai Islam. Pelaksanaan dakwah Islamiyyah di kalangan organisasi dakwah masih kurang menarik Orang Asli untuk mengetahui tentang Islam, dan sikap orang Asli terhadap masyarakat Islam masih negatif. Secara umumnya, kajian ini memfokuskan kepada sasaran dakwah non-muslim Orang Asli yang tinggal di kawasan pulau. Namun ia lebih khusus melihat kepada aspek penerimaan terhadap dakwah. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, terdapat kajian di peringkat sarjana pada tahun 2003 yang ditulis oleh Mohd Farid Mohd Sharif. Kajian ini bertajuk *"Kaum Kensiu Negrito Muslim: Sejarah Pengislaman dan Masalah di Ulu Legong Baling, Kedah."*[51] Kajian ini memfokuskan kepada sejarah pengislaman kaum Kensiau dan masalah selepas pengislamannya. Kajian ini telah dilakukan secara lapangan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian ini mendapati pengislaman kaum Kensiu di Ulu Legong telah dilakukan melalui dakwah daripada kalangan guru, pegawai kerajaan dan segelintir pertubuhan dakwah bukan kerajaan (NGO). Manakala masalah dakwah selepas pengislaman kaum tersebut ialah pendidikan dan adat budaya yang telah lama diamalkan. Secara umumnya, kajian ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini dari sudut pengislaman masyarakat di pedalaman. Namun ia lebih khusus menumpukan aspek dakwah

---

[50] Halim Mokhtar, "Penerimaan dakwah Islamiyyah di kalangan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), iv.
[51] Mohd Farid Mohd Sharif, "Kaum Kensiu Negrito Muslim: Sejarah Pengislaman dan Masalah di Ulu Legong Baling, Kedah," (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003), 83.



University of Malaya

kepada non-muslim dalam kaum Kensiu di Ulu Legong, Baling Kedah. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, penulis turut mendapati kajian di peringkat sarjana ditulis oleh Aziz Hj. Mohamad pada tahun 2003. Kajian ini bertajuk "*Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan dari Perspektif Undang-Undang.*"[52] Kajian ini memfokuskan kepada sejarah pengislaman Orang Asli di negeri Kelantan secara umum. Tetapi penelitian secara khusus dilakukan bagi melihat proses pengislaman Orang Asli yang dilaksanakan di Kelantan dalam perspektif perundangan. Hasil kajian mendapati usaha-usaha dakwah yang berterusan di Kelantan telah menarik minat Orang Asli memeluk Islam. Namun terdapat beberapa halangan dari sudut perundangan iaitu kaedah pengislaman yang tidak diwartakan, proses pendaftaran yang tidak sempurna dan kelemahan penyelarasan di antara agensi. Secara umumnya, kajian ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini dari sudut pengislaman masyarakat di pedalaman iaitu Orang Asli. Namun ia lebih khusus menumpukan sejarah pengislaman Orang Asli di Kelantan dari sudut undang-undang. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Penulis juga mendapati kajian di peringkat sarjana dan agak berkaitan dengan kajian ini yang memfokuskan masyarakat Borneo. Kajian tersebut telah ditulis oleh Karia Hj. Rahmat pada tahun 2000 yang bertajuk *"Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak."*[53] Kajian ini dijalankan secara tinjauan lapangan bagi mendapatkan data mengenai gerakan dakwah kepada masyarakat Iban non-muslim di daerah Simunjan Sarawak. Hasil kajian ini mendapati program-program dakwah non-muslim kepada

---

[52] Aziz Bin Hj. Mohamad, "Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan dari Perspektif Undang-Undang" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003), i.

[53] Karia Hj. Rahmat, "Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), iv.



University of Malaya

masyarakat Simunjan masih kurang berkesan dilakukan. Pendakwah atau organisasi dakwah masih kurang memperoleh profil non-muslim sebagai sasaran dakwah dan keperluan menyusun atur aktiviti dakwah non-muslim dalam masyarakat Iban. Ini menyebabkan aktiviti dakwah kepada non-muslim masih tidak dilakukan secara sepadu di kalangan pendakwah atau organisasi dakwah. Secara umumnya, kajian ini dilihat lebih memfokuskan program-program dakwah yang dijalankan oleh organisasi Islam kepada masyarakat non-muslim suku kaum Iban di negeri Sarawak. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Penulis juga mendapati kajian diperingkat doktor falsafah pada tahun 1994 yang ditulis oleh Ab. Aziz Mohd Zin. Kajian ini bertajuk *"Dakwah al-Qur'ān kepada Bukan Islam: Suatu Kajian khusus terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan."*[54] Kajian ini dilakukan secara tinjauan lapangan di Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati kepercayaan dan amalan tradisional orang Cina masih kuat di Kuala Lumpur. Dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak dilakukan dengan menyeluruh dan menyebabkan orang Cina tidak tahu mengenai Islam. Bahasa Inggeris memainkan peranan yang besar untuk berdakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur. Kekurangan pengalaman, kepekaan, kelengkapan dan kefahaman di kalangan pendakwah Islam. Dakwah kepada orang Cina lebih berkesan jika dilakukan oleh masyarakat Cina yang telah memeluk Islam. Secara umumnya, kajian ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini dari sudut sasaran dakwah. Namun ia lebih khusus menumpukan aspek dakwah kepada masyarakat non-muslim berbangsa Cina di Kuala Lumpur. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman negeri Sabah.

---

[54] Ab. Aziz Mohd Zin, "Dakwah al-Qur'an kepada Bukan Islam: Suatu Kajian khusus terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994), iv-vii.



University of Malaya

Selain itu, penulis mendapati sebuah buku yang memuatkan tentang konsep, pendekatan dan hasil-hasil kajian secara khusus berkaitan dakwah kepada masyarakat non-muslim di Malaysia. Buku ini bertajuk *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman* yang telah disunting oleh Abdul Ghafar Hj. Don et al.[55] Buku ini diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM pada tahun 1998. Dalam penelitian penulis, kebanyakan tulisan di dalam buku ini mengandungi perbincangan tentang aspek konsep, metodologi dakwah dan hasil tinjauan dakwah kepada non-muslim yang telah dijalankan secara lapangan oleh beberapa pengkaji di UKM. Secara umumnya, fokus buku ini dilihat mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini dari sudut sasaran dakwah iaitu non-muslim. Namun kebanyakannya menonjolkan aspek yang berkaitan pendekatan dakwah kepada non-muslim masyarakat Orang Asli di semenanjung. Antara pendekatan dakwah non-muslim yang disentuh di dalam buku ini ialah dengan cara turun padang melalui ziarah, layanan makan minum, gotong royong, sukaneka, pendidikan kanak-kanak, demontrasi kesihatan, masakan dan gubahan, aktiviti kerohanian, pertunjukan kesenian dan kreativiti pendakwah. Penerimaan Islam di kalangan masyarakat Orang Asli bukanlah kerana tertarik dengan penjelasan tentang kebaikan Islam yang disampaikan melalui lisan semata-mata, tetapi yang lebih penting dari itu ialah setelah mereka melihat kelakuan-kelakuan terpuji yang ditampilkan oleh para pendakwah. Sebaliknya, kajian ini dilakukan penulis untuk menumpukan pendekatan dakwah kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah yang mempunyai sosio-budaya dan sosio-ekonomi yang berbeza dengan kehidupan non-muslim di semenanjung.

Selain itu, penulis mendapati satu artikel yang khusus berkaitan pendekatan dakwah kepada non-muslim. Artikel ini ditulis oleh Che Yusoff Che Mamat et al. dengan tajuk *"Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai di Kampung Sungai Ruai, Raub,*

---

[55] Abdul Ghafar Haji Don et al., *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep Metode dan Pengalaman* (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1998).

*Pahang.''*[56] Tulisan ini mendapati beberapa pendekatan dakwah yang berkesan kepada masyarakat non-muslim Orang Asli. Antaranya ialah mengadakan program ziarah, keluarga angkat, kesenian Islam dan tayangan video, aktiviti gotong royong, sukan dan sukaneka, program khidmat kesihatan, majlis dialog dan program motivasi. Tulisan ini turut mendapati halangan dalam pendekatan dakwah tersebut ialah penyebaran agama Kristian, masalah penggerak masyarakat dan sasaran belum bersedia untuk menerima agama Islam. Secara umumnya, fokus tulisan ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan persoalan dalam kajian ini. Namun kajian ini lebih khusus kepada non-muslim Orang Asli yang tinggal kawasan pedalaman semenanjung. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Penulis turut mendapati tulisan artikel yang agak berkaitan pendekatan dakwah non-muslim. Artikel ini ditulis oleh Ab. Aziz b. Mohd Zin dengan tajuk *''Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor.''*[57] Tulisan artikel ini mendapati masyarakat Orang Asli di Kampung Ulu Kuang telah banyak mengalami perubahan sama ada dari sudut kepercayaan, pergaulan dan pandangan terhadap Islam. Keadaan ini menunjukkan terdapat peluang yang baik untuk berdakwah kepada mereka kerana kedudukan kampung yang senang untuk dihubungi, terdapatnya orang-orang yang berpengaruh yang boleh dihubungi, sasaran tidak menolak keperluan beragama, latarbelakang sasaran yang tidak memeluk mana-mana agama dan sasaran berasa gembira dengan kedatangan orang luar. Secara umumnya, tulisan artikel ini dilihat hampir mempunyai kesamaan dengan fokus kajian ini dari sudut sasaran dakwah. Namun ia lebih menyentuh kepada aspek latarbelakang masyarakat non-muslim melalui ciri-ciri yang terdapat dalam corak kehidupan mereka.

[56] Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," *Jurnal Islamiyyat 25* (2004) :30-36.
[8] Ab. Aziz b. Mohd. Zin, "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2 (1995), 38.



University of Malaya

Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, penulis mendapati beberapa penulisan mengenai dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Tulisan kajian Mohd Hasbi Abdul Rahman[58] yang bertajuk *"Cabaran Dakwah Islam di Sabah: Pendekatan dan Pengalaman Haji Mohd Fadli Yusof*; mendapati cabaran dakwah yang diketengahkan ialah masalah kewangan, agama dan budaya, birokrasi dalam organisasi pengurusan hal ehwal Islam, dan struktur muka bumi di pedalaman Sabah. Tulisan ini hanya menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dengan mendapatkan gambaran umum tentang cabaran dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Selain itu, penulis juga mendapati satu tulisan di akhbar *Utusan Malaysia* yang bertajuk *"Cabaran Membenteras Kejahilan."*[59] Tulisan ini ditulis oleh Hashnan Abdullah yang mendapati pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dianggap suatu kelainan dalam kaedah mendekati non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau digambarkan sebagai seorang pendakwah bebas yang komited dan sanggup berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam dakwah, khususnya dalam dunia moden hari ini. Kejayaan beliau dalam mengislamkan dan membina masjid di pedalaman Pensiangan, Sabah, merupakan suatu keunikkan. Dalam Buletin Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), penulis mendapati satu tulisan tentang dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman, Pensiangan, Sabah. Tulisan Mohd Syahril Rosdi Amad Zahudi yang bertajuk *"Ziarah Kasih Saudara*

---

[58] Muhammad Hasbi Abdul Rahman et al., "Cabaran Dakwah Islam di Sabah: Pendekatan dan Pengalaman Haji Mohd Fadli Yusof," dalam kertas kerja *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kali ke 7*. Universiti Teknologi Mara dan Kerajaan Negeri Sabah, 10-11 September 2014.
[59] Hashnan Hasbullah, "Cabaran Membenters Kejahilan," laman sesawang Utusan Online, dicapai 23 April 2014, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/cabaran-membenters-kejahilan-1. 12177.

*Muslim Kampung Sepulut dan Nantayap, Sabah"*[60] mengisahkan tentang pengorbanan Mohd Fadli Yusof yang sanggup meninggalkan anak dan harta di Kuala Lumpur untuk menyampaikan dakwah di pedalaman Pensiangan. Manakala dalam akhbar secara talian *The Malaysian Insider*, penulis mendapati satu tulisan Desmond Divdson yang bertajuk *"Sabah Christians Meet Today in Bid to Reverse Conversions to Islam."*[61] Tulisan ini menyatakan tentang kebimbangan gereja dengan pengislaman di pedalaman Sabah yang dikaitkan dengan ugut, paksa dan sogok. Isu ini ditonjolkan bagi mengambil perhatian pihak berkuasa agar gerakan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman dapat dihentikan. Walau bagaimanapun, tulisan-tulisan tersebut bersifat laporan atau rencana akhbar dan bukannya kajian akademik.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan kajian mengenai pendekatan dakwah dan pengislaman non-muslim lebih tertumpu di kawasan-kawasan tertentu. Kebanyakannya dilakukan ke atas masyarakat non-muslim yang tinggal di kawasan semenanjung Malaysia dan lebih tertumpu kepada non-muslim Orang Asli dan bangsa atau kaum tertentu. Secara umumnya, kajian berkaitan pendekatan dakwah dalam pengislaman non-muslim khsusu di negeri Sabah masih kurang diterokai. Hanya beberapa kajian yang menyentuh perkara tersebut secara tidak langsung. Manakala kajian khusus mengenai pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah masih belum dikaji secara khusus. Oleh itu, kajian ini dilihat penting dalam melihat pendekatan dakwah kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Sabah yang mempunyai corak kehidupan berbeza berbanding masyarakat non-muslim di semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, kebanyakan kajian-kajian lepas menyarankan agar kajian pendekatan dakwah kepada non-muslim di Malaysia harus

[60] Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, "Ziarah Kasih Saudara Muslim Kampung Sepulut dan Nantayap, Sabah," laman sesawang *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)*, dicapai 23 april 2014, http://www.perkim.net. my/ziarah-kasih-saudara-muslim-kampung-sepulut-dan-nantayap uh-sabah/.

[61] Demond Davidson, "Sabah Christians Meet Today in Bid to Reverse Conversions to Islam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai pada 20 Mac 2014, http://www.themalaysianinsider.com/print/ malaysia/sabah-christians-meet-today-in-bid-to-reverse-conversions-to-islam.

diteruskan dan dipertingkatkan lagi dalam menyemarakkan perkembangan Islam secara menyeluruh.

## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara perpustakaan dan lapangan. Bentuk kualitatif digunakan sebagai proses inkuiri dalam memahami masalah sosial atau manusia, melalui gambaran menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan responden atau informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi. Ia bertujuan untuk memahami realiti sosial, individu, kelompok dan budaya dengan meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman manusia terhadap apa yang terdapat di dalam kehidupan mereka.[62]

Bentuk kajian seperti ini digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Penjelasan ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor atau pemboleh ubah-pemboleh ubah yang belum dikenal pasti.[63] Kajian kualitatif berbentuk deskriptif seperti penyelidikan yang dilakukan ini adalah luas penggunaannya. Namun Majid menyatakan pengelasan atau pengkategorian bentuk tersebut masih kurang tegas kerana terdapat beberapa bentuk kajian yang bermatlamat tinjauan atau penerokaan terhadap sesuatu sampel.[64]

Walau bagaimanapun, ia telah lama digunakan oleh penyelidik dalam persoalan memahami realiti subjek tertentu. Kaedah kualitatif dilihat sesuai digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, dengan kaedah ini penulis telah memfokuskan penerokaan ke atas pendekatan dakwah yang digunakan Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim

---

[62] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 9.
[63] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 96.
[64] *Ibid.*, 98.



University of Malaya

di pedalaman Pensiangan, Sabah. Paradigma kajian ini terbentuk berdasarkan penerimaan Islam di kalangan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan yang agak memberangsangkan hasil daripada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Dalam tempoh dua tahun (2011 hingga 2013), Mohd Fadli Yusof telah berjaya mengislamkan 269 non-muslim di pedalaman Sabah. Di atas fakta tersebut, maka terdapat beberapa persoalan yang dikemukakan di sini, iaitu apakah pendekatan dakwah yang digunakan oleh Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim? Apakah faktor yang menjadikan masyarakat non-muslim tertarik dengan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof? Apakah masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof? Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat persoalan-persoalan tersebut.

### 1.8.1 Lokasi Kajian

Bagi mengenal pasti pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, penulis telah memilih Kampung Padang Mukim Sepulut sebagai sampel atau latar kajian. Kampung ini terletak di Mukim Sepulut Nabawan, Pensiangan dan mempunyai jarak lebih kurang 250 kilometer dari Kota Kinabalu, Sabah. Perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kampung Padang, Sepulut mengambil masa lima hingga enam jam kerana terpaksa melalui laluan jalan yang sangat mencabar iaitu melalui jalan lerang banjaran Crocker dan kawasan hutan di pedalaman. Pemilihan kampung ini sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan justifikasi berikut:

1) Majoriti penduduk Kampung Padang telah diislamkan melalui dakwah Mohd Fadli Yusof berbanding keadaan sebelum ini beragama Kristian.
2) Sebuah masjid telah dibina di Kampung Padang melalui dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

3) Kampung Padang menjadi pusat gerakan dakwah Mohd Fadli Yusof yang memberi impak penerimaan Islam kepada masyarakat non-muslim di kawasan penempatan lain di pedalaman Pensiangan, Sabah.

4) Kampung Padang terletak berhampiran dengan Pusat Latihan Mubaligh Kristian di pedalaman iaitu di Salarom Taka, Sepulut Pensiangan.

Di atas justifikasi tersebut, penulis telah mengumpul data-data bertulis, bergambar, video dan audio berkaitan dengan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah yang sesuai.

1.8.2 Metod Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan proses merancang dan melaksanakan pengutipan data dengan kaedah-kaedah tertentu untuk mendapatkan data terhadap sesuatu masalah yang dikaji. Pengumpulan data melibatkan proses merancang dan melaksanakan pengutipan data dengan kaedah-kaedah berkenaan dengan sesuatu masalah yang dikaji. Prinsip dalam pengumpulan data ialah mendapatkan maklumat yang mencapai objektif kajian.[65] Dalam kajian ini, metod pengumpulan data yang digunakan penulis terbahagi dua iaitu:

(a) Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan digunakan untuk membina kerangka teori kajian. Kaedah ini penting untuk mendapatkan maklumat asas sesuatu kajian yang akan dijalankan di samping melengkapkan pelbagai maklumat terutamanya dalam proses penulisan hasil kajian. Sebahagian daripada data ini juga boleh dijadikan sebagai bahan utama dalam penyelidikan

---

[65] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 261.



University of Malaya

sekiranya data yang diperoleh itu dilakukan dengan memenuhi *standard* penyelidikan.[66] Kaedah perpustakaan membantu penyelidik mendapatkan maklumat teori yang diperlukan sama ada boleh diterima atau sebaliknya.[67]

Penulis telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk membina kerangka teori pendekatan dakwah kepada non-muslim. Penulis telah merujuk al-Qur'ān dan al-Sunnah, kitab-kitab, hasil kajian, tulisan buku, jurnal, jurnal atas talian (*online journal*) dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut telah di peroleh di beberapa perpustakaan tempatan sepertimana berikut:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor.
5. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
6. Perpustakaan Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA), Putrajaya.
7. Perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Kota Kinabalu Sabah.
8. Bahan Dokumentasi di Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), One Borneo, Kota Kinabalu Sabah.
9. Perpustakaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu Sabah.

Data-data yang diperolehi daripada perpustakaan tersebut telah disusun dengan baik berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan. Data tersebut telah dianalisis dan

---

[66] Shaharuddin Ahmad, *Statistik Lanjutan: Untuk Geografi dan Bidang Berkaitan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 42.
[67] Jackson, Sherri L, *Research Methods and Statistics, A Critical Thinking Approach* (USA: Wadsworth/Thinking Learning, 2003), 27.



University of Malaya

dibincangkan secara deskriptif berkenaan dengan teori dalam pendekatan dakwah kepada non-muslim.

(b) Kaedah Lapangan

Dalam kajian kualitatif, penyelidik berperanan sebagai instrumen kerana dia berhubung dengan orang atau subjek yang dikaji. Kaedah ini menekankan peranan utama penyelidik yang turun padang untuk membuat pemerhatian *in site* terhadap fenomena yang dikaji meliputi.[68] Ia dilakukan untuk mendapatkan orang, persekitaran, lokasi dan institusi untuk memerhatikan perlakuan, menyelami perasaan dan memperoleh pendapat serta mengumpul data yang secukupnya dari persekitaran semula jadi.[69] Teknik yang lazim digunakan untuk mendapatkan maklumat di lapangan adalah dengan memerhati, menemu duga, menerusi soal selidik sebagai alat dan 'penduduk atau orang' dijadikan sampel kajian bagi mencapai matlamat tertentu.[70]

Dalam kajian ini, penulis merupakan instrumen utama dalam mendapatkan data di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah. Sebagai instrumen, penulis terlibat dalam membuat keputusan sebanyak mungkin dalam penglibatannya di lapangan. Segala maklumat yang berbentuk hebahan, perkongsian, catatan dan aktiviti daripada informan atau subjek di lokasi kajian. Sebelum melakukan kajian sebenar di lapangan, *rappo* di antara penulis dan informan adalah penting dalam kajian berbentuk kualitatif. Glesne (1999) menyatakan membina *rappo* antara penyelidik dan responden adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan pembinaan kepercayaan. *Rappo* memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang secukupnya dan membolehkan responden memberikan

---

[68] Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), 293.
[69] Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), 283.
[70] Shaharuddin Ahmad, *Statistik Lanjutan: Untuk Geografi dan Bidang Berkaitan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 37.



University of Malaya

pelbagai maklumat personel atau beraksi dalam keadaan biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi dengan kehadiran penyelidik.[71]

Sehubungan itu, penulis telah mengadakan beberapa kali pertemuan dengan Mohd Fadli Yusof di Kuala Lumpur. Pertemuan ini dilakukan bagi membina hubungan yang baik di antara penulis dan Mohd Fadli Yusof. Pembinaan hubungan ini membolehkan penulis melihat gambaran secara umum berkaitan. Pembinaan hubungan tersebut tidak terhad pada pertemuan sahaja, bahkan penulis juga berhubungan dengan informan utama melalui telefon dan laman sosial. Input awal ini membolehkan penulis memahami sepenuhnya persoalan sebelum turun di lapangan sebenar.

Kemudian, kajian sebenar telah dilakukan penulis pada 14 Januari 2014 di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah. Sebagai instrumen utama kajian, penulis telah menggunakan dua kaedah dalam mengumpul data di lapangan sebenar. Kaedah tersebut adalah seperti berikut:

1. Pemerhatian Ikut Serta

Pemerhatian turut serta *(participant observation)* ialah kaedah dalam mengumpul data tentang tingkah laku non-verbal. Kebiasaannya pemerhatian melibatkan pandangan atau pengumpulan data melalui pancaindera-pancaindera seperti penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Bailey menjelaskan bahawa pengkaji mestilah menjadi pengikut serta tetap dalam aktiviti-aktiviti yang sedang diperhatikan dan tidak diketahui oleh peserta lain.[72]

---

[71] Abdul Sukor Shaari et al., "Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Mengapai Literasi Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1* (November 2011), 62.
[72] Bailey, Kenneth D, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj., Hashim Awang (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 390.



University of Malaya

Othman menyatakan metod pemerhatian ikut serta adalah suatu proses pembelajaran melalui pendedahan kepada atau penglibatan dalam rutin kehidupan partisipan dalam latar sebenar. Penglibatan dalam proses ini biasanya dilihat dengan kehadiran penyelidik atau penulis di tempat atau pada peristiwa yang diperhatikan. Dengan ini, penyelidik dapat melihat secara tinggal bersama komuniti yang sama sekali asing. Penyelidik pula tidak mempunyai sedikit pengetahuan tentang budaya tempatan dan mengkaji sesuatu komuniti melalui penglibatannya yang rapat dalam kehidupan mereka.[73]

Pemerhatian secara turut serta membolehkan pengkaji atau penulis merekodkan perlakuan yang sedang berlaku. Melihat sesuatu perkara atau peristiwa secara langsung dan menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhatikan.[74] Proses ini dianggap naturalistik dalam memerhati sesuatu perkara atau fenomena yang berlaku dalam konteks yang sebenar. Ia tidak terikat dengan kategori pengukuran atau tindak balas yang ditentukan lebih awal tetapi bebas mencari konsep atau kategori yang bermakna kepada subjek kajian.[75]

Bagi tujuan tersebut, penulis telah melibatkan diri dalam komuniti yang dikaji di lokasi kajian yang dipilih iaitu Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah. Penulis telah melibatkan diri dengan aktiviti, membuat pemerhatian, mendengar, menyoal dan membuat rakaman mengenai pendekatan dakwah yang dilakukan Mohd Fadli Yusof di kampung tersebut. Keadaan ini akan memberi gambaran sebenar atau realiti dengan apa yang berlaku dalam konteks kajian. Penulis turut membuat catatan, mengambil gambar dan merekod bahan-bahan visual yang berkenaan dengan perkara-perkara semasa pemerhatian seperti budaya setempat, cara pengislaman, cara mendekati non-muslim dan sebagainya.

[73] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 105-106.
[74] *Ibid.*, 110.
[75] *Ibid.*, 111.



University of Malaya

Segala pemerhatian ke atas kegiatan pendakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang telah dicatat dan disimpan dengan baik untuk peringkat analisis.

2. Temu bual

Temu bual adalah salah satu kaedah mengumpul data lapangan yang biasa digunakan dalam sains sosial. Data dikumpul melalui interaksi secara bersemuka *(face to face encounter)*[76] antara penemu bual dan responden. Ia melibatkan jawapan daripada responden atau responden melalui persoalan-persoalan yang spesifik berdasarkan tujuan kajian.[77] Temu bual sebagai satu kaedah yang membolehkan penyelidik mengakses persepsi, pemahaman yang dibina oleh responden, takrifan responden terhadap sesuatu isu, dan konstruk realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami responden.[78] Ini menunjukkan temu bual dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang khusus dan boleh digunakan untuk mengkaji beberapa individu atau responden yang terpilih ataupun digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada sampel saiz yang besar.[79]

Bagi tujuan tersebut, penulis telah menemu bual Mohd Fadli Yusof dan beberapa orang informan lain yang dipilih berdasarkan kaedah bertujuan *(purposive)*[80] dan relevan dalam meningkatkan kesahan dan kredibiliti data supaya selari dengan realiti.[81] Kriteria informan selain Mohd Fadli Yusof dipilih adalah seperti berikut:

---

[76] Babbie, Earl, *The Basics of Social Research* (United States of America: Thomson Wadsworth, 2007), 291.
[77] M. Puvenesvary, "Interviews," dalam *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Technique*, ed., M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim et al. (Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2011), 19.
[78] Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), 317.
[79] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 119.
[80] Pemilihan responden dilakukan secara bertujuan dengan melibatkan pertimbangan dan relevan dalam tujuan khusus kajian dilakukan. Lihat Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), 121.
[81] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 185.



University of Malaya

a) Individu sekeliling yang bersama dengan Mohd Fadli Yusof.

b) Saudara baru yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut dalam tempoh lima bulan berdasarkan kajian ini.

Bagi tujuan tersebut, penulis telah menemu bual sepuluh orang informan yang biasa mengikuti Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Informan yang ditemu bual penulis ialah Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli,[82] Muhammad Suffian bin Mohd Sulaiman,[83] Abang Abd Rahman Bin Taip,[84] Muhd Fazril Roslan,[85] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin,[86] Tasib Mesi,[87] Haji Awang Jaafar Bin Awang Wahid,[88] Encik Jamal Bin Malim,[89] Azizul Rahman Mohd Yusof[90], dan Mohamad Hakimi Bin Abdul Mutalib.[91]

Penulis turut menemu bual sembilan orang informan yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof dalam tempoh lima bulan (Ogos hingga Disember 2013). Informan tersebut ialah Muhammad Ayyub@Jelirus,[92] Muhammad Jordan,[93] Muhammad Yusuf @ Joseph,[94] Muhammad @ Micheal,[95] Pamail @ Pak Mail,[96] Oboy@ Azmil Ambaan,[97] Jitra @ Muhammad Ali Daniel,[98] Abdul Aziz @ Robert[99] dan Abdullah Ongkili @ Amparing.[100] Semua informan telah ditemu bual oleh penulis di Kampung Padang, Sepulut pada 16 Januari 2014.

---

82 Anak ketiga Mohd Fadli Yusof.
83 Penggerak dakwah di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
84 Pelajar Universiti Petronas Malaysia (UTP).
85 Pelajar Universiti Petronas Malaysia (UTP).
86 Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
87 Saudara Baru dari Kampung Stamping yang bersebelahan Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah.
88 Pengerusi Pertubuhan Nurul al-Mustofa negeri Sabah.
89 Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Nurul al-Mustofa Kota Kinabalu, Sabah.
90 Pelajar Pascasiswazah Universiti Industri Selangor (UNISEL), Batang Kali Selangor.
91 Pendakwah lepasan Universiti al-Azhar Mesir.
92 Saudara baru berasal dari Kampung Piowou, Pensiangan.
93 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
94 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
95 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
96 Saudara baru atau bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan Nabawan.
97 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
98 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
99 Saudara baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.
100 Saudara baru berasal dari Kampung Salong yang berdekatan Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah.



University of Malaya

Prosedur temu bual yang telah digunakan penulis adalah berbentuk separa berstruktur (lihat lampiran A).[101] Temu bual secara tidak berstruktur ialah pertanyaan secara spontan dan penemubual serta orang yang ditemu bual mempunyai ruang kebebasan dalam mendapatkan maklumat kajian. Ianya lebih dikenali sebagai temu bual tidak formal.[102] Kaedah tersebut membolehkan penulis menemu bual informan kajian dengan lebih fleksibal yang membolehkan mereka menghuraikan tentang apa yang difikirkannya bersesuaian dengan kehendak penulis. Dengan itu, proses temu bual dijalankan dengan soalan yang hendak diajukan telah digubal terlebih dahulu. Namun urutan soalan berubah-ubah dan bentuk soalan berubah-ubah bergantung kepada tindak balas yang diberi oleh informan kajian.

Kandungan temu bual yang digunakan penulis dijadikan sebagai panduan soalan. Ia tidak bersifat statik dan boleh berubah berdasarkan apa yang dirasakan oleh penulis sebagai keperluan ataupun sebaliknya. Penulis juga boleh mengabaikan soalan yang dirasakan tidak sesuai dan menambah soalan mengikut keperluan. Antara kandungan temu bual yang menjadi panduan penulis dalam sesi temu bual dengan Mohd Fadli Yusof dan informan-informan lain, adalah seperti berikut:

a. Latar belakang responden utama dari sudut kehidupan berkeluarga, tahap pendidikan, kehidupan berkerjaya, pengalaman dakwah dan soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.
b. Latar belakang dakwah non-muslim di pedalaman Sabah meliputi sejarah, faktor dorongan, faktor pemilihan tempat dalam dakwah non-muslim dan soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.

---

[101] Terdapat tiga jenis dalam kaedah temu bual iaitu temu bual secara berstruktur *(structured interview)* separa berstruktur dan secara tidak berstruktur *(unstructured interview).*
[102] Wimmer, Roger D. & Dominick, Joseph R, *Mass Media Research* (United States of America: International Thomson Publishing, 1994), 128.



University of Malaya

c. Pendekatan dakwah non-muslim yang telah digunakan meliputi cara mendekati, cara menyampaikan dan soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.
d. Faktor-faktor yang menarik informan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof, pengalaman kehidupan beragama informan, dorongan untuk memeluk Islam dan soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.
e. Masalah kepada pendekatan dakwah non-muslim di pedalaman meliputi aspek dalam dan luaran, dan soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.

Sebelum proses ini dimulakan, penulis memohon izin untuk mendapatkan maklumat peribadi kepada semua informan yang ditemu bual. Informan turut difahamkan mengenai tujuan temu bual ini diadakan dan segala maklumat yang tidak berkenaan dengan tujuan kajian dan bersifat peribadi akan dirahsiakan. Penulis telah menggunakan alat perakam suara digital setiap temu bual yang dijalankan. Semua informan bersetuju memberi izin kepada penulis untuk merekod setiap temu bual. Penggunaan alat ini membantu penulis dalam proses menganalisa data dengan mudah berasaskan tema. Dengan itu, semua sesi temu bual dengan informan dapat dijalankan dengan lancar dan baik.

### 1.8.3 Metod Menganalisis Data

Analisis dapatan kajian adalah proses mempamerkan data dan mentafsirkan data yang diperolehi daripada sampel kajian. Data dipamerkan dengan meringkaskan data dan digambarkan melalui pelbagai bentuk[103] berdasarkan tujuan kajian yang telah digariskan. Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi penulis dianalisis berdasarkan tema-tema yang dibentuk dengan kaedah-kaedah seperti berikut:

---

[103] Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2010), 462.



University of Malaya

i) Analisis Induktif

Kaedah induktif adalah teras pendekatan saintifik yang akan melibatkan aktiviti membuat pemerhatian dan membuat rumusan selepas pemerhatian.[104] Sumber pengetahuan yang diperolehi daripada kaedah induktif ialah memberikan kesimpulan umum tentang objek kajian berasaskan pemerhatian ke atas fakta-fakta sampel.[105] Neuman menyatakan analisis induktif dilakukan dengan mengeneralisasikan fakta-fakta daripada observasi yang telah dilakukan. Proses tersebut dilakukan dengan mengenal pasti bentuk-bentuk daripada observasi dan membangunkan suatu penghuraian sebagai teori.[106] Ini menunjukkan analisis induktif merumuskan fakta melalui pemerhatian yang berbentuk universal berasaskan pernyataan-pernyataan khusus. Secara umumnya, dalam kajian ini, analisis induktif dilakukan penulis berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi melalui kaedah observasi berkaitan pendekatan Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman di lokasi kajian (Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah). Data pemerhatian yang dirumus telah digunakan untuk menghuraikan sesuatu fakta yang bersifat khusus berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

ii) Analisis Deduktif

Dalam kajian kualitatif, analisis deduktif digunakan untuk membangunkan hipotesis berdasarkan teori ataupun dibangunkan sebagai suatu kajian untuk menguji hipotesis.[107] Proses ini dilakukan dengan membuat kesimpulan dari maklumat umum kepada khusus. Ia adalah satu proses membuat kesimpulan dengan berfikir logik. Proses deduktif bermula dengan membuat pernyataan umum tentang sesuatu fenomena dan disusuli dengan

[104]Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2010), 123.
[105] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 13.
[106] Neuman, W.L, *Social Research Methods. Qualitative and Quantitative Approaches* (United Kingdom: Allyn & Bacon, 2003), 51.
[107] Wilson, J., *Essential of Business Research: A Guide to Doing Your Research Project* (United Kingdom: SAGE Publications, 2010), 7.

pernyataan khusus tentang fenomena tersebut.[108] Gulati menjelaskan analisis deduktif dilakukan dengan pertimbangan daripada teori dan dikembangkan kepada bentuk hipotesis yang baru. Kemudian, hipotesis tersebut diuji di lapangan dengan bentuk kajian yang direka sama ada ia boleh disahkan atau ditolak.[109] Ini menunjukkan analisis deduktif dilakukan dalam membuat rumusan secara khusus berdasarkan fakta-fakta umum yang diperolehi. Rumusan yang dibina untuk melihat pertimbangan sama ada sesuatu teori dan hipotesis bertepatan atau sebaliknya. Secara umumnya, dalam kajian ini, penulis telah mendapatkan data kajian berdasarkan dua sumber iaitu secara perpustakaan dan lapangan. Data yang diperolehi melalui kaedah perpustakaan telah dikumpul dan diformulasikan untuk menjadi teori-teori yang berkaitan dengan pendekatan dakwah dalam pengislaman golongan non-muslim. Data tersebut digunakan untuk membuat suatu kesimpulan sama ada ia menyokong atau menolak berdasarkan data-data yang diperolehi di lapangan. Manakala dalam menganalisa data mentah *(raw data)* yang diperolehi di lapangan, penulis telah merumus data tersebut bagi mendapatkan kesimpulan yang berkaitan dengan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

iii) Analisis Kandungan

Analisis kandungan adalah suatu kaedah menganalisis dan menginterpretasi data yang telah lama digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu.[110] Analisis kandungan *(content analysis)* bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku berpandukan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan fenomena tersebut.[111] Jenis dokumen adalah

---

[108] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan,* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 12.
[109] Gulati, P.M, *Research Management: Fundamental and Applied Research* (New Delhi: Global India Publications, 2009), 42.
[110] Hsiu, Fay Hsieh & Sarah E. Shannon, "Three Approaches to Qualitative Content Analysis," *Qualitative Health Research Journal* 15 (November, 2005), 1277.
[111] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 108.



University of Malaya

rekod awam seperti dokumen kajian, rekod statistik dan lain-lain; dokumen peribadi yang diperolehi melalui naratif individu yang menjelaskan tindakan, pengalaman dan kepercayaan, seperti diari, surat, video, buku skrap, kalender, album foto dan lain-lain; bahan fizikal iaitu objek fizikal yang diperolehi di latar kajian seperti komputer, perkakasan dan lain-lain; dokumen yang dijana untuk tujuan kajian seperti data kuantatif dari hasil kajian, gambar, skor ujian, maklumat secara *on line* dan lain-lain.[112] Secara umumnya, dalam kajian ini penulis telah menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap bahan-bahan yang berkaitan dengan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Proses ini dilakukan berdasarkan bahan-bahan bertulis yang telah diperolehi iaitu nota pemerhatian, kandungan skrip temu bual, kajian literatur dan lain-lain.

iv) Analisis Komperatif

Analisis komperatif adalah pendekatan analisis secara perbandingan maklumat-maklumat yang diperolehi dari sumber data.[113] Proses ini dilakukan dengan menganalisis di atas perbandingan hasil-hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan kaedah analisis perbandingan dengan data-data kajian yang pernah dijalankan sebelum ini. Kaedah ini penting bagi melihat sejauhmana kebersamaan dan keunikan yang menjadi kekuatan dalam hasil kajian pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

---

[112] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009),146.
[113] *Ibid.*, 154.

## 1.9 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa kajian mengenai pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, amat penting untuk diterokai sebagai langkah ke arah pemetaan mesej Islam yang berkesan dan menyeluruh, khususnya di negeri Sabah.

University of Malaya

# BAB 2

# PENDEKATAN DAKWAH KEPADA GOLONGAN NON-MUSLIM

## 2.1 Pendahuluan

Dakwah merupakan suatu usaha mengajak, memujuk, memandu dan menjelaskan berkenaan Islam sebagai agama yang *syumūl* kepada seluruh manusia. Dakwah merupakan amanah bagi setiap muslim untuk dilaksanakannya dengan pendekatan-pendekatan yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah. Tanggungjawab untuk melaksanakan dakwah tidak terbatas dengan had dan masa tertentu, malah menjadi kemestian untuk dilaksanakan dalam setiap keadaan yang mempunyai peluang untuk melaksanakannya. Dalam hal ini, pendekatan dakwah merupakan suatu aspek yang penting dalam mengajak non-muslim beriman kepada Allah, membimbingnya kepada syariat Islam dan mendekatinya untuk terpaut dengan Islam. Pendekatan berfungsi dalam memastikan mesej dakwah yang hendak disampaikan diterima dengan berkesan. Ini menunjukkan ketidakberkesanan pendekatan dalam dakwah menyebabkan mesej Islam tidak dapat diterima dengan baik oleh golongan sasaran. Oleh itu, bab ini membincangkan mengenai teori pendekatan dakwah dalam pengislaman non-muslim yang meliputi definisi istilah, matlamat, faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah golongan non-muslim dan masalah kepada pendekatan dakwah non-muslim.

University of Malaya

## 2.2 Definisi Pendekatan

Pendekatan berasal daripada perkataan 'dekat' yang bermaksud jarak yang tidak jauh, sesuatu perkara yang hampir dan rapat seperti dalam konteks persaudaraan. Apabila ditambah imbuhan awal dan akhir ('pen' dan 'an'), perkataan 'dekat' menjadi 'pendekatan' yang bermaksud dengan perihal mendekati dan kaedah (cara, langkah-langkah dan sebagainya) yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dan lain-lain).[114] Ini dapat difahami bahawa pendekatan adalah sesuatu yang melibatkan perbuatan mendekati dengan kaedah, cara, langkah-langkah atau prosedur yang digariskan dalam melaksanakan sesuatu perkara atau dalam mengatasi sesuatu perkara dengan berkesan.

Dalam bahasa Arab, 'pendekatan' disebut dengan istilah *taqarraba* yang bermaksud mendekati sesuatu seperti perbuatan seseorang mendekatkan diri dengan Allah melalui amalan-amalan yang *ṣaleh*.[115] Dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasiṭ,* istilah *taqarraba* bermaksud perihal atau perbuatan mendekati sesuatu.[116] Di sini dapat difahami bahawa *taqarraba* bermaksud dengan perihal mendekati sesuatu atau menghubungkan sesuatu seperti melalui perbuatan, amalan, tempoh masa dan tempat. Walau bagaimanapun, istilah *taqarraba* tidak digunakan khusus untuk pendekatan dakwah kerana istilah menjelaskan tentang perihal kedekatan.

Antara istilah-istilah khusus dalam bahasa Arab yang menjelaskan tentang 'pendekatan dakwah' ialah istilah *manhaj al-da'wah* dalam literatur penulisan bahasa Arab. Ia bermaksud jalan yang jelas dan jalan yang tertentu untuk mencapai matlamat yang jelas

---

114 *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 328, entri "pendekatan."

115 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiy,* (Larousse: Al-Munaẓẓhomah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 975, entri "qaraba."

116 Nāsir Sayyid Ahmad et al., *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Beirut: Dār Ihya' al-Thurāth al-'Arabiyy, 2008), 134, entri "taqarraba."



University of Malaya

dan terang,[117] jalan terbuka dan cara yang nyata.[118] Penggunaan *manhaj* adalah lebih spesifik dengan maksud dakwah yang bertujuan membawa manusia ke arah jalan kehidupan yang jelas dan bercahaya *(nūr)* atau terang dengan agama Islam. Perkara ini disebutkan di dalam al-Qur'ān sebagaimana firman Allah:

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

Al-Māidah 5 : 48

> Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu *shariah* dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).

Dalam ayat di atas, Ibnu Abī Hatim telah meriwayatkan dari Ibnu 'Abbās dengan menyatakan bahawa *'minhāj'* ialah jalan yang terang.[119] Al-Sha'rawiy pula menyatakan *minhāj* dalam ayat di atas adalah jalan sebagaimana diturunkan kitab Tawrah, Injīl dan al-Qur'ān kepada setiap ahlinya. Maka *minhāj* atau *manhaj* adalah syariat dan aturan ibadah yang berbeza kepada setiap ahli tersebut.[120] Penggunaan istilah *minhāj* atau *manhaj* dalam dakwah lebih difahami sebagai suatu jalan, sistem, syariat dan kaedah-kaedah yang jelas dalam memandu manusia kepada ajaran Islam. Bahkan dalam membincangkan tentang kaedah dakwah, kebanyakan sarjana Islam lebih cenderung menggunakan istilah *minhāj* yang dilihat lebih sesuai dari sudut terminologi dan definisi.

Selain itu, pendekatan dakwah menggunakan istilah *uslub al-da'wah* dalam literatur penulisan dalam bahasa Arab. *Uslub* bermaksud cara, jalan atau mazhab dan gaya.[121]

---

[117] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiy,* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 1234, entri "manhaj."
[118] E.W Lane, *Arabic English Lexicon* (Cambridge: Islamic Texts Society, 1863), 2856, entri "manhaj."
[119] Ibn Kathīr, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir,* jil. iii, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 146.
[120] Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*, jil. i (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litturāth, 2011), 411.
[121] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 633, entri "uslub." Lihat al-Syawiriyy, Jarjis Hamam, *Mu'jam al-Tullāb* (Lubnan: Maktabah Lubnan Nasyirun, 1995), 453, entri "uslub." Lihat E.W Lane, *Arabic English Lexicon* (Cambridge: Islamic Texts Society, 1863), 1400, entri "uslub."



University of Malaya

*Kamus Dewan*, memberi pengertian *uslub* dengan suatu kaedah atau cara.[122] Ini menunjukkan *uslub* dalam dakwah lebih difahami dengan suatu jalan atau kaedah-kaedah untuk melaksanakan dakwah. Namun secara umumnya, penggunaan istilah *uslub* dilihat lebih dengan hampir dengan maksud pendekatan dalam dakwah. Bahkan di dalam al-Qur'ān dan hadith banyak menyebutkan tentang *uslub-uslub* Islam sebagai kaedah atau peraturan dalam mengatur kehidupan manusia di dunia. Begitu juga dengan istilah *wasilah al-da'wah*. Pendekatan dakwah menggunakan istilah *wasilah* dalam literatur penulisan bahasa Arab. Istilah *wasilah* bermaksud setiap perkara yang ditetapkan untuk menuju atau mencapai matlamat yang jelas.[123] Dalam kamus *Mu'jam al-Ṭullāb*, istilah *al-wasilah* bermaksud perantaraan, penghubung.[124] Istilah *wasilah* telah diterima penggunaannya dalam bahasa Melayu yang membawa maksud dengan ikatan, perhubungan dan pertalian.[125] Ini menunjukkan penggunaan istilah *wasilah* merujuk kepada penghubung atau saluran yang telah dipastikan atau ditetapkan dalam menyampaikan dakwah. Walau bagaimanapun, istilah ini mempunyai maksud yang sama dengan maksud pendekatan dakwah.

Dalam bahasa Inggeris, 'pendekatan' disebut *'approach.'* Kamus *Oxford Advanced Learner's* memberi maksud *approach* dengan langkah mendekati, kaedah dalam sesuatu urusniaga, gerakan dalam mendekati sesuatu dan jalan.[126] Dalam kamus *Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, '*approach*' bermaksud mendekati sesuatu, hampir, rapat dan jalan atau kaedah dalam menimbangkan sesuatu.[127] Dalam kamus *BBC English*, perkataan *approach* dimaksudkan dengan tindakan dalam mendekati sesuatu dan mendekati sesuatu perkara dengan partikular tertentu.[128] Manakala dalam kamus *The New Oxford Dictionary of English*, '*approach*' bermaksud jarak yang dekat dan suatu kaedah dalam

---

[122] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1783, entri "uslub."
[123] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, 1309, entri "wasala."
[124] Al-Syawiriyy, Jarjis Hamam, *Mu'jam al-Ṭullāb* (Lubnan: Maktabah Lubnan Nasyirun, 1995), 1235, entri "wasilah."
[125] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1803, entri "wasilah."
[126] A S Hornby, *Oxford Advanced Learners Dictionary* (Oxford: University Press, 2011), 62, entri "approach."
[127] *Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, (Cambridge: Cambridge University Press, 2008), 63, entri "approach."
[128] *BBC English Dictionary*, (London: Harper Collins Publisher, 1993), 49, entri "approach."



University of Malaya

melakukan sesuatu perkara.[129] Ini dapat difahami di sini bahawa pendekatan adalah suatu kaedah mendekati sesuatu perkara yang memerlukan langkah-langkah tertentu dalam menanganinya.

Selain itu, pendekatan dakwah juga menggunakan istilah metodologi dakwah dalam literatur penulisan bahasa Inggeris. Metodologi berasal dari perkataan *'methodology'* yang bermaksud suatu sistem mengenai kaedah dan prinsip-prinsip tertentu dalam melaksanakan sesuatu perkara.[130] Ia mempunyai kaedah atau prinsip-prinsip yang digunakan dalam mendalami sesuatu subjek atau membuat partikular tertentu dalam sesuatu pekerjaan.[131] *The Social Science Encyclopedia* menjelaskan metodologi lebih disentuh secara kaedah saintifik dalam penyelidikan yang melibatkan prinsip-prinsip secara empirikal. Proses ini dilakukan dengan prosedur atau kaedah yang telah dibina secara partikular, mendapatkan data dan mendapatkan hasil penyelidikan.[132] Ini menunjukkan metodologi dalam konteks dakwah adalah suatu kaedah saintifik yang digunakan untuk mendapatkan natijah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran tertentu. Istilah metodologi lebih menggambarkan kepada kaedah sains emperikal. Namun secara umumnya, ia mempunyai maksud yang hampir sama dengan perkataan pendekatan dalam dakwah.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa definisi pendekatan ialah hal-hal dalam mendekati atau menghampiri sesuatu dengan langkah-langkah tertentu dan menghubungkan sesuatu perkara. Dalam konteks dakwah, pendekatan lebih difahami dengan maksud mendekati sasaran tertentu di atas langkah-langkah atau kaedah tertentu untuk tujuan menyeru golongan sasaran kepada Islam dengan menarik dan mempengaruhi. Manakala penggunaan istilah metodologi, *minhāj* atau *manhāj*, *uslub* dan *wasilah* dalam dakwah dilihat mempunyai pengertian yang agak sama dengan maksud istilah pendekatan

[129] *The New Oxford Dictionary of English*, (Oxford: Oxford University Press, 1999), 81, entri "approach."
[130] *BBC English Dictionary*, (London: Harper Collins Publisher, 1993), 700, entri "methodology."
[131] *Longman Exams Dictionary* (United Kingdom: Pearson Longman, 2006), 961, entri "methodology."
[132] Adam Kuper & Jessica Kuper ed., *The Social Science Encyclopedia* (London: Routledge, 1996), 534.



University of Malaya

sepertimana telah dibincangkan. Hanya terdapat sedikit perbezaan dalam sudut-sudut dalam pengertian dan konteks penggunaan.

## 2.3 Definisi Dakwah

Dakwah dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *da*‘*ā* yang bermaksud mengajak atau menyeru kepada Islam dan mengajak seseorang ke sesuatu majlis.[133] Dalam Kamus *Lisān al-‘Arab*, dakwah bermaksud memanggil, menjemput, meminta pertolongan *(al-istighāthah)*, memohon, menyeru, ibadah, menyeru kepada tauhid dan pujian *(al-thanā')*, memohon keampunan *(maghfirah)* dan kasih sayang *(al-rahmah)*, memohon pertolongan untuk kehidupan dunia dan keinginan kepada Allah *(al-raghbah ila Allah).*[134] Dalam kamus *Mu*‘*jam al-Ṭullāb* dakwah bermaksud menjemput untuk sesuatu seperti makan dan minum.[135] Manakala dalam kamus *Arabic-English Lexicon*, dakwah dirujuk dengan pelbagai maksud iaitu; pertama, untuk mengingini *(to desire)*, memerlukan *(require)*, dan meminta *(request)*. Kedua perkataan dakwah bermaksud untuk memanggil *(to call)*, mengarah atau memanggil *(summon)* dan untuk menjemput *(to invite)*. Ketiga perkataan dakwah membawa maksud untuk memohon atau berdoa kepada Allah *(to pray or call to)*, maksud keempat adalah untuk mengeluarkan *(to draw).*[136] Dalam *Kamus Dewan* pula, dakwah bermaksud dengan kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.[137]

Oleh itu, dapat difahami bahawa dakwah dari sudut ‘bahasa’ bermaksud suatu ajakan, seruan, jemputan, panggilan, rayuan dan pujukan kepada Islam. Maksud tersebut

---

[133] *Al-Mu*‘*jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy*, (Larousse: Al-Munazẓhamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm 1989), 452, entri “Dā‘a”. Lihat Nāsir Sayyid Ahmad et al., *Al-Mu'jam al-Wasiṭ*, (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-‘Arabiyy, 2008), 236, entri “Dā‘a”.

[134] Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad, *Lisān al-‘Arab*, Jil.14, (Beirut: Dār Beirut Li al-Tibā‘ah wa al-Naṣr, 1968), 258-260, entri “da‘ā.”

[135] Al-Shawiriyy, Jarjis Hamam, *Mu*‘*jam al-Tullāb*, (Lubnan: Maktabah Lubnan Nashirūn, 1995), 295, entri “Dā‘a”.

[136] E.W. Lane, *Arabic-English Lexicon*, Part1, (Cambrige England: The Islamic Text Society, 1863), 884-885, entri “Dā‘a”.

[137] *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 305, entri “dakwah”.



University of Malaya

menggambarkan bahawa penggunaan dakwah adalah meluas, tetapi matlamat utama di dalam dakwah khusus kepada menyampaikan Islam. Di samping itu, maksud perkataan dakwah dari sudut bahasa turut menunjukkan suatu perbuatan melalui seruan atau ajakan dan bermatlamatkan Islam. Ini bermakna apa juga perbuatan yang menyeru, mengembangkan, membangunkan dan lain-lain, ke arah Islam termasuk di dalam dakwah.

Manakala definisi dakwah dari sudut istilah ialah suatu usaha yang membawa atau menyeru manusia kepada akidah Islam dan jalan kehidupan yang jelas, sebagaimana firman Allah:[138]

قُلۡ هَٰذِهِۦ سَبِيلِيٓ أَدۡعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠
وَمَنِ ٱتَّبَعَنِيۖ وَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ
١٠٨

Surah Yusūf 13 : 108

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad)! Inilah jalan-Ku, Aku dan orang-orang yang menurut-Ku, menyeru (manusia umumnya) kepada Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas. Dan aku menegaskan Maha suci Allah (dari segala *i'tiqad* dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Dalam ayat di atas, kalimah seruan *(ad'ū)* dirujuk dengan maksud menyeru kepada *al-din* iaitu Islam. Dalam menafsirkan ayat di atas, Sayid Qutb menjelaskan bahawa jalan (*sabīlī*) yang dinyatakan adalah jalan yang satu (Islam) dan tidak terdapat sebarang keraguan di dalamnya. Pendakwah haruslah membawa manusia kepada petunjuk Allah dengan keterangan yakin yang membezakan di antara kebenaran dan kebatilan.[139] Ibn Kathir pula menjelaskan bahawa Allah s.w.t menyebutkan seruan kepada jalan-Nya merupakan dakwah kepada kesaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah s.w.t. Kesaksian ini menuntut untuk menyeru manusia kepada Allah s.w.t dengan *baṣīrah*

---

[138] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah*, (Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998), 5.
[139] Quṭb, Sayyid, *Fi Zilal al-Qur'ān*, Jil. 4, (Kaherah, Misr: Dār al-Shurūq, 1985), 2034.

University of Malaya

iaitu keyakinan, dalil *‘aqli* dan dalil *syar‘ie*.[140] Ini menunjukkan tuntutan kepada umat Islam untuk menyeru manusia dengan berpandukan keterangan yang jelas melalui wahyu dan pengetahuan yang selaras dengan syariat. Ia juga merupakan seruan atau istilah (dakwah) khusus dalam mengajak manusia kepada Allah dan bukan kerana tujuan-tujuan selain daripada Islam.

Menurut Sheikh ‘Alī Mahfūz, dakwah merupakan suatu usaha menyeru manusia ke arah keselamatan melalui usaha mengajak serta menggalakkan manusia untuk membuat yang baik mengikut petunjuk, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, agar mereka mendapat keselamatan *(al-salām)* atau kebahagiaan di dunia dan di akhirat.[141] Muhammad al-Ghazāli pula menjelaskan dakwah merupakan suatu program *(barnāmij)* yang sempurna, mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.[142] Begitu juga dengan pandangan Abd al-Hayy yang menjelaskan bahawa dakwah merupakan usaha menyeru manusia dengan mendidik dan mengajar dengan perintah-perintah agama Allah yang menjamin kesejahteraan *(al-salām)* kehidupan di dunia dan di akhirat.[143] Ini menunjukkan bahawa dakwah lebih tertumpu kepada usaha penyubur kebajikan, pendidikan, pengislahan dalam membawa, membimbing dan mendidik manusia kepada peraturan wahyu dalam mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Bahī al-Khuly juga menjelaskan bahawa dakwah merupakan suatu proses atau pemindahan umat daripada suatu lingkungan kepada suatu lingkungan yang lain, iaitu daripada kekufuran kepada Islam, kesesatan kepada hidayah, kejahatan kepada kebaikan

University of Malaya

---

[140] Ibn Kathīr, Abu Fida’ ‘Imaduddin Ismail bin ‘Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir,* jil. 4, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 689-690.

[141] ‘Alī Mahfūz, *Hidāyah al-Mursyidīn wa Ṭurūq ilā al-Wa‘ẓ wa al-Kḥitābah* (Kaherah: Dār al-I‘tiṣām, 1952), 17.

[142] Muhammad Al-Ghazali, *Maā‘Allah, Dirāsāh fi al-Da‘wah wa al-Dā‘ah* (Kaherah: Dār al-Kitab al-Hadithah bi Misr, 1965), 17.

[143] Abdullah, Abd al-Hayy Muhammad, *Khātimiyyah al-Islām Li Ahsan al-Basyariyyah wa Istiqāruha, Dirāsāh Tahlilīyyah fi al-Da‘wah wa al-Du‘ah* (Kaherah: Dār al-Thibā‘ah al-Muhammadiyyah, 1985), 3.

dan unsur-unsur negatif.[144] Al-Alūry menyifatkan proses ini meliputi usaha mencerahkan pandangan atau fikiran dan akal manusia kepada aqidah yang benar, atau maslahat yang memberi manfaat kepada manusia serta melepaskan daripada kesesatan dan musibah yang melingkari manusia.[145] Maksud ini turut bertepatan dengan pandangan al-Qaradāwī yang menjelaskan bahawa dakwah bertujuan membawa pandangan hidup manusia mengikut petunjuk agama dengan mengkhususkan perhambaan diri kepada Allah s.w.t, melepaskan diri daripada *tāhgūt* yang terpaksa dipatuhi,[146] memberi hak kepada orang yang ditentukan haknya oleh Allah, dan menafikan haknya ke atas orang yang dinafikan haknya oleh Allah, amar ma‘rūf nahi mungkar serta berjihad kejalanNya.[147] Disebabkan itu dakwah banyak digandingkan dengan istilah yang bertukar ganti berasaskan maksud ayat al-Qur’ān dan hadith seperti *al-iṣlah, al-tadhkīr, al-tablīgh, al-tanbih* dan lain-lain.[148]

Oleh itu, dapat difahami definisi dakwah dari sudut ‘istilah’ ialah suatu usaha menyeru manusia kepada Islam, menyeru manusia kepada petunjuk Allah, menyeru manusia kepada kebenaran Islam, menyeru manusia melakukan kebaikan dan menolak kemungkaran, membawa manusia kepada pandangan sarwa Islam, membawa manusia ke arah keselamatan melalui Islam, dan membimbing manusia ke arah keredhaan melalui sistem Islam. Secara khusus, kebanyakan definisi-definisi yang diutarakan di atas lebih banyak menunjukkan maksud dakwah dengan suatu usaha menyeru, mengajak, memandu dan membimbing manusia kepada agama Islam. Ini menunjukkan istilah dakwah merupakan istilah khusus bagi orang Islam dalam usaha menyeru manusia kepada Islam. Manakala penggunaan istilah selain dakwah dengan maksud mengajak dan menyeru

---

144 El-Bahi El-Khuly, *Panduan Para Pendakwah*, terj., Ismail Mohd Hassan (Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1984), 4.

145 Al-Alūry, Adam Abdullah, *Tarikh al-Da‘wah il Allah baina al-Ams wa al-Yaum* (Kaherah, Egypt: Maktabah Wahbah, 1979), 17-18.

146 Wan Hussien Azmi juga menyatakan bahawa dakwah kepada Allah merupakan seruan atau ajakan khusus mentaati ajaran Islam bukannya menyeru atau mengajak kepada kesesatan sepertimana seruan syaitan, kerana syaitan juga dikatakan menjalankan dakwahnya yang tersendiri. Seruan tersebut boleh dilihat kepada tiga bentuk iaitu dakwah Allah, dakwah syaitan dan kumpulannya, dan dakwah penyeleweng dari jalan Allah. Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984), 5-7.

147 Al-Qaraḍāwī, Yusūf, *Thaqāfah Dā’iyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001), 5.

148 Abdullah Muhammad Zin, *Islamic Da’wah (Mission), The Defination, Conception & Foundation* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd., 1995), 2-3.



University of Malaya

manusia kepada agama Islam juga termasuk dalam maksud dakwah. Ini disebabkan konotasi dakwah lebih jelas dengan seruan kepada agama Islam.

Berdasarkan huraian di atas, definisi istilah dakwah dapat disimpulkan dengan suatu usaha menyeru atau mengajak manusia kepada tauhid atau akidah Islam, menyeru kepada kebenaran Islam, memandu daripada kesesatan kepada perintah Allah, membimbing atau membangunkan jiwa manusia dengan jalan hidayah, membawa manusia kepada kesejahteraan dunia dan akhirat, melepaskan manusia daripada menyembah *taghūt* dan sistem berkaitannya; dan memandu manusia kepada pandangan sarwa Islam. Istilah dakwah merupakan istilah khusus seruan kepada Islam, bahkan turut meliputi maksud konseptual yang tidak menggunakan istilah dakwah secara khusus. Penggunaan bersifat luas. Namun dalam konteks kajian ini, definisi dakwah lebih khusus dengan usaha menyeru manusia untuk menerima Islam atau memeluk Islam. Dakwah dijalankan bagi tujuan pengislaman melalui suatu usaha yang tersusun dalam menyeru mengajak golongan non-muslim kepada agama Islam. Ia bukan sahaja untuk memenangi hati manusia supaya menyembah Allah dan beribadah kepada-Nya. Malahan juga memberikan erti setiap manusia sebagai insan daripada ketegelinciran kepercayaan, bahkan memberi ruang manusia berfikir dan bertafakur sebagai menghidupkan semula fungsi rohani dalam kehidupan di dunia.

## 2.4 Definisi Pengislaman

Pengislaman berasal daripada perkataan ‘Islam’ yang bermaksud tunduk, patuh memeluk Islam dan mematuhi agama.[149] Apabila ditambah imbuhan di awal dan akhir (‘pen’ dan ‘an’), ia disebut pengislaman yang bermaksud perbuatan mengislamkan seseorang, memasukkan seseorang ke dalam agama Islam, menjadikan beragama Islam dan

[149] *Al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munazẓhamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-’Ulūm, 1989), 638, entri “salama.”



University of Malaya

menjadikan patuh kepada ajaran Islam.[150] Pengislaman adalah kata kerja yang menunjukkan perbuatan mengislamkan, menjadikan orang lain memeluk Islam dan menjadikan orang lain patuh kepada ajaran Islam. Ataupun disebut dengan istilah mengislamisasi iaitu proses mengislamkan.

Dalam bahasa Arab, pengislaman disebut *yuslimu* yang berasal dari kata *aslama*. Istilah *aslam* bermaksud patuh, mematuhi agama Islam dan memeluk Islam.[151] Dalam kamus *Mu'jam al-Wasiṭ*, istilah *aslam* bermaksud memeluk agama Islam,[152] sebagaimana disebutkan dalam al-Qur'ān melalui firman Allah:

قُلۡ إِنِّيٓ أُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ أَوَّلَ مَنۡ أَسۡلَمَۖ وَلَا تَكُونَنَّ
مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٤

Al-An'am 6 : 14

Terjemahan: Katakanlah, sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah (Islam), dan (aku diperintahkan dengan firman-Nya). Jangan sekali-kali engkau menjadi dari golongan orang-orang musyrik itu.

Ibn Kathīr dalam menafsirkan ayat di atas menyebut bahawa kalimah *'aslam'* bermaksud orang yang pertama menyerah diri kepada Allah dari umat ini.[153] Kalimah *'aslam'* dirujuk kepada maksud menyerah diri, tunduk dan patuh kepada agama Allah. Ini menunjukkan istilah pengislaman merujuk kepada maksud *'aslam'* yang bererti menerima Islam atau memeluk Islam dengan beribadah kepada Allah serta tunduk patuh segala perintah-Nya. Pengislaman dilihat tidak terhad kepada perkara asas-asas akidah yang menentukan keislaman seseorang, tetapi meliputi segala peraturan yang telah diperintah Allah kepada manusia di dunia ini.

---

[150] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 590, entri "Islam."
[151] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munazẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 638, entri "salama."
[152] Nāsir Sayyid Ahmad et al., *Mu'jam al-Wasiṭ*, (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, 2008), 589, entri "muslim."
[153] Ibn Kathīr, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. iii, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 281.



University of Malaya

Dalam bahasa Inggeris, pengislaman disebut dengan '*conversion*' yang bermaksud pertukaran agama, mazhab ataupun pendapat.[154] (Elias 1984:167). Maksud '*conversion*' dilihat lebih umum penggunaannya secara kontektual. Ia menunjukkan kepada pertukaran agama atau kepercayaan.[155] Istilah pengislaman yang dilihat lebih khusus digunakan dalam bahasa Inggeris ialah Islamisasi. Dalam kamus Collins English Dictionary, *Islamization* bermaksud memeluk atau mengislamkan sesuatu patuh kepada ajaran Islam.[156] Dalam kamus *The World Book Dictionary*, istilah *Islamization* bermaksud menjadikan seseorang itu beragama Islam.[157] Dalam kamus *English Dictionary Penguin*, *Islamization* bermaksud untuk menjadikan sesuatu itu Islam, menjadikan seseorang itu Islam dan menjadikan sesuatu bertepatan dengan peraturan Islam.[158] Ini menunjukkan pengislaman dalam bahasa Inggeris merujuk maksud pemelukan Islam, pematuhan kepada ajaran Islam dan mengislamkan sesuatu dengan tidak terbatas kepada manusia sahaja, bahkan kepada sistem, peraturan dan sebagainya. *Islamization* telah diterima penggunaannya dalam bahasa Melayu dengan sebutan 'Islamisasi.' Islamisasi bermaksud suatu usaha dan proses menjadikan sesuatu patuh kepada ajaran Islam, proses menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sesuatu bidang, dan perihal mengislamkan atau pengislaman.[159] Istilah Islamisasi banyak digunakan oleh Ismail al-Faruqi[160] dan Syed Naquib al-Attas[161] dalam membincangkan tentang proses mengislamkan ilmu pengetahuan (*Islamization of knowledge*).

---

[154] *Elias' Modern Dictionary, English-Arabic* (Kaherah: Elias' Modern Publishing House & Co., 1984), 167, entri "conversion."
[155] A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (United Kingdom: Oxford University Press, 2011), 332, entri "conversion."
[156] *Collins English Dictionary* (Glasgow: Harper Collins Publishers, 1994), 818, entri "Islamize."
[157] Clarence L. Barnhart & Robert K. Barnhart, *The World Book Dictionary*, ed. (Chicago: World Book Inc., 1988), 1118, entri "Islamization."
[158] *English Dictionary* (London: Penguin Reference, 2001), 743, entri "Islamization."
[159] *Kamus Melayu Inggeris Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2012), 618, entri "pengislaman dan Islamisasi."
[160] *Islamization Of Knowledge, General Principles and Work Plan* (International Institute of Islamic Thought: USA, 1989), 1.
[161] Adi Setia, "Tiga Pengertian 'Sains Islam': Ke Arah Usaha Penyedaran Semula Misi Pengislaman Sains Dan Teknologi Menurut Kerangka Faham Syed Muhammad Naquib al-Attas," (makalah, Training of Trainers Kursus Falsafah Ilmu, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 11 Febuari 2015).



University of Malaya

Dalam maksud-maksud di atas, dapat difahami pengislaman atau Islamisasi dirujuk kepada maksud yang lebih luas, bukan sahaja terhad kepada kepercayaan agama manusia bahkan meliputi perkara yang berkaitan dengan sistem, sumber ilmu, cara hidup dan sebagai. Ia boleh dilihat kepada dua aspek. Pertama, pengislaman manusia daripada bukan beragama kepada akidah Islam, sepertimana Nabi s.a.w mengislamkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya Islam. Nabi Muhammad s.a.w telah berjuang selama 13 tahun menyeru masyarakat musyrikin Makkah yang telah lama menyembah berhala atau patung yang diwarisi sejak dari zaman nenek moyang mereka. Ia adalah usaha menyeru manusia kepada keesaan Allah.

Ini menunjukkan pengislaman dirujuk sebagai proses transformasi akidah manusia daripada kekufuran kepada agama Islam. Maksud pengislaman seperti ini adalah menjadikan manusia non-muslim menjadi seorang muslim yang beriman kepada Allah, rasul, malaikat, kitab, qada' dan qadar, dan hari kebangkitan. Definisi seperti ini turut dinyatakan Esposito yang menjelaskan pengislaman atau Islamisasi adalah proses transisi kepada agama Islam sama ada kemasukan manusia secara perseorangan ataupun memeluk Islam beramai-ramai. Misalnya, penguasaan Inggeris di Sudan pada tahun 1898 hingga 1955 menyebabkan proses mengislamkan menjadi lambat disebabkan faktor Kristianisasi yang dibawa bersama.[162] Keadaan ini berlaku sepertimana di Nusantara yang menunjukkan kedatangan penjajah Barat telah membantutkan proses pengislaman dan proses pengkristianan mengambil tempat melalui pendidikan, undang-undang dan sebagainya. Abdul Ghafar Hj. Don menyatakan kesan penjajahan ini menyebabkan proses de-Islamisasi iaitu proses menghilangkan sifat keislaman dan digantikan dengan kebudayaan barat yang berteraskan sekular.[163]

---

[162] Esposito, John, L, *Ensiklopedi Oxford, Dunia Islam Moden*, jil. 2, terj., Eva. Y. N, Fremmy, S, et al., (Bandung: Pustaka Mizan, 2002), 366.
[163] Abdul Ghafar Don, *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia* (Shah Alam: Karisma Publications, 2008), 20-25.



University of Malaya

Selain itu, pengislaman juga digunakan dalam susunan literatur penerimaan Islam di Nusantara. Proses pengislaman masyarakat berkembang dengan pemelukan Islam di kalangan pemerintah ketika itu. Pengislaman Raja Parameswara pada abad ke-15 telah memberi kesan yang besar kepada politik, ekonomi dan sosial masyarakat di Melaka. Parameswara yang menukar nama kepada Sultan Muzaffar Shah telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi Melaka. Beliau telah menguatkuasakan hukum Islam dalam perundangan, ekonomi dan sosial.[164] Kedatangan Islam telah memberi kesan terhadap aspek falsafah kehidupan dengan mengubah pandangan hidup yang berpaksikan kepada soal khayal, dongeng, dewa-dewa dan lain-lain kepada alam akal fikiran dan peraturan syariah.[165] Keadaan ini bertepatan dengan apa yang telah dinyatakan oleh S.M Naquib al-Attas bahawa proses Islamisasi di Nusantara pada peringkat pertama (dari 578-805/1200-1400) berlaku dalam konteks individu dan pemimpin.[166]

Kedua, pengislaman atau Islamisasi dirujuk mengislamkan sesuatu dalam sistem kehidupan manusia selaras ajaran Islam. Ia seolah-olah wujud proses pengislaman selepas Islam. Maksud ini menunjukkan pengislaman adalah suatu proses mengislamkan sistem kehidupan meliputi aspek sosial, ekonomi dan politik. S.M Naquib al-Attas menyatakan period ini membincangkan tranformasi 'semangat roh Islam' dengan penyebaran *'philosophical mysticism,'* tasawuf dan kalam. Manakala period ketiga pula, Islamisasi berterusan dan selari dengan kedatangan barat (Eropah).[167] Ini menunjukkan pengislaman sentiasa berlaku setelah pengislaman diperingkat individu itu berlaku.

---

[164] *Ensiklopedia Islam*, jil. 5 (Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, 1998), 147-149.
[165] Dusuki Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986), 539-544.
[166] Kasim Hj. Mansur, "K-Dakwah dan Peranannya dalam Proses Islamisasi di Sabah," dalam *Isu-Isu Sains Sosial dari Perspektif Islam*, ed. Asmady Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muharam (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003), 183.
[167] Kasim Hj. Mansur, "K-Dakwah dan Peranannya dalam Proses Islamisasi di Sabah," dalam *Isu-Isu Sains Sosial dari Perspektif Islam*, ed. Asmady Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muharam (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003), 183.



University of Malaya

Pengislaman ini digunakan dalam membangunkan semangat Islam dalam segala aspek kehidupan akibat penjajahan Eropah dan Barat. Proses ini rentetan daripada kelesuan masyarakat Islam akibat dari jajahan Barat yang bersifat sekular. Dalam hal ini, Ismail al-Faruqi antara sarjana Islam yang mempelopori penggunaan istilah Islamisasi. Beliau menjelaskan ketika ini umat Islam berada di kedudukan di bawah kesan daripada penjajahan Barat. Kehidupan dan pandangan hidup mereka dipengaruhi agar lebih condong kepada sekular Barat dengan dilumpuhkan roh Islam di dalam jiwa orang Islam. Kesan ini dapat dilihat dalam konteks politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan.[168]

Al-Faruqi mengistilahkan umat Islam dalam keadaan ‘malaise’ iaitu suatu penyakit yang melanda sehingga mereka menjadi limbo menentukan identiti Islam. Umat Islam diberi gambaran buruk seolah-olah ‘orang sakit’ yang dianggap agresif, pemusnah, tidak mempunyai undang-undang, pengganas, tidak bertamadun, fanatik, kuno serta ketinggalan zaman.[169] Ancaman dalaman dan luaran sentiasa memberi tekanan yang menjadi definisi sendiri kepada keadaan umat Islam. Bagi langkah ini, al-Faruqi berusaha mengubah paradigma baru dalam pemikiran dan pandangan sarwa hidup umat yang lemas dengan sekular barat melalui pengislaman ilmu. Sistem pendidikan merupakan tunjang utama bagi membangkitkan semula cara pemikiran umat Islam dalam pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan politik.[170]

Selain itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas juga merupakan seorang sarjana Islam kontemporari yang mengembangkan aspek pengislaman ilmu dalam dunia Islam. Beliau mendefinisikan Islamisasi dengan pembebasan manusia dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan. Kemudian membebaskan akal manusia daripada

[168] Al-Faruqi, Ismail, *Pengislaman Ilmu*, terj., Mustafa Kasim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 1-6.
[169] Al-Faruqi, Ismail, *Pengislaman Ilmu*, terj., Mustafa Kasim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 1-2.
[170] Mohamed Aris Othman, “Islamization of Human Sciences: Problems and Prospects,” dalam *Islamization of Human Sciences*, ed., Mohd Yusof Hussain (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2009), 1-3.



University of Malaya

sekularisme.[171] Definisi ini menunjukkan pandangan Islam yang lebih luas dan terpandu sentiasa menghilangkan tanggapan manusia yang terbelenggu dengan unsur sekeliling dan luaran yang sekular khususnya dalam perkembangan sains teknologi kini.[172] Proses ini dilakukan dengan pembebasan diri dan pengembalian diri kepada kejadian asal tujuan beribadah kepada Allah dalam segala aspek kehidupan. Ini menujukkan kemajuan ilmu tidak boleh terpisah dengan wahyu.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan definisi pengislaman dapat difahami dengan dua bentuk iaitu pengislaman manusia dalam konteks individu iaitu akidah. Kedua, pengislaman dalam konteks cara kehidupan berteraskan Islam melalui aspek sosial, ekonomi dan politik. Pengislaman cara kehidupan adalah proses mengislamkan seluruh aspek kehidupan manusia di atas manifestasi kepatuhan, keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Ini menunjukkan proses mengislamkan adalah termasuk dalam dakwah dan ia bersifat luas serta tidak terhad kepada soal keimanan sahaja, namun terpakai kepada seluruh aspek kehidupan manusia di bawah syariat Islam. Dalam konteks kajian ini, pengislaman dirujuk kepada definisi pertama iaitu usaha dalam mentransformasikan kekufuran manusia kepada keimanan kepada Allah s.w.t dan mentaati segala peraturan-Nya.

University of Malaya

## 2.5 Definisi Non-Muslim

[171] Noor Hisham Md. Nawi et al., *Falsafah Ilmu, Pencarian Hakikat Makna dan Kebijaksanaan* (Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan, 2013), 125.
[172] Adi Setia, “Tiga Pengertian ‘Sains Islam’: Ke Arah Usaha Penyedaran Semula Misi Pengislaman Sains Dan Teknologi Menurut Kerangka Faham Syed Muhammad Naquib al-Attas,” (makalah, Training of Trainers Kursus Falsafah Ilmu, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 11 Febuari 2015).

Perkataan *non* adalah berasal dari bahasa Inggeris yang bermaksud bukan atau tidak.[173] Perkataan *non* terletak awalan atau imbuhan *(prefix)* dalam sesuatu perkataan.[174] Ia biasanya digabungkan dengan kata nama yang dirujuk kepada jenis perbuatan tertentu untuk membentuk kata nama baru.[175]

Istilah 'muslim' pula dirujuk kepada orang Islam. Dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy,* istilah muslim bermaksud orang yang menerima risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w dan patuh kepada ajarannya.[176] Dalam kamus *Mu'jam al-Wasiṭ,* istilah *muslim* bermaksud orang yang patuh dengan ajaran Islam.[177] Manakala *Kamus Dewan* memberi maksud *muslim* dengan orang lelaki yang beragama Islam dan *muslimah* untuk orang perempuan yang beragama Islam.[178] Ini menunjukkan muslim adalah orang Islam yang beriman dan patuh serta tunduk terhadap segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya.

Daripada maksud-maksud tersebut, dapat difahami di sini bahawa muslim adalah orang lelaki dan perempuan yang beriman dengan apa yang telah disampaikan oleh Nabi s.a.w. Keimanan itu adalah asas dan dibuktikan dengan perbuatan di atas ketaatan dan kepatuhan seseorang terhadap perintah-perintah Allah s.w.t sama ada perintah dalam melakukan sesuatu perkara atau perintah dalam meninggalkan sesuatu perkara yang dilarang, sebagaimana firman Allah:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُواْ مُسۡلِمِينَ ٦٩

Al-Zuhruf 43 : 69

---

173 A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (United Kingdom: Oxford University Press, 2011), 1035, entri "non.".
174 *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Shah Alam Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 2003), 265, entri "non."
175 *BBC English Dictionary* (London: Harper Collins Publishers, 1993), 749, entri "non."
176 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munazzhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 639, entri "muslim."
177 Nāsir Sayyid Ahmad et al., *Mu'jam al-Wasiṭ*, (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, 2008), 46, entri "aslama."
178 *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1059, entri "muslim."



University of Malaya

Terjemahan: (Mereka itu ialah) orang-orang yang beriman akan ayat-ayat keterangan kami, serta mereka menjadi orang-orang Islam yang taat patuh.

Dalam ayat di atas, al-Sha‘rawiy menjelaskan bahawa muslim adalah orang yang sebenar-benar bertaqwa kepada Allah dan diberikan ganjaran syurga di akhirat kelak.[179] Manakala dalam hadith Nabi s.a.w, muslim dinyatakkan dengan ciri-ciri yang menepati sebagai sebagai seorang muslim. Sepertimana hadith riwayat Abdullah bin Amr r.a:

عن عبدالله بن عمرو رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده والمهاجر من هجر ما نهى الله عنه.

Terjemahan: Dari ‘Abdullah bin Amr r.a, dari Nabi s.a.w sabdanya: “Orang Islam adalah orang-orang yang lain merasa selamat dari lisannya yakni tidak dilukai hatinya dengan kata-kata dan selamat dari tangannya, yakni tidak pernah disakiti dengan tangannya atau kekuasaan yang dimiliki. Dan *muhājir* ialah orang yang hendak meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah pada dirinya.”[180]

Dalam hadith di atas, Nabi s.a.w menyebutkan bahawa akhlak muslim sesama muslim adalah tidak menyakiti saudara muslim dengan lisan, tangan atau kuasa, dan berusaha meninggalkan apa yang telang Allah. Ini menunjukkan kriteria muslim ditentukan dengan keimanan kepada Allah dan melakukan perbuatan di atas ketaatan berdasarkan perintah Allah. ‘Alī Tantawi, muslim adalah orang yang menyebut tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Muhammad adalah utusan Allah, mereka yang tidak beriktiqad selain al-Qur’ān dan al-Sunnah, mereka yang tidak menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan sebaliknya, serta melaksanakan ajaran Islam. Tidak mudah menuduh seseorang

---

[179] Al-Sha‘rawiy, Muhammad Mutawally, *Mukhtasar Tafsir al-Sha‘rawiy*, jil.3, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah LitTurāth, 2011), 236-237.

[180] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-Imān, Bab Al-Muslim man Salima al-Muslimūna min lisānihi wa yadih, no. Hadith 3. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.i, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 14.



University of Malaya

sebagai non-muslim kecuali ia telah mengingkari perkara usul dalam agama iaitu keimanan dan akidah Islam.[181]

Menurut ‘Abdul Karīm Zaydān, muslim dapat dilihat berdasarkan definisi Islam itu sendiri. Beliau membahagikan dengan enam definisi. Pertama, Islam dapat dilihat sepertimana hadith Nabi s.a.w yang di datangi oleh Jibril a.s dan bertanyakan tentang iman, Islam, ihsan dan hari kiamat.[182] Kedua, Islam ialah tunduk, penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah. Ketundukan ini penuh dengan kesedaran dan kerelaan bukan terpaksa. Ketiga, Islam ialah satu sistem yang menyeluruh dan lengkap merangkumi semua aspek kehidupan yang mempunyai dasar sistem akhlak. Keempat, Islam ialah sejumlah peraturan yang diturunkan Allah ke atas rasul-Nya Muhammad s.a.w yang berkaitan akidah, akhlak, ibadah, muamalah dan segala perkara yang terkandung dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah yang diperintahkan untuk seluruh umat manusia. Kelima, Islam adalah berkaitan dengan falsafah kejadian manusia di dunia. Ianya dilihat dengan persoalan dari mana manusia datang, apakah tujuan kita datang dan kemanakah kita akan kembali. Keenam, Islam adalah ruh yang sebenar kepada manusia, cahaya petunjuk dalam menjalani kehidupan, penawar segala penyakit dan jalan yang lurus. Daripada enam definisi Islam yang dinyatakan di atas, definisi Islam yang pertama iaitu melalui hadith Nabi s.a.w lebih merangkumi semua makna dan pengertian dalam definisi-definisi yang lain.[183]

Daripada maksud-maksud tersebut, dapat difahami di sini bahawa muslim ialah orang Islam yang beriman dengan perkara-perkara keimanan di dalam hati dan dibuktikan dengan perbuatan melalui ajaran Islam yang sempurna dalam semua aspek kehidupan

---

[181] Ṭanṭawi, ‘Alī, *Fusūl al-Islāmiyyah* (Damshīk: Dār al-Manār, 1960), 30.
[182] (Jibril berkata) Beritahulah kepada saya tentang Islam? Jawab Nabi s.a.w: Islam itu ialah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah utusan Allah – selawat dan salam ke atasnya, kamu mendirikan sembahyang, kamu menunaikan zakat, kamu berpuasa di bulan Ramadhan dan kamu menunaikan haji jika berkemampuan. Lihat hadith riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-Imān, Bab Suāl Jibril al-Nabiyy S.A.W an al-Imān wa al-Islām wa al-Ihsān wa ‘ilm al-sā‘ah wa bayān al-Nabiyy S.A.W lahu thumma qāla (Jāa Jibril a.s yu‘alimukum dinakum), no. Hadith 50. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.i, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 22-23.
[183] ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 9-15.



University of Malaya

manusia. Ini menunjukkan orang Islam ialah mereka yang beriktiqad dengan akidah Islam iaitu beriman kepada Allah, malaikat, rasul-rasul, kitab yang diturunkan, qada’ dan qadar, dan hari kebangkitan. Dalam melaksanakan perintah Allah, muslim sentiasa terangkum dengan maksud orang beriman dan beramal ṣaleh, menerima apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w, melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang diperintahkan dalam kehidupan.

Oleh itu, istilah ‘non-muslim’ dapat difahami dengan golongan manusia yang tidak beriman kepada Allah, tidak mentauhidkan Allah, ingkar, mensyirikkan Allah dan tidak menyembah Allah. Al-Qur’ān telah menyebut golongan tersebut dengan istilah *al-kufr*, *al-mushrikīn*, *al-ahl al-kitāb*, *al-juhd* dan *al-authān*.Penggunaan istilah non-muslim dilihat lebih lembut dalam konteks dakwah, namun mempunyai maksud yang sama dengan istilah *al-kufr*, *al-mushrikīn*, *al-ahl al-kitāb*, *al-juhd* dan *al-authān*. Dalam konteks semasa, penggunaan istilah-istilah tersebut dilihat agak kasar dan menyinggung perasaan yang seolah-olah golongan mereka wajib diperangi. Disebabkan itu terdapat segelintir non-muslim yang menjauhkan diri dan bimbang dengan dakwah.

Walau bagaimanapun, al-Qur’ān telah menggunakan beberapa istilah yang menunjukkan pengertian non-muslim secara khusus. Antaranya adalah seperti berikut:

a) *Al-kufr* ialah orang atau golongan yang tidak beriman kepada keesaan Allah s.w.t, nabi-nabi dan syariat Islam.[184]

b) *Al-mushrikīn* ialah orang yang mensyirikkan Allah dengan sesuatu dan beriman kepada tuhan yang banyak,[185] baik dengan keyakinan, ucapan ataupun

---

[184] *Al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy*, (Larousse: Al-Munazẓhamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-’Ulūm, 1989), 1046, entri “al-kufr.”

[185] *Ibid.*, 684, entri “shirk.”



University of Malaya

perbuatan seperti percaya ada kuasa ghaib selain Allah, memuja berhala atau dewa dan sebagainya.[186]

c) *Al-juhd* ialah golongan yang ingkar dengan perintah Allah.[187]

d) *Ahl al-kitāb* adalah golongan Yahudi dan Nasrani.[188]

e) *Al-authān* ialah golongan yang menyembah atau percaya kepada sesuatu seperti kayu, batu dan lain-lain, sebagai tuhan.[189]

f) *Al-munāfiqīn* ialah orang yang tindakan zahir dan hati berbeza, atau orang berpura-pura, atau orang menyembunyikan kekufurannya di dalam hati dan menzahirkan imannya dengan lisan.[190]

Kriteria non-muslim yang diistilahkan al-Qur'ān dengan *al-kufr, al-mushrikīn, al-juhd, ahl al-kitāb* dan *al-authān* dapat digambarkan dengan ciri-ciri tertentu yang menunjukkan anutan kufur dan sesat. Sheikh Mahmūd Sharīf telah menjelaskan keempat istilah non-muslim di atas berdasarkan sifat-sifat kekufuran yang telah dijelaskan dalam al-Qur'ān. Sifat kekufuran tersebut ialah yang mengakui mempunyai banyak tuhan, non-muslim yang mengambil dua tuhan, golongan yang mengiktiraf Allah tetapi mengingkari hari kebangkitan, *al-dahriyyūn* iaitu mereka yang ingkar kepada Allah dan mengatakan bahawa alam ini ada sejak azali dan kekal selamanya, non-muslim yang menyatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan, non-muslim yang mengatakan Allah mempunyai anak, non-muslim yang menjadikan jin sebagai sekutu Allah, non-muslim yang menyembah malaikat, non-muslim yang menyembah makhluk, pemerintah dan kebatilan yang disamakan dengan Allah; non-muslim yang menyembah dengan apa yang dicipta dengan tangannya sendiri daripada batu, kayu, tembaga atau bijih timah dan tamar (buah kurma);

[186] *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1061, entri "musyrikin."
[187] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, 230, entri "jahada."
[188] *Ibid.,* 1027, entri "ahl al-kitāb."
[189] *Ibid.*, 1290, entri "wathana."
[190] *Ibid.,* 1218, entri "munāfiq."

University of Malaya

non-muslim yang menjadikan pengantara kepada Allah; dan golongan yang menjadikan sembahannya sebagai syafaat.[191]

Manakala kriteria bagi *al-munāfiqīn* agak sukar ciri-ciri secara zahir, namun boleh dikenal pasti. Mereka berpura-pura atau berdusta dengan apa yang ditunjukkan dalam masyarakat Islam. Mereka sering melakukan kerosakan dalaman masyarakat Islam. Mereka wujud disebabkan kekufuran dan rasa takut, dan mereka adalah lebih buruk daripada orang kafir. Mereka juga susah untuk menerima dakwah kerana terikat dengan kepentingan mereka. Golongan ini lebih sukar untuk dikesan, namun dapat dikenal pasti berdasarkan karekter serta sikap mereka. Antara sifat dan sikap mereka adalah hati mereka sentiasa sakit dan selalu keluh kesah, selalu membuat angkara di muka bumi, mereka yang menghina Islam, bermegah dengan dosa, mengutamakan orang kafir sebagai ketua dan sahabat, menipu, bersikap riyak dan malas menunaikan ibadah, perosak di kalangan orang-orang *mu'min*, takut dan benci sesama mukmin, menolak kebenaran, menyuruh mungkar dan melarang makruf, tidak menepati janji, menghina orang mukmin, melarang jihad dan sentiasa memberi mudarat kepada orang mukmin.[192] Karekter seperti ini telah dinyatakan Allah s.w.t di dalam al-Qur'ān:

وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ
شَيَـٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ١٤

Al-Baqarah 2 : 14

Terjemahan: Dan apabila mereka bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman," dan manakala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata pula: "Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang-orang yang beriman).

[191] Mahmūd Sharīf, *Al-Adyān fi al-Qur'ān*, (Misr: Dār Ma'ārif bi Misr, 1970), 55-56.
[192] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 396-397.



University of Malaya

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa istilah non-muslim disebut al-Qur'ān dengan *al-kufr*, *al-juhd*, *al-mushrikīn*, *ahl al-kitāb*, *al-authān*, dan *al-munāfiqīn*. Semua istilah tersebut menunjukkan maksud non-muslim adalah golongan yang tidak beriman kepada Allah, menyembah selain Allah, berpura-pura beriman, ingkar dengan menentang setelah diseru kepada Islam, dan mengakui Allah dengan perantaraan-perantaraan tertentu sebagai bantuan yang menjadi sembahan. Walaupun disebutkan dengan istilah yang berbeza-beza, namun non-muslim tetap mempunyai maksud yang sama iaitu golongan tidak beriman kepada Allah dan rasul-rasulNya dan melakukan syirik kepada Allah atau terus ingkar dengan melakukan syirik setelah diberi peringatan.

## 2.6 Matlamat Dakwah Kepada Golongan Non-Muslim

### 2.6.1 Menyeru Golongan Non-Muslim Beribadah kepada Allah

Seluruh makhluk dan penciptaan di alam ini adalah kepunyaan Allah. Allah s.w.t telah mencipta, mengatur dan menentukan seluruh penciptaan-Nya di alam ini. Allah s.w.t menciptakan seluruh makhluk-Nya di atas muka dengan tujuan-tujuan tertentu. Dalam penciptaan manusia di muka bumi, Allah s.w.t menjelaskan tujuan kejadian manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya. Ini menunjukkan manusia merupakan hamba yang hanya wajib melakukan ibadah kepada Allah, sebagaimana firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Al-Dhāriyyat 51: 56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

University of Malaya

Dalam ayat di atas, al-Shaʻrawiy menjelaskan manusia diciptakan adalah untuk mentauhidkan Allah, menyembah Allah, beribadah kepada-Nya dan mengikut perintah-Nya.[193] Sayyid Qutb pula menjelaskan bahawa kewujudan manusia di alam ini mempunyai matlamat yang tertentu. Matlamat tersebut akan dicapai dengan melakukan tugas-tugas yang telah ditetapkan. Tugas tersebut ialah perhambaan diri kepada Allah, iaitu selama mana ada hamba (makhluk ciptaan) dan Tuhan (Pencipta). Sebagai hamba manusia wajib menyembah dan Allah hendaklah disembah.[194]

Ini menunjukkan kejadian manusia mempunyai matlamat yang jelas iaitu menjadi hamba Allah, mentauhidkan Allah, menyembah dan beribadah kepada-Nya. Penegasan ini menggambarkan bahawa kejadian manusia mempunyai fitrah kehambaan yang memerlukan tuhan untuk beribadah serta beragama. Ia adalah satu hakikat kemanusiaan. Sudah pasti terdapat agama yang benar-benar wujud sejak lahirnya manusia di dalam alam semesta ini dan menepati dengan naluri fitrah beribadah.[195] Persoalan yang sering timbul berkaitan manusia dan agama adalah, apakah agama yang benar-benar sesuai dengan manusia? Agama apakah yang lebih besar dari semua agama yang ada? Agama apakah yang mampu memberikan petunjuk untuk kebahagiaan manusia? Oleh yang demikian, Allah s.w.t telah menjadikan Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap untuk kehidupan beribadah serta bertuhan yang sebenar-benar.[196] Firman Allah:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗا

Al-Māidah 5 : 3

Terjemahan: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

---

[193] Al-Shaʻrawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Shaʻrawiy*, jil. 3, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litTurāth, 2011), 288.
[194] Abd Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 29.
[195] Mohd Sulaiman Hj Yasin, *Islam dan Aqidah (Satu Pengantar)*, (Bangi, t.p, 1985), 110.
[196] Haron Din, *Manusia dan Islam, Jil. 1*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), xix.



University of Malaya

Dalam ayat di atas, Ibn Kathīr menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menyempurnakan untuk manusia agama sehingga manusia tidak perlu kepada agama lain dan diutuskan seorang nabi iaitu Nabi Muhammad s.a.w.[197] Secara fitrah, manusia sangat berhajat kepada dakwah kerana manusia sentiasa memerlukan sistem kepercayaan yang sempurna dan bukan kepada kepercayaan atau teori-teori yang sering berubah-ubah.[198] Di atas faktor ini, Islam agama sempurna untuk seluruh manusia tunduk beribadah kepada Allah s.w.t dan menolak sebarang peribadatan selain daripada-Nya.[199]

Dalam menjelaskan tentang beribadah kepada Allah, Ibn Taymiyyah (1262-1327M) menyatakan bahawa ibadah adalah satu perkataan yang mengandungi semua perbuatan yang disukai dan diredhai Allah. Ia terdapat dalam segala perkataan dan perbuatan, sama ada zahir dan batin seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada ibu bapa, hubungan silaturrahim, menunaikan janji, menyuruh makruf, mencegah mungkar, jihad, berbuat baik kepada jiran dan anak-anak yatim, zikir, kasihkan Allah dan rasul-Nya, sabar, syukur, tawakal, takut kepada azab Allah dan sebagainya.[200] Ini menunjukkan segala tindak tanduk manusia di atas ketaatan kepada Allah dinamakan ibadah. Manusia diciptakan untuk mengikut segala perintah suruhan dan larangan yang telah ditetapkan. Ketaatan terhadap perintah-perintah tersebut adalah ibadah.

Oleh itu, dapat difahami bahawa tanggungjawab dakwah kepada golongan non-muslim bertujuan untuk memandu mereka menyembah dan beribadah kepada Allah s.w.t. Manusia telah dijadikan Allah untuk beribadah atau mengabdikan diri kepada Allah. Di atas faktor tersebut, Allah s.w.t telah menjadikan Islam sebagai agama yang sempurna untuk

University of Malaya

---

197 Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil.3, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 26.

198 ''Alī 'Abd al-Halim Mahmud, *'Ālamiyyah al-Da'wah al-Islāmiyyah* (Al-Mansūrah, Misr: Dār al-Wafā' li al-Tibā'ah wa al-Naṣr wa al-Tauzi', 1992), 40.

199 Al-Bahī, Muhammad, *Al-Islām fi Hayāh al-Muslim* (Misr: Maktabah Wahbah, 1973), 11.

200 Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 32.

manusia menyembah dan beribadah kepada-Nya. Bahkan agama ini selari dengan fitrah kejadian secara jasmani dan rohani manusia dalam mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

### 2.6.2 Melaksanakan Amanah Khalifah

Sebagai hamba, manusia telah diciptakan untuk menunaikan amanah sebagai khalifah. Khalifah ialah pengganti dalam memakmurkan dan menguruskan perintah Allah di muka bumi,[201] sebagaimana firman Allah:

وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ
خَلِيفَةٗ

Al-Baqarah 2: 30

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.

Manusia merupakan makhluk Allah yang sanggup memegang amanah khalifah berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Ini menggambarkan manusia adalah makhluk atau hamba yang paling hampir dengan pencipta-Nya, berbanding hamba-hamba yang dicipta oleh Allah,[202] sebagaimana firman-Nya:

إِنَّا عَرَضۡنَا ٱلۡأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ
وَٱلۡجِبَالِ فَأَبَيۡنَ أَن يَحۡمِلۡنَهَا وَأَشۡفَقۡنَ مِنۡهَا وَحَمَلَهَا
ٱلۡإِنسَٰنُۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومٗا جَهُولٗا ٧٢

Al-Azhāb 33: 72

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada

[201] Sohirin M. Solihin, *Islamic Da'wah: Theory and Practical* (Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia, 2008), 51.
[202] Haron Din, *Manusia Dan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 19-20

University of Malaya

> mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabi‘at kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan tentang kesanggupan manusia sebagai makhluk yang memegang amanah khalifah di muka bumi. Ibn Abbas r.a menyatakan amanah tersebut ialah hal-hal yang diwajibkan Allah. Manakala Mujahid, Sa‘id bin Jubair, al-Dhahhak, al-Hasan al-Basri dan lain-lain, berpendapat amanah tersebut adalah ketaatan melaksanakan perintah Allah di dunia.[203] Ini menunjukkan sepanjang kehidupan manusia di dunia adalah untuk menunaikan amanah Allah. Allah dengan sifat adil telah menjanjikan bahawa setiap manusia yang menunaikan dan melaksanakan amanah-Nya dengan baik akan memperoleh ganjaran dan kebahagiaan abadi. Sebaliknya, Allah dengan *wa‘īd* (janji seksaan), tetap akan mengenakan balasan setimpal ke atas setiap manusia yang mengkhianati amanah.[204]

Amanah yang dipikul manusia sepanjang hayatnya terbahagi kepada dua iaitu amanah ibadah dan amanah khalifah.[205] Kedua-dua tujuan amanah tersebut adalah seperti berikut:

1. Tujuan hakiki iaitu melaksanakan amanah khalifah dan tugas melaksanakan amanah atau imarah untuk mendapatkan keredhaan Allah.

2. Tujuan lain adalah memahami dan mempelajari serta seterusnya mempraktikkan wahyu Allah dalam kehidupan sehari-hari, kerana sesiapa yang tidak mematuhi

---

[203] Ibn Kathir, Abu Fida’ ‘Imaduddin Ismail bin ‘Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 382-383.
[204] Ahmad Asnawi Hj. Hassan, “Dakwah al-Qur’ān terhadap Manusia ke Arah Pembangunan,” dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia, 1995), 133.
[205] *Ibid*., 133.



University of Malaya

perintah Allah yang diturunkan, maka mereka akan berada dalam kategori orang-orang yang fasiq, zalim dan kafir berdasarkan surah al-Māidah, ayat 44 hingga 47. Selain itu, tujuan tersebut adalah untuk melahirkan masyarakat sejahtera yang mendapat keampunan Allah. Masyarakat yang pesat membangun dan sejahtera ini hendaklah mengandungi ciri-ciri berikut:

a. Insan *kāmil* iaitu peribadi yang menghayati Islam sepenuhnya dan sentiasa bertakwa.
b. *Usrah sakinah* iaitu keluarga tenteram, di mana seluruh anggotanya merasai bahagia dari kasih sayang dan saling menghormati.
c. Masyarakat *marhamah*, di mana seluruh anggotanya bersatu padu, bersaudara dan saling bersefahaman.
d. *Baldatun ṭhaiyyibah* iaitu negara yang baik, tiada penindasan, tiada kezaliman, tiada keburukan dan sebagainya.
e. Dunia *ḥasanah* iaitu alam sejagat yang sejahtera tiada ancaman perang, tiada pencemaran dan ancaman kemusnahan dari kerja-kerja manusia.[206]

Oleh itu, dapat difahami bahawa tanggungjawab dakwah kepada golongan non-muslim adalah salah satu daripada amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi. Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab menyeru dan mengajak manusia menyembah Allah atau mentauhidkan Allah, membimbing manusia tentang tujuan-tujuan kejadiannya di bumi, dan memandu manusia agar sentiasa taat dengan perintah-Nya.

### 2.6.3 Mencegah Kekufuran dan Segala Bentuk Syirik

[206] Ahmad Asnawi Hj. Hassan, "Dakwah al-Qur'ān terhadap Manusia ke Arah Pembangunan," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia 1995), 140.



University of Malaya

Pengutusan para nabi dan rasul di dunia ini adalah untuk menyeru manusia menyembah Allah dan menolak segala bentuk penyembahan yang batil dan mencegah manusia terus bergelumang dengan syirik sepanjang hayatnya. Islam melarang sesat dan syirik kerana ia perbuatan yang berdosa besar.[207] Di atas faktor itu, dakwah diperintahkan secara berterusan untuk memandu manusia berada di atas kebenaran dan menjauhkan kesesatan, sebagaimana firman Allah:

وَلَقَدۡ بَعَثۡنَا فِي كُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولًا أَنِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ
وَٱجۡتَنِبُواْ ٱلطَّٰغُوتَۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ هَدَى ٱللَّهُ وَمِنۡهُم
مَّنۡ حَقَّتۡ عَلَيۡهِ ٱلضَّلَٰلَةُۚ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ
فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ٣٦

Al-Nahl 16: 36

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah *tāghūt*." Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasul-Nya."

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa para rasul diutuskan untuk menyeru manusia menyembah Allah, menyeru manusia supaya meninggalkan segala penyembahan selain daripada Allah[208] dan melepaskan diri manusia daripada menyembah *tāghūt*.[209] Sayyid Qutb dalam menjelaskan istilah *tāghūt* dalam ayat di atas, iaitu sesuatu yang melampaui siuman, melampaui kebenaran dan melewati batas apa yang digariskan oleh Allah kepada hamba-Nya, sesuatu yang tidak dikawal dengan kepercayaan kepada Allah

---

[207] Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil.3, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 190.

[208] Al-Qurtubi, Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *Al-Jāmi' li al-Ahkām al-Qur'ān*, Jil. 10 (Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabiyy li Tibā'ah wa al-Naṣr, 1967), 103-104.

[209] Sayyid Quṭb, *Tafsir Fi Zilal Qur'ān, Jil. 2*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, (Kota Bahru Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., 2000), 72.



University of Malaya

serta undang-undang syariat yang diatur Allah. Kepercayaan manusia kepada *tāghūt* merangkumi segala sistem kehidupan, segala kefahaman, pemikiran dan peraturan atau peradaban tradisi yang tidak diambil dari agama Allah.[210]

Contohnya Allah s.w.t telah mengutuskan Nabi Nūh a.s kepada kaumnya untuk diseru menyembah Allah yang Esa. Baginda telah berusaha mengembalikan tauhid dalam hal ketuhanan, menghapuskan syirik dalam peribadatan dan menghalang segala bentuk kezaliman. Baginda merasa bimbang dan mengingatkan kaumnya supaya beriman kepada Allah agar tidak ditimpakan azab Allah yang sangat dashyat,[211] sebagaimana firman Allah:

لَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥٩

Al-A'rāf 7 : 59

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nūh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat)."

Oleh itu, dapat difahami matlamat dakwah kepada golongan non-muslim bertujuan untuk mencegah manusia daripada kekufuran dan segala bentuk syirik kepada Allah. Di atas faktor itu, dakwah diperintahkan untuk mengajak dan membimbing manusia tunduk kepada Allah, menjauhi atau meninggalkan segala bentuk syirik dan memandu manusia melakukan ibadah melalui seluruh jiwa raga kepada Allah s.w.t serta menajuhkan manusia menjadi hamba sesama makhluk *(taghūt)*.

### 2.6.4 Menjauhkan Manusia daripada Kemurkaan Allah

---

210 *Ibid*.

211 Ibn Kathir, Abi Fidā 'Imānuddin Ismā'il bin 'Umar, *Qasas al-Anbiya*,' (Kaherah: Dār Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah, t.th), 71.



University of Malaya

Dakwah adalah suatu usaha untuk menjauhkan manusia daripada kemurkaan Allah di dunia dan di akhirat. Kemurkaan Allah adalah disebabkan sikap manusia yang tidak patuh dan taat kepada perintah-Nya. Sikap keterlaluan, jahil, kufur, sombong dan zalim telah menjadikan manusia melanggar perintah Allah di muka bumi. Allah s.w.t telah mengingatkan manusia tentang perkara tersebut sebagaimana firman-Nya:

وَٱتَّقُواْ فِتۡنَةٗ لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنكُمۡ خَآصَّةٗۖ
وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢٥

Al-Anfāl 8 : 25

Terjemahan: Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya.

Dalam ayat di atas, al-Sha‘rawiy menjelaskan bahawa Allah mengingatkan manusia untuk menjauhkan maksiat agar tidak dimurkai-Nya.[212] Dalam masa yang sama, Allah mengingatkan juga orang-orang yang beriman dan bertaqwa agar tidak membiarkan kemungkaran atau kerosakan yang berlaku di hadapan mata mereka kerana mereka tidak terkecuali menerima azab Allah s.w.t tanpa mengira orang yang baik dan orang yang tidak baik.[213] Ini menunjukkan balasan kemurkaan Allah tidak terbatas kepada mereka yang melakukan kemungkaran, malahan meliputi kepada orang beriman yang membiarkan kemungkaran itu berleluasa tanpa usaha membendung dan mencegah.

Dalam al-Qur’ān, Allah telah memberikan contoh sikap melampau manusia melalui Banī Isrāel. Mereka telah diutuskan beberapa orang rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w.

---

[212] Al-Sha‘rawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Sha‘rawiy*, jil. 2, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litTurāth, 2011), 88.
[213] Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 366.



University of Malaya

Mereka juga telah dikurniakan nikmat dan kelebihan yang istimewa.[214] Namun disebabkan sikap sombong dan melampau Banī Isrāel, mereka telah dimurkai Allah dan pernah dibinasakan. Firman Allah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ
دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ
يَعۡتَدُونَ ٧٨ كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ
لَبِئۡسَ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٧٩

Al-Māidah 5: 78-79

Terjemahan: Orang-orang kafir Yahudi dari Banī Isrāel telah dilaknat (di dalam kitab-kitab Zabūr dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi ʻĪsā Ibn Maryam. Demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan.

Dalam ayat di atas, al-Qur'ān menyatakan bahawa Banī Isrāel telah dilaknat sejak sekian lama iaitu melalui kitab yang diturunkan kepada Nabi Daud a.s dan Nabi ʻIsā disebabkan perbuatan mereka yang derhaka dan melampau.[215] Mereka bersikap sombong, zalim, mengikut hawa nafsu semata-mata dan tidak menyuruh kepada kebaikan dan melarang kemungkaran setelah diberikan beberapa keistimewaan kepada mereka. Ramai di kalangan rasul yang diutuskan daripada kaumnya dan telah dikhianati mereka. Kemurkaan Allah kepada Banī Isrāel telah dinyatakan dalam al-Qur'ān sebagai pengajaran yang sangat penting buat umat Islam sehingga hari ini.

Oleh itu, dapat fahami dakwah kepada golongan non-muslim merupakan suatu usaha menjauhkan kemurkaan Allah terhadap sikap-sikap manusia di muka bumi. Ia

University of Malaya

---

[214] Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 1, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 242.

[215] Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 3, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 191-192.

disebabkan kekufuran, kesombongan dan kedegilan manusia mentaati perintah Allah. Di atas faktor itu, Allah s.w.t telah memberikan peringatan kepada manusia dengan menggambarkan sikap umat-umat terdahulu yang telah dibinasakan sekalipun diutuskan beberapa rasul dan nabi di kalangan mereka.

## 2.7 Pendekatan Dakwah Kepada Golongan Non-Muslim Berdasarkan Ayat 125, Surah Al-Nahl

Dalam al-Qur'ān, pendekatan dakwah kepada golongan non-muslim boleh dilihat sebagaimana firman Allah s.w.t melalui surah al-Nahl ayat 125: Firman Allah:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ
وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن
ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan ḥikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat di atas, Allah s.w.t memerintahkan Nabi s.a.w untuk menyampaikan dakwah kepada manusia secara hikmah *(al-ḥikmah)*, nasihat yang baik *(maw'iẓah ḥasanah)* dan dengan perbincangan, dialog dan perbahasan yang terbaik *(mujādalah)*. Kalangan ahli tafsir menjelaskan bahawa ayat ini merupakan kerangka asas dalam melaksanakan dakwah kepada manusia.[216] Di atas dalil tersebut, maka pendekatan dakwah kepada non-muslim terbahagi kepada tiga bentuk iaitu secara berhikmah, nasihat yang baik dan berbahas dengan cara yang baik.

University of Malaya

---

[216] Quṭb, Sayyid, *Fi Zilal al-Qur'ān*, jil. 4 (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1985), 2201.

### 2.7.1 Pendekatan *Dakwah Bi al-Ḥikmah*

Dalam kamus *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy, al-ḥikmah* bermaksud sesuatu kelebihan pada ilmu dan kefahaman, kebijaksanaan, kebenaran, perbuatan, perkara kebaikan, sebab di sebalik *(al-'illah)* yang berlaku atau yang diperintahkan, meletakkan sesuatu pada tempatnya.[217] Dalam kamus *Al-Mu'jam al-Wasīt*, *al-ḥikmah* bermaksud adil, ilmu pengetahuan, kesabaran dan menyampaikan sesuatu yang benar dengan lemah lembut.[218] Dalam *Kamus Dewan*, hikmah bererti kebijaksanaan daripada Allah, kecerdikan, rahsia dan kelebihan atau tujuan sebenar disebalik sesuatu.[219] Dalam bahasa Inggeris, hikmah lebih disebut dengan maksud '*wisdom*.' Dalam kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, '*wisdom*' bermaksud kemampuan dalam membuat keputusan, memberi nasihat yang baik berdasarkan pengalaman dan ilmu pengetahuan, ilmu pengetahuan yang telah dibentuk lama dalam masyarakat atau budaya.[220]

Daripada maksud-maksud, istilah *al-ḥikmah* dalam bahasa Arab mempunyai skop yang luas dengan mengaitkan sesuatu kelebihan, ilmu pengetahuan, kebaikan, sebab *(al-'illah)* adil dan sebagainya. Hikmah dalam bahasa Melayu hampir menunjukkan kepada maksud seperti *al-ḥikmah* dalam bahasa Arab iaitu kebijaksanaan seseorang yang dikurniakan Allah dan sebab ke atas sesuatu yang berlaku. Manakala hikmah dalam bahasa lebih menghad kepada faktor kebijaksanaan yang terdapat seseorang yang disebut '*wisdom*.'[221] Ini menunjukkan *al-ḥikmah* tidak terhad pada sesuatu bahkan ia bersifat luas

---

[217] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy,* 341-342, entri "ḥikmah."
[218] Nāsir Sayyid Ahmad et al., *Al-Mu'jam al-Wasīt* (Beirut: Dār Ihya' al-Thurath al-'Arabiyy, 2008), 198, entri "al-ḥikmah."
[219] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 535, entri "hikmah."
[220] A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (United Kingdom: Oxford University Press, 2011), 1768, "wisdom."
[221] Harun Yahya menjelaskan *wisdom* bukanlah semata-mata dimaksudkan dengan kebijaksanaan, malah ianya lebih daripada maksud itu. Kebijaksanaan umumnya lebih bermaksud kepada keupayaan kecerdikan seseorang untuk berfikir, menanggapi realiti dan membuat suatu kesimpulan. Walhal hikmah merupakan aspek yang sangat penting dalam menyeru atau mengajak mata hati manusia kepada kebenaran, keadilan dan sebagainya. Lihat Harun Yahya, *True wisdom described in the Quran* (India: Goodword Book, 2004), 13-17.



University of Malaya

penggunaannya dan mempunyai atau implikasi positif ke atas sifat kebaikan seseorang dan sesuatu yang berlaku.

Menurut ʻAlī Jarishah, *al-ḥikmah* bermaksud benar dalam perkataan dan perbuatan, meletakkan sesuatu pada tempatnya, *itqān* dalam perkataan dan perbuatan.[222] Al-Thūsi menyatakan *al-ḥikmah* adalah menyeru manusia untuk melaksanakan amalan baik bagi memperolehi ganjaran, manakala seruan kepada kejahatan atau keburukan adalah ditegah dan dilarang kerana ianya adalah sia-sia. Al-Tabrasi menyatakan *al-ḥikmah* adalah al-Qur'ān kerana ia sentiasa menyeru dan menitikberatkan kebaikan dan melarang perbuatan keji. Al-Zamakhshārī pula menyatakan *al-ḥikmah* adalah kebenaran yang diterima dan merupakan hujah yang jelas serta menolak kesamaran.[223]

Selain itu, dakwah *al-ḥikmah* juga dirujuk dengan maksud *'al-man' li al-islah'* iaitu larangan atau tegahan yang bertujuan untuk menghalang sesuatu daripada meresap atau menjangkiti sehingga memudaratkan perkara yang lain. Ia terbentuk dari pecahan maksud perkataan itu sendiri iaitu adil *(al-ʻadl)*, ilmu *(al-ʻilm)*, lemah lembut *(al-hilm),*[224] kenabian, menolak kepada kebodohan, menolak kerosakkan, percakapan yang benar, meletakkan sesuatu ditempat yang tepat, kebenaran, bijaksana dan sebagainya.[225]

Daripada maksud-maksud di atas, dapat dinyatakan pendekatan dakwah *al-ḥikmah* difahami dengan pendekatan menyampaikan Islam dengan dengan kebijaksanaan, keilmuan, kelembutan, keadilan, kebenaran, sifat kenabian, meletak sesuatu pada tempatnya, tepat dan berasaskan al-Qur'ān dan hadith. Ini menunjukkan pendakwah *(dāʻīe)*, *manhaj* dakwah dan *mawduk* dakwah hendaklah mengandungi pendekatan kebijaksanaan,

---

222 ʻAlī Jarishah, *Manāhij al-Daʻwah wa Asālibiha* (Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibāʻah wa al-Nasyr wa al-Tauziʻ,1986), 143.
223 Muhammad Hussain Fadl Allah, *Uslub al-Daʻwah fi al-Qur'ān* (Beirut: Al-Zahrah, 1979), 43-56.
224 ʻAlī Jarishah, *Manāhij al-Daʻwah wa Asālibiha* (Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibāʻah wa al-Nasyr wa al-Tauziʻ,1986), 143.
225 Muhammad Hussain Fadl Allah, *Uslub al-Daʻwah fi al-Qur'ān*, 43-56.



University of Malaya

keilmuan, kelembutan, keadilan, kebenaran, sifat kenabian, meletak sesuatu pada tempatnya, tepat dan berasaskan al-Qur'ān dan hadith. Oleh itu, di antara kriteria pendekatan dakwah *al-ḥikmah* yang dapat dilihat adalah seperti berikut:

(a) Memahami Latar Belakang Golongan Sasaran *(Mad'ū)*

Dakwah secara *al-ḥikmah* dilaksanakan dengan melihat keadaan dan latar belakang kehidupan golongan *mad'ū* terlebih dahulu. Melihat kepada kemampuan atau kadar penerimaan dakwah dengan tidak membebankan tanggungjawab sebelum terbina kemampuan jiwa *mad'ū* seorang muslim yang mantap.[226] Sheikh Muhammad Ibrahim Shaqrah menjelaskan pendakwah merupakan pemudah cara Islam yang bergerak dalam kehidupan manusia. Manusia terdiri daripada pelbagai anutan, mengamalkan cara hidup, berlainan sifat, berbeza pemikiran mengikut perbezaan anutan, perbezaan pencapaian masyarakat dalam ilmu serta keupayaan individu manusia menanggapi ilmu. Dengan itu, masyarakat bertamadun berbeza dengan masyarakat mundur, masyarakat bandar berbeza dengan masyarakat kampung, masyarakat nelayan berbeza dengan pekerja kilang, pelajar berbeza dari pekerja, masyarakat komunis berbeza dengan masyarakat yang mengamalkan demokrasi dan masyarakat Islam.[227]

Sheikh Muhammad 'Abduh pula menyatakan pendekatan *al-ḥikmah* dilakukan dengan melihat kategori golongan sasaran seperti berikut:

i) Golongan cerdik atau cendikiawan yang suka kepada kebenaran, berfikir dengan kritis dan ahli falsafah. Pendekatan dakwah terhadap golongan ini dilakukan secara *al-ḥikmah* dengan mengemukakan fakta, dalil dan hujah-hujah yang boleh diterimanya.

---

[226] Quṭb, Sayyid, *Fi Zilal al-Qur'ān*, Jil. 4 (Kaherah, Misr: Dār al-Shurūq, 1985), 2202.

[227] Syed Abdurahman Syed Hussin, "Pendekatan Targhīb dan Tarhīb dalam Penyampaian Dakwah," *Jurnal Usuluddin* 21, no.1 (2005), 118.



University of Malaya

ii) Golongan awam iaitu orang kebanyakan yang tidak kritis dan mendalam sepertimana golongan pertama. Pendekatan dakwah terhadap golongan ini adalah dengan *mawizah al-ḥasanah* melalui didikan yang baik dan ajaran yang mudah difahami.

iii) Golongan di antara dua kelompok ini iaitu tidak seperti cendikiawan dan awam, dan suka berbahas. Pendekatan dakwah terhadap golongan ini adalah dengan mujadalah melalui bertukar fikiran, diskusi, dan mendorong agar menggunakan cara berfikir yang sihat.

Ketiga-tiga pendekatan di atas adalah sepertimana disarankan Nabi s.a.w agar menyampaikan dakwah mengikut kadar pemikiran golongan sasaran. Menurut Muhammad Hussīn Fadlullah, pendekatan dakwah *al-ḥikmah* tidak boleh dilakukan dengan kaedah yang mendatar sepertimana maksud literal, bahkan mestilah berbeza-beza dan bersesuaian mengikut realiti dakwah itu sendiri. Hakikatnya ia bergerak selari dengan ajaran Islam dan dakwah tidak akan menjadi praktikal sekiranya menggunakan pendekatan orang jahil untuk mendekati golongan cendikiawan. Keadaan mereka tidak sama dari segi kemampuan berfikir dan menanggapi sesuatu. Di dalam situasi tertentu, mungkin pendekatan dakwah yang bersemangat dan penuh emosi amat diperlukan, sementara dalam situasi yang lain hanya menggunakan pendekatan tenang dan damai. Pendekatan ini dapat menggerakkan minda bekerja dengan tenang, bersifat kerohanian dan minda manusia mampu digarap dengan harmoni.[228]

Ini menunjukkan pendekatan dakwah *al-ḥikmah* mestilah tepat penggunaannya ke atas situasi *mad'ū*. Aspek berkaitan pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk* mestilah bersesuaian dengan latar belakang golongan *mad'ū*. Kajian-kajian lepas turut menunjukkan golongan *mad'ū* mudah menerima dalam aspek-aspek penyampaian dakwah yang

[228] Muhammad Hussīn Fadlullah, *Uslub al-Da'wah fi al-Qur'ān* (Beirut: Al-Zahrah, 1979), 49.



University of Malaya

bersesuaian dengan latar belakang kehidupan mereka. Kajian Yunus Abdullah Zheng,[229] Che Yusoff Che Mamat,[230] Ab Aziz Mohd Zin[231] dan Mohd Farid Mohd Sharif[232] mendapati golongan *mad'ū* dapat menerima pendekatan yang tidak merendah-rendah adat dan budaya mereka yang dianggap sensitif. Justeru Sheikh Ahmad Gahlūsh menekankan bahawa aspek memahami latar belakang golongan *mad'ū* memerlukan kekuatan pendakwah mengkaji golongan sasaran dari sudut ilmu sejarah, geografi, ilmu psikologi masyarakat, dan mengetahui bahasa.[233] Pengkajian terhadap ilmu-ilmu tersebut dapat melahirkan bentuk-bentuk pendekatan yang sesuai dan berkesan kepada golongan *mad'ū*.

(b) Menolak Konflik dengan Golongan *Mad'ū*

Kewujudan konflik di antara pendakwah dan golongan *mad'ū* menyebabkan mesej dakwah tidak dapat disampaikan dan ditolak. Faktor membina hubungan yang baik dengan golongan *mad'ū* memberikan kesan positif dalam dakwah. Nabi s.a.w tidak mengambil pendekatan konflik dengan masyarakat jahiliyyah di Makkah. Sekalipun di kalangan pembesar Makkah ketika itu mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Nabi s.a.w. Baginda lebih mudah mendekati golongan yang dipercayai seperti Abu Bakr r.a, Ali r.a dan golongan bawahan.[234]

Konflik sering menimbulkan sikap prasangka, ancaman dan perbalahan. Pendakwah hendaklah mengambil tindakan bijaksana atau dengan hikmah agar golongan *mad'ū* tidak merasakan dakwah merupakan ancaman dan mencetuskan sangkaan boleh memburukan

---

[229] Ma, Yunus Abdullah Zheng, "Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), iv-v.
[230] Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," *Jurnal Islamiyyat 25* (2004) :30-36.
[231] Ab. Aziz b. Mohd. Zin, "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin,* bil. 2 (1995), 38.
[232] Mohd Farid Mohd Sharif, "Kaum Kensiu Negrito Muslim: Sejarah Pengislaman dan Masalah di Ulu Legong Baling, Kedah," (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003), 83.
[233] Ghalūsh, Ahmad Ahmad, *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usūliha wa wasā iluha* (Kaherah: Dār al-Kitab al-Misriy, 1978), 469-470.
[234] Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān, *Al-Rahiq al-Makhtūm,* terj. Mohd Nor Long (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2011), 66.

Islam. Jika ditelusuri dakwah Nabi s.a.w, sepanjang tiga belas tahun baginda tidak menggunakan pendekatan dakwah yang bersifat keras sekalipun terdapat kaum muslimin yang ditindas musyrikin Makkah.[235] Ini menunjukkan dakwah Nabi s.aw sentiasa mengutamakan asas dakwah yang tinggi iaitu pendekatan atau penyampaian tanpa kekerasan dan mementingkan pendekatan damai, selamat dan sejahtera, sebagaimana firman Allah:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ

Al-Baqarah 2 : 256

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam).

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t menyatakan bahawa tiada paksaan dalam keimanan kepada Allah. Kaedah ini telah ditunjukkan dalam dakwah para rasul yang menyeru dan mengingatkan manusia supaya beriman kepada Allah.[236] Ini menunjukkan dakwah bukan suatu ancaman yang menjadi kekhuatiran golongan *mad'ū* non-muslim. Bahkan ia merupakan suatu landasan kesejahteraan bagi kehidupan dunia dan akhirat.

(c) Menemui dan Menawarkan Islam kepada Golongan *Mad'ū*

Pendekatan ini menggunakan kaedah menemui golongan *mad'ū* secara langsung dan menawarkan Islam *(al-'ardiyyah)* kepada mereka. Di awal perkembangan dakwah, Nabi s.a.w telah mengambil peluang menyampaikan Islam kepada kabilah dari luar semasa musim haji (secara jahiliyyah) di Makkah. Kesan daripada pendekatan tersebut, orang luar dari kota Makkah telah membuka lembaran baru terhadap perkembangan dakwah melalui dua perjanjian yang dikenali perjanjian 'Aqabah pertama[237] dan kedua.[238]

---

[235] Haron Din, *Manusia dan Islam*, jil. 2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003), 390.
[236] Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutwally, *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*, jil.1, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah Litturath, 2011), 177.
[237] Dalam perjanjian 'Aqabah pertama, seramai enam orang penduduk dari Madinah telah memeluk Islam ketika melakukan haji di Makkah pada tahun ke sebelas kenabian. Pada tahun berikutnya, semasa musim haji seramai dua belas orang dari Madinah telah menemui Nabi Muhammad s.a.w untuk menerima Islam. Selepas



University of Malaya

Perjanjian ini merupakan perjanjian di antara Nabi Muhammad s.a.w dan kelompok dari Madinah yang tertarik dengan Islam ketika datang ke Makkah. Perjanjian tersebut menyatakan tentang ketauhidan mereka kepada Allah, mengakui Muhammad sebagai utusan Allah, ketaatan kepada perintah Allah, menjauhi perkara yang dilarang Allah dan rasul, serta berjanji akan menyampaikan mesej Islam apabila pulang ke tempat kediaman mereka di Madinah.[239] Pada tahun keempat belas daripada kerasulan, Allah s.w.t telah memerintahkan Nabi s.a.w untuk hijrah ke Madinah.[240] Kejayaan ini menunjukkan golongan yang pernah ditawarkan Islam telah berperanan dalam mengembangkan Islam di Madinah. Ia merupakan titik baru kepada dakwah Nabi s.a.w dalam membangunkan kekuatan masyarakat Islam melalui sistem masyarakat dan kenegaraan di Madinah.

(d) Mendekati Golongan *Madʻū* dengan Kebajikan dan Kebaikan

Kamus Dewan mendefinisikan kebajikan dengan sesuatu yang membawa kebaikan.[241] Dalam bahasa Inggeris kebajikan disebut *'welfare'*[242] yang bermaksud kebajikan dengan melakukan kebaikan untuk kesejahteraan.[243] Dalam konteks dakwah, melakukan kebajikan untuk memberi manfaat kepada orang lain merupakan sesuatu perkara yang sangat dituntut. Dalam al-Qur'ān Allah s.w.t berfirman:

University of Malaya

---

pengakuan mereka terhadap Islam, Nabi s.a.w telah mengutuskan 'Umair al-Abdari ke Yathrib untuk mengajar penduduk di sana mengenai Islam, membimbing dan menyebarkan Islam kepada golongan yang masih menyembah berhala.

[238] Dalam perjanjian 'Aqabah kedua, Nabi s.a.w menerima kunjungan seramai tujuh puluh orang dari Madinah untuk melakukan haji di Makkah. Di kalangan kelompok mengikat perjanjian dengan menyatakan pengakuan tauhid serta sanggup melindungi Nabi Muhammad s.a.w dari ancaman masyarakat musyirkin Makkah. Setelah itu, Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya telah melakukan persediaan dan perancangan yang rapi secara rahsia untuk hijrah walaupun diketahui dan diburu oleh golongan musyrikin Makkah.

[239] Husni Muhammad Ibrāhīm Ghithas, *Al-Daʻwah Islamiyyah fi ʻAhd Amir al-Mukminin ʻUmar bin al-Khattab R.A* (Beirut: Al-Maktab Islamiyy, 1985), 43.

[240] Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān, *Al-Rahiq al-Makhtūm*, terj. Mohd Nor Long (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2011), 163-172.

[241] *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 110.

[242] *Oxford Fajar Advanced Learner's English – Malay*, (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar, 2000), 2155.

[243] *Webster's New Twentieth Century Dictionary* (USA: Collin World, 1972), 2077.

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِ

Al-Māidah 5 : 2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat).

Dalam konteks ini, aspek kebajikan merupakan wasilah yang menarik dalam menghubungkan di antara pendakwah dan golongan *mad‘ū*. Perkara ini dapat dilihat dengan pendekatan dakwah yang ditunjukkan Nabi s.a.w sebagai pemimpin dan pendakwah.[244] Semasa hijrah ke Madinah, Nabi s.a.w berhenti di sebidang tanah yang dimiliki oleh dua anak yatim dari kaum Ansar. Kemudian baginda memerintahkan untuk membeli tanah tersebut untuk dibina masjid. Dua anak yatim tersebut menyatakan untuk meng*hibbah*kan tanah tersebut untuk masjid. Tetapi Rasulullah menolak dan membayar sepuluh dinar kepadanya.[245] Dalam peristiwa peperangan *khandaq*, Nabi s.a.w turut sama mengikat perut menggali parit untuk dijadikan benteng.[246] Terdapat salah seorang sahabat yang simpati dan menjemput Nabi s.a.w ke rumahnya untuk dijamu makanan. Akan tetapi, Nabi mengajak semua sahabatnya yang bersama-sama menggali parit untuk menjamu makanan di rumah sahabat yang bernama Jabir r.a.[247] Selain itu, Nabi s.a.w juga pernah memberikan seratus ekor unta kepada mereka yang memeluk Islam semasa perang *Hunain* atau di Lembah Autas.[248] Tujuannya adalah untuk menyenangkan hati kepada golongan *muallaf* agar merasa tidak terbeban selepas memeluk Islam dengan berterusan.

Selain itu, dalam tinjauan literatur kajian lepas mendapati kebanyakan golongan *mad‘ū* mudah menerima pendekatan pandakwah dalam aspek kebajikan. Kajian Suzanah

[244] Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, "Pendekatan Dakwah PERKIM Terhadap Masyarakat Orang Asli Pahang Melalui Pendidikan dan Kebajikan," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no.1(2010), 57.
[245] Ibn Hisham, Abu Muhammad Abd al-Malik, *Al-Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham* (Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabiyy, 1987), 137-138. Lihat Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abd Allah, Sahih al-Bukhāri, "Kitab al-Wasāya." no. hadith 971.
[246] Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abd Allah, Sahih al-Bukhāri, "Kitab al-Maghāzi." no. hadith 588.
[247] *Ibid*, no. hadith 585.
[248] *Ibid*, no. hadith 778.

University of Malaya

Nilam,[249] Che Yusoff Che Mamat,[250] Karia Haji Rahmat[251] dan Ab Aziz Mohd Zin[252] mendapati pendekatan dakwah secara kebajikan dengan cara 'turun padang' lebih mudah merapatkan hubungan di antara pendakwah dan golongan *mad'ū*. Ini disebabkan golongan *mad'ū* merasakan pendakwah prihatin terhadap kehidupan dan kesusahan hidup mereka. Kahadiran pendakwah di kawasan penempatan golongan *mad'ū* sangat dihargai, walau bagaimanapun terdapat di kalangan mereka yang menolak disebabkan faktor tertentu sebagaimana dapatan kajian Che Yusoff Che Mamat.

### 2.7.2 Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah Al-Ḥasanah*

*Maw'iẓah* berasal daripada perkataan *al-wa'ẓ*. Dalam kamus *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, istilah *al-wa'ẓ* bermaksud nasihat dan memberi peringatan untuk kembali kepada Allah serta memperbaiki kehidupan dengan perintahNya.[253] Dalam kamus *Mu'jam al-Wasīṭ*, *al-wa'ẓ* bermaksud dengan memberi peringatan tentang kewajipan dengan apa yang telah diperintahkan oleh agama untuk mendapat keredhaan Allah di dunia dan akhirat.[254] Manakala *maw'iẓah* jamak daripada perkataan *mawā'iẓu*. Ia bermaksud menasihati dengan perkataan dan perbuatan.[255] Ini menunjukkan *maw'iẓah* ialah memberi nasihat dan peringatan tentang Islam melalui lisan dan perbuatan.

a) *Maw'iẓah al-Hasanah* Melalui Lisan

---

249 Suzanah Nilam, "Gerakan Dakwah di Kota Kinabalu: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 67.

250 Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," *Jurnal Islamiyyat 25* (2004) :30-36.

251 Karia Hj. Rahmat, "Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), 50.

252 Ab. Aziz b. Mohd. Zin, "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2 (1995), 38.

253 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munazẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 1320, entri "al-wa'z."

254 *Al-Mu'jam al-Wasiṭ* (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, 2008), 719, entri "al-wa'z."

255 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, 1320, entri "maw'izah."



University of Malaya

‘Alī Jarishah menjelaskan bahawa *maw‘iẓah al-ḥasanah* adalah pendekatan lisan dengan memberi nasihat dan mengingatkan golongan *mad‘ū* dengan balasan. *Al-Maw‘iẓah* seperti ini disebut *al-ḥikmah* dalam perkataan *(al-ḥikmah bi al-qaūl)* dengan dikaitkan kalimah *al-inzar* sepertimana disebutkan dalam al-Qur’ān.[256] Menurut Sayyid Quṭb, *al-maw‘iẓah al-ḥasanah* ialah menasihati golongan *mad‘ū* secara lisan dengan cara masuk ke dalam hati dengan cara lemah lembut, menyelami perasaan halus, bukan dengan mengherdik atau mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukan dengan membuka kesalahan kerana kejahilan atau dengan niat baik. Lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati manusia yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar lebih mudah membuahkan hasil berbanding dengan menggunakan kata-kata yang keras dan kasar.[257]

Selain itu, *mawduk* dalam *maw‘iẓah al-ḥasanah* lebih dihubungkan atau diselitkan dengan kebaikan dan nasihat kepada Allah. Sulaiman Ibrahim et al., telah menggariskan enam aspek dalam *maw‘iẓah al-ḥasanah*, iaitu:

1. Mengandungi tutur kata yang baik, perkataan yang berfaedah dan nasihat yang berguna. Kata-kata yang kesat atau yang menunjukkan kebodohan terhadap *mad‘ū* hendaklah dijauhkan sama sekali.
2. Mengandungi isi kandungan yang sesuai seperti cerita, pepatah, contoh-contoh kes lain, kata-kata hikmah, ayat-ayat al-Qur’ān dan al-hadith jika dirasakan perlu.
3. Mengandungi gaya bahasa yang berlapik apabila perlu, untuk menjaga perasaan orang yang dinasihati. Kiasan yang baik adalah wajar dalam pendekatan ini.

---

[256] ‘Alī Jarishah, *Manāhij al-Da‘wah wa Asālibiha* (Al-Manṣurah, Misr: Dār al-Wafa’ Li al-Tibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi,‘ 1986), 155.
[257] Sayyid Quṭb, *Tafsir Fi Zilal al-Qur’ān,* terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bahru, Kelantan: Pustaka Aman Press, 2000), 135.



University of Malaya

4. Disampaikan dengan nada suara yang lemah lembut, tidak tinggi seperti mengherdik dan alunan suara yang lunak dan sederhana.
5. Penggunaan ganti nama yang sesuai supaya *mad‘ū* tidak terasa nasihat itu seolah-olah ditujukan kepadanya.
6. Mengandungi kata-kata yang menggambarkan faedah sesuatu amal atau keburukan sesuatu perkara, agar difahami maksud di sebalik sesuatu nasihat sama ada ia suruhan atau larangan.[258]

Al-Qur’ān juga telah memaparkan beberapa pendekatan *maw‘iẓah al-ḥasanah* dalam dakwah para nabi dan rasul. Al-Qur’ān telah menyebutkan kisah Nabi Yusūf a.s ketika diminta memberi nasihat oleh dua orang tahanan di penjara tentang mimpinya. Nabi Yusūf telah menyelitkan dakwah sebelum mentakwil mimpi mereka. Di samping memberikan takwilan mengenai mimpi kedua-dua banduan tersebut dan nasib yang akan dihadapi mereka berdua, Nabi Yusūf a.s mengajak mereka untuk menyembah Allah.[259]

b) *Maw‘iẓah al-Hasanah* Melalui Perbuatan

*Maw‘iẓah al-hasanah* melalui perbuatan ialah menasihati golongan *mad‘ū* dengan membawa contoh-contoh baik yang memberi pengajaran. Rauf Syalabī menyatakan dakwah secara *maw‘iẓah ḥasanah* adalah dengan memberi nasihat serta membawa gambaran kisah yang boleh memberi iktibar dan mendidik agar beragama dengan mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya.[260] Al-Ṭabarī menyebutkan kaedah *al-maw‘iẓah al-ḥasanah* adalah dengan menunjukkan contoh-contoh yang menarik serta meningatkan sasaran

---

[258] Sulaiman Ibrahim dan Berhanuddin Abdullah, *Metodologi Dakwah: Teori dan Praktik* (Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM, 2001), 38-39.
[259] Al-Qur’ān, surah Yusūf, ayat 36-41.
[260] Ibrahim Che Noh, “Dakwah Kepada Non-Muslim,” dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.



University of Malaya

dakwah dengan al-Qur'ān dan menyanggah tentangan mereka dengan baik. Mereka juga tidak dipaksa untuk menjalankan segala apa yang telah disampaikan.[261]

Oleh itu, dapat dinyatakan *maw'iẓah al-ḥasanah* ialah memberi peringatan dan memberi nasihat tentang Islam kepada golongan *mad'ū* sama ada melalui perkataan dan perbuatan. Ia menunjukkan kepada memberi nasihat yang baik. Pendekatan ini dilakukan dengan lemah lembut, merangsang kebaikan, kata-kata yang menarik, tidak kasar atau keras, dan menjadikan atau menonjolkan contoh-contoh yang sesuai dalam *manhaj* dan *mawduk* dakwah. Pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dianggap salah satu pendekatan yang dianggap berkesan dan terbaik dan banyak dinyatakan di dalam al-Qur'ān melalui dakwah para rasul.

### 2.7.3 Pendekatan Dakwah *Mujādalah*

*Mujādalah* berasal daripada terbitan *'jadala, yujādilu, jidālan* dan *mujādalatan.'* Dalam kamus *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, mujādalah bermaksud bertukar-tukar pendapat antara dua pihak dengan pandangan yang berbeza ataupun berdebat[262] Dalam *Lisān al-'Arab*, *mujādalah* bermaksud berdebat *(al-munāzarah)* atau bertukar-tukar pandangan.[263] Dalam kamus *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*, *mujādalah* bermaksud bertukar-tukar pandangan dan berdebat untuk mendapatkan penyelesaian.[264]Manakala dalam *Kamus Besar Melayu-Arab Dewan*, *mujādalah* bermaksud berdebat dan berbantah-bantah.[265] Ini menunjukkan mujādalah ialah bertukar-tukar pendapat atau berdialog dan berdebat atau berbahas di antara dua pihak yang berselisih pendapat atau berbeza pendapat.

---

[261] Al-Ṭabarī, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir*, Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āi al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1999), 252.

[262] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 233, entri "jadala."

[263] Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Beirut Li al-Tibā'ah wa al-Naṣr, 1968), 105, entri "jadala."

[264] *Al-Mu'jam al-Wasiṭ* (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, 2008), 157, entri "mujadalah."

[265] *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 280, entri "mujādalah."

Menurut Rauf Shalabī, pendekatan *mujādalah* adalah dengan berdialog yang sebaiknya dengan lemah lembut dan kata-kata yang membina ataupun dengan cara berakhlak baik.[266] Sayyid Quṭb pula menjelaskan pelaksanaan *mujādalah* haruslah menepati cara yang terbaik dan sebaiknya *(ahsan)* tanpa menghina dan memburuk-burukan golongan sasaran, tetapi haruslah memberi keyakinan terhadap kebenaran.[267] Ia difahami di sini, pendekatan *mujādalah* haruslah dilakukan dengan berakhlak tanpa menjadikan ia tempat menghina, memburukkan dan lain-lain terhadap pihak yang berbeza pandangan bagi mendapat kebenaran Islam.

Al-Alusiy menjelaskan *manhaj mujādalah* sesuai dilaksanakan terhadap golongan yang suka melakukan perdebatan dan perbahasan, di samping kecenderungan mereka untuk mempertikaikan kebenaran dengan mengemukakan hujah yang batil. Golongan sebegini amat fanatik dengan kepercayaan sesat yang diwarisi dari nenek moyang mereka.[268] Maka pendekatan *mujādala*h adalah kaedah yang tepat yang mengenal pasti kebenaran dan bukannya untuk menjatuhkan pihak yang berbeza kerana kepentingan yang batil.

Menurut ʻAlī Jarishah, pendekatan *mujādalah* boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu *mujādalah* secara terpuji *(mahmudah)* dan *mujādalah* secara buruk *(mazmumah)*. Dalam *mujādalah* perkara yang utama yang harus diteliti adalah membezakan di antara yang terpuji dan buruk dalam menentukan perbahasan. Manakala perbahasan yang dilakukan haruslah menepati cara yang terbaik sebagaimana dituntut di dalam al-Qur'ān.[269] Sekiranya ia tidak menepati maksud tersebut, maka sewajarnya untuk ditinggalkan kerana

---

[266] Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non-Muslim," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.
[267] Quṭb, Sayyid, *Fi Zilal al-Qur'ān* Jil. 4, (Kaherah, Misr: Dār al-Shurūq, 1985), 2202.
[268] Sulaiman Ibrahim dan Berhanuddin Abdullah, *Metodologi Dakwah: Teori dan Praktik* (Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM, 2001), 49.
[269] ʻAlī Jarishah, *Manāhij al-Daʻwah wa Asālibihā*, (Al-Mansūrah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibāʻah wa al-Nasyr wa al-Tauziʻ, 1986), 161-162.



University of Malaya

boleh menyebabkan manusia hilang pertimbangan akal dalam menentukan tujuan dalam *mujādalah*.

Menurut Wan Hussien Azmi, perkara yang utama dalam *mujādalah* ialah menentukan tujuan perbincangan supaya menjauhkan sangkaan dan perasaan bahawa pendakwah menyerang akidah yang pendengar *(mad‘ū)* sanjung tinggi dan mereka pertahankan. Dalam masa perbincangan, pendakwah hendaklah seolah-olah seperti dua orang teman yang sama-sama mencari kebenaran, dan pendakwah itu menghormati peribadi dan fikiran temannya. *Mujādalah* dilakukan dengan mengambil kira etika kemanusiaan dalam perbincangan, menjauhkan sangkaan dan perasaan terhadap akidah dan yang dianuti oleh sasaran, khususnya non-muslim. Kesedaran yang ditimbulkan dalam perbincangan tersebut adalah untuk mencari kebenaran. Pendapat-pendapat yang dilontarkan sama-sama dihormati dengan membina situasi perbincangan yang kondusif sehingga tidak wujud perasaan sombong atau jaga imej. Apa yang pasti adalah kebenaran, memperbetulkan apa yang salah.[270]

University of Malaya

Selain itu, al-Qur’ān telah menyebutkan beberapa ayat berkaitan *mujādalah* di kalangan para rasul dalam dakwah. Nabi Nūh a.s telah menggunakan pendekatan *mujādalah* dalam mengajak kaumnya untuk beriman kepada Allah. Nabi Nūh a.s mengajak kaumnya agar menyembah Allah, namun seruan beliau ditolak pelbagai alasan serta mahu ditunjukkan balasan. Begitu juga dengan Nabi Ibrāhīm a.s yang berbahas dengan kaumnya dengan kekuasaan tuhan yang disembah. Firman Allah:

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِي حَآجَّ إِبۡرَٰهِـۧمَ فِي رَبِّهِۦٓ أَنۡ ءَاتَىٰهُ
ٱللَّهُ ٱلۡمُلۡكَ إِذۡ قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ رَبِّيَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ
قَالَ أَنَا۠ أُحۡيِۦ وَأُمِيتُۖ قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأۡتِي
بِٱلشَّمۡسِ مِنَ ٱلۡمَشۡرِقِ فَأۡتِ بِهَا مِنَ ٱلۡمَغۡرِبِ

---

[270] Wan Hussein Azmi, “Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah Islamiah Kini,” dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 20.

فَبُهِتَ ٱلَّذِي كَفَرَۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ
٢٥٨

Al-Baqarah 2: 258

Terjemahan: Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrāhīm (dengan sombongnya) mengenai tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrāhīm berkata: “Tuhanku ialah yang menghidupkan dan yang mematikan.” Ia menjawab:“Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan.” Nabi Ibrāhīm berkata lagi: “Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah ia dari barat?” Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.

Dalam ayat di atas, al-Sha‘rawiy menjelaskan Nabi Ibrāhīm a.s berdebat dengan seseorang yang telah diberikan Allah kuasa pemerintahan. Dia adalah pemerintah yang sombong dan mencabar Nabi Ibrāhīm a.s tentang Allah. dengan menyatakan bahawa Allah boleh mematikan dan mematikan dengan kuasa-Nya. Raja itu menjawab bahawa dia juga mampu berbuat demikian dengan membunuh sesorang menjadikan ia mati dan membiarkan orang lain hidup bermakna memberi kehidupan kepadanya. Jawapan tersebut dijelaskan oleh Nabi Ibrāhīm secara logik dan ringkas tanpa bertanya siapa yang awal dimatikan dan siapa pula yang tidak dibunuh. Nabi Ibrāhīm *khalīl al-rahmān* menjelaskan sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur. Maka terbitkanlah ia dari barat? Hujah ini menjadikan mereka terdiam dan terkejut dalam perdebatan.[271]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa *mujādalah* adalah pendekatan dakwah yang dianjurkan al-Qur’ān dalam mencari kebenaran dengan kaedah berbahas, diskusi, berbantah, berdebat dan lain-lain lagi. Pendekatan *mujādalah* haruslah dilakukan dengan

[271] Al-Sha‘rawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Sha‘rawiy*, jil. 1 (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litTurāth, 2011), 179.



University of Malaya

cara yang terbaik iaitu tanpa unsur menghina, memburuk-burukan kepercayaan agama lain dan sebagainya. Tujuan *mujādalah* dilakukan adalah untuk mencari kebenaran setelah pendekatan-pendekatan lain dilakukan dan bukanlah untuk mencari siapa menang dan tewas. Pendekatan *mujādalah* haruslah digunakan serta diatur dengan baik, sekurang-kurang mampu memberi kesan positif kepada golongan non-muslim ataupun kelompok disekelilingnya.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa pendekatan dakwah kepada non-muslim terbahagi kepada tiga iaitu pendekatan *al-ḥikmah*, pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah* dengan cara baik.[272] Pendekatan dakwah *al-ḥikmah* ialah menyampaikan dakwah dengan kebijaksanaan, mengikut sifat kenabian, tepat meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya dan berasaskan al-Qur'ān dan hadith. Pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* pula ialah menasihati dan memberi peringatan dengan lemah lembut tentang Islam melalui perkataan dan perbuatan. Manakala pendekatan *mujādalah* ialah pendekatan secara berdebat atau dialog, bertukar-tukar pendapat dan diskusi dalam mencari kebenaran di antara dua pihak yang berbeza.

## 2.8 Faktor-Faktor Tarikan kepada Pendekatan Dakwah Non-Muslim

Dalam Kamus Dewan, tarikan bermaksud perkara yang menarik, daya menarik dan perihal menarik.[273] Dalam bahasa Inggeris, tarikan disebut *'attraction.'* Dalam kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary, 'attraction'* bermaksud perasaan suka dan menarik.[274] Dalam kamus *Merriam-Webster, 'attraction'* bermaksud sesuatu yang menarik perhatian dan mendorong seseorang untuk mendapatkannya atau melawatinya dengan perasaan sukar

---

[272] Ia berasaskan ayat 125, surah al-Nahl.
[273] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1610, entri "tarikan."
[274] A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (United Kingdom: Oxford University Press, 2011), 84, entri "attraction."



University of Malaya

atau gemar.[275] Dalam kamus *Cambridge Dictionaries Online*, *'attraction'* bermaksud sesuatu yang menjadikan seseorang itu suka, perasaan suka dan lain-lain.[276]

Dalam bahasa Arab, tarikan disebut *jādhibiyyah*. Dalam kamus *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, *jādhibiyyah* bermaksud daya tarikan pada seseorang, daya tarikan seperti magnet dan daya tarikan graviti bumi yang bersifat kuat. Dalam kamus *Mu'jam al-Wasīṭ*, istilah *jādhibiyyah* bermaksud daya tarikan yang kuat pada sesuatu seperti daya tarikan bumi. Ia menunjukkan maksud *jādhibiyyah* lebih merujuk kepada perkara tarikan sesuatu, bersifat menarik daya tarikan yang kuat.

Daripada maksud-maksud di atas, dapat difahami bahawa 'tarikan' dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab *(jādhibiyyah)* lebih menunjukkan sifat menarik, daya tarikan yang kuat dan perkara-perkara yang menarik. Manakala dalam bahasa Inggeris *(attraction)*, tarikan dilihat sebagai perkara yang menarik perhatian, tempat menarik yang dilawati, perkara yang disukai dan mendorong seseorang untuk mendapatkannya. Ini menunjukkan tarikan dapat difahami dengan maksud perkara yang menarik, mempunyai daya tarikan yang kuat, tempat menarik yang dilawati, perkara yang disukai dan digemari.

Dalam konteks ini, tarikan lebih merujuk kepada aspek 'perhatian' atau *attention* atau 'menarik perhatian' dalam perspektif psikologi. Bagaimana sesuatu perkara atau objek itu menarik perhatian? Apakah yang menyebabkan manusia tertarik atau mengambil perhatian? Persoalan-persoalan tersebut menjadi tumpuan perbincangan dalam kalangan ahli psikologi Barat. Menurut Shiffrin (1988), perhatian merupakan perkara-perkara yang melibatkan aspek kognitif manusia terhadap perkara di dalam kawalan. Aspek ini pula

---

[275] Merriam-Webster Online, dicapai 25 Jun 2014, http://www.merriam-webster.com/dictionary/attraction, entri "attraction."
[276] Cambridge Dictionaries Online, dicapai 25 Jun 2014, http://dicitionary.cambridge.org/dictionary/british/attraction, entri "attraction."



University of Malaya

bersifat terhad dan ia menyebabkan proses perhatian manusia terhalang atau terganggu.[277] James (1890) pula menyatakan 'perhatian' atau *attention* merupakan suatu proses dan penguasaan yang terpilih dengan penumpuan dan tahap kesedaran.[278] Ini menunjukkan 'perhatian' merupakan proses bagi manusia menentukan, memilih dan mengenal pasti terhadap fenomena sekeliling melalui asepk kognitif yang terhad.

Menurut Wayne Wu, perhatian dikatakan sebagai penapis (*filter*) kepada informasi-informasi dan memungkinkan seseorang itu membuat keputusan dan menentukan sikap. Ia bertindak menghubungkan simbol-simbol objek yang mewakili berdasarkan tahap kesedaran yang dimiliki manusia. Ini menunjukkan 'perhatian' merupakan perkara yang ditumpukan atau menjadi tumpuan manusia berdasarkan penerimaan atau rangsangan tahap kognitif dan kesedaran yang berbeza-beza. Penumpuan ini bersifat terpilih berasaskan pemikiran, kesedaran dan sikap bagi individu.[279]

Proses tercetus sesuatu tarikan dan perhatian adalah berdasarkan unsur-unsur atau gejala yang terdapat diri manusia sendiri. Morgan et al. (1979), melihat faktor tarikan yang timbul dalam diri manusia disebabkan dua faktor iaitu luaran *(external)* dan dalaman *(internal)*. Faktor dalaman yang mencetuskan tarikan atau perhatian ialah aspek motif atau keperluan biologi manusia, kesediaan terhadap sesuatu dan sifat gemar terhadap sesuatu. Manakala faktor luaran yang mempengaruhi tarikan ialah keamatan dan saiz, berbeza dan sesuatu yang baru, berulang-ulang dan bergerak-gerak.[280] Dalam teori Treisman *(Features Integration Theories (FIT)* juga menyatakan faktor dalaman dan lauran berkaitan satu sama lain khususnya dalam proses pencarian visual (*visual search*). Proses ini dicetuskan melalui

University of Malaya

---

[277] A. Style, Elizabeth, *The Psychology of Attention, Second Edition* (Psychology Press, Taylor & Francis Group: New York, 2006) 12-13.
[278] Wayne Wu, *Attention* (Routledge, Taylor & Francis Group: London, 2014), 19.
[279] *Ibid.*, 14.
[280] Morgan, King & Robinson, *Introduction to Psychology* (New York: Mc Graw Hill Book Company, 1979), 315-317.

unsur dalam diri manusia dengan aspek penerima (*receptor*) seperti warna, bentuk dan pergerakan.[281]

Selain itu, ia berlaku disebabkan dengan rangsangan melalui deria manusia terhadap sesuatu peristiwa yang mempunyai bentuk fizikal. Chaplin (1985) menyatakan bahawa rangsangan (stimulus) sebagai apa-apa perubahan yang berlaku dalam bentuk tenaga fizikal yang di daftarkan oleh penerima rangsangan. Manakala deria atau kederiaan merupakan satu peristiwa yang berbentuk psikologikal dan agak kompleks. Aspek deria yang merangsangkan sesuatu tindakan atau menarik perhatian manusia adalah disebabkan menerima rangsangan dari alam, melalui deria penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa,menghidu, deria yang optimum dan kederiaan yang luar biasa.[282]

Dalam konteks dakwah, aspek yang melibatkan 'tarikan, perhatian dan menarik perhatian' golongan *mad'ū* merupakan perkara yang penting dalam memastikan mesej Islam dapat mempengaruhi dengan efektif. Aspek ini kurang dibincangkan secara khusus, namun dijelaskan ciri-ciri dalam literatur dakwah secara umum. Abdul Karīm Zaydān, menyatakan ciri-ciri tarikan kepada dakwah lisan mestilah menggunakan bahasa yang baik, bersifat lemah lembut dan sesuai dengan keadaan *mad'ū*. Misalnya, pendakwah harus menggunakan ciri-ciri tersebut pendekatan khutbah, kelas pengajian, kuliah, perbincangan, dalam menyampaikan amar makruf nahi mungkar dan penulisan. Dalam konteks dakwah *amal al-Islamiy* pula, ciri-ciri tarikan yang diketengahkan ialah melaksanakan sistem fitrah yang boleh menghapuskan kemungkaran, menunjukkan kemaslahatan dan keindahan Islam, kebaikan berterusan, menjadi contoh yang baik dan melakukan apa yang disampaikan.[283]

---

[281] Wayne Wu, *Attention* (Routledge, Taylor & Francis Group: London, 2014), 96.
[282] Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi, Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 59-80.
[283] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 485.



University of Malaya

Selain itu, Sheikh Ahmad Ghalūsh pula menyebutkan enam ciri-ciri tarikan kepada *wasilah* dakwah iaitu mestilah bersifat kemanusiaan, meletakkan suatu perkara yang paling utama daripada perkara-perkara utama yang lain *(awlāwiyyāt)* atau memberi keutamaan, mudah dan indah, dan menghubungkan keindahan al-Qur'ān meliputi lafaz, bahasa dan makna untuk memberi kesan kepada hati sasaran.[284] Manakala 'Alī Jarishah menyatakan ciri-ciri tarikan kepada dakwah mestilah berasaskan *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah*, *mujādalah*, contoh terbaik *(al-qudwah)* dan unsur kekuatan *(al-quwwah)*.[285]

Selain itu, Mohd Yusof Hussain menjelaskan antara ciri-ciri tarikan kepada dakwah ialah menjelaskan berkaitan apa yang dikenali tentang Islam, menjadikan Islam mudah untuk dipraktik, memujuk, menggunakan rasional *(tafakar)*, memberi ganjaran *(reward)*, kaedah *targhīb* dan *tarhīb;* dan *qudwah ḥasanah.*[286] Ab Aziz Mohd pula menyatakan ciri-ciri tarikan berasaskan psikologi dalam pendekatan dakwah. Antaranya ialah persembahan yang cantik, mengemukakan sesuatu yang baru, bersimpati dengan masalah sasaran, mengemukakan isu tepat pada waktunya, menonjolkan unsur-unsur yang perlu, berdasarkan psikologi dan mempunyai penguasaan ilmu yang luas.[287]

Oleh itu, dapat difahami pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk* mestilah mempunyai atau mengandungi ciri-ciri tarikan dalam dakwah kepada golongan non-muslim. Ciri-ciri tarikan tersebut dapat menarik perhatian golongan sasaran terhadap dakwah. Antara ciri-ciri diketengahkan mestilah menggunakan bahasa yang baik, bahasa yang mudah, berdasarkan keadaan sasaran, akhlak yang mulia, menjadi contoh ikutan, melakukan apa yang disampaikan, bersifat kemanusiaan, melihat keutamaan yang

---

[284] Ghalūsh, Ahmad Ahmad, *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usūliha wa Wasa iluha* (Kaherah: Dār al-Kitab al-Misriy, 1978), 276-285.

[285] 'Alī Jarishah, *Manāhij al-Da'wah wa Asālibiha* (Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi', 1986), 139.

[286] Mohd Yusof Hussain, "Method in Contemporary Islamic Da'wah," dalam *Readings in Islamic Da'wah,* ed. Mohd. Yusof Hussain (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, 2009), 64-66.

[287] Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 99-103.



University of Malaya

dikehendaki *mad'ū*, mudah, menonjolkan keindahan Islam, menggunakan mukjizat al-Qur'ān, berasaskan *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah*, *mujādalah*, *al-qudwah*, *al-quwwah*, menggunakan logik, memberi ganjaran, *targhīb* dan *tarhīb*, sesuatu yang baru, tepat pada waktu dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.

### 2.8.1 Tarikan Berasaskan *Targhīb*

*Targhīb* ialah sesuatu yang dapat mendorongkan keinginan sasaran serta menggalakkan, menggemarkan dan merangsang golongan *mad'ū* menerima kebenaran dan berada tetap di atasnya.[288] Dalam konteks ini, *manhaj* dan *mawduk* dakwah yang dilakukan mestilah menghubungkan *manhaj* dan *mawduk* kepada perkara-perkara yang bersifat nikmat ganjaran, kebahagiaan dan kegembiraan. Perkara ini sangat penting bagi manusia dalam memahami kehidupan untuk keperluan semata-mata atau untuk tujuan akhirat yang kekal. Di dalam al-Qur'ān, terdapat beberapa ayat yang dinyatakan menunjukkan gambaran kegembiraan dengan menjanjikan ganjaran orang beriman untuk melakukan amalan sebagaimana firman Allah:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن
تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةٗ فِي
جَنَّٰتِ عَدۡنٖۚ وَرِضۡوَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۚ ذَٰلِكَ هُوَ
ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٧٢

Al-Tawbah 9 : 72

Terjemahan: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-surga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalamnya *"Syurga Adn"* serta keredhaan Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar.

University of Malaya

[288] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998), 437.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t menggunakan perkhabaran gembira *(tabshīr)* kepada orang lelaki dan perempuan yang beriman dengan menjanjikan nikmat ganjaran syurga ‘*Adn* yang mempunyai sungai yang mengalir di bawahnya serta kehidupan yang kekal di dalamnya.[289] Gambaran kenikmatan syurga tersebut menjadi faktor menarik perhatian bagi orang-orang beriman untuk sentiasa bersungguh-sungguh melakukan amal ṣaleh semasa kehidupan di dunia.

Menurut Ahmad Ghalūsh, ciri-ciri *al-targhīb* mestilah mengandungi kebaikan dan kegembiraan yang digambarkan sebagai kebahagiaan untuk manusia secara berkekalan. Kebahagiaan hakiki terbahagi dua iaitu melalui kebaikan yang syumul atau sempurna sepertimana disebutkan oleh *mufassirūn* mengenai bahagia dan dukacita. Bahagia adalah untuk kalangan orang yang mendapat pahala di atas perbuatannya, manakala dukacita orang yang melakukan dosa atau kejahatan iaitu ahli neraka. Kedua, adalah saiz kebahagiaan yang luas dalam kehidupan manusia kerana dakwah memainkan peranan penting dalam menjaga keperluan hak bersama golongan muslim atau bukan muslim melalui keperluan rohani dan jasmani manusia dengan menjaga maslahat agama, akal, keturunan, dan harta.[290]

Selain itu, tarikan *targhīb* dapat dilihat berdasarkan perkara-perkara yang menjadi tarikan fitrah seorang manusia iaitu memberikan ganjaran yang yang bersifat material,[291] seperti harta dan hadiah. Ini disebabkan fitrah manusia mempunyai kecenderungan hampir dengan perkara-perkara material yang menjadi sebagai hiasan dunia. Tetapi ganjaran material digunakan untuk menyeru agar manusia terdidik dengan tidak keterlaluan menjadi hamba atau tuhan kepada kebendaan.[292] Dalam hal ini, Nabi s.a.w pernah memberikan

---

[289] Ibn Kathir, Abu Fida’ ‘Imaduddin Ismail bin ‘Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. iv, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 259.
[290] Ghalūsh Ahmad, Ahmad, *Al-Da’wah al-Islāmiyyah, Usūliha Wa wasāiluha* (Kaherah: Dār al-Kitab al-Misriyy,1978), 33-34.
[291] Mohd Yusof Hussain, “Method in Contemporary Islamic Da‘wah,” dalam *Readings in Islamic Da‘wah,* ed. Mohd. Yusof Hussain (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, 2009), 64-66.
[292] Al-Bahi, Muhammad, *Al-Qur’ān dalam Menghadapi Kebendaan*, terj., Mohd Sulaiman Yasin (Kuala Lumpur: Yayasan Salman, t.th), 19-20.



University of Malaya

sedikit harta kepada orang yang baru memeluk Islam agar tetap atau gemar dengan Islam, sebagaimana dijelaskan dalam hadith berikut:

يا سعد اني لأعطى الرجل وغيره أحب الى منه خشية ان يكبه الله فى النار

> Terjemahan: "Wahai Sa'ad, sesungguhnya aku akan memberikan sesuatu yang lebihku sukai kepada orang lelaki dan selainnya kerana takut Allah akan menghumbankannya ke dalam api neraka."[293]

Dalam hadith di atas, Nabi s.a.w telah memberi harta kepada salah seorang sahabat yang baru memeluk Islam. Baginda memberikannya dengan tujuan sahabat tersebut merasa suka atau gemar dengan pemberiaan tersebut. Bahkan menjadikannya tidak merasa bimbang atau resah hati setelah memeluk Islam. Nabi s.a.w khuatir lelaki tersebut akan kembali menjadi musyrik disebabkan tiada sedikit perkara yang memberikannya suka dan gembira setelah memeluk Islam sekalipun sudah tergolong dalam kumpulan asnaf zakat.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa faktor tarikan *al-targhīb* menggalakkan golongan *mad'ū* kepada perkara-perkara yang menggembirakan dan kebahagiaan. Faktor ini menjadi penarik kepada manusia terhadap sesuatu nikmat yang kekal atau sementara dengan menerima kebenaran Islam sebagai agama dalam kehidupan dunia. Ganjaran kekal adalah syurga, manakala ganjaran sementara ialah nikmat-nikmat Allah kepada manusia atau menjadi keperluan dalam kehidupan manusia di dunia. Walau bagaimanapun, ganjaran berasaskan *targhīb* boleh dilakukan dengan memberikan ganjaran material yang menjadikan mereka merasa gembira dengan Islam.

### 2.8.2 Tarikan Berasaskan *Tarhīb*

[293] Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, no. Hadith 123, terj., Ma'mur Daud, *Terjemahan Hadith Shahih Muslim*, jil. 1 (Klang: Klang Book Centre, 2004), 72.



University of Malaya

*Tarhīb* ialah sesuatu yang boleh membawa perasaan gerun atau menakut-nakutkan dengan perkara buruk.[294] Faktor *tarhīb* dalam *manhaj* dan *mawduk* dakwah mengandungi sesuatu yang berkaitan dengan peringatan yang seringkali menjadi kekhuatiran manusia dan tentang perkara yang diselubungi semasa hidup dan kehidupan selepasnya. Gambaran tarhīb tersebut harus diambil iktibar oleh manusia kerana balasan Allah pernah diturunkan kepada manusia yang ingkar sebelum ini, sebagaimana firman Allah:

وَلَقَدِ ٱسۡتُهۡزِئَ بِرُسُلٖ مِّن قَبۡلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ
سَخِرُواْ مِنۡهُم مَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ١٠ قُلۡ
سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ ٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلۡمُكَذِّبِينَ ١١

Al-An‘ām 6 : 10-11

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olok beberapa rasul sebelummu, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul) itu.”

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t telah memberi gambaran tentang balasan yang telah diterima umat terdahulu yang telah mempermain-mainkan dan mendustakan utusan Allah. Mereka telah diberi balasan dengan ditimpakan azab yang dashyat, seksaan dan hukuman di dunia dan azab yang pedih disediakan untuk kehidupan akhirat kelak. Kesan-kesan balasan tersebut boleh dilihat oleh umat masa kini melalui kegiatan menggembara di atas bumi.[295] Faktor *tarhīb* yang dikemukakan dalam ayat tersebut ialah balasan azab Allah kepada umat-umat terdahulu. Kesan azab itu dapat dilihat dengan saranan Allah s.w.t kepada manusia supaya menggembara untuk melihatnya sebagai pengajaran yang bermanfaat.

University of Malaya

---

294 ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998), 421.
295 Ibn Kathir, Abu Fida’ ‘Imaduddin Ismail bin ‘Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 3, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 277.

Walaupun *tarhīb* dilihat agak kurang menarik perhatian golongan *mad'ū* kepada dakwah, namun gambaran yang ditonjolkan sentiasa menunjukkan perasaan cemas, khuatir dan takut bagi seseorang dan menjadikan mereka lari.[296] Ini disebabkan setiap manusia mengakui kehidupan dunia bakal mati atau berakhir. Maka tidak mustahil, gambaran *tarhīb* dalam *manhaj* dan *mawduk* dakwah menjadi ciri-ciri pendorong kepada golongan *mad'ū* untuk bertaut dengan sesuatu supaya selamat. Jalan selamat yang menjadi pelindung kepada mereka ialah Islam.

Kaedah *tarhīb* pernah digunakan Nabi s.a.w semasa menyeru masyarakat Makkah di atas Bukit Ṣafā. Nabi s.a.w telah berjaya menarik perhatian golongan *mad'ū* dengan cara seolah-olah ingin memberitahu kedatangan musuh yang digambarkan kesan yang menakutkan. Walaupun keadaan masyarakat Arab ketika itu mempunyai kemampuan untuk mengharungi peperangan, namun mereka juga sangat khuatir dengan akibat perang yang akan dilalui sama ada menang atau kalah. Nabi s.a.w melaung dengan sekuat-kuatnya; *Ya Sabahah!*. Laungan ini cukup dikenali masyarakat Arab apabila berhadapan dengan musuh yang bahaya yang sedang bergerak untuk menyerang, dan untuk memberi peringatan supaya membuat persiapan secepat mungkin.[297] Dalam hadith al-Bukhārī, Nabi s.a.w menjelaskan perkara tersebut:

عن ابن عباس رضى الله عنهما قال لما نزلت
الله (وأنذر عشيرتك الأقربين) صعد النبى
صلى الله عليه وسلم على الصفا فجعل ينادي
(يا صباحاه) يا بنى فهر يا بنى عدي لبطون
قريش حتى اجتمعوا فجعل الرجل اذا لم
يستطع أن يخرج أرسل رسولا لينظر ما هو
فجاء ابو لهب وقريش فقال أرأيتكم لو أخبرتكم
أن خيلا بالوادي تريد أن تغير عليكم أكنتم
مصدقي قالوا نعم ما جربنا عليك الا صدقا قال
فإني نذيركم بين يدي عذاب شديد فقال أبو

---

[296] Syaikh Akram Kassab, *Metode Dakwah Yusuf al-Qaradhawi*, terj., Muhyidin Mas Rida (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2010), 245.
[297] Ab. Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 124.



University of Malaya

لهب تبا لك سائر اليوم ألهذا حمعتنا فنزلت (تبت يدا أبي لهب وتب أغنى عنه ماله وما كسب).

Terjemahan: Daripada Ibn al-‘Abbas r.a, beliau menjelaskan: “Sewaktu Allah s.w.t menurunkan ayat al-Qur’ān (*Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat, Surah al-Shu‘arā* (26:214), Nabi s.a.w memanjat Bukit Ṣafā lalu menyeru dan memanggil, “(Ya Ṣabahah!)” wahai Bani Fihr, wahai bani ‘Addiy, yang menjadi tulang belakang kepada kaum Quraisy, sehinggalah mereka berhimpun dan yang tidak dapat hadir menghantar wakilnya untuk mendengar berita penting yang akan disampaikan. Maka datang juga Abū Lahab dan orang Quraisy. Lalu Nabi s.a.w bertanya: Apakah pendapat kamu sekiranya aku memberitahu bahawa terdapat sekumpulan kuda sedang berada di kaki bukit sana yang sedang mara untuk menyerang kamu? Adakah kamu mempercayainya? (Bagi masyarakat Makkah yang telah mengenali Nabi s.a.w selama ini, tentang kebenarannya, amanahnya, keluhuran budi pekertinya dan kesucian hidupnya, sudah tentu mereka menjawab): Ya! Kami percaya, atas sifat engkau selama ini, yang benar, amanah dan dipercayai. Maka Nabi s.a.w pun menjelaskan lagi: “Sesungguhnya aku memberi peringatan kepada kamu sekalian, bahawa di hadapan kamu ada azab yang dashyat. (Orang ramai senyap tidak berkata mengenai perkahabaran itu), kecuali Abū Lahab yang berkata: Binasalah bagi kamu seluruh hari ini. Adalah untuk ini kamu memanggil dan menghimpunkan kami? Maka turunlah ayat (*Binasalah kedua-dua tangan Abū Lahab dan binasalah dia di bersama. Hartanya dan segala yang diusahakannya tidak dapat menolongnya*).”[298]

Dalam hadith di atas, terdapat tiga perkara yang disampaikan oleh Nabi s.a.w di hadapan masyarakat non-muslim Makkah yang merasa cemas. Pertama, menarik kepercayaan kepada baginda s.a.w terhadap suatu perkhabaran yang akan disampaikan

[298] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitab al-Tafsir, Bab Wa Anzir ‘Ashiratak al-aqrabin wah fid janāhak, no. Hadith 1194. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.vi, ed. Al-Rifā‘ie, al-Sheikh Qāsim al-Shamā‘ie (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), 476.

dalam keadaan masyarakat Makkah telah mempercayainya sebelum itu. Kedua, baginda membawa isu perang melalui serangan mengejut. Ia adalah pengalaman yang amat menakutkan kerana biasanya mengakibatkan kekalahan. Ketiga, baginda memberi amaran dan peringatan dengan azab yang sedang menunggu di hadapan mereka, maka perlu mengambil langkah untuk menyelamatkan diri.[299] Walaupun mendapat reaksi negatif daripa Abū Lahab, namun mesej dakwah menjadi perhatian kepada masyarakat Makkah yang hadir ketika itu.

Oleh itu, dapat difahami bahawa *tarhīb* merupakan suatu ciri-ciri tarikan kepada *manhaj* dan *mawduk* dakwah kepada golongan non-muslim. Ia merupakan salah satu bentuk tarikan yang mendorong kepada manusia untuk melihat apa yang bakal dihadapi atau pernah dihadapi oleh umat-umat sebelum. Maka menjadi keperluannya untuk sentiasa bersedia atau berwaspada. Walaupun lebih digambarkan dengan peringatan ancaman yang menakutkan, namun ia lebih mendorong kepada golongan *mad'ū* untuk berfikir dalam menangani ancaman tersebut dengan menerima kebenaran Islam.

### 2.8.3 Tarikan Berasaskan *Qudwah*

*Qudwah* bermaksud menjadikan contoh atau boleh dicontohi.[300] Asas utama dalam kaedah *qudwah* ialah akhlak pendakwah (*dā'īe*) yang baik dengan melakukan apa yang telah dikata atau disampaikan. Pendakwah harus menunjukkan contoh ikutan yang baik dengan mempraktikkan ajaran Islam sebenar dalam kehidupan harian orang Islam kerana ia boleh memperlihatkan tentang kemuliaan Islam. Aspek ini sangat mempengaruhi golongan non-muslim untuk mendekati Islam. [301]

---

[299] Ab. Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 124.
[300] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 973, entri "al-qudwah."
[301] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 486-487.

Menurut Ab Aziz Mohd Zin, *qudwah* dalam dakwah dipersembahkan kepada golongan sasaran dengan bentuk yang cantik, sama ada dari sudut lahir atau batin kerana tabiat manusia yang menyukai benda-benda yang cantik dan indah. Islam dipersembahkan kepada golongan non-muslim dalam bentuk yang indah, sesuai dengan isi kandungannya yang cantik. Keindahan itu juga dapat dilihat dengan cara penyampaian *uslub* yang sesuai, kecantikan akidah Islam, kecantikan akhlak Islam, kecantikan peraturan dan hukum Islam, dan kecantikan sejarah dan sirah Islam. Di atas faktor itu, Islam akan menjadi satu daya tarikan yang kuat kepada golongan *mad'ū*.[302]

Selain itu, *qudwah* mempunyai skop yang luas iaitu dari sekecil-kecil perkara hingga yang besar dalam penghayatan Islam. Ia meliputi segala perkara yang dituntut Islam kepada setiap orang beriman dalam percakapan dan perbuatan, sama ada melalui cara kehidupan berseorangan, berkeluarga dan bermasyarakat, sebagaimana Nabi s.a.w yang menjadi contoh yang terbaik dalam *qudwah*. Sulaiman Ibrahim et al., telah membahagikan empat bentuk *qudwah* yang mampu menjadi daya penarik dalam dakwah non-muslim iaitu menjadi *qudwah* melalui akhlak dan tingkahlaku, menjadi *qudwah* melalui percakapan dan amalan, menjadi *qudwah* melalui tempat tinggal dan pakaian; dan menjadi *qudwah* melalui rumahtangga dan anak-anak.[303]

Dalam cara kehidupan berkeluarga, Nabi s.a.w telah menunjukkan *qudwah* yang sangat menarik perhatian dalam mengasihi kanak-kanak. Baginda mempunya sifat penyayang dengan anak-anak. Tindakan baginda dengan cucu-cucu telah menarik perhatian sahabat yang melihat gelagatnya, sebagaimana dinyatakan dalam hadith riwayat al-Bukhārī:

حدثنا أبو اليمان أخبرنا شعيب عن الزهري
حدثنا أبو سلمة بن عبدالرحمن أن أبا هريرة
رضي الله عنه قال: قبل رسول الله صلى الله

---

302 Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 62.

303 Sulaiman Ibrahim & Berhanuddin Abdullah, *Metodologi Dakwah Teori dan Praktik* (Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM, 2001), 66-75.



University of Malaya

> عليه وسلم الحسن بن علي وعنده الأقرع بن حابس التميمي جالسا فقال الأقرع: ان لي عشرة من الولد ما قبلت منهم احدا فنظر اليه رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم قال: من لا يرحم لا يرحم.
>
> Terjemahan: Abū Hurairah r.a berkata: Rasulullah s.a.w mencium al-Hasan bin ʻAlī, dan sedang duduk berhampiran baginda adalah al-Aqraʻ bin Habis al-Tamimi. Al-Aqraʻ berkata: "Aku mempunyai sepuluh orang anak, aku tidak pernah mencium walau seorang daripada mereka." Rasulullah s.a.w melihatnya dan bersabda: "Sesiapa yang tidak mengasihi tidak dikasihi."[304]

Dalam konteks tawanan perang, Nabi s.a.w telah menunjukkan *qudwah* yang menarik perhatian musuhnya. Imam Muslim meriwayatkan hadith mengenai tawanan perang yang bernama Thumāmah bin Uthal. Thumāmah merupakan salah seorang pemimpin Bani Hanifah yang telah ditawan dan diikat di tiang sebuah masjid. Apabila Nabi s.a.w menemui Thumāmah, baginda akan bertanyakan khabar kepadanya. Pertanyaan Nabi s.a.w telah dijawab oleh Thumāmah dengan meminta agar dirinya dibunuh, atau dibebaskan, atau digantikan dengan harta. Nabi s.a.w tidak mengendahkan permintaan tersebut. Pada hari ketiga, Nabi s.a.w bertemu Thumāmah dan baginda masih bertanyakan khabar dan dijawab olehnya sepertimana permintaan sebelum ini. Namun Nabi s.a.w terus memberitahu Thumāmah bahawa dia dibebaskan. Setelah dibebeaskan Thumāmah pergi ke sebatang pokok yang berdekatan dengan masjid untuk mandi. Selepas itu, beliau bertemu dengan Nabi s.a.w di dalam masjid dan terus mengucapkan *shahadah*. Thumāmah menyatakan bahawa tertarik dengan Islam sepanjang menjadi tawanan di masjid.[305]

---

[304] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitab al-Adab, Bab rahmah al-walad wa taqbilihi wa muʻānafaqatihi wa qāla thābit ʻan Anas: Ahoza al-Nabiyy s.a.w Ibrāhīm faqabbalahu wa shammatu, Lihat Abū ʻAbd Allāh Muhammad bin Ismāʻil al-Bukhāri, *"Sahih al-Bukhāri,"* jil.3, ed. Sheikh Muhammad Fuʻād ʻAbd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 137-138.

[305] Hadith riwayat Muslim, Kitab Jihad wa al-Sir, Lihat Al-Nisabury, Muslim bin Hajjaj al-Qusairiy, *"Shahih Muslim,"* jil.3, terj., Ma'mur Daud (Klang: Klang Book Centre, 2004), 286-287.



University of Malaya

Selain itu, Nabi s.a.w juga menunjukkan *qudwah* dalam konteks kemasyarakatan. Baginda tetap menjalankan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat yang prihatin sekalipun dengan orang memusuhinya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kisah baginda dengan jirannya seorang perempuan tua beragama Yahudi. Baginda s.a.w sentiasa berbuat baik dengan jirannya walaupun jiran tersebut membalas dengan kejahatan. Perempuan tua tersebut sentiasa menyakiti Nabi s.a.w dengan meletakkan sampah sarap serta kekotoran di hadapan pintu rumah Nabi s.a.w. Namun Nabi s.a.w tidak pernah membenci atau membalas dendam terhadap kejahatan yang dilakukan oleh jirannya. Keadaan tersebut berlarutan sehinggalah pada suatu hari Nabi s.a.w tidak mendapati sampah sarah di hadapan pintu rumahnya seperti biasa. Nabi s.a.w bertanya kepada jiran yang lain ke mana pergi perempuan tersebut. Jiran tersebut memberitahu bahawa perempuan tua tersebut telah jatuh sakit di dalam rumahnya. Tanpa berfikir panjang Nabi s.a.w terus pergi ke rumah perempuan Yahudi untuk menziarahi. Apabila ternampak wajah Nabi s.a.w, perempuan tua itu berasa takut kerana beranggapan baginda akan melakukan sesuatu yang tidak baik sebagai membalas perbuatannya selama ini. Anggapannya meleset, apabila Nabi s.a.w menjelaskan tujuan kedatangannya adalah untuk menziarahi. Sebaik sahaja mendengar penjelasan baginda s.a.w, hati perempuan itu menjadi lembut dan mengucap kalimah *shahadah* kerana tertarik dengan *qudwah* yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w.[306]

Oleh itu, dapat dinyatakan *qudwah* merupakan suatu tarikan kepada pendakwah (*dāʻīe*), *manhaj* dan *mawduk* dakwah kepada golongan non-muslim. *Qudwah* mempunyai hubungan yang rapat dengan akhlak pendakwah dalam mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan menjadi contoh kepada orang. Skop *qudwah* adalah luas iaitu dalam beribadah dan bermuamalah sesama manusia seperti dalam kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sebagainya. Ini menunjukkan pengamalan dan penghayatan ajaran Islam mampu memberikan impak *qudwah* kepada golongan *madʻū*.

[306] Ahmad Rafizi Salleh, "Islam dan Masyarakat Majmuk," dalam, *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia A*, ed., Hasnan Kasan, Nasruddin Yunos & Nazri Muslim (Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 307.



University of Malaya

### 2.8.4 Faktor Tarikan Berasaskan *Quwwah*

*Quwwah* bermaksud bertenaga, kuat dalam bekerja dan mampu melakukan sesuatu.[307] Dalam konteks ini, aspek *quwwah* mempunyai daya tarikan yang mempengaruhi golongan *mad'ū*. Kekuatan di dalam dakwah di dirikan di atas dasar iman dan diterjemahkan kekuatan tersebut dalam kehidupan dengan apa yang dituntut dalam pembangunan pendidikan, ekonomi, politik dan lain-lain.[308] *Quwwah* juga dilihat sebagai ciri-ciri tarikan kepada pendakwah *(dā'īe)*, *manhaj* dan *mawduk* dakwah. Ia dilihat penting kerana fitrah kejadian manusia yang sentiasa mengakui akan sesuatu kekuatan.[309]

Faktor *al-quwwah* juga disebutkan dalam al-Qur'ān dengan memerintahkan orang-orang yang beriman untuk membina kekuataan sebagai satu persediaan. Firman Allah:

وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن قُوَّةٖ وَمِن رِّبَاطِ
ٱلۡخَيۡلِ تُرۡهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمۡ وَءَاخَرِينَ
مِن دُونِهِمۡ لَا تَعۡلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعۡلَمُهُمۡۚ وَمَا تُنفِقُواْ
مِن شَيۡءٖ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيۡكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا
تُظۡلَمُونَ ٦٠

Al-Anfāl 8 : 60

Terjemahan: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

University of Malaya

---

[307] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 1017, entri "qawiya."

[308] 'Alī Jarishah, *Manāhij al-Da'wah wa Asālibiha* (Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi',1986), 180-181.

[309] Ideris Endot, "Peranan Psikologi Masyarakat Islam dan Dakwah Islamiah," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed., Sidi Gazalba & Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 122.

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t memerintahkan kepada orang Islam untuk mempersiapkan peralatan sebagai kekuatan untuk menentang musuh dan menggentarkan mereka.[310] Kekuatan yang dibina akan menggerunkan musuh dan membimbangkan musuh.[311] Walaupun dalam ayat tersebut dikhususkan untuk bersiap sedia dalam membina kekuatan dalam menghadapi musuh, namun ia turut difahami bahawa kekuatan tersebut juga dapat menarik perhatian orang lain kepada agama Islam secara tidak langsung.

Selain itu, kekuatan yang dibangunkan dalam dakwah ialah kekuatan pegangan akidah dan wawasan, kekuatan ilmu, kekuatan pendidikan, kekuatan perpaduan, kekuatan ekonomi, kekuatan politik, kekuatan jihad atau ketenteraan, kekuatan disiplin, kekuatan sains dan teknologi, dan kekuatan jasmani atau kesihatan.[312] Ini menunjukkan kekuatan yang terbina dalam diri orang beriman dan aspek-aspek keperluan hidup dapat mempengaruhi golongan *mad'ū* mendekati Islam. Faktor *quwwah* tidak terbina dengan suatu simbol keperluan hidup sahaja, malah dibina dengan sistematik di atas prinsip-prinsip syariat.

Faktor *al-quwwah* juga turut mempunyai kaitan langsung dengan kisah pengislaman saidina Umar r.a. Beliau dikenali dengan sifat berani, disegani dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat jahiliyyah Makkah. Sikap yang terdapat dalam diri Umar r.a turut menggambarkan tentang kegagahan seorang pahlawan yang dikagumi oleh masyarakat Arab ketika itu. Sebelum memeluk Islam, beliau antara individu yang berpengaruh dan sangat membenci Nabi s.a.w. Al-Mubarakfuri mengisahkan selepas pengislaman Umar r.a, kehidupan masyarakat Islam di Makkah menjadi semakin kuat secara tidak langsung. Ibn Mas'ūd menyatakan orang Islam dapat beribadah di Kaabah setelah Umar memeluk

---

[310] Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 4, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 110-113.
[311] Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*, jil. ii (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litturāth, 2011), 99.
[312] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 34.



University of Malaya

Islam.[313] Ini disebabkan sebelum pengislaman Umar, orang Islam takut dan menyembunyikan keislamannya. Keadaan ini berubah setelah pengislaman Umar r.a.

Selain itu, dalam zaman khalifah Umayyah, kota Andalus merupakan salah tempat tumpuan pendidikan bagi masyarakat Eropah semasa era kerajaan Islam. Pada ketika itu, masyarakat Eropah masih mengalami zaman gelap *(the dark age)* dan kota Andalus menjadi tumpuan bagi masyarakat non-muslim di Eropah kerana terdapat institusi-institusi pengajian tinggi seperti di Cordoba yang terkenal dengan ilmuwan-ilmuwan Islam kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.[314] Di samping mendapat ilmu daripada ilmuwan Islam di Andalus, sebahagian besar daripada turut mendekati dan mengkaji tentang Islam secara tidak langsung. Ini menunjukkan faktor *quwwah* dalam pendidikan dan tamadun yang terbina di Andalus telah menarik perhatian sebahagian besar masyarakat Eropah terhadap ilmuwan Islam.

Oleh itu, dapat dinyatakan faktor *quwwah* merupakan ciri-ciri tarikan kepada pendakwah (*dā‘īe*), *manhaj* dan *mawduk* dakwah. Ia dilihat mempunyai daya tarikan tersendiri dan mempengaruhi. Faktor ini tidak hanya tertumpu kekuatan dalam sifat fizikal tertentu, malah mempunyai skop yang luas kepada sesuatu bidang, agama, budaya dan kemajuan. Aspek *quwwah* telah memberikan impak yang signifikan dengan menarik perhatian golongan *mad‘ū* kepada Islam secara tidak langsung sepertimana *quwwah* dari sudut politik, kebudayaan, ekonomi dan ilmu di zaman kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu.

### 2.8.5 Tarikan Berasaskan Kelainan

---

[313] Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān, *Al-Rahiq al-Makhtūm*, terj., Mohd Nor Long (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2011), 102-103.
[314] Shanaz Husain, *The Muslim Conquest of Spain and The Legacy of Al-Andalus* (London: Taha Publishers Ltd., 2004), 90-94.



University of Malaya

Kelainan ialah sesuatu perkara yang berbeza dan perkara yang baru dan menarik perhatian golongan *mad'ū*. Kelainan dalam manhaj dan mawduk dakwah dapat menarik perhatian golongan *mad'ū* kepada dakwah. Al-Qur'ān telah menyebutkan beberapa peristiwa yang bersifat kelainan dan menarik perhatian. Dalam dakwah Nabi Nūh a.s, baginda telah diperintahkan oleh Allah s.w.t untuk membuat kapal di kawasan darat. Peristiwa membuat kapal merupakan suatu yang berbeza bagi kaumnya kerana mereka tidak pernah melihat sepertinya. Jarang sekali orang berbuat sedemikian ketika itu. Namun perbuatan Nabi Nūh a.s membina kapal telah dibalas dengan ejekan dan keingkaran kaumnya. Hanya sedikit sehaja yang mengikuti baginda.[315] Firman Allah:

وَيَصۡنَعُ ٱلۡفُلۡكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيۡهِ مَلَأٞ مِّن قَوۡمِهِۦ
سَخِرُواْ مِنۡهُۚ قَالَ إِن تَسۡخَرُواْ مِنَّا فَإِنَّا نَسۡخَرُ
مِنكُمۡ كَمَا تَسۡخَرُونَ ٣٨ فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن
يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيۡهِ عَذَابٞ مُّقِيمٌ ٣٩

Surah Hūd 11 : 38-39

Terjemahan: Dan Nabi Nūh pun membuat bahtera itu dan tiap-tiap kali sepuak dari kaumnya melalui tempat dia membina bahteranya, mereka mengejek-ejeknya. Nabi Nūh pun menjawab: "Jika kamu memandang kami bodoh (kerana membuat bahtera ini), maka sesungguhnya kami juga memandang kamu bodoh (kerana keingkaran kamu), sebagai (balasan) ejekan kamu. Maka kamu akan mengetahui siapakah yang akan didatangi azab yang menghinakannya di dunia dan yang akan ditimpakan pula dengan azab yang kekal pada hari akhirat kelak."

Selain itu, dalam konteks dakwah Nabi s.a.w, al-Qur'ān telah menjadi tumpuan golongan *mushrikīn* yang sangat berbangga dengan syair dan puisi ciptaan mereka. Mereka merasa kagum dengan isi kandungan dan gaya persembahan al-Qur'ān yang bersifat berbeza ketika itu, walaupun mereka mempunyai tokoh-tokoh syair yang hebat pada ketika itu. Manakala dalam peristiwa *isrā'* dan *mi'rāj*, terdapat banyak perkara kelainan

[315] Ibn Kathir, 'Imānuddin Abi Fida' Ismail, *Qasas al-Anbiya'* (Dār Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, t.t), 75.



University of Malaya

dipaparkan dan menarik perhatian golongan *mushrikīn* ketika itu. Walaupun mereka tidak mempercayai, namun peristiwa ini dianggap diluar pemikiran manusia, menjadi peristiwa yang berbeza dengan cara pemikiran biasa dan boleh menarik tumpuan golongan non-muslim mengetahui tentang kebenaran Islam.[316]

Selain itu, dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abī Hurairah r.a menceritakan tentang gambaran faktor kelainan yang menarik perhatian para sahabat semasa mengikuti pengajian ilmu dengan Nabi s.a.w. Seorang lelaki yang kelihatan aneh masuk berjumpa Nabi s.a.w yang sedang bersama dengan sahabat-sahabatnya dan bertanya tentang Islam, iman, ihsan dan hari kiamat. Kejadian itu menghairankan sahabat-sahabat yang ada kerana terdapat perkara yang kelihatan aneh. Dalam kehairanan itu, akhirnya Nabi s.a.w memberitahu bahawa lelaki tersebut adalah malaikat Jibril. Daripada keterangan hadith ini dapat difahami bahawa Jibril berjumpa Nabi s.a.w dalam keadaan sedemikian dan menarik perhatian para sahabat adalah untuk menyampaikan sesuatu perkara yang penting.[317]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa faktor kelainan dalam konteks pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk* merupakan salah satu aspek yang menarik perhatian golongan *mad'ū* dalam dakwah. Faktor ini dilihat sebagai menghubungkan aspek pendakwah, *manhaj* dan *mawduk* dakwah dengan ciri-ciri kelainan daripada kebiasaan golongan *mad'ū*. Sesuatu perkara yang berbeza atau dianggap baru dianggap suatu kelainan yang menarik perhatian golongan non-muslim kepada Islam. Malah suasana berbeza yang ditimbulkan pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk* sering kali menjadi tarikan orang lain.

### 2.8.6 Tarikan Berasaskan Kesamaan

---

316 Ibn Kathir, 'Imānuddin Abi Fida' Ismail, *Qasas al-Anbiya'* (Dār Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, t.t), 70

317 Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-Imān, Bab Suāl Jibril al-Nabiyy S.A.W an al-Imān wa al-Islām wa al-Ihsān wa 'ilm al-sā'ah wa bayān al-Nabiyy S.A.W lahu thumma qāla (Jāa Jibril a.s yu'alimukum dinakum), no. Hadith 50. Lihat Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'il al-Bukhāri, *"Sahih al-Bukhāri,"* jil.i, ed. Sheikh Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 22-23.



University of Malaya

Faktor kesamaan ialah sesuatu perkara yang mempunyai kesamaan seperti jantina, kaum dan agama; dengan pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk*. Kesamaan merupakan faktor yang menimbulkan minat atau menarik perhatian terhadap sesuatu perkara. Kesamaan yang terdapat diri seseorang lebih mudah orang lain mempercayainya berbanding unsur-unsur perbezaan. Rozmi menyatakan aspek persamaan mendorong seseorang menerima sesuatu perkara seperti persamaan umur, bangsa, kaum dan agama.[318] Contohnya, golongan *mad'ū* daripada kumpulan *ahl al-kitāb* telah diperintahkan untuk mentauhidkan Allah dan mengimani rasul-rasul utusan-Nya. Mereka diseru untuk beriman di atas objektif yang sama dalam agama samawi iaitu mentauhidkan dan menyembah Allah, sebagaimana firman Allah:

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ أَلَّا نَعۡبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشۡرِكَ بِهِۦ شَيۡـٔٗا وَلَا يَتَّخِذَ بَعۡضُنَا بَعۡضًا أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِۚ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُولُواْ ٱشۡهَدُواْ بِأَنَّا مُسۡلِمُونَ ٦٤

Ali Imran 3 : 64

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai *Ahl al-Kitāb*, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah." Kemudian jika mereka (*Ahl al-Kitāb* itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam."

Dalam ayat di atas, faktor kesamaan di antara muslim dan non-muslim Kristian ialah beriman kepada Allah, mengesakan Allah dan tidak mensyirikkan-Nya dengan perkara lain. Begitu juga dengan Nabi s.a.w yang pernah mengutuskan saidina Mu'āz r.a ke Yaman untuk menyeru *ahl al-kitāb*. Pesanan baginda kepada Mu'āz ialah mengkhabarkan kepada

[318] Rozmi Ismail, *Psikologi Sosial* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2011), 204.

University of Malaya

*ahl al-kitāb* tentang keesaan Allah, menyeru mereka beriman kepada Nabi s.a.w dan melakukan perkara yang diperintahkan Allah, sebagaimana hadith riwayat al-Bukhāri:

> عن أبي مبعد مولى ابن عباس عن ابن عباس رضى الله عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لمعاذ بن جبل حين بعثه الى اليمن انك سيأتى قوما من أهل الكتاب فاذا جئتهم فادعهم الى أن يشهدوا أن لا اله الا الله وأن محمدا رسول الله فإن هم طاعوا لك بذلك فأخبرهم أن الله قد فرض عليهم خمس صلوات فى كل يوم وليلة فإن هم طاعوا لك بذلك فأخبرهم أن الله قد فرض عليكم صدقة تؤخذ من أغنيائهم فترد على فقرائهم فإن هم طاعوا لك بذلك فإياك وكرائم أموالهم واتق دعوة المظلوم فإنه ليس بينه وبين الله حجاب.
>
> Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbās r.a berkata: “Rasulullah s.a.w telah berkata kepada Mu‘āz Bin Jabal ketika diutuskan beliau ke Yaman. Rasulullah s.a.w berkata kepada Mu‘āz: “Sesungguhnya kamu diutus untuk pergi kepada kaum daripada *Ahl al-Kitāb*. Apabila kamu bertemu dengan mereka maka ajaklah mereka dengan membuat penyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan Muhammad adalah pesuruh Allah, sekiranya mereka mengikut maka beritahu kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan solat lima waktu, jika mereka mengikut perintah tersebut, maka beritahu kepada mereka bahawa Allah mewajibkan ke atas kamu sedekah (zakat) yang di ambil daripada harta orang-orang kaya di kalangan kamu. Jika mereka taat perintah itu, maka ke atasnya suatu kemuliaan, dan takutlah kepada doa orang dizalimi kerana tiada hijab di antara Allah dengannya.”[319]

Demikian juga Sheikh al-Mubarakfury dalam menyatakan mengenai peristiwa penghijrahan pertama ke Habshah. Raja Najashī sebagai pemimpin Habshah ketika itu meminta Ja‘far bin Abī Ṭalib membacakan wahyu setelah mendengar mengenai ajaran Nabi s.a.w di Makkah. Ja‘far telah membaca surah Maryam yang menceritakan tentang Yaḥyā,

---

[319] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitab al-Maghāzi, Bab Ba‘ath Abi Musā wa Mu‘az ila Yaman Qabla Hajjah al-Wada‘ no. Hadith 793. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.v, ed. Al-Rifā‘ie, al-Sheikh Qāsim al-Shamā‘ie (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), 282-283.



University of Malaya

ʻĪsā dan Maryam. Mendengar ayat-ayat yang dibacakan, raja dan paderi mengalir air mata sehingga membasahi pipinya.[320] Di atas kesamaan dengan apa yang telah diberitahu di dalam kitab mereka, Raja al-Najashī memberi perhatian terhadap kumpulan pertama di kalangan orang Islam yang berhijrah ke Habshah untuk diberi perlindungan. Perhatian ini sekaligus menafikan tindakan orang musyrikin Makkah yang cuba menimbulkan prejudis al-Najasyi terhadap orang Islam yang tinggal di Habshah.

Selain itu, faktor kesamaan yang menarik perhatian golongan *mad‘ū* ialah bahasa. Kesamaan penggunaan bahasa memudahkan golongan *mad‘ū* mendekati dakwah. Di zaman Nabi s.a.w, baginda telah melantik Zaid bin Thābit sebagai juru bahasa asing (Yahudi dan Yunani), penulis wahyu dan penulis surat-surat Nabi s.a.w.[321] Beliau juga merupakan salah seorang sahabat memainkan peranan penting dalam penulisan wahyu dan penulis utasan semasa pemerintahan khulafa al-rashidin. Kebolehan yang dimiliki oleh Zaid r.a telah membolehkan Islam disampaikan dengan bahasa yang mudah difahami oleh golongan *mad‘ū*. Ini menunjukkan kesamaan dari sudut bahasa boleh mempengaruhi golongan *mad‘ū* mendekati Islam.

Oleh itu, dapat difahami bahawa faktor-faktor kesamaan dalam aspek pendakwah (*dā‘īe*), *manhaj* dan *mawduk* dapat menarik perhatian golongan *mad‘ū* kepada Islam. Kesamaan ini dapat dilihat berdasarkan asas dalam faktor bangsa atau kaum, agama atau ketuhanan, budaya, bahasa dan lain-lain. Dalam maksud yang lain, faktor kesamaan dalam perkara-perkara tersebut lebih memudahkan menarik perhatian golongan *mad‘ū* kepada pendakwah (*dā‘īe*), *manhaj* dan *mawduk* dakwah.

### 2.8.7 Tarikan Berasaskan Sifat Berulang-Ulang

---

[320] Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān, *Al-Rahiq al-Makhtūm*, terj., Mohd Nor Long (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2011), 93.
[321] Al-Shadiqiyy, Muhammad bin ‘Ulān, *Dalil al-Fālihin li Turuq Riyād al-Shalihin*, jil. 3, (Kaherah: Dār al-Hadith, 1985), 617-618.



University of Malaya

Sesuatu perkara yang berulang-ulang atau diulang-ulang boleh menarik perhatian golongan *mad'ū* kepada Islam. Dalam ilmu psikologi, faktor berulang-ulang atau ulangan *(repetition)* merupakan suatu unsur yang boleh menarik perhatian orang lain. Skinner (1977) menjelaskan kelaziman yang berlaku berulang kali dapat mewujudkan proses pengukuhan bagi seseorang. Pengukuhan yang positif akan memungkinkan respon berlaku dan berkembang.[322]

Ini menunjukkan sifat berulang-ulang melalui konteks pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk* dapat menarik perhatian dan membina pengukuhan golongan *mad'ū* kepada dakwah. Dalam al-Qur'ān, terdapat banyak ulangan fakta yang menumpukan aspek akidah, perkara ghaib, hal-hal yang berkaitan dengan dakwah para nabi dan lain-lain. Ulangan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan dan memberikan *'ibrah* yang signifikan kepada orang beriman. Dalam surah al-Rahmān, terdapat 31 ayat yang dinyatakan Allah s.w.t secara ulangan iaitu:

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ١٣

Al-Rahmān 55 : 13

Terjemahan: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhanmu yang hendak kamu dustakan.

Al-Qattan menjelaskan mengenai hikmah kisah-kisah yang disebutkan di dalam al-Qur'ān dinyatakan dengan berulang-ulang, iaitu:

1. Untuk menjelaskan ketinggian keindahan al-Qur'ān dengan satu pengertian yang digambarkan melalui ayat-ayat yang berbagai.

[322] Saedah Siraj, Zainun Ishak &Tunku Mohani Tunku Mokhtar, *Motivasi dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996) 10-11.



University of Malaya

2. Kekuatan mu‘jizat al-Qur’ān iaitu suatu pengertian yang dapat digambarkan dengan persembahan yang bermacam-macam merupakan satu kekuatan yang tidak dapat ditandingi.
3. Mengambil berat tentang kisah supaya tersemai pengertiannya di dalam jiwa manusia.
4. Dapat membezakan matlamat yang ditekankan walaupun dalam cerita yang sama disebabkan perbezaan dalam persembahan.[323]

Selain itu, Nabi s.a.w menggunakan kaedah penggulangan dalam memberi kefahaman tentang Islam kepada para sahabat. Bagi telah mengulangi apa yang telah disebutkan kepada sahabat-sahabatnya agar pengertian yang diucapkan tersemai di dalam jiwa mereka, sebagaimana dinyatakan dalam haditah yang diriwayatkan al-Bukhāri:

> عن أنس رصى الله عنه: أن النبى صلى الله عليه وسلم كان اذا تكلم بكلمة أعادها ثلاثا حتى تفهم عنه
>
> Terjemahan: Daripada Anas r.a berkata: “Sesungguhnya Nabi s.a.w apabila bercakap diulang-ulang sebanyak tiga kali sehingga mereka dapat memahami apa yang dikatakan.”[324]

Oleh itu, dapat dinyatakan tarikan berulang-ulang dalam konteks pendakwah (*dā‘īe*), *manhaj* dan *mawduk* dakwah adalah suatu unsur yang boleh menarik perhatian golongan *mad‘ū* kepada Islam. Sifat berulang-ulang juga menunjukkan kepada gambaran tarikan yang memberi pengukuhan terhadap sesuatu perkara. Ini menunjukkan sifat berulang-ulang dalam dakwah memerlukan ulangan pada fakta-fakta yang penting, kerana ia bukan sahaja dapat menarik perhatian tetapi boleh meneguhkan Islam di dalam hati *mad‘ū*.

---

[323] Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 67.
[324] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitab al-‘Ilm, Bāb Man A‘āda al-hadīth thalāthan luyufhama ‘anhu, no. Hadith 95. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.1, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 513.



University of Malaya

### 2.8.8 Tarikan Berasaskan Keprihatinan

Keprihatinan bermaksud kesungguhan menunjukkan minat atau prihatin berat pada seseorang atau sesuatu, dan perasaan sedih (dukacita) yang amat sangat.[325] Dalam konteks ini, keprihatinan dirujuk dengan menunjukkan minat secara mengambil berat dan menjiwai atau merasai terhadap perkara-perkara yang dihadapi golongan *mad'ū* dengan menyentuh naluri manusia dan keperluan hidup. *Mawduk* yang bersifat kemanusiaan harus ditonjolkan sebagai suatu wadah yang menarik perhatian dan menggambarkan dakwah dengan tanggungjawab manusia seperti membina persaudaraan, perpaduan keadilan, kasih sayang sesama manusia, menolak kezaliman, membela hak yang ditindas dan sebagainya.

Faktor keprihatinan telah disebutkan al-Qur'ān yang memerintahkan agar mengambil berat dan memberi perlindungan kepada golongan yang lemah atau terabai seperti anak yatim, orang miskin, orang lemah, orang yang dizalimi dan sebagainya. Sifat keprihatinan sangat hampir dengan saranan al-Qur'ān bagi orang-orang yang beriman dalam menjaga kebajikan dan memberi perlindungan kepada orang lemah. Nabi s.a.w telah menunjukkan contoh keprihatinan terhadap golongan yang lemah, dukacita, dizalimi dan dianiaya. Baginda adalah contoh yang terbaik yang menunjukkan sifat prihatin dalam dakwah sekalipun keadaan getir mahupun tenang.

Selain itu, Nabi s.a.w telah menyeru manusia kepada agama Allah dengan membela dan mengiktiraf wanita, membela orang miskin, mengambil berat tentang tua, lemah, orang tertindas, kepentingan am dan sebagainya. Ketika Nabi s.a.w tiba di Madinah semasa hijrah, sumber air yang sesuai atau bersih untuk diminum sangat kurang di Madinah. Di sana tiada telaga yang baik airnya kecuali di Telaga Rumah yang dimiliki oleh seorang

---

[325] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1231, entri "prihatin."



University of Malaya

Yahudi. Air telaga tersebut dijual dan mereka yang memerlukan air mesti membayar kepada Yahudi tersebut. Lalu, Nabi s.a.w mencadangkan supaya telaga itu boleh digunakan oleh semua orang tanpa bayaran, dengan cara seseorang membeli daripada Yahudi itu.[326] Ini menunjukkan baginda bertindak cepat dalam menjaga kepentingan umum ketika itu. Maka semua golongan masyarakat di Madinah dapat menggunakan air dari telaga tersebut tanpa rasa terbeban dan tidak sebagaimana keadaan sebelumnya. Dalam hadith al-Bukhāri, Nabi s.a.w telah bersabda sebagaimana dijelaskan ‘Uthman:

> وقال عثمان قال النبي صلى الله عليه وسلم من يشتري بئر رومة فيكون دلوه فيها كدلاء المسلمين فاشتراها عثمان رضى الله عنه
>
> Terjemahan: ‘Uthmān berkata, yang Nabi s.a.w telah bersabda: Sesiapa yang membeli Telaga Rumah, maka timba yang digunakan padanya adalah timba bagi orang Islam semuanya. Maka ‘Uthmān pun membelinya.[327]

Dalam konteks pendidikan pula, Nabi s.a.w menunjukkan sikap prihatin dalam menyampaikan atau mengajar tentang Islam dengan kaedah pengajaran yang memberi kesan positif kepada para sahabat. Baginda telah memilih hari dan waktu yang tertentu agar mereka dapat memberi perhatian dengan berkesan terhadap ilmu yang disampaikan. Dalam hadith al-Bukhāri, Nabi s.a.w telah menyatakan:

> عن أبى وائل عن ابن مسعود قال: كان النبى صلى الله عليه وسلم يتخولنا بالموعظة فى الأيام كراهة السآمة علينا
>
> Terjemahan: Daripada Abī Wāil, dari Ibn Mas‘ūd, katanya: Nabi s.a.w sentiasa memberikan sela-sela waktu dalam memberi *mau‘iẓah* (nasihat agama) kepada kami iaitu pada hari-hari yang tertentu yakni tidak terus

---

326 Ab. Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 227.

327 Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitab al-Shurb wa al-Musāqāt, Bab Fi al-Shurb wa man Ra’ā Sadaqad al-māi wa habatuhu wa wasiyyatahu jāizatan maqsūman kāna aw ghair maqsūman, Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.1, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 513.



University of Malaya

menerus pada setiap hari. Hal itu dilakukan agar kami tidak jemu.[328]

Dalam hadith di atas, Nabi s.a.w telah memilih masa yang tepat dan sesuai untuk memberi syarahan atau penerangan, iaitu pada masa orang bersedia hendak mendengar seperti pada masa lapang dan cergas, supaya pendengar-pendengar tidak merasa berat dan malas mendengarnya, kelak akan hilanglah dari mereka itu nasihat-nasihat yang berguna.[329] Oleh itu, dapat dinyatakan faktor keprihatinan dalam konteks pendakwah (*dā'īe*) dan *manhaj* adalah suatu bentuk yang menarik perhatian golongan non-muslim kepada Islam. Ia dianggap sebagai suatu unsur yang menarik di atas sifat kepeduliaan terhadap keperluan naluri dan keperluan kehidupan non-muslim.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa faktor-faktor tarikan dakwah ialah unsur-unsur yang menarik perhatian golongan non-muslim kepada pendakwah (*dā'īe*), *manhaj* dan *mawduk*. Antara faktor tarikan tersebut ialah tarikan berasaskan *targhīb*, *tarhīb*, *qudwah*, *quwwah*, kesamaan, mukjizat al-Qur'ān, keprihatinan dan kelainan.

## 2.9 Masalah kepada Pendekatan Dakwah Non-Muslim

Perkataan 'masalah' bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran dan kesulitan.[330] Dalam bahasa Inggeris masalah disebut *problem* yang bermaksud ketidakpuasan dalam sesuatu keadaan disebabkan oleh kesukaran atau kepayahan tertentu.[331] Dalam kamus *Oxford Advanced*, maksud *problem* ialah persoalan kepada jawapan yang dicari atau dikehendaki sama ada dengan ligik akal

---

[328] Hadith riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-'Ilm, Bab Mā Ja'ala Li Ahl al-'ilm Ayyāman Ma'lūmah, no. Hadith 70, Lihat Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'il al-Bukhāri, *"Sahih al-Bukhāri,"* jil.1 Sheikh Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 27.
[329] Wan Hussien Azmi, *Ilmu Dakwah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984), 83.
[330] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1001, entri "masalah."
[331] *BBC English Dictionary* (London: Harper Collins Publishers, 1993), 878, entri "problem."



University of Malaya

atau matematik.[332] Manakala dalam kamus *Longman Dictionary*, menyatakan maksud *problem* ialah suatu kesulitan yang memerlukan sepenuh perhatian.[333] Selain perkataan *problem*, terdapat juga perkataan lain yang mempunyai sama maksud dengan masalah iaitu *barrier*[334] dan *obstacle*[335] yang membawa maksud dengan halangan atau rintangan.

Perkataan 'masalah' dalam bahasa Arab disebut dengan *al-mas'alah* yang bermaksud keperluan yang dituntut,[336] ataupun perkara dan kes.[337] Dalam kamus *Arabic English Lexicon*, perkataan *mas'alah* diberi maksud dengan sesuatu perkara yang diminta seperti persoalan, permasalahan, perkara atau hal ehwal, cadangan untuk diselesaikan atau ditentukan.[338] Perkataan lain yang sama maksud dengan *mas'alah* ialah *al-mushkilah* dan *al-ṣu'bah* bermaksud susah atau payah.[339] Dalam kamus *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy, al-mushkilah* bermaksud sesuatu perkara atau kes yang perlu ditangani dan memerlukan penyelesaian.[340]

Oleh itu, dapat difahami bahawa masalah bermaksud suatu keadaan yang sulit, kepayahan, halangan, rintangan dan kesukaran dalam melakukan atau menghadapi sesuatu. Malah dalam maksud-maksud masalah di atas juga terdapat hak yang dituntut atau diperlukan dalam keadaan yang susah, payah, sulit dan sebagainya, iaitu memerlukan kepada penyelesaian. Dalam konteks ini, masalah kepada pendekatan dakwah non-muslim dirujuk sebagai halangan, kesusahan dan kesulitan yang dihadapi dalam menyampaikan

University of Malaya

---

332 A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (Oxford: Oxford University Press, 2010), 1208-1209, entri "problem."
333 *Longman Dictionary of Contemporary English* (Essex: Longman Group Limited, 1987), 825, entri "problem".
334 *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Kuala Lumpur; Penerbit Fajar Bakti, 2001), 32, entri "problem."
335 *Ibid*.
336 Al-Bustani, Fuad Ifram, *Munjid al-Tullāb* (Beirut: Dār al-Mashriq, 1973), 297. Lihat Al-Syawiriyy, Jarjis Hamam, *Mu'jam al-Tullāb* (Lubnan: Maktabah Lubnan Nashirun, 1995), 418, entri "al-mas'alah."
337 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munaẓẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 601, entri "al-mas'alah".
338 E.W Lane, *Arabic English Lexicon*, Cambridge: Ismaic Texts Society, 1863), 1283, entri "mas'alah."
339 Al-Bustani, Fuad Ifram, *Munjid al-Tullāb*, 379, entri "mushkilah dan al-su'bah."
340 *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, 699, entri "al-mushkilah."

Islam kepada golongan non-muslim. Ia harus ditangani kerana ‘sifat masalah’ yang definitif menghendaki penyelesaian.

### 2.9.1 Masalah Berhubung dengan Pendakwah

Pendakwah adalah orang yang mengajak atau menyeru manusia untuk mengesakan Allah dan mematuhi perintah Allah, ataupun disebut *‘dā‘i.’*[341] Aspek mengajak dan menyeru yang dinyatakan menunjukkan pendakwah mestilah berkeupayaan atau berkemampuan dalam mendekati golongan non-muslim dengan *manhaj* dan *mawduk* yang berkesan. Di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

a) Pendakwah Tidak Mempunyai Kewibawaan

Kamus Dewan memberi maksud perkataan ‘wibawa’ dengan keupayaan yang membolehkan seseorang menguasai atau mengarah orang lain atau menerbitkan pengaruh yang kuat.[342] Dalam konteks ini, kewibawaan pendakwah adalah keupayaan dalam melaksanakan dakwah. Keupayaan tersebut merangkumi persediaan yang perlu ada bagi seorang pendakwah dalam mengajak golongan *mad‘ū* seperti penguasaan ilmu agama dan ilmu-ilmu pengetahuan lain.

Menurut Berhanuddin Abdullah, kewibawaan pendakwah amat penting dalam menarik *mad‘ū* yang terdiri daripada pelbagai bentuk mentaliti kecenderungan, status, ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam (untuk *mad‘ū* muslim). Pendakwah yang berjaya adalah mampu menangani keadaan, tabiat dan status dengan fikrah dan harakah.[343] Sebaliknya, ketidak wibawaan pendakwah menyebabkan golongan *mad‘ū* lari daripada

---

[341] ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 307.
[342] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1806, entri “wibawa.”
[343] Berhanuddin Abdullah, “Penguasaan Dakwah: Satu Kajian Konseptual Menurut al-Qur’ān dan al-Sunnah,” dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia,* ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot (Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 64.



University of Malaya

dakwah dan menghasilkan natijah yang buruk terhadap Islam, bahkan akan dijadikan bahan oleh musuh Islam untuk memburuk-burukkan Islam.[344]

Selain itu, pendakwah kurang penguasaan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan keperluan semasa dan tumpuan golongan *mad'ū*. Sheikh al-Qardhawi menyatakan keperluan bagi pendakwah untuk mengetahui atau mempunyai maklumat yang baik berhubung dengan pengetahuan Islam keseluruhannya, pengetahuan berhubung dengan sejarah dan ketamadunan manusia, pengetahuan berhubung dengan kemanusiaan, pengetahuan asas berhubung dengan sains dan teknologi dan pengetahuan semasa dalam semua perkara, khususnya mengenai umat Islam.[345]

Selain itu, pengalaman dalam melaksanakan dakwah kepada golongan non-muslim merupakan faktor yang sangat penting. Ramai di kalangan pendakwah yang berjaya menguasai ilmu, namun masih kurang dalam pengalaman dakwah kepada golongan non-muslim. Pengalaman dalam dakwah menjadikan seseorang pendakwah matang dan dapat mengenal pasti kesesuaian dalam *manhaj* dan *mawduk* yang berkesan. Ab Aziz Mohd Zin menjelaskan di samping penguasaan ilmu yang mantap, aspek-aspek yang berkaitan dengan pengalaman pendakwah juga di ambil kira. Di atas penguasaan ilmu dan pengalaman, pendakwah dapat mengenal pasti, menganalisis dan membuat perbandingan teori dan praktikal dalam pendekatan dakwah yang berkesan.[346]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kewibawaan pendakwah merupakan suatu perkara yang amat penting dalam dakwah kepada golongan non-muslim. Kewibawaan pendakwah dapat dilihat dengan penguasaan dalam ilmu Islam, ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan realiti sasaran non-muslim dan pengalaman dalam lapangan dakwah. Ketidak wibawaan pendakwah menyebabkan mesej Islam tidak dapat disampaikan dengan

[344] *Ibid*.
[345] Al-Qardhawi, Yusūf, *Thaqāfah al-Da'iyah* (Beirut: Muassasah al-Risalah 1978), 8.
[346] Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 103.



University of Malaya

berkesan kepada golongan non-muslim. Malah timbul kesan sampingan secara tidak langsung disebabkan kekurangan pendakwah berwibawa iaitu kemunculan pendakwah-pendakwah mengelirukan dan menyesatkan.

b) Pendakwah Tidak Konsisten

Konsisten berasal daripada bahasa Inggeris dengan sebutan '*consistant*.' Kamus *Oxford Advanced Learner's* memberi maksud '*consistant*' dengan suatu perkara yang tetap dan berterusan dalam perbuatan, penghujahan dan sebagainya.[347] Kamus Dewan pula memberi maksud perkataan 'konsisten' dengan terus berpegang kepada pendirian dan sebagainya.[348] Dalam bahasa Arab, konsisten disebut dengan *'istiqāmah,'* iaitu orang berpegang teguh kepada pendiriannya ataupun dalam tingkah laku akhlaknya.[349] Ia dapat difahami dengan suatu perbuatan dan lisan yang tetap, teguh dan berterusan dalam diri seseorang. Sebaliknya, sikap tidak konsisten adalah kurang berpegang teguh dalam pendirian, perbuatan dan amalan secara berterusan. Maka pendakwah yang tidak konsisten dalam dakwah tidak bererti tidak tetap atau akan meninggalkan tanggungjawab tersebut. Namun ianya dibimbangi beransur-ansur akan ditinggalkan ataupun menukar prinsip hidup lain.

Dalam hal ini, Mustafa Mashyur menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah yang tidak konsisten di kalangan pendakwah menyebabkan usaha dakwah tidak berterusan secara sempurna. Melihat kepada situasi ini, terdapat empat faktor yang menyebabkan pendakwah tidak konsisten. Pertama, seorang pelajar Islam yang berkecimpung dalam aktiviti dakwah semenjak zaman pengajian. Namun setelah tamat pengajian dan mendapat pekerjaan yang baik, pelajar tersebut mulai keberatan meneruskan dakwah disebabkan kekangan-kekangan peraturan sebagai pekerja dan kepentingan majikan harus dijaga, dan akhir meninggalkan

---

[347] A. S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (Oxford: Oxford University Press, 2010), 321, entri "consistant."
[348] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 817.
[349] *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* (Larousse: Al-Munazẓhamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 1106.



University of Malaya

terus aktiviti dakwah. Kedua, pendakwah menghadapi kekangan hidup berkeluarga. Berbagai bebanan dan kesibukkan menguruskan rumah tangga menjadi hambatan dalam pengurusan isteri dan anak-anak. Ketiga, pendakwah terpedaya dengan tarikan dunia dan harta benda. Walaupun mengetahui bahawa mencari kehidupan dunia menjadi satu salah keperluan, namun ianya tidak menjadi tujuan hidup semata-mata. Dunia dan harta benda adalah ujian Allah s.w.t kepada manusia, namun ianya buka suatu tujuan utama, bahkan sebagai alat kehidupan sahaja. Keempat, pandakwah mulai keras hati disebabkan pengaruh dunia yang mendesak ke arahnya. Namun agak dibimbangi faktor keras hati menjadi ia menjauhkan diri serta ibadah yang dilaksanakan tidak menjadi kesan positif dalam dirinya.[350]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sikap pendakwah yang kurang konsisten menyebabkan mesej dakwah kurang berkesan dalam mendekati golongan non-muslim. Sikap kurang konsisten pendakwah disebabkan faktor yang menyebabkan ia jauh dengan lapangan dakwah seperti bebanan keluarga yang kurang diurus dengan baik, bebanan dalam bekerjaya, pengaruh harta benda dan pangkat. Kecenderungan pendakwah terhadap perkara-perkara keduniaan yang keterlaluan dan berterusan menyebabkan mereka jauh dengan tanggungjawab dakwah. Bahkan nikmat-nikmat keselesaan yang dikecapi itu menjadikannya tidak serius dalam dakwah non-muslim.

c) Pendakwah Menghadapi Masalah Akhlak

Akhlak adalah mesej utama di dalam lapangan dakwah. Pendakwah sepatutnya menjadi contoh ikutan yang baik *(uswah ḥasanah)* untuk golongan sasaran, namun kegagalan pendakwah dalam mempraktikkan akhlak Islam telah menyebabkan orang lari daripada dakwah dan menjadikan imej Islam negatif. Firman Allah:

---

[350] Mustafa Masyhur, *Fiqh Dakwah,* Jil. 1, terj., Abu Ridho (Jakarta: Al-I'tishom, 2001), 55-61.



University of Malaya

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ٢
كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ٣

Al-Sāf 61: 2-3

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Ayat di atas, menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menyelar orang yang beriman mengatakan sesuatu atau membuat janji dan tidak dilaksanakan.[351] Sikap pendakwah yang mengajak atau mengajar golongan *mad'ū* dengan kebaikan, namun dalam masa yang sama mereka tidak melakukan apa yang diseru itu. Misalnya terdapat di kalangan pendakwah ialah tidak bercakap benar, tidak jujur, mengharapkan ganjaran material, malas, mencetuskan persengketaan, memandang rendah dan sebagainya.

Pendakwah hendaklah berpegang dengan seruan dakwahnya dan menunjukkan contoh akhlak yang mulia serta beramal dengan prinsip-prinsip asas dalam perlakuan dan kata-katanya. Pendakwah juga hendaklah beriltizam dengan bersungguh-sungguh tentang apa yang di dakwahnya melalui perbuatan, bukan dengan kata-kata sahaja. Beliau seharusnya menjadi sebuah kitab yang terbuka dan dibaca oleh manusia iaitu menjadi satu contoh yang menggambarkan tentang Islam. Melalui contoh tersebut, dengan mudah orang ramai menerima Islam dan dapat menarik orang kepada Islam.[352]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa masalah akhlak di kalangan pendakwah menyebabkan mesej Islam tidak berkesan disampaikan kepada golongan non-muslim. Ia disebabkan dengan kurang didikan (*tarbiyyah*) yang berterusan dalam diri seseorang

[351] Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 9, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 77.
[352] Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini*, terj., Usamah b. Hussein (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, 1996), 57.



University of Malaya

menyebabkan terjerumus dengan perkara-perkara bersifat duniawi. Justeru, pendakwah mestilah beriltizam dengan akhlak yang baik melalui percakapan, perbuatan dan cara kehidupan sebagai seorang muslim yang baik sebagaimana dituntut dalam ajaran Islam.

### 2.9.2 Masalah Berhubung dengan Pendekatan Dakwah

#### i) Kurang Memahami Latar Belakang Golongan Non-Muslim

Memahami situasi non-muslim dakwah amatlah penting dalam konteks pendakwah, manhaj dan mawduk dakwah. Memahami situasi di sini meliputi kepada aspek latar belakang psikologi sosial kehidupan golongan *mad'ū* atau non-muslim.[353] Kegagalan dalam memahami situasi ini menjadikan *manhaj* dan *mawduk* dakwah yang disampaikan kurang berkesan, bahkan boleh menimbulkan imej dan persepsi negatif terhadap pendakwah dan Islam.

Dalam hal ini, pendakwah haruslah memahami dan mengenal pasti keadaan latar belakang golongan non-muslim sebagai *mad'ū*. 'Abdul Karīm Zaydān mengklasifikasikn golongan sasaran dakwah kepada empat kelompok iaitu golongan pembesar *(al-mala')* iaitu pemuka-pemuka atau pembesar atau ketua-ketua, dan cerdik pandai dalam sesuatu kaum yang merujuk kepada golongan ini. Kelompok kedua ialah golongan kebanyakan manusia atau awam. Golongan ini biasanya lebih senang menerima dakwah kerana mereka tiada apa-apa kepentingan untuk menolak Islam. Kelompok ketiga ialah golongan munafik iaitu mereka yang berpura-pura atau berdusta dengan apa yang dizahirkan dalam masyarakat

[353] Rozmi Ismail, *Psikologi Sosial* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2011), 13.



University of Malaya

Islam. Kelompok keempat ialah golongan yang melakukan dosa *(al-‘sā)*. Mereka adalah manusia yang beriman kepada Allah dan rasulNya, namun golongan ini tidak melaksanakan sepenuhnya hak-hak dalam pengakuan ini.[354]

Kurang ketelitian dalam memahami latar belakang sasaran seperti non-muslim, menjadikan pendekatan dakwah kurang memberi kesan dan boleh memberikan imej negatif terhadap Islam dan penganutnya. Abdul Karim Zaydān menegaskan bahawa pendekatan mestilah berlandaskan kaedah al-Qur’ān, kaedah sunnah *nabawiyyah*, sejarah hidup *salaf al-ṣaleh*, menganalisis pandangan ulama *(istinbāṭ al-fuqahā’)*, dan pengalaman seseorang di dalam dakwah. Kegagalan menggunakan pendekatan yang betul menyebabkan golongan *mad‘ū* lari daripada dakwah.[355]

Ia disebabkan pendakwah tidak atau kurang mempunyai maklumat yang jelas tentang *uslub* dakwah, strategi dakwah, adab dakwah, keadaan sasaran dan sebagainya, walaupun perkara-perkara itu penting dalam dakwah. Akibatnya, ramai pendakwah seolah-olah meraba-raba dalam melaksanakan tugas ini. Kelemahan pada *manhaj*, saluran atau media dan *uslub* merupakan kelemahan-kelemahan pendakwah yang terdapat pada sesetengah daripada mereka sampai boleh meliarkan sasaran, khususnya non-muslim.[356]

Oleh itu, dapat difahami bahawa memahami situasi golongan non-muslim merupakan salah satu perkara yang penting dalam konteks pendakwah, *manhaj* dan *mawduk* dakwah. Kegagalan atau kurang ketelitian terhadap tersebut, menyebabkan manhaj dan mawduk dakwah tidak dapat disampaikan dengan berkesan kepada golongan non-muslim.

(ii) Masalah Gangguan dalam Pendekatan Dakwah

---

[354] ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 380-409.
[355] ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 413-415.
[356] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 139.



University of Malaya

Gangguan adalah sesuatu yang menghalang atau menyusahkan.[357] Dalam konteks ini, gangguan ialah perkara yang menghalang atau menyusahkan dalam penyampaian mesej dakwah kepada golongan *mad'ū*. Antara gangguan-gangguan tersebut adalah seperti berikut:

a) Kekurangan kewangan di kalangan jentera dakwah merupakan satu masalah yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah ataupun organisasi dakwah.[358]

b) Masalah ketidakcekapan pentadbiran dan pengurusan organisasi dakwah seperti ketiadaan kepakaran dalam kerja-kerja organisasi, teknik kepimpinan, teknik bekerja di samping ketiadaan kefahaman yang menyeluruh dan mendalam tentang dakwah.[359]

c) Kurang melibatkan pendakwah selain orang bukan agama yang mempunyai kepakaran pendekatan tertentu dan semangat dakwah.[360]

d) Kurang mahir dalam bahasa sasaran dakwah.

e) Kurang mahir dengan alat *wasilah* dakwah semasa dan terpaksa menggunakan khidmat orang luar dan melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi.

f) *Wasilah* atau media dakwah yang tidak dapat berfungsi dengan baik seperti alat komunikasi.

g) Gangguan *wasilah* dakwah oleh pihak pemerintah seperti sekolah, masjid dan tempat-tempat tertentu.[361]

Daripada bentuk gangguan dakwah di atas, dapat dinyatakan gangguan dalam pendekatan dakwah di atas disebabkan dua faktor iaitu dalaman dan luar. Faktor dalaman

---

[357] *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 431.
[358] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 140.
[359] *Ibid*.
[360] Syed Othman Al-Habshi, "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah," dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed., Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 110.
[361] Gangguan ini dilakukan pemerintah dengan cara memburuk-buruk pendakwah, mengaitkan pendakwah dengan imej negatif, mendakwa pendakwah dengan orang yang tidak boleh membawa harapan dan sebagainya. Lihat 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998), 428-430.



University of Malaya

dirujuk dalam konteks pendakwah yang kurang kemas dalam pengurusan, persediaan, sumber dan kepakaran. Manakala faktor luaran dirujuk kepada halangan-halangan dalam *wasilah* dakwah oleh pihak berkuasa pemerintah atau pemimpin.

(iii) Perbezaan Kecenderungan dalam *Manhaj* Dakwah

Secara umumnya, terdapat pelbagai kecenderungan pendakwah dalam *manhaj* dan *mawduk* dakwah kepada golongan *mad'ū*.[362] 'Alī Jarishah di dalam kitabnya *"al-Ittijahat al-Fikriyyah al-Mu'asirah"* menyebutkan bahawa ada jemaah yang berfungsi sebagai badan kebajikan dan khidmat masyarakat, ada jemaah lebih menekankan hal-hal yang bersangkutan dengan akhlak, ada jamaah lebih mengambil perhatian dalam hal-hal akidah, ada jemaah mementingkan hal-hal yang bersangkutan dengan politik.[363] Keadaan di atas boleh mewujudkan persaingan, ketidakselarasan dan hilangnya sikap tolong menolong antara kumpulan-kumpulan dakwah. Malah kumpulan-kumpulan dakwah tersebut seolah-olah seperti parti-parti politik yang berlumba-lumba untuk kepentingan pertubuhan masing-

---

[362] Jika penekanan yang berbeza hanya membabitkan soal posisi, kedudukan kerja dan pembahagian kawasan, atau pembahagian ahli untuk pelaksanaan kerja dan amal, ianya tidaklah dianggap tercela tetapi dituntut kerana sistem pentadbiran adalah tuntutan Islam yang penting walaupun ia berlaku secara tidak dirancang. Contohnya, jemaah A menumpukan soal politik Islam untuk meningkatkan kefahaman umat Islam dalam soal pentadbiran negara dan berusaha ke arah menuntut pencernaan negara Islam. Sementara jemaah B pula menumpukan soal pendidikan di universiti-universiti Islam, sekolah-sekolah Islam dan sekolah pondok berusaha dalam akademik, dalam merangka melahirkan umat Islam yang berilmu, bakal ulama berkualiti dan menjadi rakyat yang memahami Islam secara sempurna. Manakala jemaah C pula menumpukan kefahaman Islam secara umum dalam kemasyarakatan. Jemaah D berusaha meningkatkan amalan rohani umat Islam dengan mengadakan program zikir, *qiamulail*, motivasi dan lain-lain. Jemaah E pula terdiri daripada badan-badan kerajaan dan swasta berusaha merealisasikan sistem ekonomi negara. Jemaah F atau badan-badan kerajaan, universiti dalam berusaha mendaulahkan perundangan Islam. Jika kita mempunyai kefahaman yang jelas dalam hal ini maka pembahagian tugas dakwah adalah sangat terpuji kerana setiap pihak berkhidmat kepada Allah s.w.t. Lihat Jamil Hashim dan Sulaiman Ibrahim, *Konsep Al-Jamā'ah Al-Muslimin dalam Pemikiran Islam* (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2006), 63-64.

[363] Masalah berkaitan dengan politik dan gerakan dakwah sering mencetuskan pertentangan isu dan kepentingan. Ahmad Shafie menjelaskan bahawa dakwah (Islam) selalu mengutamakan moral, sementara politik belum tentu demikian. Dakwah (Islam) memandang jauh ke depan dalam bingkai-bingkai peradaban dan kemanusiaan, sementara politik pada umumnya berfikir dalam kategori-kategori menang-kalah dalam pilihanraya, terlalu bersifat *time-bound*. Dakwah ingin mempersatukan umat manusia, sementara politik mencipta polarisasi kawan dan lawan, *minna wa minhum*, demi kepentingan jangka pendek. Dakwah menyemai bibit-bibit maaf di permukaan bumi, politik biasa mengobar dendam tak berkeputusan terhadap golongan yang diketagorikan sebagai lawan. Lihat Zulkiple Abd Ghani et al., *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2003), 41-42.



University of Malaya

masing dengan penekanan objektif yang berbeza.[364] Malah keadaan ini juga boleh menimbulkan sikap kuat perasaan taksub sesuatu kumpulan atau jemaah kepada kumpulan masing-masing. Sikap suka taksub kepada kumpulan sendiri mengakibatkan tertolaknya sesuatu pendapat dan usaha yang datang daripada kumpulan dakwah yang lain, walaupun pendapat dan usaha tersebut betul dan diperlukan. Sikap seperti ini bukan sahaja membawa kepada perpecahan di kalangan kumpulan-kumpulan dakwah, malah masyarakat di luar jamaah akan menjadi bingung untuk menentukan yang mana salah dan yang mana betul, kerana setiap kumpulan seolah-olah menafikan usaha yang dilakukan oleh kumpulan yang lain.[365]

Oleh itu, perbezaan kecenderungan *manhaj* menimbulkan perbezaan dan konflik secara tidak langsung di kalangan pendakwah. Kecenderungan *manhaj* tertentu menyebabkan golongan pendakwah merasakan pendekatannya sahaja betul dan saling tuduh menuduh dengan gelaran melampau atau ekstrim,[366] penghukum[367] dan sebagainya. Keadaan ini harus ditangani dengan kematangan ilmu dalam perselisihan atau kematangan dalam berselisih dan berbeza, bagi menggelakkan perlawanan sesama sendiri yang merugikan umat Islam.

### 2.9.3 Masalah Berhubung dengan Sasaran Dakwah *(Mad'ū)*

#### (i) Golongan Non-Muslim Menolak Seruan Dakwah

Allah s.w.t telah menyebutkan mengenai beberapa karekter golongan non-muslim yang diseru untuk beriman. Kebanyakan mereka menolak seruan dakwah, hanya sebahagian

---

[364] Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Seruan Tauhid: Checklist Buat Para Dai* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2011), 99.
[365] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 142.
[366] 'Alī Jarishah, *Pendakwah Bukan Pelampau*, terj., Hj. Abdul Rahman Ahmad (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1985), 118.
[367] Al-Hudaybi, Hassan Ismail, *Pendakwah Bukan Penghukum*, terj., Hj. Salahuddin Abdullah (Kota Bahru: Pustaka Aman Press, 1991), 30.



University of Malaya

sedikit daripada yang beriman dan menerima ajaran para nabi dan rasul. Ini menunjukkan gambaran pertentangan di antara kebenaran dan kebatilan akan berterusan berlaku sehingga hari kiamat sebagaimana janji iblis yang akan menyesatkan anak-anak Adam.[368]

Dalam konteks dakwah Nabi Mūsā a.s, baginda telah berhadapan dengan kezaliman dan sikap melampau Firaun yang mengaku sebagai tuhan. Seruan Nabi Mūsā a.s telah ditolak Firaun.[369] Firman Allah:

إِنَّ فِرۡعَوۡنَ عَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَجَعَلَ أَهۡلَهَا شِيَعٗا
يَسۡتَضۡعِفُ طَآئِفَةٗ مِّنۡهُمۡ يُذَبِّحُ أَبۡنَآءَهُمۡ وَيَسۡتَحۡيِۦ
نِسَآءَهُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٤

Al-Qasas 28 : 4

Terjemahan: Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Ia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan.

Dalam ayat di atas menunjukkan bahawa Nabi Mūsā a.s berhadapan dengan Firaun yang zalim dan melampaui batas untuk diseru beriman kepada Allah. Nabi Mūsā.a berusaha membebaskan manusia daripada menyembah makhluk, kehidupan ditindas dan menghalang Firaun yang membunuh anak-anak lelaki. Ini menunjukkan faktor yang menyebabkan seruan dakwah para rasul dan nabi ditolak ialah sikap degil di atas kepercayaan kepada tuhan atau agama nenek moyang mereka, kepentingan duniawi, menjaga kedudukan, kejahilan, suka beralasan, dan benci dengan seruan para rasul dalam kebenaran. Di atas faktor tersebut, mereka menolak dakwah para nabi dan rasul dengan kepentingan-kepentingan dunia yang diperolehi. Firman Allah:

University of Malaya

---

[368] Al-Alūry, Adam Adullah, *Tarīkh al-Da‘wah ila Allah baina al-Ams wa al-Yaum* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979), 48.
[369] Al-Alūry, Adam Adullah, *Tarīkh al-Da‘wah ila Allah baina al-Ams wa al-Yaum* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979), 59.

قَالَ نُوحٞ رَّبِّ إِنَّهُمۡ عَصَوۡنِي وَٱتَّبَعُواْ مَن لَّمۡ يَزِدۡهُ
مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارٗا ٢١وَمَكَرُواْ مَكۡرٗا كُبَّارٗا ٢٢

Surah Nūh 71: 21-22

> Terjemahan: Nabi Nūh (merayu lagi dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya, mereka telah menderhaka kepadaku, dan mereka telah menurut orang yang harta bendanya dan anak pinaknya tidak menambahinya melainkan kerugian (di akhirat kelak). Dan mereka telah menjalankan tipu daya dengan merancangkan rancangan yang amat besar jahatnya (untuk menentang seruanku)."

Ayat di atas menjelaskan, dakwah Nabi Nūh a.s. telah ditolak oleh kaumnya sendiri kerana terlalu mengikut kehendak dunia semata-mata dan tidak terbuka mata hatinya untuk kebenaran. Malah kaumnya terus mengancam Nabi Nūh a.s dengan pelbagai bentuk ancaman seperti mengejek, mencaci, menghina, dikhianati isteri dan anak dan sebagainya.[370]

Selain itu, golongan pembesar atau pemerintah merupakan kelompok yang sangat kuat menentang dakwah para dakwah dan rasul. Namun terdapat juga yang menerima untuk beriman seperti Raja Balqis dalam dakwah Nabi Sulaymān a.s. Menurut 'Abdul Karīm Zaydān, golongan pembesar *(al-mala')* iaitu pemuka-pemuka atau pembesar atau ketua-ketua, dan cerdik pandai dalam sesuatu kaum yang merujuk kepada golongan ini. Kebiasaannya, golongan ini bersikap kepada menentang dakwah dan sukar untuk diajak kepada Islam kerana kesombongan, ingin mempertahankan kedudukan, dan kejahilan. Sikap golongan ini adalah sama dan sentiasa ada dalam setiap zaman dan waktu.[371]

Oleh itu, dapat difahami bahawa masalah berhubung dengan golongan sasaran (*mad'ū*) ialah sikap mereka yang menolak seruan dakwah. Ia sentiasa berlaku dalam setiap

---

[370] Al-Alūry, Adam Adullah, *Tarikh al-Da'wah ila Allah baina al-Ams wa al-Yaūm* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979), 48-49.
[371] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 380.



University of Malaya

zaman dan waktu sehingga kiamat. Penolakan manusia terhadapa seruan dakwah disebabkan dengan kedegilan dan kepentingan keduniaan yang menebal. Sikap tersebut ini telah menutupi hati-hati manusia daripada menerima seruan keimanan kepada Allah. Golongan pembesar adalah antara kelompok manusia yang dilihat menolak seruan keimanan, sebagaimana disebutkan dalam al-Qur'ān.

(ii) Menentang Dakwah dengan Ancaman

Terdapat golongan non-muslim yang memberikan tindak balas negatif terhadap dakwah. Mereka mengancam pendakwah dengan tentangan secara fizikal dan mental. Sheikh al-Sabuni menyebutkan bahawa Nabi Nūh a.s berhadapan dengan beberapa ancaman non-muslim yang dashyat. Ketika Nabi Nūh a.s berjumpa kaumnya dan menyeru mereka supaya kembali kepada Allah, baginda telah dikerumuni lalu dipukul dengan kuat, dicekik dan dicampak sambil berkata matilah engkau hari ini.[372]

Dalam konteks dakwah Nabi s.a.w, baginda telah menghadapi pelbagai ancaman golongan *mad'ū*. Baginda telah menerima ancaman daripada kaum keluarganya sendiri dan masyarakat Makkah. Baginda telah diancam bunuh, dihina, diejek, pengikut-pengikutnya diseksa dan dipulau di awal perkembangan Islam.[373] Ibn Hisham (M 218H) telah menukilkan daripada Ibn Ishak, bahawa dalam tahap ini masyarakat musyrikin di Makkah mula memusuhi kepada mereka yang memeluk dan mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Mereka telah menyeksa di kalangan sahabat yang memeluk Islam. Orang-orang Islam berhadapan atau terdedah dengan ancaman, seksaan, ugutan, diskriminasi dan diboikot oleh masyarakat musyrikin Makkah.[374]

---

[372] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 49.
[373] Al-Butty, Muhammad Sa'id Ramaḍhan, *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2003), 68.
[374] Tadmury, 'Umar 'Abd al-Salām, *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibn Hisham*, Jil. 1 (Kaherah: Dār al-Rayān Li al-Turāth, 1987), 344.



University of Malaya

Al-Mubarafury pula menyatakan golongan Quraish musyrikin Makkah menyekat dakwah Nabi s.a.w daripada tersebar luas dengan berbagai-bagai cara. Mereka mencemuh, menghina, mengejek, menjatuhkan maruah, mentertawa dan memfitnah Nabi s.a.w dan orang-orang mengikutinya. Cara ini bertujuan untuk melemahkan semangat orang-orang yang awal menerima Islam dari Nabi s.a.w. Mereka juga memutarbelitkan ajaran yang dibawa Nabi s.a.w dengan menimbulkan kesamaran, mengedar propaganda palsu, menuduh tanpa asas terhadap doktrin, peribadi dan watak; serta menghalang orang ramai daripada mendengar dakwah dan mendakwa al-Qur'ān sebagai mitos.[375]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa masalah berhubung dengan sasaran dakwah (non-muslim) ialah berhadapan dengan ancaman secara fizikal dan mental. Ancaman ini dilakukan bagi tujuan menghalang dakwah, menghalang orang lain terpengaruh dengan dakwah dan melemahkan gerakan dakwah sebagaimana disebutkan di dalam al-Qur'ān dan sirah para rasul dan nabi.

(iii) Berprasangka Buruk terhadap Islam

Sikap prasangka negatif di kalangan non-muslim dakwah non-muslim bukan suatu perkara yang baru. Nabi s.a.w telah digambarkan dengan imej negatif oleh masyarakat jahiliyah Makkah yang bertujuan tidak mahu beriman, melemahkan dakwah dan menghalang orang lain terpengaruh dengan dakwah.[376] Mereka terus menerus memburukkan dakwah Nabi s.a.w dengan mendakwa baginda sebagai tukang sihir, sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah:

وَإِن يَرَوۡاْ ءَايَةٗ يُعۡرِضُواْ وَيَقُولُواْ سِحۡرٞ مُّسۡتَمِرّٞ
٢

Al-Qamar 54 : 2

---

[375] Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān, *Al-Rahiq al-Makhtūm*, terj. Mohd Nor Long (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication 2011), 75-82.
[376] *Ibid.*, 75-82.



University of Malaya

Terjemahan: Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata: (Ini ialah) sihir yang terus menerus berlaku.

Dalam konteks hari ini, golongan non-muslim berprasangka buruk kepada Islam disebabkan media massa yang sering memaparkan imej negatif tentang Islam dan penganutnya. Dalam kajian Elzain Elgamri yang bertajuk *"Islam in the British Broadsheets"* mendapati beberapa imej salah yang berkaitan dengan Islam dan penganutnya sering dipaparkan di dalam media utama Britain. Proses ini dianggap sebagai menguatkan persepsi masyarakat Barat terhadap isu keganasan, terrorisme, dan ketidakstabilan sosial dan politik, di kalangan masyarakat Islam di dunia.[377] Sikap anti-Islam yang disemarakkan oleh media Barat juga telah mengundang fenomena Islampobia khususnya dalam masyarakat non-muslim di seluruh dunia. Hodl menyatakan dalam tulisannya yang bertajuk *"Islamophobia in Austria: The Recent Emergence of Anti-Islam Sentimens in the Country,"* menukilkan satu kajian lapangan berkenaan Islampobia di kalangan rakyat Austria. Kajian tersebut mendapati lebih 50 peratus responden merasakan cemas terhadap Islam, dan 71 peratus responden menyatakan bahawa Islam tidak sesuai dalam sistem demokrasi seperti nilai kebebasan dan toleransi.[378]

Oleh itu, dapat difahami bahawa masalah kepada pendekatan berhubung dengan sasaran dakwah non-muslim ialah sikap degil dan keras kepala enggan menerima seruan Islam. Mereka lebih suka mengekalkan cara agama nenek moyang mereka yang terpesong. Terdapat di kalangan mereka yang menentang dan membalas seruan dakwah dengan ugutan, propaganda, caci maki, boikot dan sebagainya.

---

377 Elzain Elgamri, *Islam in the British Broadsheets, The Impact of Orientalisme on Representations of Islam in the British Press* (United Kingdom: ITHACA Press, 2008), 213.
378 Hodl, Klaus, "Islamophobia in Austria: The Recent Emergence of Anti-Muslim Sentimens in the Country," *Journal of Muslim Minority Affair*, Vol. 14, 2010, 446.



University of Malaya

### 2.10 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa pendekatan dakwah kepada non-muslim dapat dilihat suatu suatu kaedah, cara, metodologi, *manhaj*, *uslub* dan *wasīlah* dalam menyeru non-muslim kepada kebenaran akidah Islam dan ajaran Islam secara *shumūl*. Pengislaman pula dirujuk kepada kepada proses transmisi seseorang kepada agama Islam dan seluruh perintah Allah kepada manusia di dunia ini. Manakala non-muslim ialah salah satu kelompok manusia yang tidak beriman kepada Allah yang disebut *al-kufr*, *al-mushrikīn*, *al-authān* dan *al-juhd*. Dalam hal ini, dakwah kepada non-muslim adalah wajib dilaksanakan sebagai usaha mencapai matlamat manusia dicipta untuk beribadah kepada Allah, melaksanakan amanah khalifah dengan peraturan Allah, mencegah kekufuran dan syirik, dan menghalang kemurkaan Allah kepada manusia. Bagi tujuan ini, al-Qur'ān menjelaskan tiga pendekatan dakwah yang berkesan kepada manusia iaitu secara *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah* dengan cara yang terbaik. Di samping itu, terdapat beberapa faktor yang menarik perhatian golongan non-muslim kepada Islam iaitu faktor berasaskan *targhīb*, *tarhīb*, *qudwah*, *quwwah*, kesamaan, mukjizat al-Qur'ān, keprihatinan dan kelainan. Ini menunjukkan terdapat faktor penarik kepada golongan non-muslim untuk menerima dakwah dan pengislaman. Bab selanjutanya akan memfokuskan tentang pola pendekatan dakwah dalam pengislaman di negeri Sabah.

University of Malaya

# BAB 3

# PENDEKATAN DAKWAH DALAM PENGISLAMAN DI NEGERI SABAH

## 3.1 Pendahuluan

Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terletak di utara pulau Borneo dan kedua terbesar di Malaysia. Kedudukan negeri Sabah dipenuhi dengan pantai yang dikelilingi oleh Laut China Selatan di bahagian barat, laut Sulu di bahagian timur laut dan laut Celebes di bahagian timur.[379] Negeri Sabah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian Pantai Barat, Sandakan, Tawau, Kudat dan Pedalaman.[380] Penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik.[381] Manakala tiga agama yang mempunyai penganut ramai iaitu Islam, Kristian dan Buddha.[382] Profil ringkas ini menunjukkan Sabah mempunyai kehidupan masyarakat yang majmuk dari sudut agama, bangsa, suku kaum dan budaya. Kepelbagaian ini tidak menghalang masyarakat muslim dan non-muslim di Sabah berinteraksi secara harmoni dan aman.[383]

---

379 *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dikemaskini 7 November 2014, dicapai 30 November 2014, http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About.

380 *Sabah Secara Ringkas*, (Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Sabah, 1989), 12.

381 *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dikemaskini 7 November 2014, dicapai 30 November 2014, http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About.

382 *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010* (Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 92.

383 Suraya Sintang, "Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara Baru di Sabah" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), v.



University of Malaya

Dalam masa yang sama, kewujudan gerakan-gerakan dakwah secara persendirian dan kumpulan yang telah memberi sumbangan positif dalam pengislaman di Sabah sehingga hari ini. Oleh itu, bab ini membincangkan mengenai pendekatan dakwah dalam pengislaman di negeri Sabah. Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pendekatan dakwah dalam pengislaman di zaman sebelum perjajahan, di zaman jajahan British *(British Crown Colony)* dan di zaman selepas kemerdekaan sehingga hari ini.

## 3.2 Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman Sebelum Penjajahan

Islam dipercayai sampai di beberapa kawasan berhampiran Sabah kira-kira pada abad ke-10. Kebanyakan penulis sejarah berpendapat Islam diterima masyarakat tempatan di Sabah melalui faktor pengaruh Islam dari dua kesultanan iaitu Brunei dan Sulu.[384] Kedua-dua kesultanan Islam ini pernah menguasai sebahagian kawasan di negeri Sabah. S.Q Fatimi pula menyatakan antara faktor penerimaan Islam di Sabah ialah pengaruh Indonesia kerana penyebaran Islam di Indonesia lebih awal, tetapi lebih dikenal pasti di wilayah tertentu seperti pulau Jawa dan lain-lain.[385] Pulau Kalimantan di kepulauan Borneo mempunyai kerajaan Islam pada abad ke-16 seperti di Sambas, Sukadan dan Landak di sebelah pantai barat Borneo.[386] Walaupun demikian, pengaruh kerajaan Islam Brunei dan Sulu lebih menonjol dalam perkembangan dakwah dan pengislaman di Sabah. Justeru melalui teori pengislaman dalam penulisan mengenai literatur kedatangan Islam di Nusantara, terdapat empat pola pendekatan dakwah dikenal pasti.

Pertama, pendekatan dakwah dan pengislaman melalui politik. Di zaman penguasaan kesultanan Brunei ke atas sebahagian kawasan Sabah, golongan pedagang

---

384 Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 3.
385 S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 39.
386 Farid Mat Zin & Anwar Fakhri Omar, "Amalan Tarekat di Kalangan Ulama Nusantara: Kajian Terhadap Ulama Kalimantan Indonesia," dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran,* ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004), 115-116.



University of Malaya

Islam banyak memainkan peranan dalam gerakan dakwah dan pengislaman, khususnya kepada kumpulan pemerintah. Pengislaman golongan pemerintah telah memberikan kesan penyebaran Islam atau pendedahan Islam ke atas masyarakat penduduk yang berada di bawah wilayah penguasaan. Muhiddin Yusin menyatakan bahawa catatan sejarah menunjukkan penduduk di beberapa kawasan pantai Barat Sabah seperti Weston, Kuala Penyu, Sipitang, Membakut dan Papar yang telah menerima Islam melalui kesultanan Brunei di akhir abad ke-15 dan 16.[387]

Begitu juga dengan kawasan-kawasan di Pantai Barat Sabah yang berhampiran Brunei. Ini terbukti dengan terdapat segolongan besar orang yang berketurunan Brunei sehingga kini yang dikenali sebagai Islam asal sehingga hari ini. Sebahagian besar mereka menjadi majoriti penduduk di beberapa kawasan Islam di kawasan Papar, Sipitang, Membakut, Menumbuk dan lain-lain. Keturunan mereka dikatakan berperanan sebagai pembawa Islam dan menyebarkan Islam kepada penduduk tempatan khususnya di kalangan suku kaum Bisaya yang banyak menduduki di kawasan tersebut.[388]

Dalam konteks ini, agama Islam dikatakan diterima golongan pemerintah di Brunei lebih awal dari abad ke-15 dan 16. Ketika itu Brunei di kenali dengan nama Pu-Ni.[389] Kedatangan Islam di Sabah juga dikaitkan dengan duta utusan Pu-Ni[390] (Brunei) pada tahun 977 ke China yang diketuai oleh P'u Ali. Pada tahun yang sama seorang pedagang bernama P'u Lu'hsieh tiba di muara sungai Pu-Ni dari China. Nama P'u disandarkan dengan istilah Arab yang berbunyi 'Bū' atau 'Abū' yang bermaksud bapa. Nama sebenar P'u Ali ialah Abu Ali dan P'u Lu'hsieh ialah Abu Lais.[391]

---

[387] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 5-6.
[388] *Ibid.*, 5-6.
[389] *Ibid.*, 4.
[390] Pu-Ni ialah Brunei yang terletak di kawasan pantai barat Pulau Borneo dan berhampiran dengan Sabah.
[391] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 67-68.



University of Malaya

Menurut Hughes-Hallet, raja Brunei yang pertama memeluk Islam ketika itu ialah Mohammad Shah@ Awang Alak Betatar. Beliau telah memerintah Brunei pada abad ke-15. Berkemungkinan Pu-Ni telah menerima Islam kira-kira empat abad sebelum itu (abad ke-15) kerana orang-orang Islam dari Pu-ni (Brunei) telah sampai ke kawasan pantai barat Sabah sebelum abad tersebut. Namun penerimaan Islam oleh penduduk tempatan di kawasan-kawasan berkenaan dipercayai hanya bermula selepas kesultanan Brunei memeluk Islam.[392] Namun pengislaman golongan istana di Brunei dikatakan mempunyai pengaruh dengan pendakwah dari Sukadana yang terletak di Kalimantan Barat. Golongan istana diislamkan oleh orang Arab iaitu Tuan Sheikh Shamsusu'd-din dari Palembang.[393]

Dalam era pemerintahan sultan Brunei ketiga iaitu Sultan Sharif Ali (1425-1432) yang telah memainkan penting penyebaran Islam di seluruh rantau Nusantara, termasuk di Borneo utara (Sabah). Sultan dikenang sebagai 'Sultan Berkat' kerana jasanya yang telah membina masjid yang pertama dan membina struktur Kota Batu. Begitu juga semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, usaha penyebaran Islam di seluruh Pulau Borneo, Kepulauan Sulu dan Filipina sangat giat dilakukan. Baginda telah menggalakkan rakyatnya untuk berhijrah untuk mendapatkan kawasan subur untuk dijadikan penempatan baru.[394] Di atas galakan dan keperluan tersebut, ramai di kalangan penduduk Islam Brunei yang melakukan penghijrahan dan berlaku proses pengislaman melalui pergaulan dengan orang bukan Islam di kawasan-kawasan baru yang diterokai.

Selain itu, pengislaman kesultanan Sulu telah memainkan peranan penting kepada penerimaan masyarakat Sabah, khususnya di kawasan pantai timur. Ketika itu, negeri Sabah (Borneo Utara) yang kaya dengan arang batu, rotan dan mutiara terletak di kawasan yang strategik bagi pedagang-pedagang Islam dari kepulauan Sulu. Hubungan perdagangan ini

---

[392] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 4-5.
[393] Bilcher Bala, Bazley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan, "Pengaruh Kesultanan Brunei kepada Masyarakat Sabah," *Utusan Borneo*, 3 April 2008, 13.
[394] *Ibid.*, 5.



University of Malaya

telah membawa kepada penerimaan Islam di kalangan pemerintah Sulu. Terdapat sumber yang menyatakan bahawa Islam diterima di Sabah pada abad ke-15 melalui penduduk tempatan yang berketurunan suku Idahan di kawasan Lahad Datu iaitu bahagian pantai timur Sabah yang berhampiran Kepulauan Sulu. Bahagian ini pernah dikuasai oleh kesultanan Sulu, khususnya di kawasan pantai timur yang meliputi sebahagian Sabah.[395]

Menurut Cesar Adib Majul, kedatangan Islam di Sabah mempunyai kaitan langsung dengan apa yang berlaku di kawasan timur laut di bawah kesultanan Sulu[396] yang menerima Islam lebih awal. Penerimaan Islam di kepulauan Sulu dikaitkan dengan kedatangan kapal-kapal dagang Arab dari Ma-i ke Canton pada tahun 982. Ma-i (Mo-yi) ialah sebuah pulau di Filipina yang dipercayai Mindoro dan berhampiran dengan Borneo.[397] Di abad ke-15 dan 16, pemerintahan kesultanan Sulu telah berjaya mendirikan institusi-institusi Islam melalui Sultan Syarif al-Hashim. Agama Islam telah tersebar dari kawasan pantai ke kawasan pergunungan dan di bahagian pedalaman. Hubungan politik dan perdagangan yang semakin meningkat di Kepulauan Sulu dan menjadi sebahagian kawasan yang penting di dalam *dār al-Islam* di Nusantara.[398]

Kedua, pendekatan dakwah dan pengislaman melalui perkahwinan. Golongan pedagang dikatakan mengahwini anggota keluarga pemerintah atau telah memainkan peranan politik yang agak penting. Tuan Masha'ika merupakan orang-orang yang membawa masuk unsur-unsur keislaman dan membina keluarga Islam.[399] Perkahwinan pendakwah dengan golongan pemerintah telah memberikan kesan yang penting kepada penerimaan Islam di kalangan golongan istana dan rakyat.

---

395 Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 3.
396 *Tarsila* atau silsilah Sulu menunjukkan Islam telah tiba di kepulauan Sulu melalui peranan peranan pendakwah (*masha'ika* atau *makhdum*) dan perkahwinan dengan keturunan raja. Kesultanan Sulu turut menjadi salah satu peranan kedatangan Islam di pulau-pulau wilayah Filipina. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 74.
397 Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 56.
398 *Ibid.*, 90-91.
399 *Ibid.*, 90.



University of Malaya

Ketiga, pendekatan dakwah dan pengislaman melalui kegiatan ekonomi atau perdagangan telah menarik perhatian golongan pemerintah dan masyarakat tempatan di Sabah. Cesar Adib Majul menyatakan faktor penerimaan Islam di kalangan penduduk tempatan di bawah wilayah kesultanan Brunei dan Sulu dikaitkan dengan kegiatan perdagangan yang banyak di dominasi oleh orang-orang Islam yang berasal daripada Tanah Arab, Cina, Parsi dan lain-lain. 'Teori perdagangan' yang dikemukakan oleh sebilangan pengkaji sejarah telah merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh pedagang-pedagang Islam yang membawa agama Islam bersama dengan barangan dagangannya.[400] Namun Fatimi menyebutkan tentang penelitian A.H Johns yang mendakwa mereka bukanlah semestinya penyebar agama Islam melainkan saudagar tersebut terdiri dari golongan dan lazimnya diketuai oleh para 'sheikh.'[401]

Menurut Bilcher Bala et al., pengislaman pemerintah Brunei pada awal abad ke-15 telah menyumbang kepada kegiatan perdagangan yang hebat dan menjadi sebuah pelabuhan *enterport* mewah di Nusantara. Pedagang-pedagang Islam mula berpengaruh luas di rantau ini.[402] Kegiatan perdagangan di Brunei telah menarik perhatian masyarakat tempatan untuk menerima Islam, sebagaimana dinyatakan oleh S.Q Fatimi:

> "Almost all the modern western writers take the position that Islam was traded along with other merchandise by zealous maritime traders of Arabia, Persia, Coromandel, Malabar and Gujerat."[403]

[400] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988), 68.
[401] Badlihisham Mohd Nasir, "Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu," *Jurnal Islāmiyyāt* 34 (Januari-Jun 2012), 6.
[402] Bilcher Bala, Bazley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan, "Pengaruh Kesultanan Brunei kepada Masyarakat Sabah," (Siri 1), *Utusan Borneo*, 3 April 2008, 3.
[403] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 79.



University of Malaya

Pedagang Islam yang berasal daripada Tanah Arab dikatakan lebih banyak menjalinkan hubungan perdagangan dengan daerah-daerah di Nusantara.[404] Mereka telah meneroka kawasan-kawasan strategik di Nusantara untuk tujuan perdagangan dan dakwah. Mereka bergaul dengan masyarakat tempatan dan terdapat juga yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Perkara ini dapat dilihat dengan terdapat hubungan keturunan yang menggunakan gelaran-gelaran dengan *silsilah*[405] orang Arab di Nusantara sehingga hari ini, seperti al-Saggaf, al-Attas, al-Idrus dan sebagainya. Masyarakat Melayu-Arab (Syed dan Sharifah) dikenal pasti dengan hubungan perkahwinan di antara orang Arab dan orang tempatan yang datang untuk berdagang sebelum era penjajahan Eropah. Contohnya, di daerah Tawau terdapat beberapa perkampungan atau penempatan yang pernah dikenali dengan sebutan kampung Arab disebabkan kebanyakan penduduk berbangsa Arab dan sebahagian kecil bangsa Suluk.[406]

Keempat, pendekatan dakwah dan pengislaman melalui golongan sufi. Di kalangan pengkaji sejarah berpendapat pengislaman di Sabah berkait rapat dengan faktor tuntutan amanah agama atau dakwah yang kebanyakannya digerakkan oleh golongan sufi. Cesar Adib Majul, S.Q Fatimi, John Crawfurd dan T.W Arnold bersetuju menyatakan teori 'mubaligh' memainkan peranan penting dalam pendakwahan dan pengislaman di Nusantara. Golongan pendakwah atau mubaligh bukan hanya dengan kegiatan perdagangan sahaja. Malahan mereka terlibat dengan tujuan dakwah melalui pendidikan, perkahwinan, gerakan *tariqah* sufi dan sebagainya di kepulauan Sulu.[407] Corak kehidupan sebagai seorang muslim yang ditunjukkan dalam kehidupan beragama (*religiousity*) telah menarik perhatian golongan pemerintah dan rakyat di Nusantara. Mereka menjalankan kegiatan perdagangan

---

[404] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 21.

[405] Susur galur

[406] Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris & Sukura @ Fatimah Md. Hidup, "Masyarakat Arab (Keturunan Syed) di Tawau, Sabah: Tinjauan Terhadap Sejarah Pertapakan dan Sumbangan dari Aspek Sosial," *Borneo Research Journal*, no. 1, (2007), 196-197.

[407] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 68. Lihat S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 82-83.



University of Malaya

yang mengutamakan sikap baik bersesuaian dengan akhlak seorang pendakwah dan keturunan Rasulullah s.a.w.[408]

Mereka juga dikatakan mempunyai ‘faktor kelebihan’ yang digunakan dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebajikan. Mereka dikenali sebagai pendakwah yang terdiri dari golongan sufi atau tasawuf. Menurut S.Q Fatimi, pendekatan dakwah golongan sufi lebih memberikan kesan positif kepada pengislaman:[409]

> The Malay writers of old, would have us believe that Islam miraculously spread through the magical powers of the *makhdums* and *maulanas* who came from “the regions above the wind.”[410]

Al-Ṭūsi dalam kitabnya *al-Luma’* menyatakan golongan sufi sangat menitikberatkan tentang akhlak mulia dan berusaha untuk mempertingkatkan martabat mereka dengan amalan-amalan yang mempunyai kelebihan. Mereka melaksanakannya menurut petunjuk Nabi s.a.w dan para sahabatnya serta orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka dan kesemua ini ilmunya terdapat dalam kitab Allah.[411] Dalam literatur Islam juga menyebutkan sumbangan besar golongan sufi dan ahli tasawuf ini ialah berjaya mengislamkan penduduk serta membentuk kerajaan Islam yang begitu berkuasa. Mahyudin Hj. Yahya menyatakan gerakan dakwah golongan ahli sufi telah bermula dengan kedatangan Sheikh Ismail al-Siddiq dan Fakir Muhammad dari Makkah sekitar tahun 1260-an. Menjelang abad ke-16

---

[408] Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris & Sukura @ Fatimah Md. Hidup, “Masyarakat Arab (Keturunan Syed) di Tawau, Sabah: Tinjauan Terhadap Sejarah Pertapakan dan Sumbangan dari Aspek Sosial,” *Borneo Research Journal*, no. 1, (2007), 196.

[409] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 71-72.

[410] *Ibid.*, 79.

[411] Khairuddin Mohd Amin, “Sumber Aliran Al-Tasawuf Al-Sunni Menurut Islam,” dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004), 169.



University of Malaya

dan 17 lahir ulama-ulama sufi yang terkenal dan memberi sumbangan besar dalam pemerintahan, politik dan pendidikan umat Islam sehingga di Asia Tenggara.[412]

Selain itu, golongan sufi juga dikaitkan dengan amalan-amalan kelebihan yang sering digambarkan mempunyai unsur-unsur luar biasa. Kedatangan Sharif Awliya Karim al-Makhdūm[413] iaitu seorang ulama yang dipercayai menyebarkan Islam kepada penduduk tempatan Sulu pada tahun 1380[414] telah menarik perhatian masyarakat tempatan dan turut dikaitkan dengan unsur-unsur luar biasa. Dalam *tarsila* Sulu, pengaruh golongan *makhdūm* dan *maulana* sebagai mubaligh telah berjaya mengislamkan masyarakat tempatan sama ada di peringkat pemerintah atau rakyat. Sharif Karim al-Makhdum dipercayai orang yang mula-mula memperkenalkan Islam di Sulu, khususnya di kawasan Buansa.[415] Beliau digelar dengan 'Tuan Syarif Aulia' iaitu seorang *mubaligh* atau pengajar. Malah keperibadian *makhdum* telah memberi kesan terhadap penerimaan Islam di kalangan masyarakat tempatan. Terdapat *tarsila* yang menyatakan bahawa *makhdum* berjalan di atas permukaan air, bercakap dengan kertas, terbang di udara, menyelamatkan orang lemas, dan digambarkan dengan kuasa 'magis' terutamanya di Bengal. Francisco Combes turut mengakui bahawa terdapat kuasa-kuasa 'magis' di kalangan mereka yang membawa masuk Islam di Filipina[416] dan turut menarik perhatian golongan istana atau pemerintah.

Pendekatan dakwah golongan sufi juga digambarkan memenuhi hasrat rohani masyarakat tempatan Nusantara yang berlatarbelakangkan dengan kepercayaan animisme,

University of Malaya

412 Md. Yusof Abd. Hamid, "Perjuangan dan Jihad Tokoh-Tokoh Tarekat Tasawuf di Nusantara," dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004), 103.
413 Thomas Forst bersetuju di dalam catatannya bahawa orang yang mula-mula sekali membawa Islam ke Kepulauan Mindanao ialah seorang Syarif dari Makkah dan makamnya diperbuat dari batu-batu marjan di Mindanao. Lihat Kasim Hj. Mansur, "K-Dakwah dan Peranannya dalam Proses Islamisasi di Sabah," dalam *Isu-Isu Sains Sosial dari Perspektif Islam*, ed. Asmady Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muharam (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003), 186.
414 Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 2-3.
415 Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 76.
416 *Ibid.*, 76.

pagan dan lain-lain.[417] Amalan sufi telah mengubah falsafah kehidupan masyarakat tempatan, dari pandangan hidup yang berpaksikan kepada soal khayal, dongeng, dewa-dewa dan lain-lain kepada alam akal fikiran dan peraturan syariah.[418] Kehadiran golongan sufi telah mendapat tempat di kalangan masyarakat tempatan disebabkan keistimewaan dan kebolehan golongan sufi sebagai ulama-ulama Islam yang mempunyai hubungan erat dengan nilai kepercayaan mereka. Selain dapat memenuhi keperluan kerohanian mereka, ianya turut memberi kekuatan terhadap kebenaran Islam.[419]

Di samping itu, golongan sufi atau pendakwah yang terdiri daripada golongan tradisional dan berpegang teguh dengan fahaman tradisional serta berkewibawaan. Mereka menggunakan kitab fiqh, tauhid, tajwid, tafsir dan hadith di kelas-kelas yang diadakan dalam pengajian al-Qur'ān. Situasi ini membawa kepada perkembangan Islam apabila ramai di kalangan anak murid mereka mengikuti pengajian agama, berjaya menjadi imam atau hafiz al-Qur'ān dan guru agama di kampung-kampung yang bersifat tradisional.[420] Contohnya Imam Abdul Mubin bin Datu Gurdam yang telah dilahirkan pada 1866 dan mendapat pendidikan agama melalui ayahnya sendiri. Beliau bertugas sebagai imam di daerah Papar dan sangat dihormati oleh semua kaum.[421]

Oleh itu, dapat difahami bahawa pendekatan dakwah dalam pengislaman di Sabah dapat dilihat kepada empat bentuk. Pertama, pengislaman raja-raja dan memberikan kesan kepada rakyat di bawah wilayahnya. Pengislaman golongan dilakukan oleh pedagang Islam. Terdapat pedagang yang mendekati golongan pemerintah Brunei dan Sulu untuk tujuan perdagangan dan dakwah. Penguasaan kesultanan Brunei dan Sulu secara *de facto* ke atas

---

[417] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 8. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 92.
[418] Dusuki Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986), 539-544.
[419] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, 8.
[420] Jamdin Buyong, "Islam Membentuk Tamadun Penduduk Sabah: Sejarah dan Kejayaan," dalam *Islam di Sarawak dan Sabah*, ed. Anwar Fakhri Omar, Ezad Ezraai Jamsari & Jaffari Awang (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 198.
[421] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, 11.



University of Malaya

sebahagian wilayah Sabah (Borneo Utara) telah memberikan kesan positif kepada pengeluasan pengislaman di kalangan rakyat di bawah penguasaan wilayahnya.[422] Sistem di bawah pemerintahan atau jajahan Brunei dan Sulu telah memberikan kesan penting dalam penyebaran Islam di kawasan negeri Sabah.[423] Walaupun demikian, pengaruh ini berlaku di kawasan tertentu sahaja tanpa menyeluruh disebabkan tiada pendekatan dakwah yang tersusun dikenal pasti. Hanya melalui galakan pemerintah dalam penyebaran Islam di kawasan-kawasan di bawah penguasaan masing-masing. Kedua, pendekatan dakwah melalui perkahwinan. Pedagang Islam dikatakan mengahwini golongan pemerintah dan masyarakat tempatan. Penerimaan Islam bertambah kerana wujud kelompok kecil Islam di peringkat awal. Ketiga, pendekatan dakwah dan pengislaman melalui kegiatan ekonomi atau perdagangan telah menarik perhatian golongan pemerintah dan masyarakat tempatan kepada agama Islam. Keempat, pendekatan dakwah golongan sufi yang terdiri daripada mereka yang berketurunan *sheikh* dan *makhdum* telah memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Sabah. Sebahagian mereka dikaitkan dengan unsur-unsur yang bersifat luar biasa dan menarik perhatian masyarakat tempatan menerima Islam.

## 3.3 Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman di Zaman Penjajahan

Secara umumnya, perkembangan dakwah di Sabah semasa zaman penjajahan British mengalami situasi yang sama sepertimana penjajahan Eropah di negara-negara Islam lain. Selepas kejatuhan pemerintahan khilafah Islam, hampir majoriti wilayah umat Islam dijajah oleh kuasa Eropah pada abad ke 16 hingga 20. Kejatuhan pemerintahan khalifah Islam memberi tamparan hebat bagi masyarakat Islam disebabkan agenda Eropah yang memusuhi Islam yang menggunakan pendekatan ketenteraan, pemikiran dan kebudayaan sebagai

---

[422] Apabila pemerintah-pemerintah menganut Islam atau apabila sebahagian daripada penduduk mengamalkan ajaran Islam secara terbuka, maka bentuk kedatangan Islam itu menjadi salah satu daripada unsur yang penting kepada 'pengeluasan Islam'. Hasilnya pengislaman yang wujud di dalam sesuatu kawasan bermakna pengeluasan Islam itu sendiri di samping cara-cara pengamalannya yang tertentu. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 52.
[423] Ranjit Singh D.S, *The Making of Sabah 1865-1941* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2000), 57.



University of Malaya

serangan. Agenda ini berterusan sekalipun wilayah umat Islam yang dijajah telah berjaya mendapatkan kemerdekaan.

Kejatuhan kerajaan Bani ‘Abbasiyyah (750-1258 M) di Baghdad yang telah dikaitkan dengan gerakan Salibiyyah dan puak Monggol Tartar. Gerakan Salibiyyah merupakan kesinambungan peperangan golongan Kristian Eropah dan golongan Muslimin sepanjang tahun 1097-1292.[424] Begitu juga dengan pemerintahan kerajaan Bani Umayyah di Andalusia (756-1031M) yang diasaskan oleh Abdul Rahman al-Dakhil turut menghadapi ancaman utama iaitu gerakan Kristian di Eropah. Kerajaan Umayyah di Andalusia (Sepanyol) berakhir dengan pemerintahan khalifah Hisyam III al-Mu‘tamid, dan beberapa kerajaan-kerajaan kecil Islam yang menggantikan kerajaan Bani Umayyah dapat bertahan sehingga abad ke-15 sebelum ditawan oleh tentera Kristian Aragon di bawah pimpinan Isabella dan Castile di bawah pimpinan raja Ferdinand.[425] Dalam zaman pertengahan Eropah *(medieval ages)*, muncul kerajaan Islam Turki Uthmaniyyah (1281-1924M). Kerajaan ini diasaskan oleh Uthman bin Ertoghril yang lahir pada tahun 1258, iaitu tahun kejatuhan kota Baghdad. Kerajaan Uthmaniyyah banyak melancarkan serangan ke atas kerajaan Kristian Byzantine dan gerakan Salib Kristian sehingga zaman kejatuhannya pada tahun 1924.[426]

Penjajahan Eropah atau Barat ke atas negara-negara Islam masih dikaitkan dengan kesinambungan peperangan Salib yang berlaku di antara Islam dan Kristian sejak abad ke 11 hingga 13 (1097-1292). Kedatangan penjajah Eropah dan Barat ke negara-negara

University of Malaya

---

[424] Sepanjang dua abad, umat Islam menghadapi tujuh kali Perang Salib. Hasil dari peperangan ini telah berjaya membuka mata orang-orang Eropah yang berada di dalam zaman pertengahan, dengan berusaha membawa khazanah ilmu pengetahuan Islam ke Eropah. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 1-2.

[425] Zulkifli Dahalan et al., *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009), 91.

[426] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 5-6.

Timur[427] termasuk di Nusantara adalah bertujuan untuk menguasai umat Islam melalui gerakan Kristianisasi dan kepentingan ekonomi *(Gold, God dan Glory)*.[428] Kaedah penjajahan Eropah di negara-negara umat Islam dilakukan dengan campur tangan pentadbiran negara yang lemah dan mengeksploitasi kelemahan tersebut dengan menyediakan segala bentuk bantuan sebagai usaha menyebarkan Kristian.[429] Bagi menjayakan gerakan tersebut, gerakan Kristianisasi telah memainkan peranan yang amat penting. Terdapat tiga cara dalam gerakan Kristianisasi di negara-negara Islam iaitu melibatkan diri secara langsung dan menggunakan pelbagai cara termasuk melalui pendidikan, kebajikan, politik, ekonomi dan sebagainya (*presence*, *proclamation* and *persuasion*).[430]

Di Sabah, kaedah masuk campur politik oleh pihak kolonial (Sepanyol, Portugis, Belanda dan Inggeris) telah mengubah kedudukan pemerintahan sultan Brunei dan Sulu ke atas wilayahnya sekitar tahun 1880-an.Pihak Inggeris telah berjaya menguasai Sabah melalui perjanjian dengan sultan Sulu dan Brunei di atas dasar perdagangan. Pihak Inggeris digambarkan mengambil pendekatan lembut dan halus melalui perjanjian ini selepas

---

[427] Bagi memudahkan mempengaruhi umat Islam, gerakan orientalisme dibentuk sebagai usaha mengkaji orang-orang timur. Pada kurun ke-13, misionari Kristian digalakkan mempelajari bahasa orang Islam sekiranya ingin berjaya mengkristiankan orang Islam. Lihat Mahmud Hamdi Zarzuq, *Orientalisme, Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam*, terj. Mudasir Rosder & Che Yusuf Che Mamat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 9.

[428] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran*, 31-33.

[429] John Crawfurd dalam misi gerakan Kristianisasi di India setelah meneliti faktor-faktor yang membawa kejayaan pendakwah Islam. *"The success of the Mahomedan missionaries contrasted with the failure of the Christian, it is not difficult to trace to the cause. The Arabs and the other Mahomedan missionaries conciliated the native of the country, – acquired their language – followed their manners – intermarried with them – and, melting into the mass of the people, did not, on the one hand, give rise to privileged race, nor on the other, to a degraded caste. Their superiority of intelligence and civilization was employed only for the instruction and conversion of a people, the current of whose religious opinions was ready to be directed in any channel into which it was skillfully diverted. They were merchants as well as the Europeans, but never dreamt of having recourse to the iniquitous measure of plundering the people of the produce of their soil and industry. This was the cause which led to the success of the Mahomedans, and it was naturally the very opposite course which led to the defeat of the Christians."* Lihat S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 83-84.

[430] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 44. Di samping penjajahan dari sudut politik dan ekonomi, penjajah Barat turut menjajah budaya atau pemikiran umat Islam Islam. Program pembaratan yang dilakukan gerakan kolonialisme telah melalui suatu perencanaan yang strategik dan licin. Dalam gerakan kolonialisme British di India telah memfokuskan menjadikan suatu golongan yang boleh menjadi perantaraan antara mereka (Inggeris) dengan jutaan rakyat pribumi yang dijajah. Ahmad Khurshid menyebutkan bahawa British berusaha menjadikan segolongan orang yang masih India pada kulit dan darahnya, tetapi sudah menjadi Inggeris pada semangat, pemikiran, moral dan sebagainya. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 35.

University of Malaya

melihat cara Belanda dan Portugis yang keras di wilayah kepulauan Melayu lain menimbulkan konflik yang berterusan.[431]

Dalam hal ini, pihak Inggeris dikatakan bimbang dengan peluasan pengaruh Sepanyol di kepulauan Sulu[432] dan tindakan Amerika Syarikat yang mula berminat membuat perjanjian dengan sultan Brunei untuk mendapat kawasan pajakan di pulau Borneo termasuk Sabah.[433] Ketika itu, Amerika telah menghantar beberapa orang wakil untuk membuat perundingan secara individu bagi mendapatkan kawasan di Borneo.[434] Bagi menggelakkan konflik kepentingan, pihak Inggeris telah mengatur beberapa siri perancangan bagi tujuan perdagangan di Borneo. Pada tahun 1877, Sultan Brunei (Sultan Abdul Mu'min) telah menyetujui perjanjian dengan wakil yang dihantar oleh pihak Inggeris iaitu Baron von Overbeck dan Sir Alfred Dent. Dalam perjanjian tersebut, Sultan Brunei telah bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada Inggeris di sebahagian daripada wilayah Borneo Utara.[435]

Selepas itu, Sultan Brunei (Sultan Abdul Mu'min) telah melantik Baron von Overbeck sebagai maharaja negeri Sabah dan menganugerahkan wilayah dari Teluk Gaya di sebelah barat sehingga ke Sungai Sibuco di sebelah timur. Manakala Pengeran Temenggung Brunei pula telah menganugerahkan wilayahnya di lembah Sungai Kimanis dan Sungai Benom kepada Baron von Overbeck dan Sir Alfred Dent dengan segala kuasa hak kedaulatan. Wilayah ini berkeluasan kira-kira 28,000 batu persegi termasuk sepanjang 900 batu pantai Borneo Utara (Sabah). Dalam perjanjian tersebut, pihak Inggeris akan

[431] Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), 24.
[432] L. R. Wright, *The Origins of British Borneo* (Hongkong: Hongkong University Press, 1970), 31.
[433] Haji Buyong Adil, *Sejarah Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981), 3.
[434] Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)* (Singapura: Universiti Malaya Press, 1958), 4-5.
[435] Haji Buyong Adil, *Sejarah Sabah*, 3-5.



University of Malaya

membayar kepada Sultan Brunei sebanyak $12,000 dan $3,000 kepada Pangeran Temenggung setiap tahun.[436]

Pada tahun 1878, Baron von Overbeck, Wiliam H. Treacher dan Joseph W. Torry telah berjumpa sultan Sulu[437] iaitu Sultan Jamal al-Alam untuk tujuan perjanjian perdagangan melalui Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU).[438] Sultan Sulu telah bersetuju untuk menyerahkan semua wilayah kepada Overbeck dengan bayaran $5,000 setiap tahun. Manakala Overbeck digelar oleh Sultan Sulu sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan di bawah perintah sultan. Selepas perjanjian terbut, Overbeck telah pergi ke Sandakan dan melantik Wiliam Pryer sebagai residen pertama di sana.[439]

Di atas dua perjanjian tersebut, keseluruhan wilayah Sabah di bawah kuasa Sultan Brunei dan Sulu telah diserahkan kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) secara tidak langsung. Pada tahun 1881, kerajaan British telah meluluskan piagam *(charter)* dengan mensyaratkan syarikat *(company)* tetap menjadi syarikat British, berusaha menghapuskan penghambaan, menjalankan keadilan sesuai dengan adat tempatan dan tidak mengganggu agama penduduk. Bermula dari tarikh itu, British beransur-ansur berkuasa di Borneo sehingga dapat menjadikan Sabah, Sarawak dan Pulau Labuan sebagai tanah jajahannya dalam tahun 1946.[440]

Strategi penguasaan British di Sabah adalah sama sepertimana pihak kolonial dapat menguasai semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1511, Melaka telah ditakluki oleh Portugis dan Belanda telah berjaya mengusir Portugis di Melaka pada tahun 1641.

---

436 Haji Buyong Adil, *Sejarah Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981), 5-6.
437 *Ibid.*, 6.
438 Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), 25.
439 Haji Buyong Adil, *Sejarah Sabah*, 6.
440 Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), 25. Lihat Haji Buyong Adil, *Sejarah Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981), 9-10.



University of Malaya

Kemudian British telah datang ke Tanah Melayu dengan campur tangan di Pulau Pinang pada 1786 dan berjaya menduduki Singapura pada tahun 1819. Pada tahun 1824, Belanda telah menyerahkan Melaka kepada British Perjanjian Inggeris-Belanda dan masuk ke negeri Perak pada tahun 1874,[441] Selangor pada 1874, Negeri Sembilan di antara tahun 1874 hingga 1886, Pahang pada 1888, Kelantan pada 1910, Johor pada 1914, Terengganu pada 1919, Kedah pada 1923, dan Perlis pada 1930.[442]

Sebaik sahaja Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) mempunyai kuasa dan hak memerintah di Sabah, mereka telah mewujudkan pelbagai dasar pentadbiran yang selari dengan kepentingan kolonial. Pembentukan dasar-dasar British yang turut membawa nilai-nilai Barat, terutama sekali adat resam, agama Kristian dan sistem pendidikan sekular[443] telah memberi implikasi yang bertentangan dengan masyarakat Islam di Sabah.

Pada tahun 1881, badan-badan mubaligh Kristian mula bergiat mengembangkan agama mereka di kalangan penduduk tempatan di seluruh Sabah. Ini menunjukkan pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) tidak mengambil terus pembangunan pendidikan di Sabah, namun mereka memasukkan seberapa mungkin gerakan missionari

---

[441] British mulai mengambil alih pentadbiran negeri-negeri Melayu pada tahun 1874/75. Kedudukan Islam dan orang Melayu diberi perhatian khas oleh pihak British supaya tidak timbul masalah yang boleh menjejaskan kedudukan British di Tanah Melayu. Pihak British memahami bahawa agama Islam adalah perkara yang sensitif. Oleh yang demikian, apabila British campurtangan di negeri Perak, dalam Perjanjian Pangkor (1874), dinyatakan bahawa Residen British yang dilantik tiada kewibawaan dalam hal-hal agama. Lihat Esmail Hj. Mohd Salleh, "Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Perak Sebelum dan Selepas 1949" dalam, *Islam di Malaysia*, ed. Khoo Kay Kim, Mohd. Fadzil Othman & Abdullah Zakaria, (Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, t.th), 119.

[442] Semasa penjajahan Portugis dan Belanda, pentadbiran berkaitan hal ehwal Islam tidak diganggu dan diletakkan di bawah tanggungjawab ketua-ketua kaum sahaja. Portugis menggunakan undang-undang mereka untuk orang-orang Eropah sahaja. Dalam hal ini, British telah mengisytiharkan 'Piagam Keadilan' dan menubuhkan sebuah mahkamah tertinggi ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang British di Tanah Melayu. Piagam Keadilan turut dikuatkuasakan di Singapura pada 1819 dan Melaka pada tahun 1825. British telah mengisytiharkan Piagam Keadilan Kedua pada tahun 1826, selaras dengan penubuhan negeri-negeri selat *(straits settlements)* yang turut merangkumi Pulau Pinang. Manakala sebuah lagi piagam keadilan diisytiharkan pada tahun 1855 untuk memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang British di negeri-negeri selat. Dengan terlaksananya piagam-piagam tersebut, maka kedudukan undang-undang Islam yang dahulunya diamalkan sebagai undang-undang tempatan telah disisihkan dan telah hilang sebahagian besar daripada pengaruh dan kewibawaannya. Lihat Muhammad Afifi Abdul Razak, "Islam: Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia" dalam *Kenegaraan Malaysia, Isu-isu dan Perkembangan*, ed., Rohani Ab. Ghani & Zulhilmi Paidi, (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 50.

[443] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 11.



University of Malaya

Kristian untuk tujuan pendidikan dan pembangunan sekolah.[444] Sehingga awal kurun ke dua puluh, terdapat beberapa kumpulan Kristian yang bergiat aktif di Sabah iaitu Mill Gospel, Anglikan (Society for the Propagation of the Gospel), Lutheran (the Borneo Basel Self Established Chruch), Seven Day Adventists, Australian Chruch Missionary Society, Borneo Evanglical Mission dan lain-lain. Disebabkan terlalu ghairah mengkristiankan masyarakat Kristian Sabah, ada di kalangan missionari mendakwa bahawa Sabah adalah negeri 'Seba' sepertimana tercatat di dalam Bible.[445]

Selain itu, badan-badan mubaligh Kristian turut berusaha bersungguh-sungguh menyebarkan ajaran Kristian kepada penduduk tempatan di Sabah. Banyak kawasan yang telah dijadikan pusat-pusat kegiatan. Gereja-gereja giat di dirikan dan menjadi pusat gerakan missionari Kristian di bandar-bandar penting dan kawasan pedalaman. Antara kawasan awal yang didirikan gereja ialah Labuan, Papar, Kudat, Kota Kinabalu dan Sandakan. Manakala sekolah-sekolah utusan dibangunkan di pelbagai tempat oleh badan-badan mubaligh Kristian, sepertimana dilakukan oleh kumpulan *Roman Catholic* pada tahun 1887.[446] Di antara sekolah-sekolah yang terawal dibangunkan ialah di Kudat (tahun 1890), Kota Kinabalu (tahun 1915), Beaufort (tahun 1910), Tenom (tahun 1912), Inanam (tahun 1914), Pinangso (1915), Tawau (tahun 1917), Papar (tahun 1922), Telipot (tahun 1927), Menggatal (tahun 1930), Temalang (tahun 1933), Tongud, Kinabatangan (tahun 1958), Lahad Datu, Sekuati, Dumpirit (tahun 1959), dan lain-lain lagi.[447] Sekolah-sekolah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan keperluan asas seperti bahan bacaan dan alatan tulis, dan tidak dikenakan sebarang bayaran.[448]

---

[444] Ranjit Singh D.S, *The Making of Sabah 1865 – 1941: The Dynamic of Indigenous Society* (Kuala Lumpur: Penerbit University of Malaya Press, 2000), 264.
[445] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 48.
[446] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 13-14.
[447] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, 53.
[448] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, 13-14.



University of Malaya

Pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) juga menyediakan kemudahan program pembangunan masyarakat (program kebajikan) melalui gereja Katolik, Anglikan, Basel Christian Chruch of Malaysia (Sabah), Borneo Evanglical Mission, Seven-Day Adventist, The Prostestant Chruch of Sabah dan The Church of True Jesus of Sabah. Kesemua gereja dan kumpulan mubaligh ini mempunyai sumber kewangan yang kukuh dalam rancangan missionari Kristian terhadap masyarakat tempatan di Sabah. Terdapat sebahagian daripada mereka yang menjana kewangan melalui hasil ladang kepunyaan gereja, menjual harta mudah alih seperti kenderaan, dan pungutan sewa daripada lot-lot sewa di bangunan gereja, dewan, gelanggang permainan di samping aktiviti kutipan. Gerakan missionari turut mendapat peruntukan daripada dana bagi perkembangan badan-badan keagamaan bukan Islam yang disediakan, sumbangan daripada British North Borneo Chartered Company (BNBCC), bantuan organisasi dan individu sama ada di dalam negeri ataupun luar negeri.[449]

Dalam masa yang sama, pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) telah mengabaikan dalam aspek pembangunan pendidikan bagi masyarakat Islam dengan tujuan supaya mereka mudah dikuasai oleh gerakan Kristian. Penjajah melalui pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) sedar bahawa penduduk yang memiliki pendidikan tinggi adalah eset penting kepada negeri Sabah. Manakala penduduk yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan buta huruf adalah liabiliti. Atas kesedaran itulah, penjajah Inggeris cuba memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak Kristian melalui sekolah-sekolah mubaligh Kristian yang akhirnya memenuhi keperluan kakitangan dalam jentera pentadbiran British.[450]

Dalam zaman penjajahan, pendidikan bagi orang Islam masih berperanan seperti biasa keadaan sebelumnya secara tradisional. Namun agak terpinggir dengan sistem

[449] Mat Zin Mat Kib, "The Varied Financial Sources of the Main Denominational Chruches in Sabah: A Historical Perspective," *Jurnal Islamiyyat* 25, no. 1 (2004), 71.
[450] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 76.



University of Malaya

pendidikan British yang berteraskan semangat sekular dan Kristianiti. Usaha ini bertujuan untuk menjinakkan masyarakat Islam dengan ajaran Kristian dan memudahkan mereka membawa masuk ajaran atau pemikiran yang salah bagi usaha memalingkan orang-orang Islam daripada menentang penjajahan, bahkan membawa perhatian kepada tumpuan menghadapi dakwah yang telah di seleweng.[451]

Pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) tidak mengganggu amalan ibadah dan hal ehwal masyarakat Islam. Namun terdapat halangan-halangan tertentu yang dibentuk bagi membataskan perkembangan Islam iaitu melalui peraturan atau undang-undang sama ada secara langsung atau tidak langsung.[452] Penjajah British telah membentuk perundangan bagi orang Islam melalui *Muhammadan Customs Proclaimation 1902*. Dalam peraturan ini, pihak penjajah memberi bidang kuasa tertentu orang Islam kepada kadi atau imam yang telah dilantik. Antara yang dilantik ialah Habib Sheikh dan Habib Umar di Tawau, Pengiran Mohamad Abbas, Pengiran Haji Omar, Haji Mohamad Arshad, Haji Salahudin dan lain-lain. Melalui pembentukan undang-undang ini juga, pihak British turut mengetatkan peraturan dalam urusan perkahwinan di kalangan orang Islam. Tujuan sedemikian adalah untuk mengurangkan populasi orang Islam di Sabah.[453]

Usaha dakwah yang dilakukan oleh orang Islam hanya bergerak di kawasan-kawasan tertentu seperti masjid dan sekolah yang dibangunkan dengan sumber sendiri.[454] Pihak British telah memberikan kelonggaran kepada masyarakat Islam, namun ia tidak

---

[451] Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996), 101.

[452] Corak pemerintahan British di Sabah adalah berbeza dengan corak pemerintahan Sepanyol di Kepulauan Sulu atau wilayah Filipina yang berhampiran dengan Borneo Utara. Di Filipina, semangat pengkristianan orang Sepanyol dengan kesedaran perjuangan yang berabad dalam menentang Arab dan Moor dan pertembungan mereka dengan orang Islam di Filipina, menyebabkan mereka seolah-olah berada di dalam peperangan di antara Kristian dan Islam. Faktor tersebut menyebabkan orang Sepanyol lebih keras terhadap orang Islam dan sentiasa mendapat penentangan yang kuat semasa penjajahan di wiliayah Filipina. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 111-112.

[453] Ranjit Singh D.S, *The Making of Sabah 1865 – 1941: The Dynamic of Indigenous Society* (Kuala Lumpur: Penerbit University of Malaya Press, 2000), 255.

[454] Zulkeflee Haji Abu Bakar (Penolong Setiausaha Kerja (Operasi), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dalam temu bual dengan penulis, 17 Januari 2014.

dapat memenuhi keperluan orang Islam ketika itu yang tersepit di antara pemodenan dan dasar-dasar penjajah yang merugikan mereka.[455] Allahyarham Datuk Haji Awang Sahari Abd Latif merupakan pengasas Pertubuhan Islam Putatan (PIP), pernah menyatakan keadaan orang Islam di Sabah semasa zaman penjajahan British adalah berbeza dengan keadaan di semenanjung. Di Sabah, pihak British telah melantik imam kehormat dan mempunyai kuasa yang terbatas. Imam kehormat hanya mengurus orang mati, soal perkahwinan orang Islam dan urusan cerai. Sekiranya berlaku permasalahan yang lebih rumit, ianya akan dibawa ke Mahkamah Adat Istiadat Anak Negeri. Terdapat beberapa kes-kes masyarakat Islam yang di adli oleh orang bukan Islam yang terdiri daripada O.K.K (Orang Kaya-Kaya) dan K.A.N (Ketua Anak Negeri). Namun sekiranya kes tersebut di adili oleh orang Islam, mereka terpaksa tunduk apabila penjajah British mengemukakan sesuatu yang bertentangan dengan Islam. Contohnya, pihak British pernah mengarahkan supaya binatang yang akan disembelih seperti lembu dan kerbau, hendaklah ditembak terlebih dahulu sebelum disembelih mengikut hukum syarak Islam.[456]

Gerakan dakwah dan pengislaman lebih tertumpu kepada perseorangan seperti kadi, guru, guru agama dan imam-imam di kawasan majoriti muslim. Mereka mengukuhkan teras agama dalam diri muslim lain sebagai membina kekuatan. Ketika itu gerakan perseorangan lebih mudah kerana kurang mendapat perhatian pemerintah British.[457] Walaupun demikian, pengaruh Islam tetap berkembang dalam zaman penjajahan. Pada tahun 1921, penganut Islam hanya berjumlah 31.1 peratus, tahun 1931 meningkat 32.1 peratus, tahun 1951 meningkat 34.5 peratus dan tahun 1960 berjumlah 172 324 orang. Ini menunjukkan dasar British di Sabah tidak dapat menyekat pengaruh Islam dalam kalangan masyarakat tempatan. British berjaya menarik secara perlahan-lahan sebahagian penduduk yang belum

---

[455] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 15.
[456] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 10-12.
[457] K.G Tregoning, *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967), 178.



University of Malaya

beragama kepada Kristian dan penganut Islam dijauhkan dengan ajaran Islam melalui sistem pendidikan.[458]

Walau bagaimanapun, penyebaran Islam terus dijalankan oleh pendakwah dan ulama tempatan seperti Haji Zaini Palembang di Kota Belud, Salim Pundok di Tawau,[459] Haji Suhaili Haji Yaakub di Api-Api dan Putatan, Imam Haji salleh di Tuaran, Mandur Sharif bersama anak muridnya Haji Kandalis dan Haji Roman di Ranau, Pangiran Haji Umar Pangiran Syarifuddin di Sipitang, Imam Jukarni bersama Mandur Asa di Kunak, Imam Haji Injir bin Haji Imam Panjang bersama Haji Ghulam Hasan @ Haji Muda di Lahad Datu.[460] Mereka telah memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Sabah pada zaman penjajahan sehinggakan kawasan-kawasan di pedalaman turut menerima Islam.[461]

Selain itu, golongan pendakwah di Sabah turut berjaya membangkitkan dan mengekalkan kesedaran tentang Islam di negeri Sabah sehingga abad ke-20. Faktor yang mendorong orang Islam bergerak di dalam pertubuhan untuk memperjuangkan kepentingan sosial, perpaduan dan keagamaan.[462] Kesedaran ini terbentuk disebabkan penjajahan Barat yang membawa pengaruh sekularisme, nasionalisme, realisme dan humanisme dalam kaedah berfikir masyarakat Melayu. Pengaruh ini telah melemahkan orang Islam dan memecahbelahkan kesatuan umat Islam.[463]

Kesedaran berpersatuan dalam kalangan masyarakat Islam ditandai seawalnya pada tahun 1890-an dengan penubuhan sebuah persatuan Islam yang dikatakan berjaya

---

[458] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 12.
[459] Nurasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), 325.
[460] Hajah Masnon Haji Ibrahim, Sejarah Perkembangan Islam di Brunei," dalam *Islam di Brunei, Sabah dan Sarawak*, ed. Ismail Mat (Kuala Lumpur: Penerbit Asiana, 1989), 4
[461] Nurasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), 325.
[462] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, 18-21.
[463] Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 46.



University of Malaya

membangkit dan mengekalkan kesedaran tentang Islam sehingga abad ke-20. Pada tahun 1946, sebuah pertubuhan politik iaitu Parti Barisan Pemuda (BARIP) ditubuhkan di bawah pimpinan Mandur Sharif dan kumpulannya.[464] Mandur Sharif seorang pemimpin yang berwibawa dan pendakwah yang merintis penyebaran Islam di Sabah khususnya dalam kalangan masyarakat Dusun Ranau. Masyarakat Dusun Ranau tertarik untuk memeluk Islam daripada beliau dan bukannya dengan penduduk peribumi Islam lain yang sememangnya mempunyai hubungan dengan mereka khususnya orang-orang Bajau Kota Belud. Pendekatan dakwah yang dijalankan beliau melalui tiga peringkat iaitu peringkat pertama dengan mengubati keluarganya sendiri, peringkat kedua beralih kepada keluarga terdekat dan peringkat ketiga berdakwah secara terang-terangan kepada masyarakat Dusun Ranau yang meminta pertolongan daripada mereka. Kemudian, peranan murid-murid Mandur Syarif dalam kemunculan USIA sebagai badan dakwah terpenting di Sabah.[465] Dalam tempoh dua dekad, Mandur Sharif dan pengikutnya telah berjaya mengislamkan seramai 63,000 orang di Ranau dan pedalaman Sabah. Keperibadian mulia dan ilmu batin yang dimiliki oleh Mandur Sharif dikatakan telah mengukuhkan keyakinan masyarakat setempat memeluk Islam. Ilmu kebatinan tersebut bertujuan untuk kebaikan merangkumi keselamatan diri dan keluarga serta mengubati penyakit yang sukar dikesan dengan teknologi moden.[466]

Pada tahun 1940, persatuan Khairat Jumaat ditubuhkan dan merupakan pertubuhan Islam yang pertama ditubuhkan di Sabah. Penubuhannya adalah sebagai salah satu langkah dalam memperjuangkan kepentingan Islam di Sabah melalui persatuan. Malah pendedahan mengenai Islam semakin meningkat kemasukan pengaruh Semenanjung dan Singapura melalui akhbar-akhbar dan majalah seperti *Warta Jabatan Agama Kerajaan Johor*, *Majalah*

---

[464] Dakwah Islam yang diperkenalkan oleh Mandur Syarif dikatakan berbaur dengan amalan kebatinan daripada Jawa seperti mandi lapisan, mandi safar dan sebagainya. Lihat Suraya Sintang, *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun* (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007), 50.
[465] Eko Prayitno Joko, "Islam dan Dusun Ranau," laman sesawang Academia, di capai 22 Jun 2014, https://www.academia.edu/9622065/Islam_dan_Dusun_Ranau.
[466] Mohd Azrone Sarabatin, "Artikel Dakwah Negeri di Bawah Bayu," laman sesawang *Mumtaz Humairah*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.mumtazhumaira.blogspot.my.



University of Malaya

*Kalam* dan sebagainya. Di atas faktor tersebut tertubuh Persatuan Ikhwan Sabah hasil daripada pengaruh Persatuan Ikhwan Muslimin (PIM) yang diasaskan oleh Abdullah Basmieh di Singapura. Persatuan Ikhwan Sabah telah didaftarkan pada 27 September 1957 dengan tujuan meninggikan syiar Islam di Sabah. Namun pada tahun 1959, Persatuan Ikhwan Sabah dibubarkan disebabkan kekurangan penglibatan pemimpin yang kebanyakannya adalah penjawat awam dan gerak geri mereka sentiasa diawasi oleh penjajah.[467]

Pada tahun 1960, terdapat tiga pertubuhan Islam yang besar ditubuhkan di Sabah iaitu Persatuan Islam Putatan (PIP), Persatuan Islam Sabah (PIS) dan Persatuan Islam Tawau (PIT). Ketiga-tiga pertubuhan Islam ini menjadi pencetus kepada pendekatan dakwah berorganisasi secara aktif di Sabah. Melalui usaha tersebut, beberapa sekolah agama telah ditubuhkan di Putatan dan Tawau, dan hal ehwal berkaitan masyarakat Islam sentiasa diambil perhatian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa konflik yang timbul di kalangan tiga persatuan Islam di atas perbezaan pendekatan seperti sentimen kedaerahan, perbezaan pendapat dalam penentuan tarikh dan waktu, perbezaan dalam pembentukan undang-undang, masalah kewangan dan sebagainya. Namun kemunculan ketiga-ketiga persatuan ini dalam tahun 1940-an, sekurang-kurangnya berjaya mempertahankan Islam di kawasan-kawasan tertentu di Sabah, daripada menjadi mangsa diskriminasi penjajah.[468]

Bagi menggelakkan konflik, terdapat perbincangan yang dilakukan untuk membentuk sebuah pertubuhan yang lebih besar dan kuat selepas Sabah menyertai Malaysia. Perkara ini termasuk di dalam syarat penerimaan dua puluh perkara untuk menyertai Malaysia. Salah satu syarat tersebut menyatakan bahawa Sabah yang merdeka tidak akan mempunyai agama rasmi,[469] berbanding dengan negeri-negeri di Tanah Melayu. Di atas faktor tersebut, hasrat masyarakat Islam di Sabah ketika itu adalah untuk

---

[467] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 21-23.
[468] *Ibid.*, 23-29.
[469] *Ibid*., 34.



University of Malaya

menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi sepertimana Persekutuan Tanah Melayu di semenanjung. Maka ketiga-tiga persatuan Islam (PIP, PIS dan PIT) mengambil inisiatif mengadakan pertemuan Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun secara berasingan. Pertemuan ini mencapai kata sepakat untuk mengorbankan persatuan-persatuan kecil bagi membuka laluan kepada penubuhan sebuah persatuan Islam yang besar dan mampu menyatukan seluruh masyarakat Islam di Sabah.[470] Usaha ini sebenarnya mula dilakukan dalam tahun 1961, namun di atas urusan rancangan kemasukan pembentukan Malaysia ketika itu, ianya terhenti seketika dan bersambung semula selepas tahun 1963.

Oleh itu, dapat difahami bahawa dakwah di Sabah tetap bergerak walaupun menghadapi kekangan dari Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC). Kebanyakan pendekatan dakwah yang digunakan ketika melalui gerakan secara orang perseorangan seperti golongan guru, ulama, guru agama dan lain-lain. Pendekatan dakwah secara orang perseorangan lebih mudah kerana kurang mendapat halangan daripada pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC). Pendakwah perseorangan di Sabah bergerak aktif dan berjaya membangunkan kesedaran dakwah secara berpersatuan yang dibentuk di atas semangat menjaga kepentingan agama Islam, semangat nasionalisme orang Islam melawan pihak penjajah, dan reaksi orang Islam terhadap gerakan Kristianisasi dalam masyarakat di Sabah. Antara pendekatan yang menonjol di kalangan pendakwah di era ini ialah ilmu kebatinan yang dikaitkan dengan amalan sufi untuk tujuan pertahanan dan melawan penjajahan di Sabah.

## 3.4 Pendekatan Dakwah dalam Pengislaman Pasca Kemerdekaan

Selepas penjajahan khususnya pihak British menjadi lebih terarah serta bebas daripada kawalan sepertimana keadaan sebelum ini. Kewujudan tiga persatuan Islam (sebelum

---

[470] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 13-18.



University of Malaya

kemasukan Sabah ke dalam Malaysia) yang ketika itu dalam usaha membawa masyarakat Islam Sabah dengan kemajuan pembangunan selaras tuntutan Islam. Suasana ini timbul di atas kesedaran sebahagian besar pemimpin dan masyarakat Islam di Sabah dalam memperjuangkan kepentingan Islam serta mencapai kemajuan.[471] Keadaan ini dilihat sebagai reaksi masyarakat Islam selepas penjajahan seperti disebutkan oleh Khursid Ahmad, al-Mawdudi, al-Banna dan lain-lain.

Setelah Sabah menyertai Malaysia pada 16 September 1963, aspirasi untuk menyatupadukan semua persatuan Islam di Sabah menjadi keutamaan. Ketika itu, masyarakat Islam di Sabah adalah minoriti berbanding masyarakat bukan Islam. Maka usaha menyatupadukan persatuan-persatuan Islam di bawah satu organisasi di peringkat negeri telah digerakkan, terutamanya melalui peranan PIT, PIP dan PIS.[472] Keadaan ini menunjukkan pola perkembangan Islam selepas Sabah mencapai kemerdekaan dan menyertai Malaysia adalah bergantung kepada pendekatan organisasi yang kuat dan menyeluruh. Di atas muafakat bersama, pada 16 Ogos 1969 Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau *United Sabah Islamic Association* (USIA) telah ditubuhkan sebagai sebuah gabungan persatuan-persatuan Islam di Sabah.[473] Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun telah dilantik sebagai Yang Di Pertua pertama USIA. Dalam masa yang sama, beliau merupakan Ketua Menteri Sabah yang mengetuai parti politik USNO *(United Sabah National Organization)* selepas menyertai Malaysia.[474]

Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) telah menggariskan dua belas perkara utama yang menjadi tonggak di dalam perlembagaan, iaitu:

1. Menjayakan kepentingan-kepentingan agama Islam.

---

[471] Zulkeflee Haji Abu Bakar (Penolong Setiausaha Kerja (operasi), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dalam temu bual dengan penulis pada 17 Januari 2014.
[472] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah, 2010), 14-15.
[473] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 18-19.
[474] *Ibid.*, 27.

2. Memperteguh tauhid kepada Allah sebagai dasar pendidik diri supaya menjadi baik dan tinggi pekerti serta bebas fikirannya di antara satu sama lain.
3. Melatih pengikut-pengikut Nabi Muhammad s.a.w di dalam hal ehwal agama Islam yang suci.
4. Mengadakan segala kemudahan-kemudahan pengajian dan pengetahuan dalam agama Islam di kalangan semua kaum dan ugama.
5. Mendirikan dan menjaga urusan masjid-masjid, surau-surau, madrasah-madrasah, wakaf-wakaf, tanah-tanah perkuburan dan lain-lain perkara yang bersangkut paut dengan orang-orang Islam di seluruh Sabah.
6. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelolakan pemungutan zakat dan fitrah serta pembahagiannya secara lebih licin (sistematik) (dengan kebenaran kerajaan).
7. Mengadakan bantuan kepada orang-orang Islam di seluruh Sabah yang berada di dalam kesusahan dan faedah-faedah kematian kepada ahli-ahlinya (USIA) dan juga orang-orang *musafir*.
8. Mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa kecil berkenaan agama, kebajikan, persekolahan, taman bacaan, penerangan, kaum ibu dan lain-lain perkara yang difikirkan mustahak termasuklah perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan agama Islam dan sesuai mengikut keperluan semasa.
9. Memberi penerangan kepada anggota-anggota USIA yang hendak menunaikan ibadah haji di tanah suci Makkah dengan kerjasama kerajaan pusat dan pejabat urusan haji di Pulau Pinang.
10. Mengadakan perhubungan dan kerjasama yang lebih rapat dengan persatuan-persatuan Islam di luar Sabah atau lain-lain pertubuhan di mana-mana tempat demi kemajuan Islam.
11. Menjalankan segala daya usaha untuk menanam modal bagi apa-apa perniagaan yang akan mendatangkan hasil kepada USIA.

University of Malaya

12. Menjalankan daya usaha di atas segala perkara mustahak supaya tercapai matlamat-matlamat di atas.[475]

Dalam urusan organisasi pentadbiran, USIA telah membentuk tujuh jawatankuasa kecil dalam gerakan dakwah di Sabah, iaitu badan kewangan, badan kebajikan, badan penerangan, badan persekolahan, badan masjid, badan zakat dan badan dakwah.[476] Badan kewangan USIA berperanan mencari sumber kewangan untuk membiayai kakitangan pentadbiran, guru-guru agama serta para mubaligh.[477] Penubuhan USIA sebahagian besarnya menekankan pembangunan ekonomi dan tugas penyebaran dakwah. Dengan adanya ruang tersebut, terdapat beberapa program ekonomi yang dilakukan menjana dan mengukuhkan kewangan USIA dalam tugas dakwah. Antaranya adalah, pada tahun 1969 selepas USIA ditubuhkan, kerajaan negeri telah memberi kawasan kayu balak seluas 34,800 ekar kerana kawasan tersebut dapat mengeluarkan hasil sebanyak $30,720,00.[478] Dalam masa yang sama USIA mendapat peruntukan sebanyak RM500,000 setahun dari kerajaan pusat dan RM200,000 setahun dari kerajaan negeri sehingga hari ini.[479]

Dalam aspek pembangunan pendidikan pula, badan persekolahan USIA bertanggungjawab membawa masuk guru-guru agama dari semenanjung dan Indonesia dan Filipina, telah memberi kesan yang positif dalam pengislaman di Sabah.[480] Pendakwah Indonesia telah dilantik oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) sebagai Pegawai Agama Islam Sabah (SUIS) secara kontrak. Pendakwah Indonesia menggunakan pendekatan *bi al-hāl*, ceramah, kuliah, kegiatan kemasyarakatan, kebajikan, pengajian kitab dan media massa dalam gerakan dakwah dan

---

475 Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 21-24.
476 *Ibid.*, 75-77.
477 *Ibid.*, 75-76.
478 Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 40.
479 Zulkeflee Haji Abu Bakar (Penolong Setiausaha Kerja (operasi), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dalam temu bual dengan penulis pada 17 Januari 2014.
480 Hamdan Aziz, “Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976” *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah 1*, no. 2 (2013), 171.



University of Malaya

pengislaman di Sabah. Secara tidak langsung, pendakwah Indonesia bukan sahaja meningkatkan kefahaman Islam di kalangan penduduk Sabah, malah dapat meningkatkan jumlah penganut Islam di Sabah.[481]

Selain itu, dasar pengambilan guru agama di Sabah dilakukan secara terbuka kepada masyarakat tempatan ataupun luar. Kerajaan negeri hanya meletakkan syarat dalam mengambil guru ialah mestilah bermazhab Syafie dan berlatar belakang pendidikan agama.[482] USIA juga membangunkan kemudahan pendidikan dengan membina dan membaik pulih infrastruktur sekolah agama, mengambil alih pentadbiran sekolah agama yang wujud sebelum ini,[483] membayar gaji tenaga pengajar, menyediakan buku-buku agama, rumah kediaman pengajar dan menyediakan bahan pelajaran agama yang disesuaikan mengikut sukatan pelajaran agama kerajaan Johor.[484]

Badan masjid USIA pula bertanggungjawab ke atas masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Sabah.[485] Sebelum tahun 1960-an, terdapat beberapa kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai masjid dan mengakibatkan sebahagian besar daripada penduduk Islam khususnya di kampung dan pedalaman tidak dapat mengerjakan solat Jumaat. Bagi menampung keperluan tersebut, USIA telah membantu membina masjid dan menyalurkan peruntukan untuk pembangunannya. Kira-kira sebanyak 40 buah masjid dan 48 buah surau yang telah dibangunkan sebelum tahun 1970. Salah satu tindakan USIA yang progesif ketika itu ialah, membeli sebuah gereja kepunyaan Seven Day Adventists (S.D.A) di Kota

---

[481] Nurasnie Amiruddin, “Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)” (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), v.

[482] Nurasnie Amirruddin, Muhammad Shaukhi Mohd Radzi & Asmady Idris, “Guru Agama Indonesia: Faktor Kedatangan dan Peranan dalam Perkembangan Islam di Sabah (1970-1976),” dalam Prosiding Transformasi Sosial di Borneo-Kalimantan: Pengalaman Modenisasi (makalah, Konferensi Antarauniversiti SeBorneo-Kalimantan Ke-5, Universiti Malaysia Sabah, 16-17 Jun 2009).

[483] Dari tahun 1950 hingga awal 1960-an, terdapat lebih kurang sepuluh buah sekolah agama di Sabah. Antaranya ialah Madrasah Tahzibiah di Puatatan, Madrasah Tuddiniyah di Kampung Buang Sayang, Papar, Madrasah Ma‘adul Islam di Sembulan, Kota Kinabalu, Sekolah Agama Islam di Pimping, Membakut, dan Sekolah Agama Islam di Tawau. Lihat Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 71.

[484] Hamdan Aziz, “Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976”, *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah 1*, no. 2 (2013), 171.

[485] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 77.



University of Malaya

Kinabalu pada tahun 1974. Setelah dibeli, gereja tersebut diubah suai untuk dijadikan masjid dan pusat kegiatan dakwah bagi masyarakat Islam yang tinggal di sekitar bandar Kota Kinabalu.[486]

Selain itu, badan zakat USIA ditugaskan untuk mengendalikan semua urusan berhubung zakat. Manakala badan penerangan USIA pula bertanggungjawab menerangkan kepada masyarakat berkaitan dasar-dasar, tujuan dan cita-cita perjuangan USIA serta rancangan kejayaan-kejayaan yang dicapai dari semasa ke semasa. Pada bulan Jun 1970, badan tabligh ditubuhkan bersama dengan badan penerangan bagi memperhebatkan dakwah USIA kepada orang bukan Islam. Dalam tempoh juga, badan ini telah menerbitkan risalah, buku, majalah dan akhbar untuk saluran mesej kepada orang awam. Di antara akhbar yang penting diterbitkan ialah *Sinar USIA* mulai tahun 1970.[487] Terdapat dua bentuk gerak kerja dakwah yang dilakukan dalam badan ini iaitu melalui pegawai USIA termasuk pegawai penerangan, mubaligh dan orang perseorangan yang dilantik USIA. Kedua, golongan yang terdiri daripada orang perseorangan yang bertugas secara sukarela untuk menjalankan tugas yang sama seperti pegawai USIA. Walaupun mereka tidak bekerja di dalam USIA, namun usahanya gigih dalam membantu pengislaman di Sabah.[488] Dalam usaha ini, penerangan Islam dilakukan secara bersemuka dengan pemimpin masyarakat seperti ketua anak negeri, ketua kampung, ketua keluarga, ahli politik, orang perseorangan dan pertemuan dengan kelompok-kelompok kecil.[489] USIA telah berjaya mengislamkan Donald Stephen atau Tun Fuad Stephen dan isteri pada tahun 1971,[490] Fazli Wong (Ahli Undangan Negeri Kuala Penyu), Johari Majakil (Ahli Parlimen Beaufort), dan lain-lain lagi.

---

[486] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 71-75.
[487] *Ibid.*, 51-53.
[488] USIA turut mengadakan kerjasama dengan badan-badan dakwah lain dalam memberi penerangan berkaitan Islam iaitu Persatuan Pelajar-Pelajar Islam di Sabah (PERPIS), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), badan dakwah di sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian seperti Maktab Perguruan Gaya, Maktab Perguruan Kent, Yayasan Sabah dan Institut Teknologi Mara. *Ibid.*, 73.
[489] Zulkeflee Haji Abu Bakar (Penolong Setiausaha Kerja (operasi), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dalam temu bual dengan penulis pada 17 Januari 2014.
[490] *Ibid.*

Hasil daripada gerak kerja dakwah yang dilakukan USIA, populasi orang Islam di Sabah meningkat menjadi majoriti berbanding penganut Kristian. Dalam masa yang sama, dua pertiga Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah terdiri daripada pemimpin yang beragama Islam. Sehingga tahun 1975, USIA telah berjaya mengislamkan hampir 97 ribu orang di Sabah dalam tempoh lima tahun.[491] Di atas faktor tersebut, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) ditubuhkan bagi menjaga dan mengurus kepentingan hal ehwal Islam dengan lancar dan tersusun di Sabah pada Julai 1971.[492] Manakala pada tahun 23 September 1973, Dewan Undangan Negeri Sabah berjaya meluluskan satu pindaan dalam Perlembagaan Negeri Artikel 5 (A). Melalui pindaan ini, agama Islam dicatatkan sebagai agama rasmi negeri tanpa menghalang kebebasan agama-agama lain di mana-mana bahagian negeri, sepertimana dinyatakan berikut:

> "Islam ia the religion of the state, but other religions may be practiced in peace and harmony in any part of the state." [493]

Pengiktirafan ini menjadikan dakwah dan pengislaman di Sabah terus berkembang sehingga hari ini. Di sebalik kejayaan itu, USIA turut mendapat kritikan daripada pihak-pihak tertentu yang tidak senang dengan pendekatannya dalam kerajaan ketika itu. Namun usaha tersebut telah menjadikan orang Islam dan pengislaman di Sabah dianggap lebih terjamin di bawah peruntukan dalam perlembagaan ini. Dengan adanya peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, pihak kerajaan telah mengambil langkah positif pengurusan dan penyebaran dakwah secara tersusun dan sistematik.[494]

---

[491] Hamdan Aziz, "Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah 1*, no. 2 (2013), 174.

[492] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 17.

[493] Emin Madi, *Sinar Perjuangan USIA* (Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009), 92-93.

[494] Walau bagaimanapun Islam tidak berperanan keseluruhan dalam pentadbiran negara sebagaimana di zaman kesultanan Melaka kerana terikat dengan sistem sekular yang diasaskan oleh British semasa penjajahan. Lihat Badlihisham Mohd Nasir, *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements* (Selangor: Synergymate Sdn Bhd., 2003), 62.



University of Malaya

Pada hari 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan negeri Sabah mempunyai 2.1 juta orang Islam, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.1.[495] Populasi ini membolehkan masyarakat Islam di Sabah merasakan kedudukan mereka dan agama Islam lebih terjamin di sisi perlembagaan dan undang-undang negeri sehingga hari ini.[496]

**Jadual 3.1:** Jumlah Penduduk Sabah Mengikut Agama 2010

| Bil. | Agama | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Islam | 2,096,153 |
| 2 | Kristian | 853,726 |
| 3 | Buddha | 194,428 |
| 4 | Hindu | 3,037 |
| 5 | Konfusionisme/ Tao/ dan Puak/Suku/ Folk/ agama tradisi orang Cina | 2,595 |
| 6 | Lain-lain agama | 3,467 |
| 7 | Tiada agama | 9,850 |
| 8 | Tidak diketahui | 43,586 |
| **Jumlah keseluruhan** | | **3,206,742** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2010[497]

Pada tahun 1996, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Ketua Menteri dan menjadi badan pelaksana kepada dasar-dasar Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).[498] JHEAINS bertanggungjawab dalam melaksanakan polisi-polisi yang digubal oleh MUIS, menguatkuasakan undang-undang Islam yang berkaitan kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian dan rujuk serta nafkah dan penjagaan anak, pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, kesalahan-kesalahan

---

[495] *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010* (Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 92.
[496] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 85-86.
[497] *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010*, 92.
[498] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 21.



University of Malaya

jenayah syariah, mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimarahan masjid atau surau, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti dakwah dan perkara-perkara lain serta meneruskan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sepertimana sebelum ini.[499]

JHEAINS juga bergerak aktif meningkatkan kegiatan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam di seluruh Sabah. Bagi memperkukuhkan pendidikan Islam di kalangan masyarakat Islam, pihak JHEAINS telah membangunkan hampir 260 pusat pendidikan yang dikendalikan di bawah JHEAINS di seluruh Sabah. Pusat pendidikan Islam ini meliputi taman asuhan kanak-kanak (TADIKA), sekolah rendah agama (SRAN[500] dan SARN[501]), sekolah menengah agama (SMAN[502] dan SABAK[503]) dan Mahaad Tahfiz Negeri Sabah.[504] Di samping itu, pihak kerajaan turut membina pusat latihan dakwah untuk meningkatkan tahap kefahaman Islam di kalangan masyarakat Sabah. Di antaranya adalah Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Kudat, Pusat Latihan Dakwah Tongod dan Pusat Latihan Dakwah Kundasang.[505]

Di samping itu, JHEAINS turut mempertingkatkan institusi masjid sebagai pusat pembangunan ibadah, pendidikan dan sosial masyarakat Islam di seluruh Sabah. Pentadbiran masjid dan surau di seluruh negeri Sabah adalah tertakluk kepada bahagian iv di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992.[506] Rekod terkini menunjukkan terdapat sebanyak 941 buah masjid dan 799 buah surau yang telah dibangunkan di seluruh

---

[499] *Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)*, dikemaskini 25 Febuari 2014, dicapai 23 Mac 2014, http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=547&Itemid=708 &lang =en

[500] Sekolah Rendah Agama Negeri.

[501] Sekolah Agama Rakyat Negeri yang didaftarkan di bawah JHEAINS.

[502] Sekolah Menengah Agama Negeri.

[503] Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

[504] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah*, 31.

[505] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 29.

[506] "Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992" laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, dicapai 27 Mac 2014,http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b264b3b2ee79c384482570e00002614f?OpenDocument

negeri Sabah,[507] sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.2. Ini menunjukkan usaha pihak kerajaan negeri melalui MUIS dan JHEAINS dalam pembangunan hal ehwal Islam sentiasa ditingkatkan dan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan dakwah di negeri Sabah.

**Jadual 3.2:** Jumlah Masjid dan Surau di seluruh Sabah

<table>
<tr><th>Bahagian</th><th>Kawasan</th><th>Jumlah Masjid</th><th>Jumlah Surau</th></tr>
<tr><td rowspan="5">Pantai Barat Selatan</td><td>Kota Kinabalu</td><td>40</td><td rowspan="5">191</td></tr>
<tr><td>Putatan</td><td>12</td></tr>
<tr><td>Papar</td><td>15</td></tr>
<tr><td>Tuaran</td><td>31</td></tr>
<tr><td>Tamparulli</td><td>1</td></tr>
<tr><td rowspan="6">Pantai Barat Utara</td><td>Ranau</td><td>16</td><td rowspan="6">241</td></tr>
<tr><td>Kota Belud</td><td>65</td></tr>
<tr><td>Kota Marudu</td><td>23</td></tr>
<tr><td>Kudat</td><td>10</td></tr>
<tr><td>Pitas</td><td>9</td></tr>
<tr><td>Banggi</td><td>9</td></tr>
<tr><td rowspan="5">Pedalaman Bawah</td><td>Membakut</td><td>7</td><td rowspan="5">105</td></tr>
<tr><td>Beaufort</td><td>45</td></tr>
<tr><td>Menumbuk</td><td>16</td></tr>
<tr><td>Kuala Penyu</td><td>9</td></tr>
<tr><td>Sipitang</td><td>13</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Pedalaman Atas</td><td>Keningau</td><td>36</td><td rowspan="4">45</td></tr>
<tr><td>Tambunan</td><td>13</td></tr>
<tr><td>Tenom</td><td>15</td></tr>
<tr><td>Kemabong</td><td>1</td></tr>
</table>

[507] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 34.



University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Sook | 17 | |
| | Nabawan | 2 | |
| Tawau | Tawau | 123 | 98 |
| | Semporna | 136 | |
| | Kunak | 40 | |
| | Tungku | 43 | |
| | Lahad Datu | 61 | |
| Sandakan | Sandakan | 49 | 119 |
| | Kinabatangan | 33 | |
| | Beluran | 41 | |
| | Tongod | 7 | |
| | Telupid | 3 | |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **941** | **799** |

Sumber: Najion Ismail, 2010[508]

Dasar Islam yang telah diperuntukkan dalam perlembagaan negeri telah memberikan impak positif dalam kegiatan dakwah dan pengislaman di negeri Sabah. Pendakwah di seluruh turut serta dalam menyumbangkan aktiviti dakwah melalui gerakan secara individu dan organisasi di Sabah sehingga hari ini. Ismail Yusoff menyatakan sekalipun pernah berlaku konflik politik dan agama di Sabah, namun aktiviti dakwah terhadap masyarakat pribumi tetap berkembang.[509] Para pendakwah terus memainkan peranan dalam menyebarkan agama Islam dan mendekati golongan non-muslim dengan pendekatan yang disarankan al-Qur'ān dan al-Sunnah. Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada golongan pendakwah dalam menyebarluaskan risalah Islam di

---

508 Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 34.

509 Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 112-113.

seluruh negeri Sabah.[510] Program-program dakwah dan pengislaman turut disumbangkan oleh bekas-bekas penganut Kristian di Sabah. Pada 16 Disember 2009, program dakwah anjuran JAKIM dan JHEAINS Sabah dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIS) telah menjalankan dakwah di Kampung Keranaan dan Kampung Sosondoton, Sabah. Program ini turut diiringi bekas-bekas penganut Kristian di Sabah seperti Ustaz Farhan Abdullah dan lain-lain.[511]

Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh Ustaz Nazri Abdullah. Beliau merupakan pengasas Persatuan Pendakwah Islam Sabah. Di atas inisiatif ini, ramai pendakwah-pendakwah yang menyumbangkan dari sudut harta, tenaga dan pemikiran dalam menjalankan dakwah di pedalaman Sabah sehingga hari ini.[512] Antara pendakwah yang terlibat aktif di pedalaman Sabah ialah Ustaz Abdul Halim Abbas bersama dengan kumpulannya. Beliau amat gigih mengislamkan masyarakat pedalaman dan mendidik golongan saudara baru di pedalaman Sabah. Beliau mendekati masyarakat pedalaman Sabah dengan melalui aspek kebajikan, memberi tazkirah, berziarah berulang-ulang dan menyampaikan kefahaman fardu ain dan fardu kifayah yang jelas melalui pelbagai media di Sabah. Hasil daripada pendekatan tersebut, beliau telah berjaya mengislamkan masyarakat pedalaman dengan berkesan.[513]

Selain itu, dakwah yang telah dilakukan oleh Mohd Nazery Johani di pedalaman turut memberikan kesan positif dalam pengislaman kaum Dusun. Beliau merupakan bekas vokalis kumpulan Raihan dan menggunakan pendekatan seni dalam dakwah. Beliau aktif menjalankan dakwah di pedalaman dengan membina pusat pendidikan Islam untuk saudara

---

[510] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 21.
[511] Munirah Athirah Mohd Musleh, "Dakwah di Pedalaman Sabah," laman sesawang *Kebenaran Tersingkap*, dicapai 25 Mac 2014, https://www.kebenarantersingkap.blogspot.my.
[512] "Latar belakang Persatuan Pendakwah Islam Sabah," laman sesawang Suara Mualaf Sabah, 25 Mac 2014, http://www.nazrialdusuni.blogspot.com.
[513] "Mujahid Dakwah- Ustaz Hj. Abdul Halim Abas," laman sesawang *You Tube Cahaya FM*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.cahayafm.net.



University of Malaya

baru dan pernah menganjurkan pelbagai program di pedalaman Sabah.[514] Ruang dakwah dan pengislaman telah digunakan dengan maksimum oleh para pendakwah di atas tuntutan amanah agama dan menjadikan bumi Sabah subur dengan Islam sehingga hari ini.

Oleh itu, dapat difahami bahawa pola pendekatan dakwah dan pengislaman selepas era penjajahan British di Sabah bergerak lebih aktif melalui peranan pendakwah perseorangan, dasar kerajaan dan organisasi dakwah. Keadaan ini boleh disifatkan sebagai reaksi daripada kesan penjajahan Inggeris yang dilihat menafikan masyarakat Islam secara langsung dan tidak langsung semasa pemerintahan SBBU di Sabah. Selepas menyertai Malaysia pada tahun 1963, usaha dakwah di Sabah lebih dikaitkan dengan peranan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Antara kejayaan USIA yang penting ialah menjadikan populasi orang Islam di Sabah sebagai majoriti, menubuhkan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), dan menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah. Dalam masa yang sama, dakwah di Sabah terus berkembang dengan peranan para pendakwah yang masuk daripada semenanjung, Indonesia dan sekitar. Kesinambungan kejayaan dakwah USIA tetap diteruskan dengan pendekatan kebajikan, pendidikan, politik dan ekonomi di Sabah.

## 3.5 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa pendekatan dakwah dalam pengislaman di negeri Sabah dilihat dengan tiga period. Zaman pertama ialah dakwah berkembang di Sabah melalui peranan pedagang Islam dan pengaruh dua kesultanan Islam Brunei dan Sulu. Di bawah penguasaan kesultanan tersebut, ia memberikan kesan positif terhadap penerimaan Islam di kalangan rakyat. Namun terbatas di kawasan-kawasan tertentu di wilayah Borneo sahaja. Dakwah dan pengislaman ketika itu dikaitkan dengan

---

[514] Ahmad Pazil Md Isa, "Dakwah di Pedalaman Sabah Perlu Digiatkan," laman sesawang *Dtecconan*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.agamaislam-dtecconan.blogspot.my.



University of Malaya

aktiviti perdagangan yang di dominasi oleh orang Islam daripada China, Arab dan India. Pendakwah-pendakwah yang dikaitkan dengan golongan sufi yang terdiri daripada keturunan *sheikh*, *makhdūm* dan lain-lain telah mudah diterima kerana unsur-unsur luar biasa yang menarik perhatian masyarakat ketika itu. Zaman kedua ialah pendekatan dakwah dan pengislaman pada zaman penjajahan dilakukan peranan pendakwah-pendakwah pada zaman pertama. Pendekatan dakwah secara perseorangan telah berjaya menimbulkan kesedaran masyarakat Islam untuk membentuk persatuan yang tersusun. Faktor ini dilakukan di atas semangat menjaga kepentingan hal ehwal orang Islam, semangat nasionalisme dan semangat melawan penjajah. Zaman ketiga ialah pendekatan dakwah dalam pengislaman yang dilakukan secara berjawatan rasmi kerajaan dan gerakan NGO dan pendekatan perseorangan secara sukarela. Kebanyakan pendekatan dakwah secara persendirian dilakukan dengan gigih mengikut kemampuan masing-masing. Ini menunjukkan pendekatan dakwah persendirian menyumbangkan kepada pengislaman, pengukuhan kefahaman Islam dan sebahagian pencetus kepada perubahan dan kemerdekaan di Sabah. Mereka juga telah berjaya menyumbangkan peningkatan penganut Islam melalui usaha pengislaman. Literatur ini turut menunjukkan tarikan pendakwah perseorangan di Sabah lebih digambarkan dengan unsur sufi, amalan kebatinan dan mereka sentiasa menonjol dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebajikan. Bab selanjutnya membincangkan tentang pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

# BAB 4

# PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

## 4.1 Pendahuluan

Tinjauan literatur menunjukkan pendakwah merupakan faktor yang amat penting dalam pengislaman masyarakat non-muslim di Sabah. Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof merupakan pendakwah aktif dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Beliau telah berjaya mengislamkan seramai 269 orang non-muslim dalam kalangan suku kaum Murut Kristian dan pagan sepanjang tempoh dua tahun (2011-2013).[515] Kejayaan ini merupakan suatu petunjuk positif kepada penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat non-muslim di Malaysia, khususnya di negeri Sabah yang mempunyai pelbagai latar belakang suku kaum, agama dan budaya. Bab ini membincangkan tentang biografi Mohd Fadli Yusof, latar belakang mengenai dakwah yang telah dijalankan beliau dan pendekatan dakwah beliau dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

---

[515] 269 adalah jumlah yang diperolehi sehingga 31 Disember 2013.



University of Malaya

## 4.2 Biografi Mohd Fadli Bin Yusof

### 4.2.1 Keluarga

Mohd Fadli bin Yusof merupakan pendakwah bebas yang berasal dari negeri Perak Darul Ridzuan. Beliau dilahirkan pada 4 April 1967 di Kampung Segari, Lumut, Perak. Beliau berusia 49 tahun dan menetap di Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai seorang isteri iaitu Siti Aisyah @ Hanizah binti Mohd Nordin. Hasil perkongsian hidup, beliau telah dikurniakan tujuh orang anak iaitu:

1) Muhammad Al-Fateh bin Mohd Fadli berusia 24 tahun. Merupakan pelajar dalam bidang pengajian Islam (Usuluddin) di Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kedah.
2) Muhammad Safwatullah bin Mohd Fadli berusia 23 tahun. Merupakan pelajar dalam bidang pengajian Islam (Usuluddin) di Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kedah.
3) Muhammad Fida'uddin bin Mohd Fadli berusia 21 tahun. Lepasan Siji Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Maahad Darul Ulum, Kedah.
4) Muhammad Ilham bin Mohd Fadli berusia 19 tahun. Merupakan pelajar tingkatan 5 di Sekolah Menengah Agama Bidor, Perak.
5) Siti Nur Sulailah binti Mohd Fadli berusia 17 tahun. Sedang mengikuti pengajian di Institut Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kelantan.
6) Siti Nur Sakinah binti Mohd Fadli berusia 15 tahun. Merupakan pelajar tingkatan 1 di Maahad Al-Abbasiah, Sungkai Perak.

University of Malaya

7) Siti Nur Insyirah binti Mohd Fadli berusia 12 dan masih bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Dato Keramat 2, Kuala Lumpur.[516]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Mohd Fadli Yusof bukan pendakwah berasal daripada negeri Sabah. Beliau merupakan anak jati Perak yang menetap di perumahan awam Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL). Ini menunjukkan beliau mempunyai cara hidup yang sederhana sekalipun menetap di tengah kota metropolitan. Beliau juga dilihat sebagai orang yang mempunyai pegangan dan fikrah agama yang kuat. Beliau telah mendorongkan anak-anak dengan pendidikan agama secara formal. Hampir kesemua anak beliau mengikuti pengajian dalam bidang agama sama ada di peringkat pengajian tinggi dan menengah.

### 4.2.2 Pendidikan

Mohd Fadli Yusof telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Segari di daerah Lumut, Perak. Setelah tamat darjah enam, beliau meneruskan pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson Ipoh, Perak sehingga tahun 1985. Selepas tamat pengajian di sekolah menengah, beliau memilih untuk menyambung pengajian di Pertubuhan Darul al-Arqam selama tiga tahun. Beliau mendapat pendedahan ilmu dakwah secara khusus di pertubuhan ini. Ketika itu, Pertubuhan Darul al-Arqam merupakan sebuah pertubuhan Islam yang paling menonjol dan mempunyai pusat pengajian agama di kalangan ahlinya sendiri.[517]

Sekitar tahun 1970 hingga 80-an, Darul al-Arqam dianggap sebagai organisasi dakwah yang menonjol dan mempunyai pengaruh yang kuat di seluruh Malaysia. Kemunculannya telah menarik perhatian umum, bahkan diterima dengan cepat oleh

[516] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[517] *Ibid.*



University of Malaya

sebilangan kecil masyarakat Islam di seluruh Malaysia.[518] Ketika itu, gerakan dakwah dalam kalangan pertubuhan di Malaysia seperti Darul al-Arqam menjadi perhatian umum di atas kesedaran masyarakat selaras dengan kebangkitan semula Islam (*the resurgence of Islamic consciousness)* yang sedang sesuai dengan perubahan sosiopolitik, budaya serta ekonomi masyarakat Malaysia.[519]

Konsep perjuangan dalam Darul Arqam adalah untuk membina insan sama ada dari segi mental (penekanan dari segi ilmu), jiwa (kekuatan iman) mahupun fizikal (kecerdasan-latihan dalam bekerja dan bertindak). Manakala pembangunan dari segi material tertumpu dengan semua aspek dalam kehidupan dunia. Kedua-dua pembangunan ini bertujuan untuk mencapai dua tahap iaitu hubungan dengan Allah s.w.t *(hablum minallah)* dan hubungan dengan manusia *(hablum minannas).*[520] Perkara ini dinyatakan oleh pengasas Al-Arqam iaitu Ustaz Ashaari Muhammad:

> "Matlamat perjuangan kita ialah menegakkan kalimah Allah di dalam diri, keluarga, rumah tangga, jemaah, kampung halaman, dalam masyarakat, dalam pergaulan, pendidikan, dakwah, ekonomi, perubatan, perbidanan, politik, dalam cara hidup harian, dalam kenduri kendara, dalam pertanian dan penternakan, dalam ketenteraan, dalam perusahaan makanan dan pakaian dan lain-lain. Kalimah Allah ialah hukum-hukum Allah (*Ahkam Allah*), terbahagi lima; wajib, haram (*shubhah*), sunat makruh, harus."[521]

Bagi tujuan tersebut, Al-Arqam telah membentuk *Shu'bah Tarbiyyah wa al-Ta'lim* yang memberikan perhatian kepada pengajian agama dan akademik secara sepadu. Pengajian agama dikendalikan oleh Yayasan Al-Arqam dan Pusat Latihan Perguruan al-

University of Malaya

---

[518] Al-Arqam tidak didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan berbanding gerakan Islam lain ketika itu seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM) dan lain-lain.
[519] Farahwahidah Mohd Yusof, *Al-Arqam dan Ajaran Aurad Muhammadiah: Satu Penilaian* (Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 6-7.
[520] *Ibid*., 12-13.
[521] *Ibid.,* 15-16.

Arqam.[522] Manakala institusi akademik pula menawarkan sijil-sijil persekolahan seperti sekolah formal biasa. Yayasan Al-Arqam pernah suatu ketika cuba diberi taraf universiti tetapi gagal disebabkan konflik dalaman yang membantutkan. Sistem pendidikan Al-Arqam secara umumnya masih berlegar dalam kalangan ahli-ahlinya sahaja tanpa penglibatan masyarakat awam secara menyeluruh.[523]

Sistem dalam *Shu'bah Tarbiyyah wa al-Ta'lim* yang diterapkan Yayasan Al-Arqam telah memberikan kesan positif kepada seluruh pengikutnya dan umat Islam secara tidak langsung khususnya untuk teras pembangunan  pendidikan, sosial dan ekonomi. Kaedah utama dilakukan ialah *tarbiyyah* hati atau pembentukan peribadi individu muslim dengan menanamkan iman dan akhlak. Pengasas Darul Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad menyebutkan manusia tanpa iman, setiap amalannya menjadi sia-sia. Tetapi jika tanpa amal, iman menjadi lemah dan malah dianggap tidak beriman sama sekali. Untuk mendapatkan iman, setiap muslim mestilah melawan nafsu dan syaitan. Ia dilakukan dengan usaha membersihkan hati daripada sifat-sifat *mazmumah* (buruk) dan mengisikannya dengan sifat-sifat *mahmudah* (baik). Usaha ini harus melalui tiga peringkat iaitu *takhalli*,[524] *tahlli* dan *tajalli*.[525]

Pada tahun 1994, Majlis Fatwa Kebangsaan telah menfatwakan kegiatan pertubuhan Al-Arqam telah menyeleweng dari akidah Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tasawuf yang menjadi pegangan. Keadaan ini menyebabkan kerajaan telah mengharamkan

---

[522] Pada hakikatnya pemikiran Darul Arqam adalah bertolak daripada sistem pendidikan (*tarbiyyah*), dan sistem pendidikannya bertunjangkan ilmu fardu ain yang meliputi bidang-bidang tauhid, fiqh dan tasawuf. Dari segi ini tidaklah ada perbezaannya pemikiran Darul Arqam dengan aliran tradisional seperti yang sudah berkembang sebelumnya. Malah boleh dikatakan bahawa kitab-kitab Jawi-Melayu yang menjadi asas pemikiran tradisionalisme itu juga menjadi pegangan Darul Arqam. Tetapi yang menakjubkan ialah kejayaannya merealisasikan prinsip-prinsip pendidikan Islamnya hingga menjadikannya benar-benar hidup. Ajaran-ajaran fardu ain yang selama ini seolah-olah benda 'mati' telah berjaya dihidupkan dan disemarakkan oleh Darul Arqam di tengah-tengah masyarakat. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 81.

[523] Badlihisham Mohd Nasir, "Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan," *Journal of Islamic and Arabic Education*, bil. 2, no. 1 (2010), 3.

[524] *Takhalli* bermaksud membersihkan. *Tahalli* bermaksud mengisi. *Tajalli* bermaksud teras kebesaran dan kehebatan Allah.

[525] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 83.



University of Malaya

segala kegiatan Al-Arqam di Malaysia.[526] Penyelewengan Al-Arqam[527] berpunca daripada pegangan pengasasnya iaitu Ustaz Ashaari Muhammad dan pengikut-pengikutnya terhadap *Aurad Muhammadiah*. Di atas faktor pegangan akidah yang dianggap menyeleweng, pihak kerajaan telah mengharamkan Darul Arqam sehingga hari ini.[528]

Di atas pengharaman ini, Mohd Fadli Yusof tidak terlibat secara langsung dengan Al-Arqam atau syarikat berkaitannya dengan serta merta sehingga hari ini. Beliau mengakui, walaupun sudah lama berada dalam pertubuhan Al-Arqam, beliau telah diterima dengan hati yang terbuka keputusan kerajaan mengharamkan pertubuhan di atas justifikasi penyelewengan akidah. Walau bagaimanapun pendidikan atau *tarbiyyah* yang diterima dari Yayasan Darul Al-Arqam telah memberi kesan yang kuat kepada beliau dalam membentuk diri dan keluarga. Dengan itu, beliau mengambil keputusan menggunakan manfaat didikan dan pengalaman semasa di Al-Arqam untuk terus *istiqamah* melakukan dakwah kepada manusia sehingga hari ini.[529]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Mohd Fadli Yusof telah mendapat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah. Beliau tidak meneruskan pendidikan formal setelah tamat di sekolah menengah. Beliau memilih untuk mengikuti pengajian di Pertubuhan Al-Arqam yang diasaskan oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Pendidikan yang diterima beliau semasa beliau di Darul Arqam telah mendorong beliau sebagai pendakwah

---

526 "Fatwa Pengharaman Ajaran, Pegangan dan Fahaman yang Di Bawa dan Dipegangn oleh Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd. (SRC) dan Rangkaian Syarikat Gabungannya," dikemaskini 10 Disember 2014, dicapai 6 Januari 2014, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-pengharaman-ajaran-pegangan-dan-fahaman -yang-dibawa-dan-dipegang-oleh-ahli-jemaah.

527 Antara kepercayaan yang menyebabkan penyelewengan Al-Arqam ialah Syeikh Muhammad al-Suhaimi bin Abdullah pengasas *Aurad Muhammadiah* berjumpa dan menerima *Aurad* tersebut daripada Rasulullah s.a.w di dalam Kaabah secara jaga (*yaqazah*). Syeikh Muhammad al-Suhaimi tidak mati tetapi ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi. Syeikh Muhammad al-Suhaimi adalah khalifah Rasulullah s.a.w dan meletakkan kedudukannya setaraf al-Khulafā al-Rashidīn dengan menambah dua kalimah *shahadah*. Lihat Abdullah Muhammad Zin, "Penyelewengan Akidah dalam Masyarakat Islam di Malaysia Kini: Tumpuan Khas kepada Darul Arqam," dalam, *Dinamika Islam sebagai Al-Din*, ed., Siti Saudah Hj. Hasan et al. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1999), 45.

528 Abdullah Muhammad Zin, "Penyelewengan Akidah dalam Masyarakat Islam di Malaysia Kini: Tumpuan Khas kepada Darul Arqam," dalam, *Dinamika Islam sebagai Al-Din*, ed., Siti Saudah Hj. Hasan et al. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1999), 45-46.

529 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

yang aktif dalam pengislaman di pedalaman Pensiangan, Sabah. Selepas Pertubuhan Al-Arqam diharamkan kerajaan, beliau mengambil keputusan untuk tidak terlibat. Namun sistem pendidikan yang diterima dalam *Shu'bah Tarbiyyah wa al-Ta'lim* banyak mendidik beliau sebagai seorang pendakwah yang berpengalaman luas.

### 4.2.3 Kerjaya

Dalam kehidupan berkerjaya, Mohd Fadli Yusof pernah menceburi bidang perundingan dengan menjadi salah seorang pengasas Insaniah Motivational Centre (PMI) di Selangor. Organisasi ini menumpukan program motivasi khusus untuk pelajar Islam di sekolah, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan sebagainya. Program motivasi yang dilakukannya lebih mengkhususkan kepada pembangunan insan yang selari dengan tuntutan Islam. Manusia harus dibangunkan hatinya melalui iman dengan mencintai Allah dan rasul, serta mengamalkan segala perintah-Nya. Pemupukan ini dilatih dengan mendorong peserta-peserta kursus mengenal Allah s.w.t melalui ibadah solat, berzikir dan lain-lain.[530]

Ia sebagai proses *tarbiyyah* dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah. Proses pendidikan seperti ini ditekankan adalah aspek pembentukan suasana beragama, kehidupan harian yang sentiasa bergaul dengan orang-orang yang cintakan Allah. Jiwa manusia yang sentiasa berada dalam suasana masyarakat beragama akan terus mencintai Allah dan gigih beribadat, akan terdidik dan menimbulkan semangat cintakan agama dan beribadah kepada Allah sahaja.[531] Mohd Fadli Yusof telah menggunakan model *tarbiyyah* ini sepertimana pernah di ikuti beliau semasa menjadi ahli dan pelajar dalam Pertubuhan Darul Arqam. Kaedah *tarbiyyah* ini dilakukan untuk membangunkan jiwa manusia terlebih dahulu sebelum mereka mengembangkan dalam konteks keluarga, masyarakat dan negara.

---

[530] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[531] Mohd Lazim Lawee, *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya* (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 59.

Walau bagaimanapun, disebabkan latar belakang Mohd Fadli Yusof pernah terlibat dengan pertubuhan Al-Arqam dalam tahun 1990-an, beberapa program motivasi yang dijalankan menimbulkan pandangan yang kurang baik daripada sesetengah pihak. Sekalipun pertumbuhan ini sudah diharamkan kerajaan, namun mereka yang pernah terlibat sebagai ahli turut mendapat persepsi negatif dan di bimbangi sepertimana disebutkan dalam kajian Mohd. Lazim Lawee.[532] Bagi menggelakkan situasi tersebut, beliau menjenamakan semula organisasi tersebut dengan Human Nature Consultant (HNC) dan masih menggunakan modul-modul *tarbiyyah* sepertimana sebelum ini. Melalui organisasi perundingan ini, beliau pernah mendapat kepercayaan dilantik untuk program motivasi dengan kerjasama pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Program tersebut menumpukan kepada pemulihan pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dengan masalah sosial. Dalam tempoh empat tahun, program tersebut telah memberi kesan positif kepada remaja yang terlibat dengan dadah semasa di bangku sekolah.[533]

Pada masa yang sama, Mohd Fadli Yusof turut terlibat secara tidak langsung dengan kerjaya membangunkan laman sesawang (*website*). Kemahiran yang dimiliki bidang Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT) membolehkan beliau membangunkan beberapa laman sesawang syarikat dan institusi tertentu. Mohd Fadli Yusof memberitahu penulis bahawa beliau pernah terlibat secara langsung dalam membangunkan laman sesawang Bank Rakyat dan lain-lain.[534] Namun fokus kerjaya tersebut hanya memerlukan waktu dan keperluan tertentu sahaja. Sebaliknya, beliau lebih banyak menumpukan kepada program perundingan dan memenuhi jemputan sebagai penceramah untuk pengisian atau perkongsian kerohanian.[535]

---

532 Mohd Lazim Lawee, *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya* (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 180.
533 *Ibid.*
534 "Profil Mohd Fadli Yusof," laman sesawang *Kembara Syahadah,org*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah. dakwah.org/fadli/.
535 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Kemahiran yang dimiliki dalam ICT membolehkan Mohd Fadli Yusof menggunakan medium tersebut untuk berkongsi pengalaman dan idea dengan penulisan santai. Beliau telah membangunkan laman sesawang *Kembara Syahadah*[536] dan laman sosial *Facebook Mohd Fadli Yusof* sekitar tahun 2012.[537] Kedua-dua laman sesawang tersebut digunakan untuk tujuan perkongsian dengan rakan-rakan di laman sosial. Sehingga kini, lebih 100 tajuk penulisan berbentuk santai yang menarik telah dimuatkan dalam laman sesawang tersebut dan sebahagian tulisan yang pula pernah disumbangkan kepada Majalah Q&A, terbitan Galeri Ilmu Sdn Bhd.[538] Kebanyakan penulisan beliau menggabungkan konsep pembangunan jiwa dengan pengalaman menghadapi realiti. Di antaranya tajuk-tajuk penulisan beliau adalah seperti berikut:

a) *Baikilah Diri*[539]
b) *Berhati-hati Menjaga Hati*[540]
c) *Kewajipan Amar Makruf Nahi Mungkar*[541]
d) *Sekilas Pandang Isu Murtad: Mencegah Lebih Baik dari Mengubat*[542]
e) *Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat*[543]
f) *Hajarul Aswad: Langkah Bermula*[544]
g) *Kita Saling Memerlukan: Mengapa Sombong?*[545]

---

536 http://syahadah.dakwah.org/
537 https://www.facebook.com/mfadli11
538 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014
539 "Baikilah Diri," dikemaskini 16 Oktober 2010, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/baikilah-diri/423163801718
540 "Berhati-Hati Menjaga Hati," dikemaskini 12 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https:// www.facebook. com /notes/ mohd-fadli-yusof/berhati-hati-menjaga-hati/10150247604411719
541 "Kewajipan Amar Makruf Nahi Mungkar," dikemaskini 6 April 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www. facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/kewajipan-amar-makruf-nahi-ungkar/10150212632506719
542 "Sekilas Pandang Isu Murtad: Mencegah lebih Baik dari Mengubat," dikemaskini 7 Ogos 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/sekilas-pandang-isu-murtad-mencegah-lebih-baik-dari-mengubat/10150337055506719
543 "Bagaimana Rasulullah Mencegah Penyakit Masyarakat," dikemaskini 13 Ogos 2011, dicapai 25 Mac 2014,https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/bagaimana-rasulullah-mengubati-penyakit-masyarakat/457367 031718
544 "Hajarul Aswad: Langkah Bermula," dikemaskini 11 Jun 2013, dicapai 25 Mac 2014, https://www. facebook.com /notes/mohd-fadli-yusof/hajaral-aswad-langkah-bermula/10151751689156719
545 "Kita Saling Memerlukan: Mengapa Sombong?" dikemaskini 1 Mei 2011, dicapai pada 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/kita-saling-memerlukan-mengapa-sombong/1015023542 4581719



University of Malaya

h) *Dakwah di Pedalaman Sabah 1: Kemarau Berakhir*[546]

i) *Dakwah di pedalaman Sabah 2: Diancam Sihir*[547]

j) *Dakwah di Pedalaman Sabah 3: Antara Kulit dan Isi*[548]

k) *Dakwah di Pedalaman Sabah 4: Perjalanan Pertama*[549]

l) *Dakwah di Pedalaman Sabah 7: Solat Jumaat 6 Orang*[550]

m) *Hidayah Daripada Mimpi*[551] dan lain-lain.

Bermula Julai 2011 sehingga hari ini, Mohd Fadli Yusof lebih banyak menumpukan dakwah di pedalaman Pensiangan, Sabah. Dalam masa yang sama, beliau terlibat banyak dengan jemputan sebagai penceramah untuk perkongsian tentang dakwah dan pengislaman di Sabah. Beliau banyak memenuhi jemputan di masjid-masjid, surau, pertubuhan dakwah, jabatan atau agensi kerajaan, universiti tempatan dan lain-lain. Perkongsian ini turut menarik perhatian masyarakat luar untuk mengikut beliau ke pedalaman Pensiangan, Sabah. Antara program perkongsian dakwah Mohd Fadli Yusof yang pernah dipenuhi adalah seperti berikut:

i. Program Perkongsian Misi Syahadah di Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut, Sabah.

ii. Program Perkongsian Misi Syahadah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

University of Malaya

---

546 "Dakwah di Pedalaman Sabah 1: Kemarau Berakhir," dikemaskini 16 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/dakwah-di-pedalaman-sabah-1-kemarauberakhir/1015024 9064 976719

547 "Dakwah di Pedalaman Sabah 2: Diancam Sihir," dikemaskini 18 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/dakwah-di-pedalaman-sabah-2-di-ancam-sihir/101502490 65396719

548 Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman Sabah 3: Antara Kulit dan Isi," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/216-2/

549 Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman Sabah 4: Perjalanan Pertama," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/dakwah-di-pedalaman-sabah-4-perjalanan-pertama/

550 Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman Sabah 7: Solat Jumaat 6 Orang," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/dakwah-di-pedalaman-sabah-7-solat-jumaat-6-orang/

551 Mohd Fadli Yusof, "Hidayah Daripada Mimpi," *Majalah Q & A*, Julai 2013, bil. 19.

iii. Program Perkongsian Misi Syahadah di Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kuala Terengganu.

iv. Program Perkongsian Misi Syahadah di Jabatan Agama Islam Kelantan

v. Program Perkongsian Misi Syahadah di Institut Latihan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kelantan.

vi. Program Perkongsian Misi Syahadah di Institut Perguruan Pengkalan Chepa, Kelantan dan lain-lain.[552]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof juga pernah dipanggil sebagai panel jemputan dari pihak television dan radio untuk perkongsian dakwah dan pengislaman di pedalaman Pensiangan. Beliau dan isteri pernah menjadi panel jemputan dalam rancangan radio dan television di program-program berikut:

a. Program 'Islam Agamaku' di stesen radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm).[553]

b. Program 'Salam Muslim' di stesen television Astro Oasis.[554]

c. Slot di rancangan 'Selamat Pagi Malaysia' di stesen television Radio Television Malaysia saluran 1 (RTM 1).[555]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa latar belakang kerjaya Mohd Fadli Yusof lebih tertumpu bekerja sendiri sebagai usahawan dan pendakwah. Walaupun melakukan pekerjaan sendiri, namun ia mempunyai kaitan dakwah secara tidak langsung dengan menumpukan bidang perunding motivasi, pembimbing, penulis dan penceramah. Beliau dilihat mempunyai kebolehan yang pelbagai dalam membangunkan kehidupan kerjayanya. Kini beliau lebih menumpukan sepenuh masa dengan dakwah kepada masyarakat non-

[552] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[553] "Islam Agamaku," IKIM.fm, 2013, radio.
[554] "Salam Muslim," Astro Oasis, 2014, televisyen.
[555] "Dakwah di Pedalaman Sabah," Selamat Pagi Malaysia, RTM saluran 1, 2013, televisyen.



University of Malaya

muslim di pedalaman Pensiangan dan sedang berusaha membangunkan kehidupan saudara baru di sana.

### 4.2.4 Pengalaman dalam Dakwah dan Pengislaman

Sejak berumur 13 tahun, Mohd Fadli Yusof sudah menanam cita-cita menjadi seorang pendakwah. Tambahan pula, ketika itu perkembangan dakwah melalui pertubuhan-pertubuhan Islam di Malaysia sedang mula berkembang. Suasana sekeliling tersebut terus membina semangat beliau untuk terus berkecimpung dengan dakwah melalui Pertubuhan Darul Al-Arqam.[556] Tidak mustahil, impian tersebut menjadi realiti sekalipun beliau mendapat pendidikan awal dan menengah di sekolah kebangsaan atau bukan mendapat pengajian agama secara formal. Bahkan ia tidak semestinya beliau tidak boleh menjadi sebagai seorang pendakwah.

Pengajian di Pertubuhan Al-Arqam telah memberikan kesan terhadap pemikiran dan karekter Mohd Fadli Yusof. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah, pendidikan Darul Arqam menekankan konsep pembangunan dalam kehidupan mestilah diasaskan iman dan amal yang selaras. Ahli yang diberi kepercayaan untuk mengikuti latihan dakwah di negara-negara Asia Tenggara seperti di Filipina, Singapura, Sabah, Sarawak, Brunei, Thailand dan lain-lain. Darul Arqam telah menubuhkan *Syu'bah Da'wah* yang berperanan menetapkan program-program dakwah di dalam dan luar negara.[557] Dalam latihan ini, Mohd Fadli Yusof telah melalui pelbagai pengalaman dakwah di dalam dan luar negara yang penuh dengan suka dan duka. Antara pengalaman yang getir pernah dilalui beliau ialah terjatuh di laut Sulu dan diacukan senjata api di kepalanya oleh pihak berkuasa di sana. Beliau pernah disoal siasat kerana dikatakan mempunyai kaitan dengan pihak tertentu khususnya di

---

[556] Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli (Anak ketiga Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[557] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 94.



University of Malaya

wilayah konflik selatan Filipina. Pengalaman ini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus melakukan dakwah di mana sahaja berada.[558]

Dalam konteks dakwah di dalam negara, Mohd Fadli Yusof pernah menjalankan dakwah kepada masyarakat non-muslim di perkampungan Orang Asli di negeri Perak, Selangor dan Pahang, sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Ketika itu, beliau masuk ke perkampungan Orang Asli dengan cara berziarah, beramah mesra dan memberikan sumbangan. Terdapat sebahagian Orang Asli yang telah memeluk Islam melalui beliau. Namun beliau sering membuat ziarah susulan di kampung Orang Asli agar mereka terus tertarik dengan agama Islam.[559] Semasa pengajian di Darul Arqam, pertubuhan ini membantu para pelajarnya yang sedang menuntut di dalam dan luar negeri. Para pelajar banyak di dedahkan dengan bentuk pengajian berdikari.[560]

Di Sabah, Mohd Fadli Yusof pernah menjalankan dakwah di pedalaman Pensiangan sekitar tahun 1990-an. Ketika itu beliau masih berada di dalam pertubuhan Darul Arqam dan ia sebagai latihan amali yang harus diikuti. Beliau pernah masuk ke kawasan pedalaman Pensiangan sama ada berseorangan ataupun bersama kenalan. Beliau menyatakan perkara ini sepertimana dicatatkan dalam laman sesawang rasminya iaitu *Kembara Syahadah*:

> Saya bersama seorang sahabat, Ustaz Mohd Arabi Bin Abdullah telah menjelajah segenap pelusuk kawasan yang bernama Pensiangan, bermula dari pinggir Pekan Keningau, hinggalah ke sempadan Kalimantan Indonesia. Selagi ada tempat yang ada manusia, kami gagahi untuk sampai ke sana. Misinya hanya satu, menawan hati. Tawan hati untuk kenal

[558] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[559] *Ibid.*
[560] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 95.



University of Malaya

dan cinta kepada Allah dan Rasul, bukan untuk diri sendiri.[561]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof juga menceritakan pengalaman beliau yang terpaksa menumpang motosikal di Sook dalam perjalanan ke Sinulihan yang terletak di Nabawan.[562] Beliau berjalan secara bersendirian dan rakannya (Ustaz Arabi) masih belum tiba lagi. Beliau mencari kenalan lama yang tinggal di situ. Pengalaman ini telah dimuatkan dalam laman sesawang rasmi beliau *Kembara Syahadah*:

> Tiba-tiba datang seorang menaiki motorsikal *scrambler*. Dia perkenalkan namanya, Joseph. Setelah mengetahui saya ingin ke Sinulihan, dia mempelawa saya menaiki motorsikalnya ke Sinulihan, kerana tempat tujuannya ke Tulid, satu tempat yang lebih jauh. Ternyata Joseph memang cekap mengendalikan motosikalnya, meredah jalan-jalan pedalaman. Di kiri kanan jalan kelihatan kampung-kampung kecil yang dihuni kaum dusun dan Murut. Sekali-sekala kedapatan beberapa ekor babi berderet melintasi jalan. Dia menunjukkan satu kawasan yang agak pelik, tanah perkuburan orang pagan. Kuburnya berbentuk tiga segi, bagai piramid kecil. Katanya di dalam itu terdapat tajau (tempayan besar) yang dimasukkan mayat, lalu diletak di atas tanah. Di keliling tajau itu dibentuk tanah hingga berbentuk seperti piramid.[563]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis bahawa sepanjang pengalaman dakwah, beliau tidak pernah dibekalkan atau mempunyai kewangan yang mencukupi. Perkara ini dianggap biasa dan beliau mendapat telah di didik seperti ini sejak beliau berada di Pertubuhan Al-Arqam. Namun kekuatan doa dan tawakal telah memberikan suatu sumber utama bagi pendakwah dalam menghadapi apa jua cabaran. Pengalaman tersebut juga dapat mendidik beliau untuk sentiasa bersabar dan ber*istiqāmah*

---

561 Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman Sabah 4: Perjalanan Pertama," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/dakwah-di-pedalaman-sabah-4-perjalanan-pertama/

562 Jarak Nabawan ke Sepulut ialah 50 kilometer dengan melalui jalan Tawau Keningau.

563 Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman Sabah 4: Perjalanan Pertama," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/dakwah-di-pedalaman-sabah-4-perjalanan-pertama/



University of Malaya

dalam dakwah sehingga hari ini kerana beliau percaya Allah akan membantu orang yang membantu agama-Nya[564]

Oleh itu, dapat dinyatakan pengalaman dakwah Mohd Fadli Yusof bermula semasa beliau terlibat di dalam Pertubuhan Al-Arqam dan pengajiannya. Beliau mendapat pendedahan ilmu dakwah secara teori dan praktikal secara langsung di Darul Arqam. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam melakukan dakwah di luar negara sekitar Asia. Beliau turut menjalankan dakwah di pedalaman Pensiangan pada tahun 1990-an, namun hanya untuk jangka masa tertentu sahaja. Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam dakwah keluar secara berseorangan dan pernah mempunyai pengalaman berkaitan kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan Mohd Fadli Yusof merupakan seorang pendakwah bebas yang berasal dari semenanjung. Beliau berasal daripada keluarga yang sederhana dan sentiasa komited dengan pegangan agama. Walaupun mendapat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah, namun iltizam Islam sentiasa menjadi keutamaan dalam kehidupannya sehingga hari ini. Penglibatan dalam pertubuhan Darul Arqam telah menjadikan beliau terus konsisten dalam gerakan dakwah di pertubuhan tersebut. Beliau mendapat pendidikan secara khusus daripada pertubuhan Darul Arqam yang dikaitkan dengan faktor tasawuf. Bentuk pendidikan yang bersifat eksklusif ini telah banyak memberikan kesan kepada pemikiran dakwah Mohd Fadli Yusof. Walaupun pertubuhan ini telah diharamkan kerajaan pada tahun 1994, ia tetap mempunyai pengaruh ke atas diri Mohd Fadli Yusof. Pengalaman semasa berada di Darul Arqam telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam konteks kehidupan berkeluarga, berkerjaya dan usaha dakwah di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini. Ini menunjukkan beliau merupakan seorang pendakwah mahir dan berpengalaman dengan memanfaatkan segala pengalaman

[564] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

pengajian di Yayasan Arqam dalam usaha dakwah dan pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

### 4.3 Bahagian Pedalaman Pensiangan, Sabah

Pensiangan adalah salah satu kawasan yang terletak di bahagian pedalaman atas negeri Sabah.[565] Bahagian pedalaman atas meliputi kawasan Tambunan, Tenom, Keningau, Nabawan, Sook dan Pensiangan. Kedudukan Pensiangan terletak di kawasan menghala ke sempadan Kalimantan, Indonesia di kawasan selatan.[566] Ia merupakan kawasan paling hujung di antara Malaysia dan Indonesia (lihat lampiran B). Pensiangan berkeluasan hampir 354 ratus ribu hektar dengan populasi sebanyak 15,276 orang penduduk dan mempunyai 117 buah kampung. Pensiangan meliputi Nabawan, Pensiangan, Sepulut, Pamunterian dan Pagalungan.[567] Pensiangan adalah sebuah daerah yang pernah menjadi pusat pentadbiran di bahagian pedalaman atas Sabah pada tahun 1920. Pada tahun 1974, kerajaan telah memindahkan di kawasan Nabawan bagi menempatkan orang-orang kampung dan para petani yang mengamalkan pertanian pindah-randah (*Shifting Cultivation)* terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan Pensiangan. Mereka telah dipindahkan ke satu penempatan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Nabawan adalah kawasan pekan baru, tetapi kedudukannya termasuk dalam daerah Pensiangan.[568]

Sejarah Pensiangan berasal daripada nama tempat yang dinisbahkan dengan pertemuan atau percantuman dua batang sungai yang mengalir. Percantuman atau

---

[565] *Sabah Secara Ringkas*, (Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah, 1989), 12.

[566] Perjalanan untuk pergi ke Pensiangan mengambil masa empat jam.daripada Kota Kinabalu dengan jarak hampir 300 kilometer. Perjalanan ini akan melalui Tambunan, Keningau, Nabawan, Sook dan Sepulut dengan bentuk jalan lereng gunung atau banjaran, jalan-jalan hutan dan jalan laluan lori balak. Jarak antara Nabawan dan Pensiangan ialah 114 kilometer.

[567] "Pensiangan District," dikemaskini 10 Januari 2014, *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dicapai 17 April 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=13& Itemid= 117.

[568] "Latarbelakang Pejabat Daerah Nabawan," *Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Nabawan*, dicapai 18 April 2014, http://ww2.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=16:pejabat-daerah&catid=2: uncategorised&Itemid=105

pertemuan ini membawa kepada nama ‘Pensiangon’ dalam panggilan bahasa Murut. Di zaman pemerintahan Syarikat British Borneo Utara (BNBC), nama Pensingon bertukar menjadi Pensiangan. Salah seorang pegawai Syarikat British Borneo Utara (BNBC) telah bertanya kepada seorang penduduk kampung tentang nama kawasan tersebut. Penduduk kampung memberitahu kawasan ini bernama ‘Pensiangon.’ Sebaik mendengar nama tersebut, pegawai tersebut terus menamakan Pensiangon dengan nama ‘Pensiangan.’ Nama tersebut terus digunakan sehingga hari ini.[569]

Sebahagian besar masyarakat yang tinggal di pedalaman Pensiangan adalah berketurunan suku kaum Murut. Suku kaum Murut dikatakan masyarakat asal yang menduduki kawasan di Pensiangan dan sekitarnya. Bahkan suku kaum ini dikatakan sebagai kaum yang mula-mula menduduki Sabah.[570] Istilah Murut berasal daripada perkataan ‘Belud’ dalam bahasa Bajau yang bermaksud gunung atau kawasan perbukitan. Kelompok ini dinamakan Murut kerana kebanyakan mereka mendiami kawasan bukit. Hanya di daerah Beaufort iaitu kawasan Lembah Padas, kaum ini menduduki kawasan rendah.[571] Mereka tinggal di kawasan berbukit-bukit, bergunung-ganang dan berhutan rimba.[572] Terdapat sebahagian mereka membuat pondok-pondok di pinggir sungai dan kuala sebagai tempat kediaman.[573]

Suku kaum Murut juga boleh ditemui di kawasan Keningau, Tenom, Pensiangan, Kalabakan dan Kinabatangan.[574] Kaum Murut mempunyai beberapa sub etnik iaitu Tagal,

University of Malaya

---

[569] “Cerita mengenai Adat Istiadat Suku Kaum Murut Pensiangan,” *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dicapai 30 Mac 2014, http://ww2.sabah.gov.my/pd.nbw/dcm/doc-28.html.
[570] Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil, *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak* (Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd., 2005), 41.
[571] Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)* (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007), 12-13.
[572] Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia, 2003), 28.
[573] “Cerita Rakyat mengenai Adat Istiadat Suku Kaum Murut Pensiangan,” *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dikemaskini 10 Januari 2014, dicapai 30 Mac 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/dcm/doc-28.html.
[574] Mohd Noor Abdullah, *Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976), 23.

Paluan, Baukan, Timugon, Rundum, Nabay dan Kolar. Kebanyakan mereka mempunyai kaitan dengan suku kaum Murut di Kalimantan Indonesia. Mereka banyak menetap di kawasan pedalaman dan bahagian tenggara negeri Sabah iaitu Pensiangan, Nabawan, Tenom, Kemabong, Sipitang, di sepanjang Sungai Padas/Melgan, Tulid, di bahagian selatan Keningau, Batu Punggul, Sook, Sapulut atau Sepulut, Melalap, Tomani di estet Sapong hingga sempadan Indonesia.[575]

Pada tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan populasi suku kaum Murut di seluruh Sabah berjumlah 102,393 orang. Jumlah mereka agak rendah berbanding dengan masyarakat Kadazan atau Dusun dan Bajau yang dianggap majoriti di Sabah. Suku kaum Murut yang menetap di bahagian pedalaman atas negeri Sabah sebanyak 84,393 orang, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.1. Manakala jumlah suku kaum Murut yang tinggal di Nabawan meliputi Pensiangan hari ini ialah 20,096 orang.[576] Ini menunjukkan hampir 83 peratus suku kaum Murut daripada keseluruhan kaum Murut di Sabah mendiami kawasan di bahagian pedalaman atas termasuk Pensiangan.

**Jadual 4.1:** Suku Kaum Murut di Pedalaman Atas, Negeri Sabah

| **Bil.** | **Kawasan** | **Jumlah** |
|---|---|---|
| 1 | Tenom | 29,169 |
| 2 | Nabawan | 25,096 |
| 3 | Keningau | 29,682 |
| 4 | Tambunan | 446 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **84,393** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[575] Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia, 2003), 27-28.
[576] *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 45.



University of Malaya

Suku kaum Murut yang menetap di kawasan pedalaman Pensiangan mempunyai cara kehidupan yang berasaskan suasana sekeliling di hutan. Mereka mengamalkan aktiviti penanaman padi huma, mengamalkan pertanian pindah dan memungut hasil-hasil hutan seperti rotan, damar, sarang burung dan sebagainya. Mereka juga terkenal sebagai pemburu yang handal menggunakan sejenis alat yang dikenali sebagai sumpit dan memiliki anjing perburuan.[577] Sebelum kedatangan pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC) di Sabah, suku kaum Murut dikatakan mengamalkan cara hidup yang kuat minum tapai secara berlebihan, suka bersengketa dan amalan pemburuan kepala *(head hunting)* antara etnik Murut.[578] Amalan memenggal kepala dikenali sebagai ‘antaboh.’ Ia dilakukan untuk berjumpa dengan roh datuk moyang yang disebut Aki Kaulung yang telah mati. Dengan amalan ini mereka mempercayai peningkatan kuasa roh dalam diri dan boleh membantunya.[579]

Keadaan ini turut menyukarkan pihak British dalam berhadapan dengan suku kaum Murut di pedalaman. Pada tahun 1910, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC) mula membina pejabat daerah di kawasan masyarakat Murut di Tahol. Mereka mengenakan cukai kepala ke atas penduduk dan memaksa mereka menyediakan tenaga buruh untuk membina laluan pejalan kaki dan talian telegraf ke Tenom. Tindakan ini membangkitkan kemarahan dan seorang penduduk bernama Ontoros atau dikenali Antanum mengetuai penentangan terhadap Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC). Mereka telah menyerang pihak BNBCC dan melarikan beberapa kepala pekerja syarikat di Rudum. Pihak syarikat bertindak balas dengan serangan tersebut dan akhirnya Antanum ditangkap dan dihukum bunuh.[580]

---

[577] Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)* (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007), 13.
[578] Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)* (Singapura: Universiti Malaya Press, 1958), 209.
[579] Abdul Hakim Mohad, “Spiritual Journey of Murut Tahol and Its Effect to their Headhunting Practise,” *International Journal of Science and Humanity* 4, (November 2010), 427.
[580] Jacqueline Pugh-Kitingan, “Murut,” dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed., Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012), 60.



University of Malaya

Kemudian, pihak missionari melalui Borneo Evangelical Mission (BEM) telah mendekati masyarakat Murut dengan mengadakan beberapa pertemuan berkaitan ajaran Kristian. Pendekatan tersebut telah menarik minat sebahagian suku kaum Murut memeluk Kristian pada ketika itu. Mereka telah diberi pendidikan di sekolah-sekolah missionari dan menjadikan amalan-amalan pemburuan kepala telah diharamkan. Kini, Sidang Injil Borneo (SIB) yang ditubuhkan oleh Borneo Evangelical Mossion (BEM) menjadi gereja utama bagai masyarakat Murut di pedalaman, khususnya Murut dalam suku kaum Tahol, walaupun ramai penduduk di Sapulut dan Pensiangan beragama Roman Katolik. [581] Ini menunjukkan peranan pihak missionari yang dibawa bersama oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC), berjaya menamatkan persengketaan, amalan pemburuan kepala dan meminum arak berlebihan dalam adat masyarakat Murut pedalaman.[582]

Dari sudut kepercayaan beragama, kebanyakan suku kaum Murut di pedalaman Pensiangan ada yang telah memeluk Islam, tetapi amat sedikit dan ramai yang menganut Kristian dan pagan. Perkara ini diakui oleh seorang pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang pernah bertugas di Sabah. Beliau menyatakan kawasan pedalaman atas Sabah majoritinya adalah penganut Kristian dan segelintir yang lain animisme. Hanya di Keningau sahaja dilihat jumlah orang Islam yang agak ramai.[583] Dalam statistik Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010, suku kaum Murut yang beragama Islam berjumlah seramai 18,473 orang dan 82,105 orang beragama Kristian. Jumlah ini dapat dilihat sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.4. Ini menunjukkan hanya 18 peratus sahaja suku kaum Murut yang beragama Islam di seluruh Sabah.

---

[581] Jacqueline Pugh-Kitingan, "Murut," dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed., Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012), 60-61.
[582] Abdul Hakim Mohad, "Spiritual Journey of Murut Tahol and Its Effect to their Headhunting Practise," *International Journal of Science and Humanity* 4, (November 2010), 428.
[583] Reduan Dollah (Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dalam temu bual dengan penulis pada 30 Mac 2014.

**Jadual 4.2:** Jumlah Suku Kaum Murut Mengikut Agama

| Bil. | Agama | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Islam | 18,473 |
| 2. | Kristian | 82,105 |
| 3. | Buddha | 196 |
| 4. | Lain-lain | 1619 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **102,393** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Zawiah Ahmad et al., sebilangan kecil suku kaum Murut yang memeluk Islam dikenal pasti setelah kedatangan Islam pada abad ke-15 melalui pedagang-pedagang Islam dari luar, namun jumlahnya kecil. Kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC) menyebabkan Kristian mula tersebar di Sabah, ramai di antara mereka yang menganut agama Kristian. Walaupun begitu, ramai di kalangan suku kaum Murut masih beragama animism atau pagan. Mereka menganggap semua cakerawala ini mempunyai roh dan semangat sendiri dan perlu dihormati.[584] Kepercayaan tersebut dipercayai masih mempengaruhi masyarakat Murut sama ada yang beragama atau tidak, disebabkan corak kehidupan mereka yang sangat dekat dengan faktor hutan semulajadi. Walaupun kini, terdapat sesetengah daripada mereka telah mendapat pendidikan tinggi dan banyak memegang jawatan dalam sektor kerajaan dan perniagaan. Namun mereka masih memelihara sebahagian besar budaya dan tradisi dalam kehidupan.[585]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahagian pedalaman Pensiangan meliputi kawasan Nabawan, Pensiangan, Sepulut, Pamunterian dan Pagalungan. Kebanyakan masyarakat yang tinggal di kawasan berasal dari suku kaum Murut. Beberapa penulisan mengenai

[584] Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil, *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak* (Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd., 2005), 50.
[585] Jacqueline Pugh-Kitingan, "Murut," dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed., Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012), 27.



University of Malaya

pribumi di Sabah menunjukkan hampir keseluruhan bahagian pedalaman di Pensiangan di diami oleh masyarakat berketurunan Murut dan sub-sub etnik yang berkaitan dengannya. Kebanyakan mereka menetap di kawasan lereng bukit atau gunung, di pinggir sungai, dan mempunyai kepercayaan amalan yang tersendiri. Di antara cara hidup yang terkenal bagi suku kaum Murut di pedalaman Pensiangan ialah suka minum tapai berlebihan, berburu, pernah dikaitkan dengan sejarah kaum yang suka memenggal kepala, dan suka memakan daging khinzir. Jumlah suku kaum Murut yang memeluk Islam sedikit berbanding dengan suku kaum lain di Sabah. Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof telah mendekati golongan non-muslim yang tinggal di kawasan bahagian pedalaman atas negeri Sabah yang meliputi Nabawan, Pensiangan, Sepulut, Pamunterian dan Pagalungan. Kebanyakan masyarakat pedalaman yang tinggal di kawasan tersebut berasal dari suku kaum Murut.

**4.4 Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah**

Kampung Padang dianggap kawasan yang signifikan dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan Sabah. Kampung ini terletak di antara daerah Pensiangan asal dan pekan Nabawan Sabah[586] yang mempunyai jarak hampir 250 kilometer daripada Kota Kinabalu. Kampung Padang merupakan salah sebuah kampung yang termasuk di daerah pedalaman Pensiangan. Kampung ini terletak di mukim Sepulut yang mempunyai sebanyak 25 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 1864 orang, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Jarak di antara sebuah kampung dengan kampung lain sangat hampir. Kampung Padang berhampiran dengan Kampung Sepulut, Kampung Stamping, Kampung Lotong dan lain-lain. Kampung Padang mempunyai 83 orang penduduk.[587] Semua penduduk di kampung ini berasal dari suku kaum Murut yang mempunyai kaitan dengan

---

586 "Asal Usul Daerah," dikemaskini 10 Januari 2014, laman sesawang *Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Nabawan*, di capai 26 Mac 2014 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option=com_content&view =article&id=13&Itemid=117

587 "Pensiangan District," dikemaskini 10 Januari 2014, *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dicapai 17 April 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=13 &Itemid= 117.



University of Malaya

kaum Murut di Kalimantan Indonesia.[588] Jalan masuk ke kampung perlu melintasi dua batang sungai dengan menggunakan jambatan gantung sejauh 400 meter.

**Jadual 4.3:** Kampung di Mukim Sepulut Pensiangan

| Bil. | Nama Kampung | Jumlah Penduduk |
|---|---|---|
| 1 | Kampung Sepulot | 52 |
| 2 | Kampung Nalasaran | 58 |
| 3 | Kampung Manduluh | 47 |
| 4 | Kampung Padang | 83 |
| 5 | Kampung Tumurah | 61 |
| 6 | Kampung Panabaan | 67 |
| 7 | Kampung Lotong | 86 |
| 8 | Kampung Kabumbunut | 69 |
| 9 | Kampung Balaron | 83 |
| 10 | Kampung Pulungan | 75 |
| 11 | Kampung Kagulangu | 26 |
| 12 | Kampung Sinsingon | 109 |
| 13 | Kampung Saliku | 156 |
| 14 | Kampung Tatayakan | 39 |
| 15 | Kampung Inalung Pempalang | 16 |
| 16 | Kampung Kainggalan | 63 |
| 17 | Kampung Bigor | 94 |
| 18 | Kampung Tonomon | 79 |
| 19 | Kampung Bukokoh | 56 |
| 20 | Kampung Simatuoh | 44 |
| 21 | Kampung Liningkar | 64 |

[588] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 22 | Kampung Labang | 94 |
| 23 | Kampung Samuran | 89 |
| 24 | Kampung Sandukon | 109 |
| 25 | Kampung Tataluan | 145 |
| | **Jumlah** | **1,864** |

Sumber: Pejabat Daerah Nabawan, Pensiangan

Sebelum tahun 2011, kebanyakan penduduk di Kampung Padang beragama Kristian dan pagan. Hanya lima belas orang penduduk sahaja yang beragama Islam. Kebanyakan mereka memeluk Islam semasa zaman pengislaman beramai-ramai di bawah gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) semasa tahun 1970-an. Namun lima belas orang yang beragama Islam ini mengakui tidak mendapat pendidikan agama dan kebajikan yang sewajarnya. Keadaan ini menyebabkan cara hidup mereka masih tidak jauh berbeza dengan masyarakat non-muslim di situ. Mereka masih mengamalkan hidup sepertimana sebelum memeluk Islam.[589] Manakala masjid atau surau di kawasan pedalaman Pensiangan masih sedikit. Hanya terdapat dua buah masjid sahaja di kawasan Nabawan.[590] Kawasan ini mempunyai jarak yang agak jauh dengan penempatan penduduk Islam seperti di Keningau. Kawasan Sepulut masih belum mempunyai masjid masyarakat sepertimana kawasan-kawasan lain yang mempunyai ramai orang Islam. Kebanyakan mereka hanya menggunakan masjid di sebuah sekolah di Sepulut memandangkan jumlah orang Islam masih sedikit.[591]

---

[589] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[590] Najion Jamil, *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah* (Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010), 34.

[591] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Pada tahun 2011, Mohd Fadli Yusof telah menemui kampung ini setelah berada beberapa bulan berada di pedalaman Pensiangan.[592] Beliau memilih kampung ini sebagai tempat yang signifikan untuk perkembangan dakwah di kawasan-kawasan lain di pedalaman Pensiangan. Mohd Fadli Yusof mengakui pemilihan Kampung Padang sebagai pusat gerakan dakwah di pedalaman berdasarkan faktor pengalaman kerohanian yang di alaminya semasa mengerjakan umrah di Makkah. Dalam peristiwa itu, beliau digambarkan dengan kawasan yang mempunyai dua sungai yang bercantum.[593]

> "… ketika melangkah dari Kampung Padang di Sepulut, terpandanglah satu pemandangan indah, pertemuan dua sungai, iaitu Sungai Telangkai dan Sungai Penawan. Hati ini semakin yakin, inilah tapak perjuangan ini."[594]

Kawasan yang digambarkan ini tersebut terletak di Kampung Padang, Sepulut. Penemuan tempat tersebut menjadikan beliau yakin mengambil keputusan untuk terus melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini. Beliau bersungguh-sungguh mendekati penduduk di Kampung Padang dan kampung-kampung lain yang berhampiran. Sehingga bulan Disember 2013, seramai 62 orang penduduk Kampung Padang dan 207 orang penduduk di kawasan pedalaman lain telah berjaya diislamkan dan di didik memahami Islam.[595] Pengislaman yang telah dilakukan beliau di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan menjadi perhatian masyarakat Islam dan bukan Islam di Sabah.[596]

Selain pengislaman, Mohd Fadli Yusof juga telah berjaya mendirikan sebuah masjid di Kampung Padang, Sepulut. Masjid telah siap dibina pada bulan November 2012 dengan

---

[592] Aman Tasib (Saudara Baru di Kampung Stamping, Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[593] Pencantuman dua sungai merupakan asal usul nama bagi Pensiangan.
[594] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[595] *Ibid.*
[596] Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis, pada tahun 2014 pihak Kristian telah membina sebuah gereja yang berdekatan dengan masjid di Kampung Padang, Sepulut. Ia dilihat sebagai reaksi setelah segelintir masyarakat di pedalaman yang mula memberi tumpuan kepada dakwah beliau.

usaha beliau bersama dengan saudara-saudara baru di situ. Masjid ini didirikan di atas tanah yang telah diwakafkan oleh penduduk kampung. Masjid ini dinamakan 'Masjid As-Syahadah' yang mengambil sempena pengislaman sewaktu solat pertama hendak didirikan di masjid ini. Kejayaan beliau membina sebuah masjid di pedalaman menjadi perhatian masyarakat pedalaman dan memberikan suatu perkembangan positif terhadap dakwah di pedalaman sekalipun berhadapan cabaran-cabaran. Kos perbelanjaan membina masjid ini sangat tinggi kerana bahan-bahan pembinaan sukar diperolehi disebabkan jauh dengan kawasan pekan atau bandar.[597] Namun ia tidak menghalang semangat beliau untuk mengusahakan mendapatkan dana saudara baru sehingga siap sepenuhnya pada akhir tahun 2012.[598] Beliau menganggarkan keseluruhan kos pembinaan masjid di Kampung Padang, Sepulut berjumlah melebihi ringgit Malaysia seratus ribu ringgit (RM 100,000.00).

Selain itu, Mohd Fadli Yusof turut membina dua buah bangunan berdekatan masjid untuk digunakan sebagai asrama dan tempat pengajian. Ia adalah untuk perancangan jangka masa panjang yang melibatkan pendidikan bagi saudara baru di pedalaman Pensiangan. Penulis difahamkan asrama tersebut telah menempatkan hampir empat puluh orang anak-anak tempatan yang telah memeluk Islam. Dengan kemudahan ini, ramai di kalangan saudara baru dan non-muslim dari kawasan lain di pedalaman Pensiangan yang datang menemui beliau. Hasilnya, ramai yang telah memeluk Islam di masjid Kampung Padang Sepulut dan jumlah pengislaman yang direkodkan mencapai ratusan orang. Tetapi hanya sebahagian kecil daripada jumlah itu adalah non-muslim yang sering di dekati sebelum mereka memeluk Islam. Kebanyakannya selepas memeluk Islam, mereka akan berperanan untuk menyampaikan Islam kepada ahli keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan secara langsung dan tidak langsung. Justeru beliau hanya akan membimbing *shahadah* untuk

---

[597] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[598] Pekan yang terdekat untuk mendapatkan bahan binaan ialah pekan Keningau. Jarak pekan Keningau dengan Kampung Padang Sepulut lebih kurang 150 kilometer.



University of Malaya

mengislamkan seseorang selepas mendapat maklumat dan merekodkan untuk permohonan pengislaman di jabatan agama Islam negeri (JAIN).[599]

Walau bagaimanapun, Mohd Fadli Yusof menyatakan bahawa kejayaan mengislamkan non-muslim di pedalaman Pensiangan adalah suatu tanggungjawab dalam melepaskan manusia daripada kekufuran dan syirik.[600] Beliau tidak putus-putus ber*tasbih*, ber*tahmid* dan ber*istighfar* di atas kebesaran Allah setelah jumlah pengislaman yang meningkat, sebagai mengambil *'ibrah* perintah al-Qur'ān dalam peristiwa pembukaan kota Makkah. Firman Allah:

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ١ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ
يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ٢ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ
وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ٣

Al-Naṣr 110 : 1-3

> Terjemahan: Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah). Dan engkau melihat manusia masuk dalam ugama Allah beramai-ramai. Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya, Sesungguhnya Dia amat menerima taubat.

Mohd Fadli Yusof juga menafikan bahawa tujuan memilih Kampung Padang adalah disebabkan petunjuk dari pengalaman kerohanian yang dialaminya semata-mata. Tetapi ia adalah suatu kebetulan yang secara langsung meningkatkan motivasi atau dorongan positif kepada beliau terus melakukan dakwah kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini. Barangkali ia adalah ilham. Bahkan kedudukan kampung ini berada di kawasan pertengahan di antara Nabawan dan Pensiangan asal yang memudahkan beliau bergerak menggunakan laluan darat dan sungai. Beliau menjelaskan kepada penulis:

> "Dengan apa yang telah saya dapatkan gambaran semasa di Makkah, tidak bererti

[599] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[600] *Ibid.*

> saya terus berhenti mendekati manusia supaya beriman kepada Allah. Dakwah adalah perintah Allah, di mana-mana sahaja kita perlu lakukan. Bahkan kalau tidak digambarkan di sini (Kampung Padang, Sepulut), saya tetap melakukan seperti di sini tetapi di tempat lain kerana ia perintah Allah."[601]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Kampung Padang, Sepulut merupakan kawasan yang signifikan dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Kampung ini telah dipilih oleh Mohd Fadli Yusof di atas faktor pengalaman kerohanian beliau semasa di Makkah yang digambarkan dengan dua sungai yang bercantum. Beliau telah berjaya mengislamkan dan meningkatkan jumlah penduduk Islam kampung tersebut dan kawasan lain seramai 269 orang dalam tempoh dua tahun (2011 hingga 2013). Beliau juga berjaya membangunkan sebuah masjid di kampung tersebut untuk terus meningkatkan momentum dakwah di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini.

## 4.5 Faktor-Faktor Penolak Dakwah di Pedalaman Pensiangan, Sabah

Mohd Fadli Yusof bukan berasal daripada Sabah, namun beliau memilih di pedalaman Pensiangan sebagai tumpuan dakwah sehingga hari ini. Beliau pernah mempunyai pengalaman dakwah di Sabah khususnya dalam tahun 1990-an, namun terdapat faktor-faktor lain yang signifikan mendorongnya untuk kembali melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan pada tahun 2011. Terdapat dua faktor utama yang dikenal pasti yang menjadi faktor penolak beliau melakukan dakwah kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

Faktor pertama ialah keinginan kuat Mohd Fadli Yusof untuk melakukan usaha dakwah di pedalaman Sabah kerana pengalaman dakwah semasa tahun 1990-an. Beliau menyatakan kepada penulis bahawa kadang kala hatinya terdetik dan membuak-buak untuk

[601] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

melakukan dakwah khususnya selepas berbual-bual melalui telefon dengan teman atau kenalan daripada Pensiangan. Walau bagaimanapun, pada bulan Julai 2011, semasa beliau berada di Makkah mengerjakan umrah, beliau menerima panggilan telefon daripada teman dari Pensiangan untuk bertanya khabar. Perbualan tersebut turut diselitkan dengan ajakan teman beliau untuk melakukan dakwah di pedalaman. Selepas tamat perbualan itu, beliau bersemangat kembali untuk pergi ke pedalaman Pensiangan selepas selesai mengerjakan umrah.[602]

Faktor kedua ialah pengalaman kerohanian. Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis bahawa terdapat peristiwa aneh yang dialaminya semasa di Makkah. Perkara aneh tersebut seolah-olah beliau digambarkan sedang berdakwah di suatu kawasan tertentu di negeri Sabah. Pada mulanya beliau mengabaikan perkara tersebut dikhuatiri mengganggu ibadah umrah yang sedang dilakukan. Namun akhirnya terpaksa diambil secara serius kerana berlaku secara berulang kali dan seolah-olah terdengar suatu seruan. Seruan ini kedengaran berulang kali sehingga telinga kiri dan kanan beliau terasa sakit kerana kedengaran bunyi seolah-olah berada dalam kapal terbang yang hampir mendarat iaitu berdengung dan berdesing. Mohd Fadli Yusof menyatakan bahawa seruan itu menyebut:[603]

> "Pergi ke Sabah, pergi ke Pensiangan, ramai orang tunggu kamu, ramai akan masuk Islam."[604]

Seruan tersebut mengingatkan beliau dalam perbualan telefon dengan rakan lamanya beberapa hari lepas. Namun kedengaran seruan tersebut tidak terhenti malah berterusan sehingga mengganggu beliau. Kemudian beliau seolah-olah mendapat gambaran kawasan yang harus ditemui di Sabah iaitu dua pertemuan sungai besar yang cantik di

---

[602] Mohd Fadli Yusof, "Hajarul Aswad: Langkah Bermula," laman *Facebook Mohd Fadli Yusof*, dicapai 26 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/hajaral-aswad-langkah-bermula/10151751689156719.

[603] Mohd Fadli Yusof, "Hajarul Aswad: Langkah Bermula", laman *Facebook Mohd Fadli Yusof*, dicapai 26 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/hajaral-aswad-langkah-bermula/10151751689156719.

[604] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Pensiangan. Disebabkan terlalu kerap seruan tersebut kedengaran di telinga, beliau menjawab spontan:

> "Ya Allah! Hamba akan pergi." Lantas hilanglah segala dengung itu. Ketika itu juga, muncul di ruang mata seolah-olah satu pemandangan yang cantik, sebuah kampung pedalaman yang terdapat pertemuan dua sungai."[605]

Tidak semena-mena, seruan itu hilang di telinganya. Setelah itu, Mohd Fadli Yusof duduk dan memikirkan peristiwa tersebut. Apa yang menambah keyakinan beliau ialah suara seruan dakwah di Sabah digambarkan sekali dengan kawasan tertentu dan suara tersebut hilang selepas dijawabnya tanpa diduga. Beliau berkeyakinan bahawa seruan itu adalah perintah baginya untuk berdakwah di Sabah. Sebaik pulang menunaikan ibadah umrah, beliau terus mengambil keputusan untuk pergi ke Sabah bersama-sama isteri pada bulan Julai 2011.[606] Beliau turut mengambil keputusan untuk menangguhkan serta merta kerjayanya yang dilakukan sebelum ini dan meninggalkan anak-anaknya buat seketika untuk pergi ke pedalaman Pensiangan.[607]

Pengalaman kerohanian yang di alami telah menjadi faktor penolak bagi Mohd Fadli Yusof menjalankan dakwah di pedalaman Pensiangan. Dalam pemerhatian penulis, aspek kerohanian ini mempunyai hubung kait dengan latar belakang Mohd Fadli Yusof sebagai bekas ahli Darul Arqam. Aspek tasawuf banyak dikaitkan dengan corak pemikiran ahli Darul Arqam, selain aspek tauhid dan feqah. Abdul Rahman Haji Abdullah menyatakan aliran pemikiran Darul Arqam memberi tumpuan kepada tiga sendi dalam ajaran Islam iaitu tauhid, feqah dan tasawuf. Di antara ketiga-tiga bidang ilmu tersebut, bidang tasawuf yang paling banyak menarik perhatian bukan sahaja di kalangan orang-orang luar bahkan juga di

---

[605] Mohd Fadli Yusof, "Hajarul Aswad: Langkah Bermula," laman *Facebook Mohd Fadli Yusof,* dicapai 26 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/hajaral-aswad-langkah-bermula/10151751689156719.
[606] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[607] Siti Aisyah Nordin (Isteri Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

University of Malaya

kalangan ahli-ahli Darul Arqam sendiri. Bagaimanapun pertubuhan ini tetap berkembang melalui kegigihan para pemimpinnya dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi di kalangan para pendukungnya.[608]

Pertubuhan Al-Arqam telah diharamkan oleh kerajaan pada tahun 1994. Mohd Fadli Yusof mengakui bahawa beliau tidak terlibat dengan pertubuhan ini sejak diharamkan. Namun pendidikan yang diperolehi sepanjang berada dalam pertubuhan tersebut telah memberikan kesan dalam dirinya sehingga hari ini. Tidak dinafikan, sebelum diharamkan kerajaan pertubuhan ini telah menonjolkan salah satu ciri tasawuf melalui amalan *aurad Muhammadiyyah*. Mereka turut menggunakan istilah-istilah dalam tarekat sufi. Menurut Abdul Fatah, mereka menggunakan istilah seperti *firasat*, *basirah*, ilmu ilham atau *ilham laduni*, *kashaf*, *ilmu wahbiyyah* (ilmu pemberian) dan lain-lain. Namun perkara ini ditolak oleh beberapa sarjana Islam kerana bertentangan dengan disiplin tasawuf dan memberi kesan kepada masalah akidah.[609]

Tidak dinafikan, pengalaman kerohanian Mohd Fadli Yusof mempunyai kaitan langsung dengan unsur-unsur sufi dalam pendidikan beliau sebagai ahli pertubuhan Darul Arqam sebelum ini. Ia dianggap sebagai suatu pengalaman yang signifikan dan mendorong atau pencetus positif untuk melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan, Sabah. Beliau telah menggunakan pengalaman dakwah yang diperolehi di Pertubuhan Darul Arqam dahulu untuk diterjemahkan dalam mendekati masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa dua faktor yang mendorong Mohd Fadli Yusof melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan, iaitu keinginan untuk melakukan dakwah di

---

[608] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 208.
[609] Abdul Fatah Haron Ibrahim, "Kebatilan al-Arqam," dalam *Dinamika Islam sebagai al-Din*, ed., Siti Saudah Haji Hassan et al. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, 1999), 60.



University of Malaya

pedalaman Pensiangan dengan pengalaman pengalaman dakwah di Nabawan sekitar tahun 1990-an. Faktor kedua ialah pengalaman kerohanian yang di alami semasa beliau melakukan ibadah umrah di Makkah pada bulan Julai 2011. Mohd Fadli Yusof telah digambarkan dengan seruan empat perkara iaitu menyeru beliau pergi ke Sabah, pergi ke Pensiangan, masyarakat pedalaman sedang menunggu dan ramai di kalangan mereka akan memeluk Islam. Selepas selesai menunaikan umrah, beliau dan isteri terus pergi ke pedalaman Pensiangan sepertimana digambarkan dalam pengalaman tersebut. Ini menunjukkan faktor pengalaman dakwah beliau di pedalaman negeri Sabah dan pengalaman kerohanian di Makkah telah memberi dorongan yang kuat untuk melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan, Sabah sehingga hari ini.

## 4.6 Sumber Kewangan

Kewangan merupakan aspek yang agak penting dalam melaksanakan dakwah. Walaupun faktor kewangan bukan matlamat utama, namun ia turut memberikan kesan positif dalam dakwah.[610] Dalam hal ini, kesungguhan Mohd Fadli Yusof bukan sahaja dari sudut tenaga dan fikiran, bahkan beliau menggunakan sumber kewangan sendiri dan hasil sumbangan orang lain untuk menampung segala perbelanjaan sepanjang dakwah di pedalaman Sabah. Di peringkat awal, beliau banyak bergantung dengan sumber kewangan sendiri, namun tidak juga sumbangan-sumbangan yang diterima daripada rakan-rakan dan kenalan. Beliau berpegang prinsip untuk tidak meminta-minta. Jika terdapat sumbangan yang diberikan orang, maka tidak boleh ditolak kerana ada kalanya sesuatu rezeki yang hendak diberikan Allah melalui pihak lain. Sumbangan ini digunakan beliau dengan sebaik mungkin dalam dakwah di pedalaman Pensiangan kerana dianggap sebagai amanah pihak tersebut untuk ditunaikan. Dalam temu bual dengan penulis, beliau menyatakan:

[610] Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Seruan Tauhid: Checklist Buat Para Dai* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2011),75.



University of Malaya

> "Saya memegang prinsip untuk tidak meminta-minta dalam dakwah di Pensiangan. Namun jika yang memberi jangan di tolak kerana ia pemberian dari Allah kepada mereka di jalan dakwah."[611]

Dalam persoalan kewangan dakwah, Mohd Fadli Yusof mempunyai karekter berdikari dalam memenuhi tuntutan tersebut. Perkara ini telah dipelajari semasa beliau belajar di Yayasan Al-Arqam. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah, program-program dakwah yang diatur dalam *Shu'bah al-Da'wah* Darul Arqam sama ada di dalam dan di luar negara. Sekiranya biaya dakwah ke luar negeri itu bermusim dan memerlukan jumlah yang besar, ia tetap diteruskan secara terus menerus. Di sinilah timbul konsep *ma'asy* iaitu seperti bayaran sara hidup bulanan bagi pendakwah-pendakwah Al-Arqam. Jumlah *ma'asy* yang diberikan kepada pendakwah tidaklah besar. Ia diberikan mengikut keperluan asas seseorang pendakwah sahaja dan bukannya berdasarkan kelulusan.[612] Pendedahan dalam pengajian di Yayasan Al-Arqam telah membentuk karekter dan pemikiran Mohd Fadli Yusof yang lebih berdikari, bahkan aspek kewangan bukan menjadi penghalang utama berdakwah.

Penulis juga difahamkan bahawa sebahagian besar sumber kewangan Mohd Fadli Yusof dalam dakwah di pedalaman Pensiangan disumbangkan oleh kenalan tertentu daripada syarikat penerbitan di Kuala Lumpur iaitu PTS Milenna Sdn Bhd. Walaupun mendapat sumbangan tersebut, beliau tetap berkeyakinan bahawa Allah s.w.t akan sentiasa membantu hamba-Nya di atas perintah melaksanakan dakwah kepada manusia. Analogi yang diberikan beliau dalam perkara ini ialah seorang bapa menyuruh anaknya membeli sesuatu barang di kedai. Anak tersebut akan dibekalkan dengan wang yang secukupnya. Maka begitu juga dengan perintah dakwah.

---

611 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

612 Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 94.



University of Malaya

Apa yang pasti, Mohd Fadli Yusof terpaksa berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Sabah dengan menggunakan kapal terbang. Beliau telah memperuntukkan jadual selama sepuluh hari berada di semenanjung dan sepuluh hari kemudiannya berada di pedalaman Sabah. Jadual rutin ini telah digunakan beliau sehingga hari ini kecuali jika terdapat perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan beliau akan mengambil masa lebih untuk menyempurnakannya. Manakala semasa di Sabah, beliau akan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, kenderaan sewa dan menumpang kereta atau lori balak untuk sampai ke kawasan pedalaman Pensiangan. Di kawasan pedalaman pula, beliau terpaksa menyewa perahu untuk mendekati penduduk non-muslim yang tinggal jauh daripada kemudahan jalan raya. Sekiranya tiada tempat untuk menginap, beliau meminta izin kepada tuan rumah yang diziarahi untuk menumpang semalaman sahaja. Gambaran secara kasar tersebut, menunjukkan kos perbelanjaan beliau dalam dakwah di pedalaman Pensiangan adalah tinggi. Beliau menyatakan sekiranya dikira secara detail, perbelanjaan dalam dakwah di pedalaman mencecah puluhan ribu ringgit setiap bulan. Walau bagaimanapun beliau sentiasa *istiqamah*, bertawakal dan berkeyakinan bahawa Allah s.w.t akan meluaskan rezeki bagi orang membantu agamanya.[613]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof turut menyatakan sebahagian dari sumber kewangan dalam diperolehi secara langsung ataupun melalui akaun laman sosial *facebook* di atas alamat https://www.facebook.com/mfadli11?fref =ts. Dalam hal ini, beliau menggunakan kemudahan laman sosial *facebook* untuk tujuan untuk perkongsian pengalaman dakwah di pedalaman Pensiangan dan hebahan kepada rakan-rakan *facebook* untuk menyertai dakwah, zakat dan wakaf. Tanpa di duga, perkongsian tersebut mendapat sambutan yang amat memberangsangkan khususnya penyertaan daripada rakan-rakan *facebook* dalam dakwah dan sumbangan zakat dan wakaf untuk membina masjid dan tempat pengajian di Kampung Padang, Sepulut. Beliau mengakui bahawa sumbangan yang diterima kadang kala tidak

[613] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

diketahui penyumbangnya. Namun yang pasti sumbangan tersebut digunakan bagi tujuan pengislaman, pembangunan pendidikan, sosial dan ekonomi di kalangan saudara baru di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan, Sabah.[614]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sumber kewangan Mohd Fadli Yusof dalam usaha dakwah di pedalaman Pensiangan diperolehi dengan menggunakan kewangan sendiri dan sumbangan daripada pihak lain. Walaupun mendapat sumbangan kewangan yang agak besar daripada pihak tertentu, namun kesungguhan beliau telah menarik perhatian sebilangan masyarakat Islam di Malaysia untuk terus sama menyumbang perbelanjaan dakwah di pedalaman Pensiangan Sabah. Ini menunjukkan usaha dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan merupakan sebahagian sumbangan secara tidak langsung masyarakat Islam.

**4.7 Penyertaan Luar Dalam Dakwah Mohd Fadli Yusof**

Penyertaan pihak luar dirujuk kepada penglibatan secara langsung dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Kebiasaanya, penyertaan ini bersifat berubah-ubah dengan setiap kali Mohd Fadli Yusof masuk ke pedalaman, beliau akan membawa sekali rombongan yang berbeza-beza. Walaupun demikian, beliau sangat mengalu-alukan penyertaan orang lain secara langsung sama ada perseorangan ataupun berkumpulan sebagai tujuan menguatkan atau menyemarakkan lagi momentum dakwah kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Penyertaan pihak luar bersama dalam dakwah beliau bermula pada bulan Febuari 2012, setelah beberapa buah akhbar tempatan[615] dan program radio dan televisyen[616] membuat liputan mengenai dakwah beliau di pedalaman Sabah. Penyertaan ini boleh dilihat dengan dua bentuk.

---

[614] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[615] Hashnan Hasbullah, "Cabaran Membenters Kejahilan," laman sesawang Utusan Online, dicapai 23 April 2014, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/cabaran-membenters-kejahilan-1. 12177
[616] Program *Shahadah*, RTM 1 di awal bulan Ramadhan 2014.



University of Malaya

Pertama, penyertaan secara langsung kenalan dan sahabat karib secara individu atau melalui pertubuhan tertentu yang tertarik dengan dakwah beliau di pedalaman Pensiangan. Penyertaan ini biasanya disertai oleh mereka yang pernah mengikuti siri perkongsian dakwah Mohd Fadli Yusof di surau, masjid dan institusi tertentu di seluruh Malaysia. Kebiasaanya, jadual semasa di semenanjung akan dipenuhi dengan jemputan untuk program atau pengisian tertentu untuk memberi perkongsian dakwah di pedalaman Pensiangan Sabah. Misalnya, beliau menyatakan bahawa jirannya di Kuala Lumpur telah mengikuti serta bersama keluarga bagi mengisi waktu cuti sekolah dengan dakwah di pedalaman Pensiangan Sabah, penyertaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan persatuan-persatuan dari institut pengajian tinggi awam atau swasta yang pernah mengikuti dakwah beliau. Begitu juga dengan penyertaan dakwah Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi iaitu bekas Ketua Hakim Negara dan Pengerusi Lembaga Universiti Malaysia Sabah. Penyertaan seperti ini telah membina hubungan dakwah di antara beliau secara tidak langsung.

Selain itu, dakwah Mohd Fadli Yusof turut menarik perhatian masyarakat Islam di Sabah untuk menyertainya secara sukarela. Kebiasaannya, semasa berada di Sabah beliau turut memenuhi jemputan perkongsian dakwah di daerah-daerah sekitar. Hasil daripada perkongsian tersebut, ramai di kalangan anak muda dan dewasa di Sabah yang turut serta mengikuti dakwah beliau di pedalaman Pensiangan. Kebanyakan mereka merasa teruja dan kagum dengan sikap seorang pendakwah dari semenanjung yang semata-mata pergi ke Sabah untuk tujuan dakwah.[617] Kebanyakan mereka mengakui tidak ramai yang sanggup masuk kepada bahagian pedalaman Pensiangan secara sukarela sekalipun orang tempatan kecuali untuk tujuan tertentu.[618] Di atas penyertaan tersebut, ramai yang memberi

---

[617] Ahmad Khairul Ikhwan Abdullah (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[618] Haji Awang Jaafar bin Awang Wahid (Pengerusi Pertubuhan Nurul al-Mustofa Kota Kinabalu, Sabah) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

kemudahan secara sukarela kepada beliau seperti kemudahan kenderaan sewa dan buah fikiran sehingga hari ini.[619]

Kedua, penyertaan secara langsung rakan-rakan laman sosial *facebook* Mohd Fadli Yusof. Beliau menyatakan bahawa laman *facebook* bukan digunakan untuk perkongsian dakwah dan hebahan sumbangan sahaja, malahan beliau sangat mengalu-alukan penyertaan rakan-rakan *facebook* untuk turut serta dalam misi dakwah di pedalaman Pensiangan negeri Sabah. Penyertaan rakan-rakan sama ada yang di kenali atau di *facebook* amat menggalakkan sejak tahun 2012. Penyertaan tersebut adalah sukarela dan kebanyakannya disertai oleh pelajar-pelajar dari institut pengajian tinggi awam dan swasta.[620] Ada kalangan mereka yang baru mengenali beliau di laman *facebook* dan terdapat juga rakan-rakan lama beliau. Mereka sangat teruja dengan dakwah beliau di pedalaman Pensiangan melalui perkongsian di laman *facebook* dan mengambil keputusan menyimpan wang untuk menyertainya di masa yang sesuai.[621] Manakala terdapat juga pelajar yang sering mengikuti dakwah di pedalaman Pensiangan dan mengatur beberapa pertemuan dengan rakan-rakan lain untuk menyertai bersama.[622] Kebanyakan mereka merasakan penyertaan dakwah seperti ini sangat mencabar, ditempat yang mencabar dan sangat digemari oleh anak-anak muda.[623] Walaupun mengikuti secara sukarela dengan wang sendiri, namun penyertaan dakwah di pedalaman Pensiangan bersama beliau menjadi suatu kepuasan dan pengalaman yang berharga dan menjadi medan *tarbiyyah* diri yang sangat menginsafkan.[624]

University of Malaya

---

[619] Encik Jamal bin Malim (Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Nurul al-Mustofa Kota Kinabalu, Sabah) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[620] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[621] Mohamad Hakimi Abdul Mutallib (Pendakwah Lepasan Universiti al-Azhar, Mesir), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[622] Abang Abdul Rahman bin Taip (Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[623] Muhd Fazril Roslan (Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[624] Azizul Rahman Mohd Yusof (Pelajar Pascasiswazah Universiti Industri Selangor (UNISEL), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Oleh itu, dapat dinyatakan penyertaan luar ialah pihak luar yang berminat dan menyertai dalam dakwah Mohd Fadli Yusof secara sukarela untuk mendapat pengalaman dakwah sebenar dan mendidik diri. Penyertaan pihak luar dikenal pasti bermula pada bulan Febuari 2012. Kebanyakan terdiri daripada kenalan, sahabat lama, wakil persatuan atau pertubuhan, pelajar institut pengajian tinggi dan rakan-rakan laman *facebook*. Walaupun penyertaan tersebut bersifat sukarela dengan kewangan sendiri, namun ia telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan khususnya pelajar institut pengajian tinggi sejak tahun 2012 hingga hari ini. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Abd Hadi Borham yang mendapati internet memberikan kesan yang signifikan terhadap penghayatan Islam dan dorongan dakwah di kalangan golongan yang sentiasa terdedah dan mendedahkan diri dengan maklumat di alam maya seperti golongan muda.[625]

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa Mohd Fadli Yusof telah menjalankan dakwah kepada masyarakat non-muslim di sebahagian besar kawasan di bahagian pedalaman atas negeri Sabah meliputi Tenom, Tambunan, Keningau dan Pensiangan. Majoriti non-muslim di kawasan ini berketurunan suku kaum Murut. Mereka tinggal di pinggir sungai, lereng bukit atau gunung dan kawasan hutan. Mereka juga menjalankan kegiatan pertanian, mengutip hasil hutan dan berburu. Di pedalaman Pensiangan, beliau telah mendekati masyarakat non-muslim Sook, Nabawan, Sepulut, Pagalungan, Pemunterian dan Pensiangan asal yang berhampiran sempadan Kalimantan, Indonesia. Beliau telah memilih pedalaman Pensiangan di atas faktor keinginan melakukan dakwah di pedalaman dan pengalaman kerohanian yang di alami semasa mengerjakan umrah di Makkah. Dua faktor ini telah mendorong beliau pergi kawasan pedalaman Pensiangan dan menemui setiap penduduk kampung yang tidak di kenali dan menemui Kampung Padang di Sepulut sebagai tempat yang dicari. Ini menunjukkan faktor yang mendorong beliau melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan bersifat peribadi dan

[625] Abd Hadi Borham, "Pola Pendedahan Internet dan Impaknya Terhadap Kefahaman Islam di kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM," (tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 180.



University of Malaya

mempunyai kaitan dengan elemen tasawuf yang diperolehi semasa pengajian di Yayasan Al-Arqam. Namun tidak terhenti di situ sahaja, malahan faktor tersebut telah meningkatkan dorongan positif dalam dakwah beliau di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini. Dakwah beliau telah berjaya menjadikan majoriti penduduk Islam kampung ini dan memberikan impak terhadap pengislaman non-muslim di kawasan-kawasan lain di pedalaman Pensiangan. Beliau juga berjaya membina sebuah masjid yang dinamakan 'Masjid As-Syahadah' dan sebuah tempat pengajian Islam. Sehingga bulan Disember 2013, beliau telah berjaya mengislamkan 269 orang non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Kejayaan ini telah menarik perhatian pihak lain untuk menyertai pengalaman dakwah bersama Mohd Fadli Yusof seperti rakan laman sosial *facebook*, kenalan dan organisasi tertentu.

### 4.8 Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Pedalaman Pensiangan, Sabah

Mohd Fadli Yusof merupakan salah seorang pendakwah bebas yang berasal daripada semenanjung Malaysia. Beliau telah melakukan dakwah kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan Sabah sejak tahun 2011. Dalam tempoh dua tahun, beliau berjaya mengislamkan 269 orang non-muslim yang berketurunan suku kaum Murut di bahagian pedalaman Pensiangan Sabah. Kebanyakan non-muslim yang telah diislamkan terdiri daripada orang tua, orang dewasa, remaja, wanita dan kanak-kanak. Bahkan pendekatan dakwah yang digunakan beliau turut berjaya mengislamkan non-muslim yang mempunyai pelbagai latarbelakang seperti petani, ketua kampung, paderi, pengerusi gereja, pelajar dan lain-lain. Bagi melihat perkara tersebut, data kajian telah diperolehi oleh penulis di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang telah dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim iaitu pendekatan *al-ḥikmah, maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*.

### 4.8.1 Pendekatan Dakwah *al-Ḥikmah*

Mohd Fadli Yusof mengakui bahawa pendekatan dakwah yang berkesan dalam mendekati masyarakat non-muslim di Kampung Padang Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan Sabah adalah berdasarkan ayat 125, surah al-Nahl yang memerintahkan supaya menyeru manusia kepada agama Allah dengan *al-ḥikmah*.[626] Beliau menegaskan ayat tersebut memerintahkan pendakwah agar menyeru manusia ke jalan Allah *(rabbika)* dan bukan kepada jalan atau tujuan lain seperti kepentingan organisasi, parti, diri dan lain-lain. Sekiranya dakwah dilakukan bukan tujuan ke jalan Allah, maka ia tidak akan mencapai matlamat sebenar dakwah sepertimana di kehendaki dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah.[627]

Dapatan kajian menunjukkan beberapa pendekatan dakwah *al-ḥikmah* yang telah dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Antaranya ialah:

(a) Tidak Memaksa Non-Muslim

Dalam mendekati non-muslim di Kampung Padang dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan, Mohd Fadli Yusof menggunakan kaedah menyampaikan Islam dengan tidak memaksa sekalipun melihat kecenderungan seseorang itu ingin menerima Islam. Beliau menggunakan setiap kali pertemuan dengan non-muslim untuk membina hubungan yang rapat dan jarang beliau menceritakan mengenai Islam kecuali apabila pertanyaan berkaitan Islam yang dikemukakan. Dalam temu bual dengan penulis, beliau menyatakan:

> "Kebiasaannya semasa ziarah atau bertemu orang bukan Islam di pedalaman saya sekadar bertanya khabar. Kemudian bertanya tentang keluarga dan anak-anak. Kadang-kadang

[626] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[627] *Ibid.*



University of Malaya

> mereka (non-muslim) akan lanjutkan cerita tentang berburu, bertani dan ajak minum kopi bersama. Kami akan berbual mesra dengannya."[628]

Dalam petikan di atas, Mohd Fadli Yusof akan menggunakan pertemuan dengan non-muslim dengan mengaitkan perkara-perkara yang berada di sekeliling mereka atau perkara yang disukai sebagai membentuk kemesraan hubungan. Perkara ini diakui oleh seorang informan yang dikenali Mohd Hakimi Abdul Mutalib. Beliau kerap mengikuti Mohd Fadli Yusof dalam mendekati non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau mengakui sepanjang pengalaman mengikuti dakwah di pedalaman, Mohd Fadli Yusof lebih suka dengan cara membina hubungan atau menguatkan hubungan perkenalan di antara mereka.[629] Melalui hubungan yang dibina, beliau dapat menyampaikan mesej dakwah kepada non-muslim dengan mudah dan tidak dicurigai. Sekiranya terdapat non-muslim yang ditemui bertanyakan tentang Islam, beliau akan menjelaskan dengan sebaik-baiknya dan berusaha membina hubungan lebih akrab hubungan dengannya. Beliau menyatakan kepada penulis:

> "Kadang-kadang mereka ada yang tanya tentang Islam sebab lihat cara pakaian saya. Kadang-kadang ada yang saya selalu ziarah dan tengok dia selalu hampir dengan saya, selalu mengikuti saya. Saya jelaskan tentang Islam perlahan-lahan."[630]

Beliau dilihat sentiasa berhati-hati agar pendekatan yang digunakan tidak menimbulkan masalah di masa akan datang setelah menjadi muslim. Beliau tidak mahu mengejar kuantiti orang yang telah diislamkan, tetapi beliau mengharapkan non-muslim yang memeluk Islam dalam keadaan sukarela tanpa ada unsur paksa dan terpaksa. [631] Ini disebabkan terdapat isu yang melibatkan unsur paksaan yang pernah berlaku dalam pengislaman di pedalaman Sabah. Kegopohan pendakwah dalam pengislaman di pedalaman

---

[628] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[629] Mohamad Hakimi Bin Abdul Mutalib (Pendakwah Lepasan Universiti Al-Azhar), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[630] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[631] Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Sabah telah menimbulkan kesan negatif kepada Islam secara tidak langsung.[632] Terdapat saudara baru yang mendakwa mereka memeluk Islam kerana diumpan dengan wang dan hadiah. Terdapat juga yang menyatakan mereka dijanjikan sesuatu oleh pendakwah sekiranya memeluk Islam. Namun selepas pengislaman, kebanyakan saudara baru di pedalaman hidup terbiar tanpa diberikan pendidikan agama dan kurang mendapat perhatian dalam kebajikan. Disebabkan itu, terdapat di kalangan mereka yang kembali kepada agama asal.[633] Mohd Fadli Yusof sentiasa peka terhadap perkara-perkara pernah yang berlaku dan mengakui pasca pengislaman adalah waktu yang mencabar dalam memastikan saudara baru mendapat perhatian dari sudut pendidikan dan penghayatan Islam yang berterusan.[634]

Sikap berhati-hati ini juga dapat diperhatikan dalam setiap kali pengislaman non-muslim. Dalam pemerhatian penulis, Mohd Fadli Yusof sering mengingatkan kepada bakal saudara baru dengan beberapa persoalan penting sebelum diislamkan. Beliau akan membuat ucapan ringkas sebelum lafaz *shahādah* diajar mengenai akidah Islam. Kemudian, beliau akan bertanya kepada bakal saudara baru beberapa kali agar mereka memahami dalam membuat keputusan memeluk Islam. Antara soalan yang dikemukakan ialah adakah anda dipaksa memeluk Islam? Adakah anda sukarela hendak memeluk Islam? Ini adalah beberapa soalan penting bagi memastikan non-muslim memeluk Islam dengan sukarela tanpa ada paksaan daripada keluarga dan rakan-rakan mereka kerana isu pengislaman di pedalaman sering ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan menghalang.

Oleh itu, dapat dinyatakan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan dilakukan dengan tidak memaksa. Ini bertepatan dengan prinsip Islam yang menolak unsur paksaan dalam menyampaikan dakwah dan membuka ruang bagi non-muslim untuk memeluk Islam secara

---

[632] Selamat Amir et al., “Islam and Muslim in Multi-Religious Society: Realities and Challenges in Sabah, Malaysia,” *Middle East Journal of Society of Scientific Research*, bil 13,no. 2 (2013), 149.
[633] Jamuddin @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang Mukim Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[634] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

sukarela.[635] Di atas faktor itu, beliau menggunakan segala peluang pertemuan dengan non-muslim untuk menguatkan hubungan sebagai rakan agar dakwah diterima dengan berkesan.

(b) Membina Hubungan Baik dengan Golongan Non-Muslim

Membina hubungan baik merupakan satu pendekatan dakwah yang penting dalam mendekati golongan non-muslim. Hubungan yang baik dapat melahirkan perasaan jinak, mesra, percaya dan terpaut dengan dakwah, serta melenyapkan perasaan curiga dan syak wasangka terhadap Islam. Dapatan kajian menunjukkan Mohd Fadli Yusof dilihat sebagai seorang yang mempunyai kelebihan mudah membina hubungan baik dengan non-muslim di pedalaman. Beliau dikatakan mempunyai karekter suka atau mudah berkawan dengan orang lain dan orang lain mudah mendekatinya sekalipun baru mengenali dalam tempoh singkat. Seorang informan yang ditemui di Kampung Padang, Sepulut menyatakan kepada penulis:

> “Saya lihat ustaz (Mohd Fadli Yusof), orangnya sederhana. Dia mudah bergaul dengan kita. Dia kata, dia mahu jadi kawan dan saudara kita. Kami suka dengan cara dia berkawan.”[636]

Petikan di atas, menunjukkan informan mudah mengenali Mohd Fadli Yusof disebabkan sifat kesederhanaan yang ditunjukkan dan kesediaannya menjadi rakan. Beliau dikatakan mudah diterima oleh masyarakat di situ, sekalipun terdapat segelintir daripada non-muslim yang mengetahui akan tujuan kedatangannya di pedalaman untuk berdakwah.[637] Hubungan ini dapat mewujudkan rasa sahabat atau persaudaraan di antara beliau dan non-muslim. Beliau juga sentiasa memastikan setiap hubungan yang dibina tidak terputus, sekalipun ketika berada di semenanjung. Untuk tujuan demikian, beliau berusaha

---

[635] Abdullah Muhammad Zin*, Islamic Da’wah (Mission), The Defination, Conception & Foundation* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd., 1995), 50.

[636] Muhammad Ayyub @ Jelirus (Saudara Baru dari Kampung Piowuo, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[637] Muhammad Yusuf @ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

melakukan ziarah secara berulang-ulang dan berhubung melalui dengan telefon pintar atau laman *facebook*.

Seorang informan memberitahu penulis, Mohd Fadli Yusof merupakan orang yang tidak sombong dan sentiasa bersederhana. Disebabkan itu beliau mudah berkawan dengan non-muslim di pedalaman Pensiangan, sekalipun bukan orang tempatan. Orang di pedalaman pula tidak curiga dengan kehadirannya.[638] Dalam pemerhatian penulis, beliau mempunyai cara hidup yang sederhana sepertimana orang lain. Beliau lebih suka kehadirannya di pedalaman Pensiangan adalah sepertimana orang biasa. Di Sabah, pergerakkan beliau lebih banyak menggunakan kenderaan awam dan menumpang orang lain. Kadang-kadang beliau terpaksa menumpang orang lain untuk perjalanan dari Keningau ke Sook, Sepulut, Pagalungan dan lain-lain. Perjalanan menuju ke kawasan tersebut amat mencabar yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Beliau pernah menumpang bermalam di rumah penduduk di pedalaman sekiranya keadaan tidak mengizinkan untuk perjalanan pulang. Beliau juga dilihat sering berbual di kedai kopi bersama-sama dengan penduduk non-muslim di pedalaman. Ini menyebabkan kebanyakan non-muslim di pedalaman lebih mudah mendekatinya.

Ini menunjukkan membina hubungan baik dengan non-muslim adalah penting dalam dakwah. Dengan ada hubungan yang baik, maka wujud perasaan kasih sayang dan memudahkan untuk menyampaikan dakwah dengan berkesan kepada non-muslim. Sekalipun mereka tidak menerima dakwah ketika itu, namun ikatan hubungan sentiasa menjadi peluang untuk menyampaikan mesej Islam kepada non-muslim secara berterusan.[639] Ini menunjukkan membina hubungan dengan non-muslim dapat mewujudkan perasaan kasih sebagai langkah dakwah yang berterusan sekalipun dakwah sebelumnya telah ditolak. Ia bertepatan dengan firman Allah:

---

[638] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[639] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

خُذِ ٱلۡعَفۡوَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡعُرۡفِ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡجَٰهِلِينَ
١٩٩

Al-A‘rāf 7 : 199

Terjemahan: Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

Dalam ayat di atas, Allah menyatakan bahawa perasaan kasih sayang dapat mewujudkan sifat pemaaf disebabkan kejahilan mereka untuk menerima dakwah. Ia merupakan sifat yang terpuji.[640] Menurut ‘Abdul Karīm Zaydān seorang pendakwah haruslah melihat orang yang diseru itu dengan pandangan kasih sayang dan bersedia memaafkan mereka terhadap kejahilannya.[641] Ini menunjukkan membina hubungan dan sifat kasih sayang amat penting dalam menyeru manusia kepada Islam secara berterusan. Dakwah dengan kasih sayang lebih mempunyai kesan yang kepada hati manusia dan barangkali mereka dapat menerima hidayah di masa akan datang kerana manusia tidak mempunyai dalam menentukannya. Namun di atas hubungan sebagai sahabat, seseorang itu berusaha untuk memberikan sesuatu yang terbaik dalam kehidupan sahabatnya, sebagaimana dapat difahami melalui hadith Nabi s.a.w yang diriwayatkan al-Tirmizi:

عن أبي عبد الرحمن الحبلي عن عبد الله بن عمرو قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: خير الأصحاب عند الله خيرهم لصاحبه وخير الجيران عند الله خيرهم لجاره

Terjemahan: Daripada Abi ‘Abd al-Rahman al-Ḥubaily, daripada Abdullah bin ‘Amrū berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Kawan yang terbaik di sisi Allah ialah orang yang paling baik kepada kawannya. Dan jiran yang terbaik di sisi Allah ialah orang yang terbaik kepada jirannya.[642]

---

[640] Al-Sha‘rawiy, Muhammad Mutwally, *Mukhtasar Tafsir al-Sha‘rawiy*, jil.2, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah Litturath, 2011), 76.
[641] ‘Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da‘wah*, (Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998), 358.
[642] Hadith riwayat al-Tirmizi, Kitāb al-Bir wa Ṣillah ‘an al-Rasūl s.a.w, Bab mā jāa fī ḥaq al-jiwār, no.Hadith 1944. Lihat al-Tirmizi, Abū ‘Isā bin Saurah bin al-Ḍuhāk, *“Sunan al-Tirmizī,”* jil., 4, Ibrahim Ghutwah



University of Malaya

Disebabkan itu Mohd Fadli Yusof agak kurang setuju istilah-istilah terkini yang menggunakan nama orang bukan Islam dengan istilah bukan Islam, non-muslim, tidak Islam dan sebagainya. Sebaliknya beliau lebih suka menggunakan istilah ‘belum Islam’ kerana menggambarkan suatu pengharapan agar mereka akan memeluk Islam suatu masa nanti.[643] Beliau mengaitkan istilah belum Islam dengan kisah-kisah pengislaman sahabat-sahabat Nabi s.a.w. Terdapat salah seorang sahabat yang telah mendapat maklumat tentang Islam daripada dakwah baginda. Tetapi mereka mendapat hidayah untuk memeluk Islam selepas beberapa tempoh yang agak lama. Ini menunjukkan istilah ‘belum Islam’ menggambarkan suatu peluang yang boleh harapan positif dalam dakwah.

Selain itu, sikap Mohd Fadli Fadli yang suka membina hubungan baik tidak terhad untuk pendekatan dakwah di pedalaman Pensiangan sahaja. Beliau dilihat sentiasa membina hubungan baik dengan pendakwah dan organisasi dakwah di seluruh Malaysia. Walaupun menyifatkan dirinya kerdil, beliau sentiasa berusaha membina jaringan dakwah dengan pihak jabatan agama negeri, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan lain-lain. Tujuannya adalah untuk kepentingan dakwah di atas tanggungjawab melaksanakan amanah agama. Ramai pihak-pihak luar yang melibatkan sama dalam dakwah beliau di pedalaman seperti pihak Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Sabah, dan lain-lain lagi.

Oleh itu, dapat dinyatakan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan lebih ditonjolkan dengan sifat membina hubungan baik dengan non-muslim. Dengan hubungan tersebut, beliau dapat menyampaikan mesej dakwah kepada non-muslim dengan perasaan kasih sayang. Bahkan beliau dilihat sebagai seorang yang suka berkawan

---

(Mesir: Maktabah wa Maṭba‘ah Musṭofa al-Bābī al-ḥalbiyy, 1975), 333. Al-Tirmizi menyatakan hadith ini bertaraf *hassan gharīb*. Al-Sayuti dalam kitab Jami‘ Saghir turut menyebut hadith ini *hassan*.
[643] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

dan bersikap sederhana sepertimana orang biasa. Keadaan ini memudahkan beliau membina hubungan baik dengan non-muslim dan sentiasa memastikan hubungan tersebut dimanfaatkan untuk dakwah yang berterusan. Ini menunjukkan faktor membina hubungan baik telah memberi kesan positif terhadap pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof terhadap pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan.

(c) Memahami Psikologi Golongan Non-Muslim

Mengetahui latar belakang *mad'ū* adalah suatu perkara yang penting dalam dakwah agar pendekatan yang digunakan tepat dan berkesan.[644] Dalam menyeru golongan non-muslim di pedalaman Pensiangan, Mohd Fadli Yusof dilihat sangat peka dengan perkara-perkara yang disukai dan tidak disukai *mad'ū*, namun jika bertentangan dengan syarak beliau akan menjauhkan diri. Ia bertujuan untuk memastikan perbuatan yang dilakukan tidak menghina atau mengguris hati mereka. Di atas perbezaan budaya dan cara hidup, beliau sentiasa memahami perkara yang disukai dan perkara yang dibenci oleh masyarakat non-muslim di pedalaman. Syed Othman Al-Habshi menyatakan memahami perkara tersebut amatlah penting agar pendakwah dan pendekatan dakwah yang digunakan tidak menyinggung perasaan mereka dan tidak sesuai dalam menyampaikan dakwah.[645]

Ia juga digambarkan sebagai usaha seseorang menjaga hubungan rakan atau saudaranya yang lain. Seseorang akan berusaha memahami rakannya tentang perkara yang disukai dan tidak disukainya. Jika ia bertentangan, maka hubungan tersebut menjadi kurang baik dan dakwah sukar dilaksanakan. Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis, antara perkara utama yang disukai oleh masyarakat di pedalaman ialah membela anjing. Kebanyakan masyarakat di pedalaman sangat menyayangi anjing. Anjing menjadi

---

[644] Ideris Endot, "Peranan Psikologi Masyarakat Islam," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 126-127.

[645] Syed Othman Al-Habshi, "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah," dalam dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot (Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 108.



University of Malaya

haiwan peliharaan mereka untuk menjaga keselamatan di rumah dan menjadi haiwan ketika mereka keluar berburu di hutan. Mereka sangat menyayangi anjing kerana haiwan ini banyak membantu mereka sama ada di rumah mahupun dihutan. Maka tidak pelik anjing berkeliaran bebas di kawasan penduduk di pedalaman khususnya di Kampung Padang.[646] Beliau menyatakan:

> "Anjing mereka sayangi. Pendakwah tidak boleh sakiti anjing atau buat kasar kerana boleh mengguris hati mereka. Jadi, kalau anjing duduk di atas riba atau jilat kita, biarkan dan pergilah ke sungai untuk samak. Dapat pahala."[647]

Selain itu, kebanyakan masyarakat di pedalaman Pensiangan suka berburu di hutan. Antara haiwan kegemaran mereka ialah babi hutan. Mereka gemar memakan daging babi yang menjadi makanan warisan daripada generasi datuk nenek sebelum ini. Bahkan haiwan tersebut mudah diperolehi di hutan yang berdekatan dengan penempatan mereka. Walau bagaimanapun, selepas mereka memeluk Islam, Mohd Fadli Yusof cuba menggantikan makanan kegemaran mereka dengan daging lembu atau sapi. Ini disebabkan lembu sukar diperolehi di kawasan pedalaman dan mempunyai harga yang tinggi.[648]

Selain itu, kehidupan masyarakat di pedalaman Pensiangan suka minum arak dari tapai. Ia merupakan minuman warisan daripada generasi datuk nenek mereka yang digemari sebelum ini. Minuman arak menjadi budaya penting dalam kehidupan mereka. Tulisan K.G Tregonning turut menyatakan perkara ini. Kebanyakan masyarakat di pedalaman mengamalkan cara hidup yang kuat minum arak secara berlebihan.[649] Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof menceritakan kepada penulis:

---

[646] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[647] *Ibid.*
[648] *Ibid.*
[649] Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)* (Singapura: Universiti Malaya Press, 1958), 209.



University of Malaya

> "Orang pedalaman suka arak (tapai). Mereka minum dalam apa jua keadaan. Di rumah, di hutan, dalam majlis kahwin, kematian dan sebagainya. Minum arak sudah menjadi budaya mereka."[650]

Beliau berkongsi satu pengalaman dengan penulis dijemput menghadiri majlis perkahwinan di pedalaman. Bagi masyarakat di pedalaman, kehadiran tetamu penting selalunya akan dijamu dengan minuman arak. Beliau juga turut disua oleh tuan rumah dengan minuman itu sekalipun mereka mengetahui beliau seorang muslim yang bergelar ustaz. Tetapi beliau dapat menolak dengan cara yang baik dan tidak menunjukkan seolah-olah menghina budaya mereka.[651] Ini menunjukkan beliau peka dengan perkara yang disukai dan tidak disukai oleh masyarakat non-muslim di pedalaman bagi memastikan hubungan sebagai rakan terjaga dengan baik dan mesej dakwah dapat disampaikan dengan berkesan. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Yunus Abdullah Zheng yang mendapati pendakwah harus memahami atau menguasai keadaan yang menjadi kecenderungan-kecenderungan (tendensi) tertentu non-muslim dalam adat dan budaya bagi menggelakkan mereka tidak terasa hati yang menjauhkan diri dari dakwah.[652]

Selain itu, masyarakat di pedalaman Pensiangan mempunyai budaya sihir dan menyihir. Kehidupan masyarakat pedalaman yang mengamalkan ilmu sihir untuk tujuan-tujuan tertentu seperti melawan musuh dan mengikut tradisi kepercayaan nenek moyang mereka sebelum ini. Mohd Fadli Yusof sering kali terkena sihir sehingga badan menjadi lemah dan terasa sakit seperti dirantai. Disebabkan itu beliau menegaskan agar pendakwah sentiasa kuat hubungannya dengan Allah, meminta pertolongan dan sering melakukan amalan-amalan yang boleh menggelakkan daripada terkena sihir.[653] Budaya sihir masih kuat bagi masyarakat di pedalaman sebagai senjata pertahanan. Tulisan Mat Zan Mat Kib

---

[650] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[651] *Ibid.*
[652] Ma, Yunus Abdullah Zheng, "Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), iv-v.
[653] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

menyatakan bahawa masyarakat di pedalaman sangat mempercayai semangat dan roh-roh tertentu disebabkan persekitaran kehidupan mereka yang dikelilingi hutan belantara. Mereka gunakan perkara tersebut untuk tujuan perlindungan diri dan keluarga dari gangguan-gangguan makhluk yang dipercayai.[654]

Oleh itu, dapat difahami bahawa pendekatan dakwah *al-ḥikmah* yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof ialah memahami psikologi golongan non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau dilihat sentiasa peka dengan perkara yang di sukai dan dibenci oleh golongan non-muslim. Beliau sangat mementingkan hubungan baik dengan non-muslim dan berusaha menggelak daripada melakukan perkara-perkara yang mengundang perasaan tidak baik di kalangan mereka seperti merendah-rendah adat dan cara hidup mereka. Dengan sifat menjaga sensitiviti, beliau dapat menyampaikan mesej dakwah kepada golongan non-muslim dengan mudah dan berkesan.

(d) Menziarahi Non-Muslim

Menemui golongan sasaran di dalam dakwah adalah satu perkara yang penting bagi memastikan mesej Islam dapat disampaikan dengan berkesan.[655] Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan ziarah untuk menemui masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Di peringkat awal, beliau dan isteri telah melakukan ziarah ke setiap rumah penduduk sama ada muslim atau non-muslim yang tidak pernah dikenali, sepertimana dinyatakan dalam petikan berikut:

> "Kami cuba ziarahi setiap rumah di kampung-kampung, tidak kira kenal atau tidak. Memang kebanyakannya kami belum kenal kerana pertama kali tiba di sana."[656]

---

[654] Mat Zan Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 34.
[655] 'Abdul Karīm Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muasasah al-Risālah, 1998), 320-321.
[656] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Beliau telah menziarahi masyarakat non-muslim di kawasan Nabawan, Sook, Silungai, Sepulut, Paglungan, Pensiangan asal dan kawasan-kawasan yang berdekatan sempadan antara Malaysia dan Kalimantan, Indonesia. Untuk pergi ke kawasan-kawasan tersebut, beliau terpaksa menggunakan jalan darat yang kurang sempurna, jalan sungai dan berjalan kaki sekiranya tiada laluan yang boleh digunakan.[657] Kebanyakan masyarakat non-muslim yang ditemui terdiri dari suku kaum Murut yang beragama Kristian dan pagan atau berkepercayaan animisme. Pola penempatan masyarakat di situ lebih tertumpu di pinggir sungai dan di lereng-lereng bukit.

Selain itu, Mohd Fadli Yusof menyatakan pendekatan ziarah yang dilakukan sebanyak tiga minggu sekali ataupun sebulan sekali disebabkan faktor kekangan muka bumi di pedalaman dan komitmen peribadi di semenanjung. Beliau telah menetapkan tempoh sebanyak sepuluh hari untuk berada di pedalaman Pensiangan, sepuluh hari berada di semenanjung. Kadangkala tempoh sepuluh hari di pedalaman Pensiangan masih tidak mencukupi untuk pelbagai urusan seperti pengislaman, bantuan dan pendidikan saudara-saudara baru. Walau bagaimanapun beliau menempatkan seorang pembantu iaitu Muhammad Suffian untuk menguruskan hal ehwal pendidikan dan keperluan penduduk kampung tersebut.

Pada tahun 2012, Mohd Fadli Yusof menyatakan terdapat beberapa orang kenalan dan rakan yang berminat untuk turut serta dalam dakwah di pedalaman Pensiangan. Bermula dari bulan Febuari, beliau telah melakukan ziarah di kawasan penempatan penduduk di pedalaman Pensiangan bersama-sama dengan beberapa orang kenalan dan rakan-rakan yang mengetahui daripada laman sesawang *Facebook*. Selepas itu, ziarah di pedalaman mula disertai oleh beberapa individu dan organisasi yang berminat untuk turut

---

[657] *Ibid.*

University of Malaya

serta dengan pendekatan dakwah beliau.[658] Tanpa di duga, pendekatan ziarah dengan membawa bersama rombongan yang berbeza-beza dari semenanjung telah menarik perhatian non-muslim di pedalaman terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof. Masyarakat di pedalaman seronok melihat keadaan seperti itu.[659] Dapatan ini bertepatan dengan kajian Che Yusof Che Mamat et al.,[660] dan Ibrahim Che Noh[661] yang mendapati kaedah ziarah sangat berkesan dalam membina hubungan dengan non-muslim. Pendakwah dan non-muslim dapat berkongsi pendapat dan meyakinkan mereka mengenai Islam.

Oleh itu, dapat dinyatakan Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan ziarah untuk mendekati masyarakat non-muslim di Kampung Padang Sepulut, Pensiangan. Beliau melakukan ziarah sebanyak tiga minggu sekali atau sebulan sekali ke setiap rumah penduduk kampung yang belum dikenali. Pendekatan ziarah telah membina talian *ukhwah* dan kasih sayang antaranya dengan penduduk kampung. Bahkan pendekatan ziarah yang dilakukan berulang kali telah memberi kesan positif kerana ia telah menimbulkan persoalan tentang motif yang menghubungkan dengan penerimaan dakwah secara beransur-ansur. Ini menunjukkan pendekatan ziarah telah memberi kesan positif terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

(e) Menjemput Non-Muslim Makan Kenduri

---

[658] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[659] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang Mukim Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[660] Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," dalam *Jurnal Islamiyyat 25* (2004).
[661] Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non-Muslim," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.

Memberi makan kepada orang lain merupakan satu perbuatan yang dituntut dalam Islam kerana mempunyai kesan yang signifikan dalam dakwah dan kemanusiaan. Ia adalah salah satu pendekatan yang telah dilakukan Nabi s.a.w kepada ahli keluarga yang hampir di awal perintah dakwah di Makkah. Baginda telah menjemput sebanyak tiga kali ahli keluarga terdekat di satu majlis makan dengan tujuan dalam mengajak mereka beriman kepada Allah. Namun hanya pada jemputan yang ketiga sahaja baginda s.a.w berpeluang menyeru ahli keluarganya untuk beriman kepada Allah.[662] Ini menunjukkan pendekatan memberi orang lain makan adalah satu sunnah yang boleh membina atau mengukuhkan hubungan dan menggembirakan orang lain untuk tujuan dakwah. Nabi s.a.w turut menyatakan menjemput makan adalah suatu gambaran akhlak sebagai seorang Islam yang baik. Ini menunjukkan terdapat hikmah yang besar dalam perbuatan seseorang yang suka memberi orang lain makan, sebagaimana dijelaskan dalam hadith riwayat al-Bukhāri:

> عن عبدالله بن عمر وان رجلا سأل رسولالله صلىالله عليه وسلم أى الاسلام خير قال تطعم الطعم وتقرأ السلام على من عرفت ومن لم تعرف
>
> Terjemahan: Dari ‘Abdullah bin ‘Umar, katanya seorang lelaki bertanya kepada Nabi s.a.w: “Islam yang bagaimanakah yang baik?” Jawab Nabi s.a.w: “Memberi makanan dan mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenali dan orang yang tidak engkau kenali.”[663]

Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof telah menggunakan kaedah menjemput non-muslim makan kenduri dalam majlis keramaian yang dilakukan di Kampung Padang, Sepulut. Beliau menyatakan kepada penulis bahawa pendekatan memberi makan telah digunakan sejak awal tahun 2012. Beliau telah meminta izin kepada penduduk kampung untuk menggunakan dewan serbaguna sebagai tempat kenduri. Di atas ruang tersebut,

---

[662] Al-Alury, Adam Abdullah, *Tārikh al-Da‘wah ila Allah bayna al-Ams wa al-Yaum* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1979), 144.

[663] Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Iman, Bab It‘ām al-Tha‘ām min al-Islām, no. Hadith 5. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *“Sahih al-Bukhāri,”* jil.i, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy (Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003), 14.



University of Malaya

beliau berusaha menjemput makan penduduk kampung yang sering diziarahi bagi tujuan mengukuhkan hubungan. Beliau telah menjemput semua penduduk kampung dan sekitarnya sama ada muslim atau non-muslim untuk menjamu makanan di Kampung Padang, Sepulut. Kebanyakan tetamu yang hadir terdiri daripada non-muslim berhampiran Kampung Padang yang sering diziarahinya.[664] Beliau tidak menggunakan peluang majlis tersebut dengan menyampaikan Islam secara langsung, tetapi hanya mengalu-alukan tetamu untuk menjamu makanan dan beramah mesra.

Kebanyakan penduduk lebih suka melihat suasana keramaian seperti itu yang jarang diadakan oleh orang luar di kawasan pedalaman Pensiangan. Pendekatan ini bertujuan untuk mengambil hati kebanyakan tetamu dan menjadikan hubungan lebih rapat. Kadang-kadang beliau akan menjelaskan tentang Islam sekiranya terdapat tetamu yang bertanya sesuatu perkara yang berkaitan Islam. Beliau menyatakan sekiranya non-muslim yang bertanya dahulu tentang Islam, ia merupakan suatu permulaan yang baik dalam dakwah. Malah dalam majlis keramaian kenduri mereka lebih mudah bertanya tentang Islam. Ini menunjukkan kaedah menjemput non-muslim untuk makan kenduri memberikan kesan yang positif dalam menyampaikan mesej dakwah. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Che Yusof Che Mamat et al.,[665] Abdullah Muhammad Zin[666] dan Ibrahim Che Noh[667] yang melihat kaedah menjemput makan dapat menyampaikan mesej dakwah kepada non-muslim secara santai dalam meraikan tetamu.

Oleh itu, dapat dinyatakan pendekatan dakwah yang digunakan Mohd Fadli Yusof dalam mendekati non-muslim di pedalaman Pensiangan ialah menjemput non-muslim untuk makan kenduri di Kampung Padang, Sepulut. Beliau telah mengadakan majlis kenduri

---

[664] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[665] Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," dalam *Jurnal Islamiyyat 25* (2004), 37.

[666] Abdul Ghafar Haji Don et al., *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep Metode dan Pengalaman* (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1998), 28.

[667] Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non-Muslim," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.



University of Malaya

keramaian di dewan serbaguna kampung tersebut. Tujuan diadakan adalah untuk merapatkan hubungan dan dapat menarik perhatian mereka tentang Islam. Ini disebabkan dalam suasana keramaian yang berbentuk majlis keraian, segelintir daripada non-muslim lebih mudah bertanya tentang Islam dan menjadikan mereka bersemangat untuk bertanyakan sesuatu kepada beliau.

(f) Memberi Hadiah kepada Non-Muslim

Memberi hadiah kepada seseorang merupakan cara untuk menggambarkan suatu bentuk penghargaan kepada seseorang. Nabi s.a.w sangat mengalakkan umatnya untuk saling memberi hadiah agar melahirkan sifat kasih sayang dan menolak sifat negatif dalam diri. Sebagaimana hadith Nabi s.a.w dalam riwayat al-Bukhāri:

وتهادوا تحابوا وتذهب الشحناء

> Terjemahan: Dan berilah hadiah, (nescaya) kamu berkasih sayang dan menghilangkan permusuhan.[668]

Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof sering memberi hadiah kepada non-muslim yang di ziarahi di pedalaman Pensiangan. Kebiasaannya, hadiah tersebut berupa barangan keperluan harian secara berterusan kepada setiap rumah penduduk kampung, sepertimana dinyatakan dalam petikan berikut:

> “Kebiasaannya kami akan bawa bungkusan yang berisi sekarung beras, gula, kopi, satu tin sardin, garam dan bawang. Cukup untuk satu sajian makan malam bagi satu keluarga kecil.”[669]

---

[668] Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Adab al-Mufrad, Bab Qubūl al-Hadiyyah, no. Hadith 127. Lihat Al-Banjari, Muhammad Nuruddin Marbu, *Al-Adab al-Mufrad lil Imam al-Hafiz Muhammad Bin Ismail al-Bukhāri,* (Bogor, Indonesia: Ma‘had Al-Zayn li Tibā‘ah wa al-Nasr wa al-Tauzi‘ wa al-Tarjamah, 2010), 107.
[669] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Pemberian hadiah telah dilakukan secara berterusan dan berulang ulang dalam ziarah. Walaupun dianggap sebagai buah tangan semasa ziarah, namun ia memberi gambaran baik kepada non-muslim. Ramai penduduk kampung beranggapan pemberian hadiah Mohd Fadli Yusof hanya berkala sepertimana kebiasaan kedatangan orang luar di pendalaman Pensiangan bagi tujuan-tujuan tertentu seperti kampen piliharaya dan sebagainya. Namun kedatangan Mohd Fadli Yusof secara berulang kali dilihat memberi sedikit kegembiraan kerana mereka dapat berkongsi, bersahabat dengan orang dengan mesra dan bukan kerana semata-mata pemberian sumbangan.

Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis, tujuan pemberian hadiah atau sumbangan yang berterusan adalah suatu bentuk penghargaan yang dapat mewujudkan kasih sayang dan dapat menjauhkan perselisihan atau krisis. Beliau menyatakan:

> "Apabila saling berhadiah, maka timbullah kasih sayang. Apabila lahir kasih sayang menjadi mudah (menyampaikan Islam kepada mereka) dan tidak timbul krisis kamu Islam, saya Kristian. Jadi pertembungan ini tidak berlaku. Sehingga mereka dengan rela hati menyatakan bagaimana saya mahu masuk Islam."[670]

Pendekatan membina hubungan dengan memberi hadiah telah mewujudkan perasaan kasih sayang yang merentas batasan agama dan kaum. Mohd Fadli Yusof telah berjaya memupuk perasaan saling mengasihi dengan membina hubungan, sehingga sebahagian mereka suka dengan kehadirannya. Beliau menjelaskan bahawa membina hubungan dengan non-muslim adalah penting bagi memastikan mereka dapat menerima Islam dengan lunak dan selesa. Walaupun sebahagian besar non-muslim yang di dekati beragama Kristian, namun sikap mementingkan hubungan persahabatan melangkaui sentimen keagamaan. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Che Yusof Che Mamat et al.,[671]

---

[670] *Ibid.*
[671] Che Yusoff Che Mamat et al., "Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang," dalam *Jurnal Islamiyyat 25* (2004).



University of Malaya

Abdullah Muhammad Zin,[672] Ibrahim Che Noh[673] dan Ab Aziz Mohd Zin,[674] yang melihat pemberian sumbangan kepada non-muslim dapat menggembirakan mereka dan dapat menyampaikan mesej dakwah secara tidak langsung.

Pemberian hadiah juga boleh dianggap sebagai suatu simbolik untuk bertegur sapa dalam berziarah masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Sebagai orang luar, Mohd Fadli Yusof masih tidak mengenali masyarakat di pedalaman. Jambatan untuk mengenali secara rapat adalah berpegang dengan saranan hadith Nabi s.a.w sekiranya bertemu atau berjumpa dengan orang Islam, maka digalakkan untuk memberi salam sebagai asas hubungan sesama Islam. Namun dalam konteks bukan Islam, beliau berpendapat memberi hadiah adalah suatu bentuk alternatif dalam membina hubungan baik dengan non-muslim untuk dakwah. Malah ia menimbulkan hubungan kasih sayang di antara manusia.[675]

Oleh itu, dapat dinyatakan Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan memberi hadiah kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan. Setiap kali ziarah yang dijalankan, beliau sentiasa memberikan sedikit hadiah kepada non-muslim sebagai sumbangan untuk merapatkan lagi hubungan dan menolak segala sangkaan negatif. Bahkan dalam melakukan ziarah susulan *(follow up)*, beliau masih menghulurkan sumbangan untuk mereka yang diziarahi sebelum ini. Ini menunjukkan pendekatan memberi hadiah boleh menguatkan lagi hubungan dalam mendekati golongan non-muslim.

### 4.8.2 Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah al-Ḥasanah*

---

672 Abdul Ghafar Haji Don et al., *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep Metode dan Pengalaman* (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1998).
673 Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non-Muslim," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 84.
674 Ab. Aziz b. Mohd. Zin, "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2 (1995).
675 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

*Maw‘iẓah al-ḥasanah* ialah pendekatan memberi nasihat dengan cara yang baik sama ada menggunakan lisan cara lisan dan perbuatan.[676] Pendekatan *maw‘iẓah al-ḥasanah* tidak terhad kepada bentuk lisan sahaja, bahkan meliputi perbuatan pendakwah yang memberi kesan kepada golongan *mad‘ū* secara tidak langsung. Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan memberi nasihat secara lisan dan perbuatan dalam mendekati masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan.

(i) *Maw‘iẓah al-Ḥasanah* dengan Lisan

Mohd Fadli Yusof menggunakan pendekatan *maw‘iẓah al-ḥasanah* secara lemah lembut dalam menjelaskan tentang Islam. Kaedah ini memudahkan beliau mendekati non-muslim yang mempunyai latar belakang kehidupan yang kasar dan bengis. Beliau menyatakan kepada penulis mengenai situasi ini:

> "Orang pedalaman ramai yang bengis dan kasar. Mereka selalu ke hutan berburu dan sebagainya. Mereka juga sanggup buat apa saja termasuk membunuh orang."[677]

Perkara ini turut diakui oleh penulis British, K.G Tregoning yang menyatakan suku kaum Murut di pedalaman mengamalkan cara hidup yang kuat minum arak secara berlebihan, suka bersengketa dan amalan pemburuan kepala *(head hunting)* antara etnik Murut.[678] Cara hidup masyarakat di pedalaman dilihat bersifat agak kasar kerana latar belakang mereka yang dikelilingi hutan belantara yang menjadi sebahagian daripada kehidupan dan sumber pendapatan harian.

Mohd Fadli Yusof menggunakan kaedah lemah lembut secara santai dengan menyelitkan mesej dakwah semasa berbual-bual, bertani dan berjalan-jalan bersama dengan

---

[676] Al-Ṭabari, Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta'wil Āi al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1999), 252.
[677] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[678] Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)* (Singapura: Universiti Malaya Press, 1958), 209.



University of Malaya

non-muslim di pedalaman. Beliau menyatakan bahawa orang yang bersifat kasar tidak boleh di dekati dengan sifat kasar. Ia akan bertentangan dan boleh menimbulkan perbalahan jika tidak terkawal. Orang yang bersifat kasar harus di dekati dengan kaedah yang lemah lembut dan menyentuh hati mereka sebagaimana dalam peristiwa Umar r.a memeluk Islam.[679] Beliau tidak melihat sifat tersebut sebagai pertentangan, bahkan ia adalah suatu cabaran dakwah yang harus ditangani dengan penuh kelembutan dan boleh menambat jiwa non-muslim kepada Islam. Penulis juga difahamkan Mohd Fadli Yusof turut bersabar mendekati golongan non-muslim yang sedang mabuk dan mengingatkan kepada kebenaran.[680] Walau bagaimanapun, ia bertepatan dengan saranan al-Qur’ān, sebagaimana firman Allah:

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ
ٱلۡقَلۡبِ لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ

Ali ‘Imrān 3 : 159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

Dalam ayat di atas, Ibn Kathīr menyatakan bahawa ayat ini mengingatkan Nabi s.a.w dan juga orang-orang yang beriman atas kurnia-Nya, yang menjadikan hati beliau lembut kepada umatnya yang mengikuti perintahnya dan meninggalkan larangnya serta menganugerahi beliau tutur kata yang baik kepada mereka (orang di sekeliling Nabi s.a.w).[681] Secara tidak langsung, Allah s.w.t memerintahkan agar bersikap lemah lembut dalam menyampaikan dakwah kerana ia boleh melembutkan hati, sekaligus golongan sasaran tertarik dengan dakwah.

---

[679] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[680] Mohd Azrin Abdul Zainuddin (Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.
[681] Ibn Kathīr, Abu Fida’ ‘Imaduddin Ismail bin ‘Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil. 2, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 337-338.



University of Malaya

Seorang informan yang merupakan anak ketiga kepada Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis tentang bentuk *maw'izah al-ḥasanah* yang disampaikan oleh ayahnya kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau menyatakan Mohd Fadli Yusof lebih suka denga cara santai dan dikaitkan dengan bentuk humor yang boleh menguatkan kemesraan antara beliau dan non-muslim. Ia memastikan agar mesej dakwah yang disampaikan secara berhubungan sentiasa mempunyai elemen lemah lembut yang tidak mendatangkan reaksi negatif. Beliau akan mengaitkan mesej dakwah dengan tuntutan syariat Islam dan kisah kehidupan para sahabat dan ulama dalam melakukan aktiviti keduniaan mereka.[682] Keadaan ini dilihat menarik perhatian non-muslim yang ditemui kerana kebanyakan mereka mendapat perkongsian yang tidak pernah diketahui sebelum ini.[683]

Dalam pemerhatian penulis, pengolahan cara santai dalam *maw'izah al-ḥasanah* yang dilakukan bertujuan untuk menggelakkan perkara-perkara yang boleh menghina dan mengguris hati non-muslim. Bahkan boleh menjauhkan non-muslim dengan dakwah. Namun jika dikaitkan dengan cara kehidupan mereka di pedalaman, ia dilihat sebagai suatu tarikan dalam perkongsian. Mohd Fadli Yusof dilihat sentiasa peka dengan perkara-perkara yang membolehkan non-muslim dekat dengan dakwah. Disebabkan itu beliau juga tidak kekok melakukan aktiviti seperti orang tempatan dalam berburu, bertani, dalam kenderaan, masuk hutan dan sebagainya.[684] Biasanya ruang ini digunakan dengan sebaiknya untuk meyakinkan non-muslim mengenai Islam secara *maw'izah al-ḥasanah*.[685]

[682] Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli (Anak ketiga Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 13 Januari 2014.
[683] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[684] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[685] Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli (Anak ketiga Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 13 Januari 2014.



University of Malaya

Selain itu, beliau sentiasa menggunakan bahasa yang mudah dan panggilan mesra bagi seseorang[686] dalam memberi nasihat. Beliau lebih suka menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami oleh masyarakat tempatan kerana ia adalah aspek yang penting agar non-muslim tidak terasa dan terus jauh dengan dakwah.[687] Walaupun beliau tidak menguasai bahasa tempatan iaitu Murut, namun beberapa perkataan-perkataan penting digunakan dengan slang tempatan.

> "Saya guna beberapa perkataan penting yang boleh menjadikan hubungan mesra seperti menggunakan panggilan "aman, ongsoi" iaitu pak cik. Mereka lebih suka dan cepat mesra dengan cara itu."[688]

Ini menunjukkan penggunaan bahasa dan panggilan mempunyai kesan positif semasa komunikasi langsung dengan kontak mata yang tepat. Aspek kedekatan, jarak dan perhubungan dalam penggunaan bahasa dan panggilan dianggap mempunyai nilai yang menarik deria manusia untuk memberi perhatian dan mesej dapat disampaikan.[689] Mohd Fadli Yusof telah menggunakan bentuk *maw'iẓah al-ḥasanah* secara dengan mengambil kira penggunaan bahasa orang tempatan yang mudah diterima dan penggunaan panggilan orang tempatan yang seolah-olah ia dekat dengannya.

Selain itu, bentuk lisan yang dilakukan Mohd Fadli Yusof dalam *maw'iẓah al-ḥasanah* ialah menyampaikan tentang Islam dalam bersama-sama menjalankan projek kemasyarakatan dengan penduduk di pedalaman seperti dalam pembinaan masjid, membantu penduduk, membaik pulih kemudahan awam, membuat persediaan majlis dan sebagainya. Dalam tempoh seperti ini, beliau mengambil peluang untuk menjelaskan sesuatu perkara dikaitkan dengan Islam. Beliau menjelaskan mengenai perkara-perkara

---

[686] Muhammad Yusuf @ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[687] Abdullah Muhammad Zin, *Islamic Da'wah (Mission), The Defination, Conception & Foundation* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd., 1995), 52.
[688] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[689] A. Devito, Joseph, *Essential of Human Communication* (London: Allyn and Bacon, 2002), 166-167.



University of Malaya

yang diperintahkan dan dilarang Allah kepada manusia di dunia dengan memberikan justifikasi secara logik. Contohnya beliau menjelaskan kepada non-muslim tentang kenapa manusia wajib menyembah Allah, wajib menunaikan solat, melarang manusia meminum arak, makan daging khinzir, menyakiti orang dan sebagainya sekalipun hidup di pedalaman Pensiangan.[690]

Oleh itu, dapat difahami bentuk *maw'iẓah al-ḥasanah* secara lisan yang dilakukan Mohd Fadli Yusof ialah menggunakan lisan secara lemah lembut, bersifat santai, menggunakan bahasa mudah dan panggilan mesra. Aspek tersebut sangat bersesuaian memandangkan beliau berhadapan dengan non-muslim yang mempunyai latarbelakang hidup yang kasar dan bengis. Beliau menggunakan kaedah *maw'izah al-ḥasanah* dengan lisan secara lunak, mesej dakwah mudah serta membuka fikiran dan menggunakan bahasa panggilan yang disukai dalam menjinakkan non-muslim agar mereka tidak merasa bahawa itu adalah suatu nasihat, sepertimana dinyatakan oleh 'Alī Jarishah bahawa *maw'izah al-ḥasanah* adalah hikmah dalam percakapan *(al-ḥikmah bi al-qawl)*.[691] Bahkan ia merupakan suatu rangsangan kepada mereka untuk mendekati Islam. Ini menunjukkan pengalaman dakwah yang di miliki beliau telah memberi kesan positif dalam menguasai keadaan golongan sasaran dan menjadikan mereka mudah menerima Islam dalam tempoh yang singkat.

(ii) *Maw'iẓah al-Ḥasanah* Melalui Model

Pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* melalui model ialah memberi nasihat dengan menunjukkan perbuatan yang mendorong seseorang kepada Islam. Mohd Fadli Yusof

[690] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[691] 'Alī Jarishah, *Manāhij al-Da'wah wa Asālibiha* (Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi', 1986), 155.



University of Malaya

dilihat lebih menggunakan pendekatan ini dalam mendekati mendorong non-muslim kepada Islam. Beliau menyatakan bahawa memberi nasihat secara lisan adalah penting, namun dalam masa yang sama memberi nasihat dengan menunjukkan model juga penting. Beliau menegaskan berapa ramaikah manusia yang boleh dinasihati dan berapa ramaikah manusia yang boleh menerima nasihat? Ini disebabkan nasihat banyak difahami dengan bentuk lisan seperti memberi tazkirah dan sebagainya. Maka nilai utama yang penting di sini ialah memberi nasihat lisan mestilah beriringan dengan perbuatan dalam kaedah *maw'iẓah al-ḥasanah*.[692]

Ini menunjukkan pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* juga memerlukan nasihat yang berbentuk tindakan atau model dan bersifat mendekatkan bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi bukan menakutkan dan sentiasa mencetuskan menarik minat kepada Islam.[693] Ia bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh al-Ṭhabari, bahawa *maw'iẓah al-ḥasanah* mesti membawa contoh-contoh yang mengingatkan sasaran kepada Islam dan mencetuskan minat kepada mereka untuk mendekati Islam.[694]

Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof lebih menunjukkan pendekatan dakwah *maw'iẓah al-ḥasanah* melalui aktiviti kemasyarakatan seperti majlis keramaian, menunjukkan model keluarga Islam, menonjolkan ukhwah sesama Islam. Contohnya, di Kampung Padang, Sepulut beliau pernah mengadakan majlis perkahwinan saudara baru yang diurus beliau sendiri bersama ahli keluarga dan rakan-rakan. Beliau menyatakan konsep majlis secara Islam harus ditonjolkan sebagai contoh meraikan dengan kegembiraan. Ini disebabkan cara keramaian majlis yang dilakukan penduduk kampung sebelum ini, seolah-olah menggambarkan suasana kurang menarik dan berhibur yang melampau. Bagi suku kaum Murut, dalam majlis keraian seperti perkahwinan, mereka lebih

---

[692] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[693] *Ibid.*
[694] Al-Ṭabarī, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āi al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1999), 252.



University of Malaya

mengutamakan adat dan kepercayaan semata-mata, sekalipun mereka yang sudah beragama Islam, Kristian. Tetamu akan dijamu dengan makanan yang tidak halal, bercampur lelaki dan perempuan dalam sambil minum arak dan suasana majlis perkahwinan menjadi busuk disebabkan muntah orang mabuk dan sebagainya. Kadang-kadang sehingga beberapa hari mereka mabuk.[695]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof pernah menjemput makan kenduri untuk penduduk dengan mengadakan majlis keramaian yang besar iaitu meraikan dua belas pasangan saudara baru pada bulan November 2013. Persediaan majlis tersebut telah dibantu sepenuhnya oleh isteri, anak-anak, rakan-rakan dari Kota Kinabalu dan Keningau, dan penduduk Kampung Padang sendiri. Majlis tersebut diadakan di dewan serbaguna kampung tersebut dengan berkonsepkan Islam. Beliau telah menetapkan menu makanan yang halal dan menjadi kegemaran di pedalaman iaitu daging lembu atau sapi. Daging sapi menjadi kegemaran penduduk kampung kerana ia sukar untuk diperolehi berbanding daging rusa atau disebut ‘payau’ di dalam bahasa Murut. Segala bentuk persediaan dilakukan berteraskan ajaran Islam seperti cara sembelihan haiwan, batas pergaulan, batas hiburan dan lain-lain, dilakukan dengan menggambarkan kegembiraan dalam sesuatu.[696] Majlis tersebut ditonjolkan dengan suasana perkhawinan yang gembira, berbau wangian, cara ringkas dan memudahkan pasangan, dan menyediakan makanan halal yang menjadi kegemaran penduduk. Penduduk juga dipersembahkan dengan nasyid dan *qasidah*.[697] Majlis tersebut dihadiri golongan non-muslim yang terdiri daripada sanak saudara pasangan pengantin dan masyarakat di pedalaman. Mereka dapat melihat bentuk-bentuk hiburan dalam Islam yang menenangkan jiwa manusia dan mendekatkan kepada Pencipta[698]

---

[695] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[696] *Ibid.*
[697] Pendekatan dakwah melalui kebudayaan dan hiburan telah digunakan oleh Sunan Kalijaga dalam usaha Islamisasi di Jawa. Kaedah ini telah mendekatkan masyarakat Jawa kepada Islam secara tidak langsung. Lihat Purwadi M. Hum, *Dakwah Sunan Kalijaga, Penyebaran Agama Islam di Jawa Berbasis Kultural* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004) 122-123.
[698] Mohd Fadli Yusof, “Majlis Perkahwinan Secara Islam Kampung Padang Sepulut Sabah,” laman sesawang *Kembara Syahadah*, di capai 27 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/2013/12/20/majlis-perkahwinan-secara-islam-kampung-padang-sepulut-sabah/.

Mohd Fadli Yusof juga membawakan contoh kehidupan dalam keluarga Islam dengan membawa model keluarganya sendiri. Beliau sentiasa membawa isteri dan anak-anak bersama di pedalaman Pensiangan. Dalam masa yang sama, contoh keluarga yang ditonjolkan adalah berbeza dengan cara kehidupan masyarakat tempatan. Non-muslim dapat melihat secara perbandingan mengenai peranan isteri dan anak dalam keluarga. Seorang informan tertarik bentuk ini dengan melihat cara seorang isteri yang sentiasa taat dan menghormati isteri. Begitu juga dengan seorang anak terhadap ibu bapanya yang sentiasa mengasihi.[699] Non-muslim juga turut tertarik dengan cara berpakaian seorang muslim dan muslimah secara menutup aurat sebagai tuntutan agama dan menjaga maruah seorang wanita dan manusia. Malah dalam keadaan berpakaian yang menepati syarak, seseorang itu masih boleh melakukan aktiviti di pedalaman dengan keadaan yang bersih.[700]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof turut membawakan contoh mengerjakan solat dalam pendekatan *mawʻiẓah al-ḥasanah* di pedalaman. Beliau membawa contoh pelaksanaan ibadah solat bagi orang Islam dengan cara yang mudah sekalipun berada dalam apa jua situasi.[701] Beliau dilihat sering mengerjakan solat secara ber*jamaʻah* di hutan, di kawasan lapang, di tepi sungai dan di tepi lereng gunung.[702] Model beribadah seperti ini dapat menggambarkan kepada non-muslim tentang orang Islam yang sentiasa bergantung kepada tuhanNya dan menjadikan dataran seluruh dunia ini sebagai tempat ibadah. Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof berkongsi pengalaman dengan penulis tentang pengislaman seorang non-muslim yang terlibat sama dalam usaha mencari kayu di hutan ketika hendak membina masjid di Kampung Padang, Sepulut.

---

[699] Muhammad Ayub @ Jelirus (Saudara Baru di Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[700] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[701] *Ibid.*
[702] Muhammad Suffian Mohd Sulaiman (Pendakwah di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

> "Ketika usaha mencari kayu di hutan, kita libatkan saudara baru dan beberapa orang non-muslim kerana kepakarannya. Saya nasihatkan mereka supaya solat walau berada di mana sekalipun kerana itulah tanda keimanan kita. Selama saudara baru ini mencari dan memotong kayu balak di hutan, mereka sentiasa solat dan tidak pernah tinggal. Mereka ikut nasihat saya. Akhirnya non-muslim yang ikut mereka terus jumpa saya nak masuk Islam, selepas beberapa hari pulang."[703]

Keutamaan mengerjakan solat bagi seorang Islam juga membuka pemikiran segelintir non-muslim tentang Islam. Perkara ini diakui oleh seorang informan yang baru memeluk Islam. Beliau sebelum ini beragama Kristian Katolik. Beliau menyatakan kepada penulis bahawa cara ibadah orang Kristian hanya di gereja dan pada hari ahad sahaja. Berbanding dengan umat Islam yang menjadikan seluruh kehidupan dunia ini berhubungan dengan perintah Allah.[704] Ini menunjukkan contoh solat lima hari yang dilakukan oleh orang Islam dapat menarik perhatian golongan non-muslim untuk meneliti secara komparatif dengan anutnya.

Selain itu, pendekatan dakwah *maw'iẓah al-ḥasanah* yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof adalah melalui nilai *ukhwah* dalam bersaudara. Contoh ini sering ditonjolkan beliau dalam berurusan dan ketika bertemu non-muslim.[705] Beliau dilihat sering bersalaman dan bertanyakan khabar dengan non-muslim yang belum dikenali. Nilai ini telah memberikan kesan positif kerana mereka turut merasakan kedatangan beliau di pedalaman Pensiangan sebagai seorang yang baik dan dipercayai.[706] Beliau amat menekankan persoalan persahabatan dengan non-muslim sekalipun mengenali dengan tempoh yang singkat. Malah nilai persahabatan sentiasa dijaga dan dipelihara agar berterusan. Dalam perhubungan ini, beliau sentiasa memahami perkara-perkara yang disukai, menggelakkan perkara yang tidak

---

[703]Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[704] Muhammad Ayub @ Jelirus (Saudara Baru di Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[705] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[706] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

disukai, sentiasa menziarahi dan sentiasa membantu sama ada dalam bentuk kewangan dan tenaga. Nilai *ukhwah* atau persahabatan yang dibina menunjukkan sifat *maw'iẓah al-ḥasanah* menjadi yang mendorong non-muslim dekat dengan Islam.

Oleh itu, dapat difahami bahawa Mohd Fadli Yusof menggunakan pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dengan menunjukkan bentuk contoh di pedalaman Pensiangan. Pendekatan ini digunakan menunjukkan contoh-contoh yang menarik perhatian mereka kepada Islam. Pendekatan ini dilihat lebih lembut dan non-muslim tidak terasa bahawa mereka sedang dalam keadaan dinasihat. Bahkan ia lebih dianggap berkesan kerana menunjukkan bukti secara realistik tentang apa disampaikan melalui perkara yang diperintah dan dilarang di dalam Islam. Beliau tidak menyatakan secara langsung perbuatan yang dilakukan mereka sebelum ini bertentangan atau dilarang Islam. Beliau hanya membawakan contoh bahawa inilah konsep yang dikehendaki oleh Islam dalam berkeluarga, beribadah berkawan, dan bermasyarakat.

### 4.8.3 Pendekatan Dakwah *Mujādalah*

Pendekatan *mujādalah* ialah berdialog, berbahas, berbincang dan berdebat dengan golongan non-muslim untuk mengetengahkan kebenaran Islam.[707] Dalam kaedah ini, Mohd Fadli Yusof lebih suka menggunakan istilah *al-mujādalah* dengan maksud berdialog dan berbincang dengan golongan non-muslim tentang Islam. Ia lebih menggambarkan situasi yang harmoni berbanding dengan maksud berdebat dan berbantah. Beliau menyatakan walaupun telah disebutkan dalam al-Qur'ān, namun ia lebih sesuai untuk keadaan tertentu kerana Allah s.w.t telah mengetahui karekter manusia yang keras, degil, melawan dan sukar menerima kebenaran Islam. Kadang kala pendekatan debat tidak berjaya menarik hati, bahkan mematahkan hati manusia disebabkan pertentangan dalam berhujah. Keadaan ini

---

[707] Wan Hussein Azmi, "Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah Islamiah Kini," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 20.



University of Malaya

menyebabkan non-muslim akan menjauhkan diri daripada dakwah. Walau bagaimanapun keperluan ini adalah bergantung kepada sesuatu situasi tertentu yang dilihat sesuai.[708]

Pendekatan *al-mujādalah* dilakukan Mohd Fadli Yusof dengan mengadakan dialog semasa menziarahi non-muslim di rumah mereka. Pendekatan ini memberi ruang kepada non-muslim bertukar-tukar pendapat tentang perkara yang dilihat berkaitan Islam. Beliau sentiasa mengaitkan perkara logik dengan penganut Kristian dan pagan.[709] Mohd Fadli Yusof pernah mengadakan dialog dengan bekas pengerusi gereja yang dikenali Encik Linaun. Beliau tinggal berdekatan dengan Kampung Padang dan sentiasa menerima ziarah beliau. Hampir setiap kali ziarah, beliau akan berdialog mengenai konsep ketuhanan dalam Islam dan membandingkan dengan konsep triniti Kristian. Mohd Fadli Yusof menjelaskan perkara tersebut berasaskan surah al-Ikhlas. Surah ini mempunyai empat ayat dan mempunyai yang mudah dan jelas mengenai keesaan Allah. Firman Allah:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ٢ لَمۡ يَلِدۡ وَلَمۡ يُولَدۡ
٣ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ٤

Al-Ikhlās 112 : 1-4

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya."

Setelah berdialog, Mohd Fadli Yusof telah menghadiahkan sebuah terjemahan al-Qur'ān. Kemudian, beliau terus menziarahi bekas paderi ini berulang kali selama setahun enam bulan. Akhirnya pada 5 Ogos 2013, Encik Linaun telah memeluk Islam bersama-sama sebelas orang ahli keluargnya. Pengislamannya telah meningkatkan lagi semangat beliau untuk terus kuat istiqamah dalam melakukan dakwah di pedalaman Pensiangan sehingga

[708] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[709] Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli (Anak ketiga Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

University of Malaya

hari ini.[710] Di kalangan penganut, aspek ketuhanan dan kenabian sering menjadi polemik dalam menentukan kebenaran yang mutlak. Mohd Fadli Yusof cuba menggunakan pendekatan *mujādalah* secara komparatif ringkas dan logik dalam menjelaskan konsep ketuhanan Islam dan Kristian semasa dialog. Bentuk ini bertepatan dengan kajian Mohd Yazid Saad yang mendapati penggunaan ilmu perbandingan agama dapat memberi kesan positif dalam pendekatan dakwah kepada golongan non-muslim.[711]

Selain itu, seorang informan yang dikenali Robert@ Abdul Aziz telah menceritakan kepada penulis mengenai pengalamannya sebelum memeluk Islam. Beliau antara penganut Kristian yang rajin membersihkan gereja dan pergi ke gereja untuk upacara ritual. Beliau telah memeluk Islam setelah berdialog dengan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang. Beliau membicarakan tentang Nabi Muhammad dengan persoalan adakah baginda itu tuhan? Adakah baginda s.a.w sama seperti Jesus?

> "Ustaz terangkan pada saya tentang mimpi dan menjelaskan Jesus itu bukan tuhan yang disangka orang Kristian. Selang beberapa hari, saya jumpa ustaz untuk masuk Islam."[712]

Akhirnya, Robert memeluk Islam selepas berdialog dengan Mohd Fadli Yusof tentang Nabi Muhammad s.a.w. Robert @ Abdul Aziz mempercayai Jesus dalam Kristian dianggap seperti tuhan. Mereka menolak Nabi Muhammad kerana beberapa keraguan yang cuba ditimbulkan gereja. Namun keraguan itu tidak boleh dipertikaikan oleh penganut Kristian. Walau bagaimanapun keraguan yang dialami oleh Robert@Abdul Aziz telah mendorong kepada kebenaran hakiki sebagai hamba Allah di dunia.[713]

---

[710] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[711] Mohd Yazid Saad, "Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), iv.
[712] Abdul Aziz @ Robert Sinngah (Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[713] Abdul Aziz @ Robert Sinngah (Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Selain itu, Mohd Fadli Yusof turut memuatkan beberapa pengalaman berdialog dengan penganut Kristian di laman sesawang *Kembara Syahadah*. Beberapa dialog yang dilakukan bersifat tidak formal dan dilihat sebagai santai seolah-olah dalam perbualan biasa. Dalam laman sesawang tersebut, Mohd Fadli Yusof menceritakan pengalaman dialog yang menarik non-muslim untuk mengetahui tentang Islam. Antaranya ialah pengalaman beliau menumpang kenderaan seorang anak muda yang dikenali Joseph, sebagaimana petikan berikut:

> Kerana hari itu 25 Disember, sengaja saya ucapkan kepada Joseph, "Selamat hari kelahiran Nabi 'Īsā." Pancingan saya mengena. Dia terkejut! "Kamu orang Islam tidak boleh cakap begitu." katanya. "Mengapa tidak boleh?" Soal saya kembali. "Bukankan hari ini kamu merayakan kelahiran Nabi 'Īsā?" Ya! Benar." Kata Joseph." Nabi 'Īsā itu salah seorang nabi yang wajib kami beriman. Nabi yang akhir adalah Nabi Muhammad." Terang saya kepada Joseph. "Tidak pernah siapapun cerita kepada saya begini, saya sangka orang Islam menolak Nabi 'Īsā." Kata Joseph.[714]

Oleh itu, dapat dinyatakan Mohd Fadli Yusof menggunakan pendekatan *mujādalah* dengan kaedah berdialog dan berbincang secara perbualan biasa dengan non-muslim. Ia tidak dilakukan seperti cara dialog yang bersifat formal, tetapi menggunakan cara santai ataupun dalam perbualan dengan non-muslim semasa berziarah di rumah mereka. Beliau telah menggunakan kaedah logik, perbandingan dan penggunaan dalil al-Qur'ān dalam menjelaskan tentang Islam serta menggunakan kaedah menarik persoalan-persoalan berkaitan Islam dan Kristian. Penggunaan kaedah tersebut turut mendorong sebahagian golongan non-muslim mengetahui Islam dan yakin untuk menerima Islam. Ini menunjukkan pendekatan *mujādalah* telah memberikan kesan yang positif dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

[714] Mohd Fadli Yusof, "Dakwah di Pedalaman: Perjalanan Pertama," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/dakwah-di-pedalaman-sabah-4-perjalanan-pertama/



University of Malaya

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan terdapat tiga pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di Kampung Padang, Sepulut, Pensiangan Sabah. Pendekatan tersebut berasaskan ayat 125, surah al-Nahl. Pendekatan pertama ialah mendekati non-muslim dengan *al-ḥikmah*. Ia dilaksanakan dengan pendekatan yang bersifat tidak memaksa non-muslim, membina hubungan baik dengan non-muslim, memahami perkara yang disukai non-muslim, sentiasa menziarahi rumah non-muslim, menjemput non-muslim makan kenduri dan memberi hadiah kepada non-muslim. Pendekatan dakwah kedua ialah mendekati non-muslim dengan *maw'iẓah al-ḥasanah*. Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dengan dua bentuk iaitu menyampaikan secara lisan dan menyampaikan dengan menunjukkan contoh model yang mendorong mereka terpaut kepada Islam. Pendekatan dakwah ketiga ialah mendekati non-muslim dengan *mujādalah*. Mohd Fadli Yusof telah menggunakan pendekatan *mujādalah* melalui dialog dan berbincang dengan non-muslim dalam mengetengahkan atau meyakinkan tentang kebenaran Islam. Ia dilakukan dengan suasana yang santai dan tidak formal dalam perbualan atau pertemuan. Beliau telah melakukan dialog secara tidak formal dengan non-muslim dengan membawa kaedah logik, perbandingan dan wahyu dalam meyakinkan mereka tentang Islam. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Nurasnie Amiruddin[715] yang menganalisis faktor kedatangan pendakwah Indonesia di Sabah. Kebanyakan pendakwah Indonesia di Sabah menjadi rujukan masyarakat. Antara pendekatan dakwah yang digunakan kepada masyarakat bukan Islam ialah dengan cara *bi al-ḥikmah*, menunjukkan contoh yang baik dan mempamer peribadi yang menjadi ikutan.

## 4.9 Kesimpulan

[715] Nurasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), 330.



University of Malaya

Secara keseluruhannya daripada perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa pola pendekatan dakwah dalam pengislaman di Sabah dapat dilihat kepada pengaruh kesultanan Brunei dan Sulu, pendekatan dakwah melalui perkahwinan, pendekatan dakwah melalui perdagangan, pendekatan dakwah melalui aspek sufi atau tasawuf dan pendekatan dakwah melalui organisasi yang menimbulkan kesedaran kehidupan beragama yang tinggi di zaman penjajahan serta pasca kemerdekaan. Walau bagaimanapun pendekatan dakwah golongan sufi banyak memberikan kesan positif dalam pengislaman di Sabah. Dalam konteks ini, pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof juga mempunyai elemen sufi atau tasawuf yang memberikan kesan positif dalam pengislaman di pedalaman Pensiangan, Sabah. Beliau memilih Kampung Padang, Mukim Sepulut sebagai pusat gerakan dakwahnya di pedalaman Pensiangan. Pemilihan ini berdasarkan faktor pengalaman kerohanian yang diperolehi beliau semasa di Makkah. Di atas kesungguhan, beliau telah berjaya mengislamkan 269 non-muslim dalam tempoh dua tahun di kawasan pedalaman Pensiangan, termasuk mengislamkan 62 orang penduduk di Kampung Padang, Sepulut. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah yang digunakan Mohd Fadli Yusof adalah berasaskan ayat 125, surah al-Nahl iaitu pendekatan *al-ḥikmah, maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Dalam pendekatan *al-ḥikmah*, Mohd Fadli Yusof telah menyeru golongan non-muslim di pedalaman Pensiangan dengan kaedah tidak memaksa. Beliau sentiasa membina hubungan baik dengan non-muslim dan berusaha memahami psikologi non-muslim. Beliau juga sentiasa menziarahi non-muslim, menjemput makan kenduri di Kampung Padang dan sentiasa memberi hadiah. Dalam pendekatan *al-maw'iẓah al-ḥasanah*, Mohd Fadli Yusof telah mendekati golongan non-muslim di pedalaman Pensiangan dengan kaedah menasihati secara lisan yang lemah lembut dan menasihati dengan menunjukkan model kehidupan seorang Islam. Dalam pendekatan *mujādalah* pula, Mohd Fadli Yusof menggunakan kaedah berdialog semasa berziarah di rumah non-muslim. Dialog ini bersifat santai dan beliau menggunakan kaedah logik untuk menarik perhatian golongan non-muslim memikirkan tentang kebenaran. Ketiga-tiga pendekatan tersebut telah dipersembahkan dengan menarik

iaitu bermula dari mengubah hati golongan non-muslim dengan akidah Islam, sehingga mendedahkan *muallaf* kepada corak hidup Islam. Oleh itu, bab selanjutnya membincangkan dapatan kajian tentang faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

# BAB 5

# FAKTOR-FAKTOR TARIKAN KEPADA PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

## 5.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan hasil kajian berkaitan faktor-faktor tarikan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Bagi tujuan tersebut, data kajian telah dikutip secara lapangan oleh penulis di Kampung Padang, Mukim Sepulut, Pensiangan, Sabah. Data dikutip dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan temu bual di kampung tersebut. Dalam mendapatkan data temu bual, penulis telah mendapatkan data daripada informan yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan *(purposive)*[716] dan tidak rawak *(non probablity sampling).*[717] Informan kajian terdiri daripada saudara baru yang telah diislamkan oleh Mohd Fadli Yusof dalam tempoh enam bulan. Kemudian, data-data tersebut telah analisis secara deskriptif bagi mendapatkan suatu generalisasi tentang faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

## 5.2 Faktor Tarikan kepada Pendekatan Dakwah *Al-Ḥikmah*

Faktor tarikan kepada pendekatan dakwah ialah perkara-perkara yang menarik perhatian non-muslim dan mempunyai daya yang kuat untuk mengenali Islam dan menerima Islam. Dalam konteks ini, pendekatan *al-ḥikmah* yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof ialah menyeru non-muslim dengan tidak memaksa, memahami psikologi non-muslim, membina hubungan baik dengan non-muslim, sering menziarahi non-muslim, memberi hadiah kepada non-muslim dan menjemput non-muslim makan kenduri. Melalui aspek tersebut, dapatan

[716] Pemilihan informan kajian dilakukan secara bertujuan *(purposive sampling)* dengan melibatkan pertimbangan penyelidik tentang tujuan khusus penyelidikan yang dilakukan.

[717] Segelintir ahli populasi berpeluang terpilih sebagai sampel dan selebihnya tidak.

University of Malaya

kajian menunjukkan terdapat lima faktor-faktor tarikan yang menarik perhatian non-muslim terhadap pendekatan *al-ḥikmah*.

### 5.2.1 Faktor Tarikan *Qudwah*

Tarikan *qudwah* ialah contoh perbuatan yang menarik perhatian dan menjadi contoh atau mendorong orang lain untuk mengikuti atau menerima dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan faktor tarikan *qudwah* dalam pendekatan *al-ḥikmah* beliau ialah contoh akhlak dalam pergaulan dengan non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Pergaulan ini bersifat interpersonal di antara beliau dan non-muslim. Terdapat dua bentuk pergaulan yang mendorong tarikan *qudwah*. Pertama, bentuk pergaulan Mohd Fadli Yusof dengan non-muslim secara peribadi. Sejak tahun 2012, terdapat beberapa orang non-muslim yang sering mengikuti beliau setiap kali ziarah ke kampung-kampung di pedalaman Pensiangan. Di kalangan mereka ialah juru pandu perahu dan pemandu kenderaan sewa. Walaupun pergaulan tersebut di atas urusan perkhidmatan, namun pergaulan tersebut telah menarik perhatian non-muslim untuk mengenali beliau lebih rapat.

Disebabkan itu terdapat beberapa orang non-muslim yang telah memeluk Islam setelah mengenali Mohd Fadli Yusof dengan rapat. Seorang informan yang ditemui penulis dikenali Yusof @ Joseph mengakui perkara tersebut. Beliau hanya mengenali Mohd Fadli Yusof pada pertengahan tahun 2012. Yusof@ Joseph sering mengikuti Mohd Fadli Yusof dan membantunya semasa di pedalaman Pensiangan. Akhirnya pada bulan September 2013, beliau telah membuat keputusan untuk memeluk Islam.[718] Manakala seorang informan yang dikenali Ayub @ Jelirus pula menyatakan kepada penulis bahawa beliau juga sudah lama mengenali rapat dan sering mengikuti Mohd Fadli Yusof di Sabah. Sepanjang perkenalan

[718] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

ini, Mohd Fadli Yusof sering mengajak beliau memeluk Islam dan menceritakan tentang kebaikan sebagai seorang Islam. Akhirnya pada bulan November 2013, beliau telah membuat keputusan memeluk Islam bersama isteri dalam tempoh perkenalan dengan Mohd Fadli Yusof selama setahun lebih.[719] Dalam laman *facebook*, Mohd Fadli Yusof telah memuatkan satu kisah pengislaman seorang pemuda yang sudah lama dikenali. Beliau menyatakan kisah ini sebagaimana petikan berikut:

> "Berdakwah kepada Julius sehingga beliau mendapat hidayah memakan masa selama 7 bulan. Sepanjang itu perlu banyak bersabar dan selalu mendoakan hidayah untuknya. Masakan tidak, kadangkala nampak beliau seperti sudah amat hampir Islam, tetapi belum bersedia mengucap dua kalimah *syahadah*."[720]

Selain itu, faktor akhlak Mohd Fadli Yusof dan saudara-saudara baru di Kampung Padang telah mendorong beberapa orang non-muslim memeluk Islam. Seorang saudara baru yang dikenali Rimin Ansalin dikatakan tertarik dengan Islam setelah menyumbang tenaga secara sukarela dalam pembinaan masjid di Kampung Padang, Sepulut. Beliau telah membantu Mohd Fadli Yusof dan saudara-saudara baru menjaga dan membersihkan tapak pembinaan masjid. Dalam masa yang sama, beliau sering melihat sikap rajin yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof yang bersama-sama dengan saudara baru yang bekerjasama mendapatkan kayu hutan untuk membina masjid. Akhirnya beliau memeluk Islam selepas beberapa minggu masjid tersebut disiapkan.[721] Begitu juga dalam kisah pengislaman seorang non-muslim yang dikenali Joseph Bin Siuh di Kampung Padang, Sepulut. Beliau tertarik dengan akhlak yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof dan saudara-saudara baru di Kampung Padang, Sepulut, sekalipun mendapat didikan gereja untuk saling mengasihi sesama manusia. Namun bentuk kasih sayang yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof adalah

University of Malaya

---

[719] Muhammad Ayyub @ Jelirus (Saudara baru dari Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[720] Mohd Fadli Yusof, "Hikmah Serangan Lastik," laman sesawang *Mohd Fadli Yusof*, dicapai 23 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/hikmah-serangan-lastik/10151835792761719
[721] Mohd Fadli Yusof, "Syahadah Rimin Ansalin," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/2013/02/16/syahadah-rimin-ansalin/

bersifat *ukhwah* Islam yang sejati. Beliau merupakan seorang penganut Kristian yang dibenarkan untuk turut serta dalam pembinaan masjid kerana mempunyai kepakaran menebang dan membelah kayu balak hutan. Semasa bekerja, beliau sering melihat akhlak orang Islam yang mementingkan *ukhwah* dan cara ibadah solat saudara baru secara berjemaah, sekalipun beralaskan daun ketika berada di hutan. Akhirnya beliau memeluk Islam secara sukarela bersama isteri dan anak-anak di Kampung Padang, Sepulut.[722]

Bentuk kedua ialah akhlak yang ditonjolkan oleh saudara-saudara baru yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Walaupun mereka sudah memeluk Islam, hubungan dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan saudara mara mereka yang masih non-muslim masih dipelihara. Mohd Fadli Yusof menekankan perkara ini supaya hubungan saudara masih kekal tanpa menimbulkan konflik berbeza agama. Kebanyakan saudara masih berhubungan dengan ahli keluarga dan rakan-rakan mereka yang non-muslim.[723] Selepas memeluk Islam saudara baru mesti mengikuti pengajian yang diadakan untuk pemantapan akidah dan syariah. Mereka didedahkan dengan perkara-perkara fardu ain serta mengamalkan akhlak Islam. Buku panduan fardu ain digunakan ialah 'Bimbingan Asas Fardu Ain,' terbitan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).[724]

Di kalangan saudara-saudara yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang akan berperanan menjadi pendakwah selepas memeluk Islam. Mereka akan menceritakan tentang Islam kepada ahli keluarga atau rakan-rakan mereka sendiri yang masih non-muslim. Kebiasaannya, setelah seseorang memeluk Islam, ia akan dituruti oleh ahli keluarga yang lain untuk menerima Islam.[725] Ini menunjukkan hubungan antara saudara baru dengan golongan non-muslim yang berada di sekeliling mereka boleh memberikan

---

[722] Mohd Fadli Yusof, "Hidayah Seorang Pemotong Kayu," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/hidayah-seorang-pemotong-kayu/.
[723] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang Mukim Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[724] Muhammad Suffian Mohd Sulaiman (Pendakwah di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[725] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

kesan tarikan kepada agama Islam secara tidak langsung. Dapatan kajian Aishah et al., juga mendapati antara bentuk pengislaman yang sering berlaku ialah kesan hubungan antara muslim dan non-muslim melalui perkahwinan, persahabatan, ahli keluarga dan saudara mara.[726]

Antara faktor yang menarik perhatian mereka kepada saudara bari di Kampung Padang ialah penghayatan akhlak. Mereka berubah sikap seperti suka membantu, rajin, baik dengan ibu bapa, bertanggungjawab dan lain-lain. Mereka akan di didik menyembah Allah untuk kekuatan akidah.[727] Keadaan ini mendorong sebahagian ahli keluarga atau saudara mara mereka menerima dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Kebanyakan mereka menyatakan kelainan yang berlaku dalam diri ahli keluarga mereka yang selepas memeluk Islam.[728] Mereka tidak mencurigai keislamannya, bahkan terdapat segelintir ibu bapa yang memberi keizinan anak-anak mereka memeluk Islam melalui Mohd Fadli Yusof setelah melihat akhlak saudara baru dalam ahli keluarga mereka.[729]

Seorang informan dikenali Ayub @ Jelirus menyatakan kepada penulis bahawa situasi ini amat berbeza dengan pendirian ibu bapa mereka sebelum ini. Mereka melihat Islam dengan pandangan negatif. Tetapi sejak kedatangan Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, sikap segelintir ibu bapa di pedalaman Pensiangan lebih terbuka berbanding keadaan yang telah dialaminya ketika waktu bersekolah dahulu.

> "Saya tertarik dengan Islam sejak di sekolah menengah lagi. Masa itu tak boleh masuk sebab bawah umur dan ibu bapa pun larang saya. Hari ini, ustaz (Mohd Fadli Yusof)

---

[726] Aishah et al., "Conversions Pattern Among Muallafs at Pusat Bimbingan Islam Sultan abdul Halim Mua'zam Syah Kedah Darul Aman (PUSBA)," *Elixir International Journal Social Science* 34, (2011), 2510.
[727] Abdullah Ongkil @ Amparing (Penduduk Kampung Salong, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[728] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang Mukim Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[729] Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli (Anak ketiga Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 13 Januari 2014.



University of Malaya

> datang, ramai mak dan ayah bagi anak-anak masuk Islam."[730]

Petikan di atas menunjukkan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang telah mengubah persepsi positif tentang Islam. Mereka tidak melihat Islam dengan gambaran-gambaran negatif sepertimana difahami melalui gereja. Mohd Fadli Yusof dilihat membangunkan suatu bentuk kehidupan masyarakat pedalaman dengan akhlak Islam yang menarik. Keadaan ini juga turut menimbulkan atau mendorong perasaan minat semula untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih baik, khususnya di kalangan non-muslim yang pernah terdedah dengan Islam melalui sistem pendidikan formal sekolah sebelum ini. Informan di atas turut mengakui terdapat di kalangan mereka yang pernah bergaul dengan orang Islam dan tertarik untuk memeluk ketika di bangku sekolah. Namun niat itu terhalang disebabkan undang-undang Malaysia yang melarang penukaran di bawah umur 18 tahun.[731]

Oleh itu, dapat dinyatakan tarikan *qudwah* dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang ialah akhlak dalam pergaulan di antara Mohd Fadli Yusof dan non-muslim; dan pergaulan antara saudara baru dan non-muslim. Ia telah menggambarkan suatu contoh cara hidup Islam yang mendorong non-muslim mendekati dakwah beliau. Dapatan kajian ini juga mendapati dua faktor lain yang mendorong non-muslim di Kampung Padang, Sepulut memeluk Islam melalui dakwah Mohd Fadli Yusof iaitu faktor pengislaman salah seorang ahli keluarga dan faktor peranan saudara baru memainkan sebagai pendakwah dalam keluarga. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Juhariah Ismail[732] yang mendapati keberkesanan dakwah non-muslim berlaku dengan pengislaman individu yang berada disekelingnya seperti ahli keluarga, rakan-rakan dan lain-lain. Begitu juga dengan kajian Ab Aziz Mohd Zin yang mendapati non-muslim tertarik dengan Islam

---

[730] Muhammad Ayub @ Jelirus (Penduduk Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[731] *Ibid.*
[732] Juhariah Ismail, "Keberkesanan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu," (tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009), 100.



University of Malaya

melalui kaum dan ahli keluarga mereka yang telah Islam.[733] Kedua, dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut telah menimbulkan minat semula segelintir non-muslim yang pernah terdedah dengan Islam melalui sistem pendidikan. Ini menunjukkan sistem pendidikan di Malaysia turut menyumbangkan kepada pendedahan Islam di kalangan masyarakat non-muslim. Berbeza dengan kajian Abdull Rahman Mahmood et al., yang mendapati dasar dalam program Islamisasi di Malaysia masih kurang berkesan terhadap non-muslim. Bahkan sering mencetuskan kebimbangan di kalangan mereka kerana kurang mendekati mereka secara lapangan.[734] Walau bagaimanapun, ia tetap menyumbang kesan positif kepada kefahaman golongan non-muslim terhadap agama Islam secara tidak langsung.

### 5.2.2 Faktor Tarikan *Quwwah*

Tarikan *quwwah* ialah unsur-unsur kuat yang mempengaruhi dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Dapatan kajian menunjukkan faktor tarikan *quwwah* dapat dilihat kepada dua bentuk. Pertama, tarikan *quwwah* daripada personaliti beliau sendiri. Beliau dilihat sebagai seorang yang berani. Seorang informan menyatakan kepada penulis, bahawa Mohd Fadli Yusof merupakan seorang yang berani menemui masyarakat di pedalaman secara individu. Beliau dilihat bersusah payah masuk ke kawasan hutan yang mencabar dengan ditemani isteri semata-mata untuk menemui orang di pedalaman Pensiangan. Seorang informan menyatakan kepada penulis:

---

[733] Ab. Aziz Mohd Zin, "Dakwah al-Qur'an kepada Bukan Islam: Suatu Kajian khusus terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994), iv-vii.

[734] Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badruddin, "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia," *Jurnal Hadhari*, bil.2 (2009), 33.



University of Malaya

> "Dia berjalan kaki bertemu kami seorang demi seorang. Jarang orang luar melakukan seperti ini, apatah lagi dia orang semenanjung."[735]

Sifat keberanian beliau yang masuk ke pedalaman dengan ditemani isteri telah menimbulkan persoalan dan secara tidak langsung menarik perhatian. Dalam konteks ilmu psikologi, persoalan-persoalan yang timbul dalam diri manusia merupakan suatu tarikan yang menuntut seseorang mengetahui agar ia menjadi suatu kepuasan.[736] Ini menunjukkan sifat keberanian Mohd Fadli Yusof menggambarkan suatu kewibawaan personaliti yang menarik perhatian non-muslim di pedalaman Pensiangan.

Kedua, dapatan kajian menunjukkan pembinaan masjid di Kampung Padang telah menjadi suatu tarikan *quwwah* dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Masjid ini telah dibina pada tahun 2012 dan dinamakan 'Masjid As-Syahadah' sempena pengislaman seorang individu pada hari pertama penggunaan masjid.[737] Sebelum itu, kebanyakan saudara baru hanya menggunakan dewan serbaguna untuk tujuan solat dan pengajian. Disebabkan jumlah saudara baru yang semakin meningkat, Mohd Fadli Yusof telah mengambil keputusan untuk membina sebuah masjid di atas tanah yang telah diwakafkan oleh seorang penduduk kampung yang bernama Puan Julia.[738]

Pembinaan masjid di Kampung Padang, Sepulut dilihat sebagai faktor tarikan *quwwah* yang dianggap luar biasa. Masjid ini dibina oleh saudara baru yang menunjukkan semangat tinggi dalam menjadikan suatu realiti sebuah masjid di kawasan pedalaman. Mereka sanggup bersusah payah mencari balak di hutan, menebang pokok balak dan memotong kayu semata-mata untuk membina masjid. Setelah siap dibina, kewujudan masjid di Kampung Padang telah mendapat perhatian non-muslim dan pihak gereja di

---

[735] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulu Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[736] Ab. Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 84.
[737] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[738] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

sekitar kawasan tersebut kerana hampir setiap bulan ada non-muslim yang datang menemui Mohd Fadli Yusof untuk memeluk Islam. Keadaan ini turut membimbangkan pihak missionari di pedalaman kerana berlaku pengislaman dan pembinaan masjid yang seiring. Perkara seperti ini belum pernah berlaku lagi di pedalaman Pensiangan.[739]

Selain itu, kewujudan masjid di Kampung Padang, Sepulut telah menarik perhatian masyarakat non-muslim di pedalaman. Sebelum ini mereka tidak terdedah dengan cara kehidupan orang Islam, namun kewujudan masjid ini telah memberi tarikan kuat kepada masyarakat non-muslim pedalaman untuk datang ke Kampung Padang. Penulis telah menemui seorang informan yang dikenali Muhammad Suffian Mohd Sulaiman. Beliau berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan dan tinggal bersama-sama penduduk di Kampung Padang, Sepulut sebagai pembimbing secara sukarela. Beliau dipertanggungjawabkan untuk membantu menguruskan berkaitan dengan hal ehwal penduduk, menghantar anak-anak ke sekolah, mengajar penduduk tentang ibadah, membaca al-Qur'ān dan lain-lain. Beliau menceritakan pengalaman sepanjang menjadi sebahagian penduduk, sebagaimana petikan berikut:

> "Setiap kali azan berkumandang terdapat beberapa non-muslim di kawasan sekitar ini yang memerhati dari jauh. Ia seperti sesuatu yang menakjubkan kerana amat jarang azan kedengaran di pedalaman Pensiangan."[740]

Perkara ini turut diakui oleh Mohd Fadli Yusof. Sejak masjid dibina terdapat beberapa perkara yang tidak di duga selepas pengislaman non-muslim di Kampung Padang, Sepulut.[741] Bahkan ia bertepatan dengan kajian Aishah et al., yang mendapati laungan azan di masjid turut menjadi perhatian non-muslim. Ini menyebabkan mereka sentiasa melihat

---

[739] Pamail (Saudara Baru, Bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[740] Muhammad Suffian Mohd Sulaiman (Pendakwah di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[741] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

kegiatan orang Islam di masjid.[742] Perkara ini turut berlaku di Kampung Padang, Sepulut. Terdapat non-muslim yang mengakui pernah melakukan ibadah solat kerana selalu melihat orang Islam di masjid Kampung Padang. Disebabkan selalu memerhatikan orang Islam mengerjakan solat berjamaah di masjid, mereka tertarik untuk memeluk Islam melalui Mohd Fadli Yusof:

> "...selepas diislamkan, ada saudara baru kita yang terus pergi wuduk. Apabila ditanya: "Dari mana kamu tahu wuduk?" Dia jawab selalu lihat orang Islam wuduk atau kadang-kadang mereka belajar dari rakan-rakan Islam terlebih dahulu."[743]

Selain itu, seorang informan menyatakan kepada penulis bahawa masjid di Kampung Padang telah mendorongnya untuk sering menziarahi saudara-saudara baru di situ. Beliau merasa suka dan kagum dengan perubahan cara hidup saudara baru di situ berbanding keadaan sebelum memeluk Islam. Informan ini memberitahu penulis:

> "Dulu masa saya Kristian, saya ada jumpa kawan orang Islam dan tanya mana bangunan orang Islam. Hari ini, saya lihat masjid di Kg. Padang dan tengok kawan-kawan Islam dan tidak sama apa yang gereja cakap. Akhirnya saya masuk Islam."[744]

Ini menunjukkan masjid di Kampung Padang mempunyai tarikan yang kuat dan mendorong segelintir non-muslim mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof. Dalam pemerhatian penulis, faktor *quwwah* melalui masjid di Kampung Padang boleh dilihat kepada dua aspek iaitu kewujudan masjid di situ merupakan sesuatu perkara yang baru bagi masyarakat di Kampung Padang, Sepulut dan sekitarnya. Kedua, kewujudan masjid di situ telah membentuk gambaran menarik dalam aktiviti orang Islam yang meliputi semua peringkat umur.

---

[742] Aishah et al., "Conversions Pattern Among Muallafs at Pusat Bimbingan Islam Sultan abdul Halim Mua'zam Syah Kedah Darul Aman (PUSBA)," *Elixir International Journal Social Science* 34, (2011), 2509.
[743] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[744] Muhammad @ Micheal (Penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Ia sangat jarang dilihat oleh non-muslim di pedalaman sekalipun di gereja. Walaupun terdedah dengan aktiviti gereja setiap minggu, namun ia tidak dilihat sepertimana masjid. Faktor ketidakaktifan sebahagian gereja di pedalaman Pensiangan menyebabkan segelintir non-muslim tertarik dengan aktiviti-aktiviti masjid di Kampung Padang, Sepulut. Perkara ini diakui oleh seorang informan yang dikenali Ayub. Beliau menjelaskan kepada penulis, sebagaimana petikan temu bual berikut:

> "Saya tinggal di Piowou, jauh dari Kampung Padang. Sebelum ini saya Kristian Roman Katolik. Saya sering ke gereja setiap hujung. Tapi sejak akhir-akhir ini, gereja kurang aktif. Tidak ramai orang muda datang."[745]

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati kewujudan masjid di Kampung Padang, Sepulut telah memberikan impak-impak lain dalam pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi masyarakat setempat. Disebabkan penggunaan yang meningkat, pihak berwajib menambah kemudahan di kampung ini seperti lampu limpah, internet, jalan berturap, menambah baik saluran air, jambatan gantung dan lain-lain. Di samping itu, masyarakat kampung tersebut telah dilibatkan dengan aktiviti sosioekonomi secara sistematik berasaskan sumber tempatan. Ketika ini, Mohd Fadli Yusof sedang mengusahakan perkhidmatan pengangkutan kenderaan dan perahu sewa, pertanian sawit dan ternakan lembu.[746] Ia boleh menjadi contoh kepada masyarakat lain di pedalaman Pensiangan gambaran sebagai seorang muslim baik dan mempunyai kemajuan ekonomi yang mantap.[747]

Oleh itu, dapat dinyatakan kewujudan masjid di Kampung Padang telah menimbulkan tarikan bersifat *quwwah* kepada masyarakat non-muslim di pedalaman, Pensiangan. Ia bertepatan dengan kedudukan masjid yang dimuliakan Allah s.w.t. Ketika

---

[745] Muhammad Ayyub @ Jelius (Penduduk Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[746] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[747] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang Mukim Sepulut, Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh baginda s.a.w ialah mendirikan masjid Qubā di atas prinsip taqwa. Ia berperanan besar dalam kehidupan masyarakat Islam dan menjadi sebagai tempat penyebaran dakwah yang menarik perhatian non-muslim. Kekuatan tarikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah dapat dilihat dengan tindakan musuh Islam yang turut membangunkan masjid dan dikenali sebagai 'masjid *dhirar*' yang di dirikan bukan di atas prinsip taqwa. Disebabkan itu, Allah s.w.t menyelar perbuatan memudaratkan orang Islam, perbuatan mendorong manusia kepada keingkaran, memecah belahkan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga menjadi tempat intipan bagi orang memerangi Allah s.w.t dan rasul-Nya.[748]

5.2.3 Faktor Tarikan Kelainan

Tarikan kelainan ialah sesuatu perkara yang berbeza dengan kelaziman dan menarik perhatian. Ia dianggap pelik atau bersifat luar biasa dengan kelaziman dan mendorong non-muslim mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga tarikan kelainan dalam pendekatan dakwah beliau secara *al-ḥikmah*. Pertama, kehadiran Mohd Fadli Yusof di kawasan penempatan suku kaum Murut dengan mengunjungi setiap rumah selama beberapa bulan di pedalaman Pensiangan. Ia telah menimbulkan persoalan kerana jarang sekali orang luar yang masuk ke pedalaman dengan tempoh yang lama, apatah lagi orang luar tersebut berasal dari semenanjung.[749]

Tarikan kelainan kedua ialah Mohd Fadli Yusof datang ke Kampung Padang membawa isteri dan di awal tahun 2012 beliau membawa anak-anak secara berperingkat-peringkat sehingga hari ini. Kehadiran mereka sekeluarga di kawasan pedalaman dianggap suatu yang pelik dari kebiasaan. Namun dari pandangan non-muslim, ia menggambarkan

---

[748] Al-Qur'ān, surah al-Tawbah, ayat 108.

[749] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

suatu keadaan yang menarik perhatian dan menyentuh perasaan. Seorang informan menceritakan perkara ini sepertimana petikan berikut:

> "Dia masuk (pedalaman) dengan isteri dan anak. Kami pun fikir mahu membantunya kerana dia orang luar. Tapi dia memang mahu jumpa kami. Saya sangat terharu. Lama-lama kami rasa gembira dia berada di sini."[750]

Dalam petikan di atas, menunjukkan kedatangan Mohd Fadli Yusof bersama keluarga telah menyentuh hati non-muslim kerana semata-mata untuk bertemu penduduk di pedalaman. Kebiasaannya, masyarakat di pedalaman selalu beranggapan jarang orang luar membawa isteri dan anak-anak masuk ke pedalaman semata-mata untuk menemui mereka di situ kerana penempatannya jauh dari kemudahan seperti di pekan atau bandar. Kecuali wakil-wakil kerajaan yang bertugas di pedalaman seperti guru, pegawai dan sebagai. Mereka mudah mengenali kerana kehadiran wakil itu adalah untuk tugas rasmi. Namun tindakan Mohd Fadli Yusof sekeluarga di pedalaman menggambarkan suatu kelainan yang jarang berlaku.

Dalam mengetahui perkara ini lebih detail, Mohd Fadli Yusof menjelaskan kepada penulis tujuan membawa isteri dan anak bukan untuk menarik perhatian orang lain. Bahkan kebersamaan keluarga semasa di lapangan dakwah sangat penting pada masa kini. Ia dilakukan bagi menggelakkan fitnah yang boleh membantutkan kerja dakwah. Jarang sekali pendakwah membawa bersama isteri dan anak-anak. Beliau mengakui isteri dan anak-anak lelakinya berperanan sebagai pembantu dalam gerak kerja dakwah di pedalaman Sabah. Isteri membantu dalam mendekati golongan wanita dan anak-anaknya pula berperanan mendekati golongan remaja dan anak-anak.[751] Walau bagaimanapun, keadaan ini menggambarkan suatu tarikan yang menyentuh perasaan non-muslim. Di sebalik itu, ia dapat menjalinkan ikatan atau perasaan kasih sayang secara tidak langsung, sekalipun

---

[750] Muhammad Jordan (Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[751] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

mereka bukan seagama dan sebangsa. Bahkan kebanyakan informan yang ditemui penulis mengakui mereka merasa selesa dan seronok dapat bertemu beliau sekeluarga tanpa rasa curiga.

Ini menunjukkan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dengan membawa bersama isteri dan anak-anak telah memberikan kesan positif dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau menyatakan peranan isteri dalam membantu mendekati dan proses pengislaman golongan wanita non-muslim. Manakala anak-anak beliau membantu dalam proses pengislaman golongan muda dan anak-anak kecil di pedalaman.[752] Mereka dapat memainkan peranan dalam pertemuan dengan non-muslim melalui sentuhan fizikal dan emosi seperti berjabat tangan atau bersalaman, berpelukan dan mengusap.[753] Perkara ini turut disarankan Nabi s.a.w sebagaimana hadith yang diriwayatkan al-Khurāsāny:

> عن عطاء بن أبي مسلم عبدالله الخراساني قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: تصافحوا يذهب الغل
>
> Terjemahan: Daripada ‘Aṭā’ bin Abi Muslim ‘Abdillah al-Khurāsāny, berkata: Nabi s.a.w telah bersabda: “Berjabat tanganlah (nescaya akan hilang) pergi kedengkian dalam hati.”[754]

Selain itu, dalam pemerhatian penulis menunjukkan penyertaan pihak lain dalam dakwah Mohd Fadli Yusof turut menjadi suatu tarikan kelainan bagi non-muslim kerana jarang orang luar masuk berulang kali ke pedalaman. Bermula awal tahun 2012, beliau

---

[752] Siti Aisyah Nordin (Isteri Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[753] Sifat ukhwah yang ditunjukkan ahli dan bekas ahli Al-Arqam sangat tinggi. Seorang penulis bebas, Mohd Sayuti Omar melukiskan pertemuannya dengan seorang ahli Al-Arqam seperti berikut: “Assalamualaikum,” saya memberi salam. “Wa‘alikumussalam,” ustaz itu menjawab dan terus memeluk saya. Lakunya seperti sudah kenal lama. Peluk, walaupun tidak kenal? Sebenarnya itulah sikap orang Arqam. Amalan itu yang memesrakan sesiapa sahaja bila bertemu dengan orang Arqam. Tidak kira siapa tetamu itu, mereka akan peluk penuh mesra. Penuh kasih sayang sesama Islam. Mudah mesra dan akrab. Sekali jumpa dengan orang Arqam orang tidak lupa kebaikannya. Budi dan ukhwahnya akan terus terlekat dalam hati.” Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 85.

[754] Hadith riwayat Imam Malik dalam kitab al-Muwatṭa.’ Kitab al-Jāmi,‘ Bab Mā Jāa fi al-Muhājirah. No. Hadith 16, Muhammad Fuad ‘Abd al-Bāqi, “*Muwatṭa’ Imam Mālik*,” (Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabiyy, 1985), 908.



University of Malaya

membawa rombongan lain untuk bersama-sama dalam dakwah. Kehadiran mereka secara rombongan sangat menggembirakan penduduk[755] dan sentiasa menerima terbuka kunjungan orang luar. Ia seolah-olah suatu penghargaan bagi masyarakat di Kampung Padang kerana amat jarang orang luar dari semenanjung sanggup datang berulang kali meredah hutan di pedalaman semata-mata untuk bertemu mereka. Seorang informan memberitahu kepada penulis, sepertimana petikan berikut:

> "Kami orang di pedalaman suka kalau orang luar datang sini, bukan senang masuk sini dengan ustaz."[756]

Dalam petikan di atas menunjukkan segelintir masyarakat di pedalaman khususnya di Kampung Padang sangat menghargai usaha Mohd Fadli Yusof bersama rakan-rakan yang sanggup meredah hutan belantara semata-mata untuk menemui penduduk.[757] Sebahagian lain informan yang ditemui penulis berpandangan kehadiran pihak tertentu bersama Mohd Fadli Yusof menjadi saluran kepada mereka untuk berkongsi dan menguatkan hubungan persaudaraan atau *silaturrahim* sesama Islam.[758] Misalnya pada 15 Januari 2014, beberapa wakil daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kuala Lumpur telah mengikuti dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan, Sabah. Secara tidak langsung, mereka turut mendapat perhatian salah satu pihak pertubuhan dakwah yang mempunyai autoriti dalam menjaga hal ehwal kebajikan saudara baru di Malaysia.[759]

---

[755] Abdullah Ongkil @ Amparing (Penduduk Kampung Salong, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[756] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulu Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[757] *Ibid.*
[758] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[759] Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, "Ziarah Kasih PERKIM," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 28 Mac 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140402/ba_05/Ziarah-kasih-Perkim.



University of Malaya

Tarikan kelainan ketiga ialah cara pakaian Mohd Fadli Yusof yang dilihat berbeza dengan masyarakat tempatan. Beliau sentiasa mengenakan pakaian berjubah dan berserban, sepertimana dinyatakan dalam petikan temu bual berikut:

> Penampilan dengan berserban dan berjubah mungkin dianggap pelik dalam pandangan masyarakat setempat. Tetapi yang pelik itulah yang mendapat perhatian. Dengan *barakah* sunnah Rasulullah s.a.w, mereka telah menerima hidayah, memeluk dan mengamalkan Islam.[760]

Dalam petikan di atas, menunjukkan penampilan berbeza telah menarik perhatian non-muslim kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang. Dari sudut tarikan, cara penampilan Mohd Fadli Yusof sekeluarga mempunyai persamaan dengan warna-warna yang cerah, sekalipun berwarna hitam. Ia seolah-olah menggambarkan seperti pakaian masyarakat Melayu Islam di Malaysia menyambut hari raya Aidilfitri suasana kegembiraan. Cara pakaian seperti ini amat jarang digunakan, apatah lagi di kawasan pedalaman Pensiangan. Penampilan tersebut telah menarik perhatian non-muslim terhadap pendekatan dakwah beliau di Kampung Padang, Sepulut. Pakaian Mohd Fadli Yusof juga merupakan kebiasaan cara penampilan bagi bekas ahli Darul Arqam. Beliau sudah lama terdidik dengan penampilan begitu di Yayasan Al-Arqam. Abdul Rahman Haji Abdullah menyatakan ahli Al-Arqam digalakkan memakai serban dan jubah, kerana ia merupakan pakaian Islam yang berasaskan ajaran sunah sendiri. Bagi Al-Arqam, ini adalah bentuk kebudayaan Islam, bukannya kebudayaan Arab.[761]

Oleh itu, dapat dinyatakan faktor kelainan telah menarik perhatian non-muslim terhadap pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang. Tiga bentuk tarikan kelainan yang dikenal pasti iaitu kedatangan Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan

---

[760] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[761] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran* (Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992), 86.



University of Malaya

dalam tempoh lama dan berulang kali berziarah di setiap rumah. Kedua, Mohd Fadli Yusof masuk ke pedalaman Pensiangan dengan membawa keluarga. Ia telah menarik perhatian non-muslim kerana amat kurang sekali kedatangan orang luar ke pedalaman Sabah dengan membawa bersama isteri dan anak-anak. Ketiga, kelainan cara pakaian Mohd Fadli Yusof yang dilihat berbeza dengan masyarakat tempatan di pedalaman. Ini menunjukkan faktor kelainan yang menarik perhatian non-muslim berdasarkan sifat keberanian, kesanggupan dan berprinsip yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof di kawasan pedalaman Pensiangan. Tindakan ini menimbulkan suatu bentuk kelainan yang mendorong golongan non-muslim mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof dengan mudah.

### 5.2.4 Faktor Tarikan Berulang-Ulang

Berulang-ulang ialah melakukan sesuatu perkara berulang kali untuk membentuk suatu pengukuhan yang boleh mempengaruhi orang lain. Dalam konteks ini, dapatan kajian menunjukkan pendekatan ziarah, memberi hadiah dan menjemput makan kenduri telah ditunjukkan Mohd Fadli Yusof secara berulang-ulang di Kampung Padang, Sepulut. Keadaan ini telah menarik perhatian non-muslim dan menimbulkan persoalan kerana jarang orang luar masuk ke pedalaman secara berulang kali. Mereka merasa pelik dengan kedatangan beliau bersama isteri yang melakukan ziarah ke setiap rumah penduduk yang tidak ada hubungan persaudaraan dengannya.

Selain itu, Mohd Fadli Yusof telah memberikan hadiah kepada non-muslim setiap kali berziarah ziarah ke rumah non-muslim, sekalipun ziarah susulan. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan hubungan di atas ziarah yang dilakukan. Seorang informan yang sering mengikuti beliau menyatakan kepada penulis bahawa sebelum masuk ke Kampung Padang, Sepulut, mereka akan mencari barangan keperluan di pekan Keningau untuk diberikan kepada penduduk semasa ziarah. Beliau akan memastikan sumbangan mesti disampaikan

University of Malaya

setiap kali ziarah ke rumah penduduk.[762] Keadaan ini telah menarik perhatian non-muslim kepada dakwah Mohd Fadli Yusof kerana mereka sentiasa mendapat buah tangan dalam setiap ziarah. Mereka dilihat gembira setiap kali kunjungan seperti itu.[763] Jarang orang luar melakukan sedemikian. Kebiasaannya orang luar yang datang ke pedalaman Pensiangan akan melakukan ziarah dan memberi sumbangan secara bemusim atau pada musim pemilihan piliharanraya tertentu kerana jarak penempatan mereka yang agak sukar untuk kerana faktor bumi yang mencabar.[764]

Seorang informan menyatakan kepada penulis, bahawa mereka sangat terharu dengan kunjungan dan sumbangan Mohd Fadli Yusof yang berulang kali. Mereka dapat mengenali hati budi beliau sebagai seorang Islam yang baik.[765] Dalam petikan temu bual berikut, seorang informan menyatakan kehadiran Mohd Fadli Yusof sangat di alu-alukan kerana mereka seronok dapat bertemu orang luar, khususnya dari semenanjung:

> "Jarang sekali orang luar nak masuk pedalaman. Susah orang nak masuk ke pedalaman, jalan teruk, masuk hutan, naik perahu, kalau mahu jumpa kami. Kami orang di pedalaman suka kalau orang luar datang sini, bukan senang masuk sini dengan ustaz."[766]

Dalam petikan di atas, informan merasa terharu dengan kedatangan orang luar yang sanggup bersusah payah menemui mereka di pedalaman. Mereka kagum dengan tindakan Mohd Fadli Yusof dan isteri yang bersusah payah membawa sumbangan dan melihat keadaan hidup mereka di kawasan hutan. Ini menunjukkan Mohd Fadli Yusof telah berjaya membina hubungan baik dengan non-muslim melalui ziarah dan memberi sumbangan secara berulang-ulang. Keadaan ini telah memberikan kesan positif dalam pendekatan

---

[762] Abang Abdul Rahman bin Taip (Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

[763] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[764] Jitra @ Muhammad Ali Daniel (Penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[765] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[766] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulu Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

dakwah beliau di Kampung Padang. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Ab Aziz Mohd Zin, yang menyatakan sikap gembira yang ditunjukkan non-muslim semasa menerima orang luar dapat memudahkan mesej dakwah disampaikan dengan berkesan.[767]

Oleh itu, dapat dinyatakan faktor berulang-ulang dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof telah menarik perhatian non-muslim di Kampung Padang. Beliau telah melakukan ziarah dan memberi sumbangan kepada non-muslim secara berulang-ulang, sekalipun ziarah susulan *(follow up)*. Ia dianggap sebagai suatu bentuk pengukuhan dalam membina hubungan baik dengan non-muslim, membina persepsi positif dan dapat menggelakkan sifat curiga. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor simpati dan penghargaan non-muslim telah menarik perhatian mereka kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut.

### 5.2.5 Faktor Tarikan Keprihatinan

Tarikan keprihatinan ialah kesungguhan dalam mengambil berat tentang sesuatu perkara. Hasil kajian ini menunjukkan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof sentiasa menggambarkan aspek keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi non-muslim di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan. Beliau sentiasa mengambil tahu dan mendengar masalah-masalah yang dihadapi penduduk sama ada berkaitan dengan hal keluarga dan masyarakat. Antara perkara yang sentiasa di ambil berat oleh beliau ialah berkaitan dengan keluarga dan pendidikan anak-anak. Perkara ini diakui oleh seorang informan yang telah di temui penulis, sebagaimana petikan temu bual berikut:

---

[767] Ab. Aziz b. Mohd. Zin, "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2 (1995), 38.



University of Malaya

"Ustaz selalu (Mohd Fadli Yusof) tanya saya. Aman (pak cik), macamana dengan keluarga, macamana dengan anak-anak sekolah."[768]

Dalam petikan di atas, informan tersebut menyatakan bahawa sikap suka membantu dan mengambil berat telah mendorong sebahagian non-muslim mengikuti dan membantu dakwah Mohd Fadli Yusof di kawasan lain pedalaman di Pensiangan. Mereka tidak curiga dengan dakwah, bahkan berasa seronok dengan kehadiran beliau di Kampung Padang.[769] Sekiranya terdapat keluarga di Kampung Padang yang memerlukan bantuan rawatan atau kewangan, beliau akan cuba membantu dengan cara semampu yang mungkin. Jika terdapat di kalangan mereka yang sakit, beliau cuba merawat sendiri atau memberi kemudahan kepada pesakit untuk di hantar ke hospital. Beliau pernah membantu pesakit non-muslim yang terkena bisa ular semasa memburu,[770] merawat penduduk yang terkena sihir dan sebagainya. Bantuan seperti ini kepada golongan *mad'ū* sangat memberikan kesan positif. Kajian Nurasnie Amiruddin mendapati pendakwah Indonesia telah berjaya menarik perhatian golongan non-muslim dengan kaedah membantu melalui rawatan. Ada di antara pendakwah Indonesia yang mahir dalam pengubatan tradisional termasuklah penggunaan herba-herba yang dapat menyembuhkan penyakit.[771]

Beliau juga membantu penduduk mendapatkan rawatan di hospital sekalipun terpaksa dihantar ke Kota Kinabalu yang mempunyai jarak hampir 250 kilometer dari Kampung Padang. Perkara ini diakui seorang informan yang ditemui penulis sebagaimana petikan berikut:

"Sebelum masuk Islam, saya sudah saya kenal ustaz (Mohd Fadli Yusof). Saya pernah ikut

[768] Muhammad Yusuf @ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[769] Oboy @ Ambaan (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[770] Muhammad Fidauddin Bin Mohd Fadli (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[771] Nurasnie Amiruddin, "Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)" (tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2012), 330.



University of Malaya

> dia pergi masuk ke kampung. Dia banyak bantu orang di sini. Hari ini, dia bantu saya membayar pembedahan mata anak saya di K.K. Susah nak jumpa orang macam dia."[772]

Dalam petikan di atas, menunjukkan Mohd Fadli Yusof mempunyai sikap sedia membantu orang yang ditimpa kesusahan dengan apa jua kemampuan yang dimiliki. Bernah pernah membantu seorang paderi Kristian yang menghadapi *musibah* kerana kematian ahli keluarganya. Beliau tidak mengenalinya, namun pernah mengetahui tentang paderi itu melalui ziarah yang dilakukan sebelum ini. Di atas kemanusiaan, beliau telah memberikan sumbangan wang untuk meringakan beban yang dihadapi walau berada semenanjung dengan cara apa sekalipun. Dalam temu bual dengan penulis, beliau menceritakan tentang kisah ini, sepertimana petikan berikut:

> "Pernah suatu ketika, ada seorang paderi yang kematian ibunya. (Ketika itu) saya di KL dan minta saudara kita di Kg. Padang untuk pergi ziarah. Wakil saya pergi, ucap takziah dan beri sumbangan RM300. "Ini duit dari ustaz untuk kamu. Ustaz kata bersabar." Paderi itu terkejut dan rasa terharu."[773]

Selain itu, Mohd Fadli Yusof juga mengambil berat tentang keadaan penduduk di Kampung Padang, Sepulut. Beliau dilihat tidak kekok dengan melakukan kerja-kerja secara sukarela seperti membersihkan kawasan awam, menebas rumput, mengangkat kayu, membaik pulih jambatan gantung, membaik pulih saluran, dan membaik pulih rumah penduduk yang usang bersama-sama saudara baru. Beliau pernah membantu membaiki sebuah rumah usang yang di duduki keluarga miskin dengan menyediakan bantuan kayu dan bayaran upah kepada tukang kayu non-muslim. Tidak di duga, bantuan itu mendorong tukang kayu tersebut memeluk Islam.[774] Kisah ini telah dimuatkan beliau di laman sesawang *Kembara Syahadah*:

> …mereka (saudara baru) membantu menyediakan kayu untuk menggantikan tangga

---

[772] Muhammad Ayub @ Jelirus (Penduduk Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[773] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[774] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

rumah saudara Islam mereka yang telah rosak, walaupun dari kampung yang berjauhan. Pakiak tersentuh dan berkata: "Bagaimana kamu semua sebaik ini?" Tanya Pakiak. Saya jawab: "Inilah Islam." Maka dia berkata: "Saya pun ingin jadi Islam."[775]

Dalam aspek pendidikan pula, Mohd Fadli Yusof telah mengambil beberapa orang anak angkat sebagai usaha membantu meningkatkan tahap pendidikan mereka. Ia dilakukan di atas nama jagaan atau pusat jagaan, kerana dikhuatiri menimbulkan masalah dari sudut undang-undang di dalam perkara 12 fasal [4] Perlembagaan Malaysia yang menyebutkan bahawa ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.[776] Di atas faktor ini, beliau telah membina sebuah asrama yang menempatkan hampir 40 orang anak-anak yang telah memeluk Islam.[777] Kebanyakan ibu bapa mereka masih belum memeluk Islam. Walaupun demikian, ibu bapa atau penjaga mereka memberi izin kepada anak-anak mereka untuk memeluk Islam dan memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjaga serta memberi pendidikan tentang Islam.[778] Mereka tidak khuatir dengan serahan jagaan ini di bawah tanggungjawab Mohd Fadli Yusof.[779] Walau bagaimanapun, usaha ini sedikit demi sedikit telah memberi kesan positif kepada keluarga atau ibu bapa anak-anak tersebut. Bahkan terdapat di kalangan ibu bapa sudah memeluk Islam.[780]

Oleh itu, dapat dinyatakan keprihatinan Mohd Fadli Yusof telah menarik perhatian non-muslim terhadap pendekatan dakwahnya di Kampung Padang, Sepulut. Beliau sentiasa mengambil berat tentang masalah keluarga dan masyarakat non-muslim dengan memberi sumbangan wang, tenaga, fikiran dan kepakaran. Ini menunjukkan beliau mempunyai sikap

---

[775] Mohd Fadli Yusof, "Hidayah Sang Pemburu: Kisah Tangga," laman sesawang *Kembara Syahadah*, di capai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/hidayah-sang-pemburu-kisah-tangga/
[776] Perlembagaan Pesekutuan, 2005, (Perkara 12, fasal 4).
[777] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[778] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[779] Muhammad Fidauddin Bin Mohd Fadli (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[780] Mohd Fadli Yusof, 14 Januari 2014.



University of Malaya

yang sangat prihatin terhadap keadaan non-muslim dengan kemampuan dan kebolehan yang dapat meringankan beban mereka. Ia bertepatan dengan pandangan Ab. Aziz Mohd Zin[781] yang menyatakan bahawa sikap bersimpati dan mengambil berat dengan masalah-masalah golongan sasaran boleh menarik perhatian mereka terhadap dakwah Islam secara tidak langsung.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan faktor tarikan kepada pendekatan *al-ḥikmah* Mohd Fadli Yusof terbahagi kepada lima. Pertama, tarikan *qudwah* melalui akhlak dalam pergaulan Mohd Fadli Yusof dan saudara baru dengan non-muslim. Ia bertepatan dengan teori sejarah penyebaran Islam di Nusantara yang mengaitkan pergaulan di antara muslim dan non-muslim dapat memberikan kesan positif dalam pengislaman masyarakat. Kedua, tarikan *quwwah* melalui masjid yang dibina Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Kewujudan masjid di kampung tersebut telah menarik perhatian non-muslim di sekitar atau yang pernah mengetahui tentangnya, untuk mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Ketiga, tarikan kelainan melalui kedatangan Mohd Fadli Yusof ke pedalaman Pensiangan secara berulang kali dalam tempoh lama, membawa ahli keluarga dan menggunakan pakaian yang berbeza dengan masyarakat tempat. Ia bertepatan dengan teori psikologi yang menyatakan perkara berbeza menimbulkan perhatian orang lain untuk mendekatinya. Keempat, tarikan berulang-ulang melalui pendekatan ziarah, memberi hadiah dan menjemput non-muslim makan kenduri. Kelima, tarikan keprihatinan melalui sikap mengambil berat dan menyelesaikan masalah atau bebanan yang dihadapi oleh non-muslim di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan. Secara umumnya, dapat dilihat lima faktor tersebut mempunyai suatu daya tarikan yang berkesan menarik perhatian non-muslim dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof terhadap pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

---

[781] Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 100.



University of Malaya

## 5.3 Faktor Tarikan Dakwah kepada Pendekatan *Maw'iẓah al-Ḥasanah*

Faktor tarikan kepada pendekatan dakwah ialah perkara-perkara yang menarik perhatian non-muslim dan mempunyai daya yang kuat untuk mereka mendekati dakwah.[782] Dalam konteks ini, pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof ialah menonjolkan nasihat dalam bentuk lisan dan perbuatan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua faktor tarikan kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* iaitu faktor tarikan *targhīb* dan *tarhīb.*

### 5.3.1 Faktor Tarikan *Targhīb*

Dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah,* Mohd Fadli Yusof lebih suka menonjolkan faktor *targhīb* dengan menggalakkan dan menggemarkan non-muslim di pedalaman dengan keindahan Islam. Dapatan kajian menunjukkan Mohd Fadli Yusof sering menyelitkan mesej pendekatan dakwah secara *targhīb* melalui aktiviti kemasyarakatan di pedalaman Pensiangan secara sukarela.[783] Melalui aktiviti tersebut, beliau dapat menyampaikan nasihat-nasihat kepada non-muslim secara santai agar mereka tidak merasa dinasihati atau tidak tersinggung hati.

Dalam hal ini, seorang informan menyatakan penulis bahawa Mohd Fadli Yusof sentiasa mengaitkan perkara-perkara yang disukai non-muslim dalam nasihat-nasihat yang disampaikan. Sambil melakukan sesuatu perkara kegemaran, beliau akan menceritakan tentang mengenai Islam. Jika seseorang itu mempunyai hobi berburu, beliau akan berkongsi dengan menjelaskan bahawa Islam telah menyediakan peraturan dalam berburu binatang

---

[782] Sayyid Quṭb, *Tafsir Fi Zilal al-Qur'ān*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bahru, Kelantan: Pustaka Aman Press, 2000), 135.
[783] Muhammad Jordan (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

berserta contoh-contoh di sekeliling mereka agar mudah difahami. Disebabkan itu, terdapat informan yang menyatakan kepada penulis, Mohd Fadli Yusof mempunyai bahasa komunikasi yang mudah difahami dengan lemah lembut. Beliau gemar menggunakan cara bercerita dengan mengaitkan perkara-perkara sekeliling yang diminati oleh orang pedalaman.[784]

Selain itu, faktor tarikan *targhīb* ditonjolkan dengan keindahan cara hidup Islam dalam konteks secara individu, keluarga dan bermasyarakat. Mohd Fadli Yusof berusaha untuk mendedahkan cara hidup sebagai seorang Islam yang mudah dan tidak membebankan kepada masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan. Kebanyakan mereka masih kurang mendapat pendedahan tentang Islam. Mereka hanya mendapat maklumat tentang Islam yang minima melalui sistem pendidikan, pergaulan dengan orang Islam di pekan, media cetak dan elektronik, pendakwah-pendakwah sebelum ini dan maklumat Islam yang disampaikan gereja di pedalaman.

Di samping itu, Mohd Fadli Yusof cuba mengaitkan pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dengan menunjukkan model keluarga Islam yang menarik perhatian non-muslim kepada Islam. Pendekatan dakwah beliau yang membawa keluarga bersama telah menggambarkan model dalam sistem kekeluargaan Islam. Dengan model seperti ini, beliau dapat menunjukkan dan mudah untuk menjelaskan tentang hak-hak dan kasih sayang hidup berkeluarga dalam Islam. Seorang informan memberitahu penulis, sepertimana petikan berikut:

> "Saya suka melihat keluarga ustaz. Mereka mempunyai satu hati untuk memperkenalkan Islam kepada kami. Isteri dan anak-anak ustaz jadi contoh untuk kami."

---

[784] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Disebabkan itu, setiap kali ziarah dilakukan non-muslim tidak merasa janggal dalam berhubungan dengan beliau, isteri dan anak-anak kerana ada nilai kesamaan dengan keluarga mereka. Setiap mereka akan berperanan beramah mesra dengan ketua keluarga, ibu, remaja, anak-anak, dan wanita non-muslim di pedalaman Pensiangan. Faktor kesamaan jantina dan tahap umur menyebabkan non-muslim mudah mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof. Ia bertepatan dalam konteks psikologi yang melihat kesamaan dalam faktor jantina, umur, agama dan kaum memudahkan seseorang membina hubungan dengan rapat.[785] Ini menunjukkan keterlibatan isteri dan anak beliau turut membentuk suatu tarikan dalam dakwah berasaskan jantina dan umur yang menyebabkan mereka mudah rapat dan mesra.

Selain itu, faktor tarikan *targhīb* melalui hubungan *ukhwah* antara saudara baru mendorong non-muslim mendekati dakwah beliau di pedalaman Pensiangan. *Ukhwah* telah membuka pemikiran segelintir non-muslim yang merasakan Islam sangat mementingkan persaudaraan sekalipun berbeza kaum dan budaya. Mereka dilihat seolah-seolah sebagai sebuah keluarga yang saling memerlukan dan melengkapkan.[786] Sekalipun sebahagian besar informan yang ditemui pernah beragama Kristian, namun mereka sangat menghargai hubungan persaudaraan dalam satu akidah yang penuh kasih sayang dan tanpa syak wasangka selepas memeluk Islam.[787] Kesan positif melalui *ukhwah* dapat dilihat dengan mengaitkan model *ukhwah* dalam dakwah Nabi s.a.w yang berjaya menghubungkan persaudaraan Islam di Madinah. Persaudaraan yang ditekankan baginda telah memberi gambaran indah tentang Islam sehingga membimbangkan pihak musuh. Kebimbangan ini menjadikan mereka sentiasa memerhatikan dakwah Nabi s.a.w.

---

[785] Rozmi Ismail, *Psikologi Sosial* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2011), 204.
[786] Jitra @ Muhammad Ali Daniel (Saudara baru di Kampung Padang, Sepulut), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[787] Muhammad @ Micheal (Penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

Mohd Fadli Yusof turut menceritakan kepada penulis mengenai satu kisah pengislaman non-muslim yang terkesan dengan hubungan *ukhwah* sesama muslim di pedalaman Pensiangan, sepertimana dalam petikan berikut:

> "Semasa kita mengalihkan batu di sungai dengan bentuk rantai manusia, ada non-muslim yang memerhatikan dari jauh tanpa disedari. Beberapa jam kemudian, sebelas orang datang menemui saya untuk memeluk Islam setelah melihat persaudaraan Islam yang menyentuh perasaan."[788]

Selain itu, tarikan *targhīb* dalam dapat dilihat dengan kewujudan 'Masjid As-Syahadah' di Kampung Padang, Sepulut. Di kalangan informan bersetuju menyatakan bahawa masjid adalah salah satu faktor mereka tertarik dengan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang.[789] Mereka jarang melihat keadaan orang Islam yang hidup berpusatkan masjid. Kebanyakan mereka masih beranggapan masjid adalah tempat ritual sepertimana dalam Kristian. Kewujudan masjid telah memberikan kesan postif sebagai tarikan kepada non-muslim untuk mendekati dakwah atau mendapatkan penjelasan tentang Islam melalui Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang. Ini menunjukkan kewujudan masjid di Kampung Padang membuka ruang *ukhwah* atau persaudaraan antara muslim dan non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Mohd Yazid Saad yang mendapati masjid mempunyai tarikan kepada non-muslim kerana nilai artistik dan Islamik yang mampu menyentuh hati.[790]

Oleh itu, dapat dinyatakan tarikan *targhīb* dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dilakukan secara lisan dan ditonjolkan melalui model Islam yang mendorong non-muslim melihat kecantikan Islam. *Targhīb* melalui lisan dilihat dengan nasihat-nasihat Mohd Fadli Yusof yang diselitkan dalam perbualan dengan non-muslim. Manakala *targhīb* melalui

[788] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[789] Oboy@ Azmil Ambaan (Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[790] Mohd Yazid Saad, "Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), iv.



University of Malaya

model dilakukan dengan menunjukkan keindahan Islam kepada non-muslim. Tarikan *targhīb* telah memberikan kesan positif dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* Mohd Fadli Yusof melalui contoh sistem keluarga Islam, *ukhwah* dan masjid.

### 5.3.2 Faktor Tarikan *Tarhīb*

Faktor tarikan *tarhīb* ialah perkara-perkara yang menggerunkan dan mendorong mendorong mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Dapatan kajian menunjukkan beliau tidak menggunakan gambaran yang menggerunkan dalam mendekati non-muslim. Namun terdapat dua faktor *tarhīb* yang dilihat menggerunkan dan menyebabkan mereka mendekati Islam melalui dakwah Mohd Fadli Yusof. Pertama, *tarhīb* berkaitan mimpi menggerunkan yang dialami non-muslim. Mimpi tersebut digambarkan dengan seorang lelaki yang berjubah dan berserban. Penampilan ini dikaitkan dengan kehadiran beliau di pedalaman Pensiangan.

Seorang informan yang dikenali Abdul Aziz @ Robert Singgah telah berkongsi pengalaman mimpi pelik yang pernah dialami. Dalam mimpi tersebut, beliau telah di datang dengan seorang lelaki bernama Nabi Muhammad yang berpakaian jubah dan serban. Beliau merasa bimbang keadaan apakah maksud dengan mimpi tersebut kerana tidak pernah berlaku sepanjang hidupnya. Akhirnya beliau bertemu Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang dan mengadu mengenai mimpi yang dialami. Mohd Fadli Yusof telah menjelaskan mengenai Nabi Muhammad s.a.w kepada saudara Robert@Abdul Aziz. Selang beberapa hari, beliau bertemu dengan Mohd Fadli Yusof untuk memeluk Islam.[791] Perkara ini juga diakui oleh pegawai pengislaman di Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan, Sabah.[792] Bahkan kajian Aishah et al., turut mendapati bentuk pengislaman seperti ini yang dikaitkan

---

791 Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

792 Mohd Azrin Abdul Zainuddin (Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.



University of Malaya

dengan mimpi. Walaupun dianggap sebagai bukan sumber utama, namun faktor mimpi turut menyumbang pengislaman seseorang.[793]

Selain itu, dalam laman sesawang *Kembara Syahadah*, Mohd Fadli Yusof telah satu memuatkan kisah pengislaman berbentuk *tarhīb* yang mempunyai kaitan dengan mimpi. Dalam kisah ini, seorang pemuda yang dikenali Karim Anter telah bermimpi berjumpa dengan seorang lelaki yang berpakaian serba putih dan menyerunya memeluk Islam. Pemuda ini tidak pernah menemui Mohd Fadli Yusof. Namun setiap kali melintasi rumah pemuda ini, Mohd Fadli Yusof akan melambai tangan sebagai isyarat bertegur sapa. Keadaan ini menyebabkan pemuda tersebut bersungguh-sungguh ingin menemuinya dan sentiasa menunggu di tepi sungai sekiranya beliau melintasi, sebagaimana petikan di bawah:

> "…kedatangannya sangat dinanti kerana kami telah berazam untuk memeluk Islam setelah bermimpi di datangi seorang lelaki berpakaian serba putih yang menyuruhnya memeluk Islam. Lelaki tersebut seperti orang yang sentiasa melambai tangan kepada kami sekeluarga."[794]

Masyarakat pedalaman sangat berpegang kuat kepada mimpi dan dianggap boleh mendatangkan keburukan atau kebaikan kepada seseorang di masa akan datang.[795] Ini menunjukkan mereka masih terikat dengan suatu kepercayaan adat pantang larang tempatan yang boleh menentukan nasib baik dan buruk dalam kehidupannya di masa akan datang. Kehidupan masyarakat di pedalaman masih tidak terlepas dengan mengaitkan kepercayaan mistik yang berada di sekeliling mereka sebagai suatu kepercayaan. Perkara yang melibatkan adat, pantang larang dan budaya menjadi peraturan penting dalam kehidupan agar tidak tertimpa dengan nasib baik atau buruk. Menurut Zawiah Ahmad et al.,

---

793 Aishah et al., "Conversions Pattern Among Muallafs at Pusat Bimbingan Islam Sultan abdul Halim Mua'zam Syah Kedah Darul Aman (PUSBA)," *Elixir International Journal Social Science* 34, (2011), 2510.
794 Mohd Fadli Yusof, "Karim Anter di Kampung Mambu," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 28 April 2014, http://syahadah.dakwah.org/2013/11/11/karim-anter-di-kampung-mambu/.
795 Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

sebahagian besar masyarakat Murut di pedalaman masih percaya kepada mimpi. Bagi mereka mimpi seolah-olah menceritakan apa yang bakal berlaku. Mimpi dianggap sesuatu yang betuk dan mesti dituruti yang digambarkan oleh seseorang.[796] Disebabkan itu, mimpi pelik yang dialami memberi interpretasi yang mengaitkan kepercayaan untung dan nasib seseorang.

Kedua, tarikan *tarhīb* dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* melalui penjelasan Islam kepada golongan non-muslim Kristian dan pagan di pedalaman. Mohd Fadli Yusof mengingatkan non-muslim yang diziarahi secara berulang kali (setelah membina hubungan rapat) dengan gambaran hari akhirat. Beliau menyatakan bahawa pada hari akhirat tiada sesiapa yang boleh menolong umat manusia. Manusia yang kufur akan dimasukkan ke dalam neraka. Api neraka mempunyai kepanasan yang amat dashyat dalam membakar manusia ingkar di dunia. Mohd Fadli Yusof menceritakan tentang kegerunan neraka, seperti mana dinyatakan dalam petikan berikut:

> "Panas dia berpuluh kali ganda dengan api dunia. Kau punya daging habis dibakar, hangus. Lepas tu jadi balik, lepas tu bakar lagi sampai hangus. Panas bah…"[797]

Kemudian Mohd Fadli Yusof menyatakan bahawa kalimah yang boleh menyelamatkan manusia daripada dibakar api neraka ialah tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah. Selepas itu, manusia itu disebut sebagai muslim atau orang Islam. Beliau turut mengingatkan agar manusia ini sifatnya lemah dan mohon ampun selalu dengan Allah.[798] Ini menunjukkan perkara yang berkaitan dengan kedashyatan hari kebangkitan atau hari akhirat sentiasa diceritakan kepada non-

---

[796] Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil, *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak*, (Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd., 2005), 51.
[797] Mohamad Hakimi Abdul Mutallib (Pendakwah Lepasan Universiti al-Azhar, Mesir), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[798] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

muslim yang diziarahi. Keadaan hari akhirat cuba disampaikan dengan bentuk menggerunkan dan menyentuh hati non-muslim.

Oleh itu, dapat dinyatakan tarikan *tarhīb* dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* dapat dilihat kepada dua keadaan. Pertama, tarikan *tarhīb* berkaitan dengan mimpi yang menggerunkan dan memberi pengajaran. Ia telah mendorong segelintir non-muslim mendekati dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Gambaran mimpi aneh sering dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat tempatan yang penuh dengan peraturan pantang larang secara turun menurun. Kepercayaan tersebut bertepatan dengan apa dikemukakan oleh S.Q Fatimi, Cesar A.Majul dan Muhiddin Yusin yang menyatakan kebanyakan keadaan kehidupan masyarakat di pedalaman Sabah masih bergantung kuat dengan perkara-perkara ghaib yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan mereka. Malah ianya turut sentiasa membayangi pandangan mereka sepertimana kekaguman mereka terhadap tuan *mashāika*, *makhdūm* dan sheikh ketika berdakwah di Nusantara, khususnya di Kepulauan Borneo. Walau bagaimanapun, faktor *tarhīb* melalui mimpi yang menarik perhatian non-muslim dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof adalah bersifat kebetulan dengan kepercayaan tempatan. Namun ia telah mendorong keyakinan sebahagian non-muslim untuk menerima Islam. Kedua, tarikan *tarhīb* dalam menceritakan kegerunan tentang hari akhirat. Mohd Fadli Yusof menyampaikan tentang kedashyatan api neraka dan keadaan penghuni neraka kepada non-muslim. Ini menunjukkan faktor tarikan *tarhīb* telah memberikan kesan positif dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan faktor *targhīb* dan *tarhīb* dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* telah menarik perhatian non-muslim kepada dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Faktor *targhīb* dikaitkan dengan nasihat secara lisan dan secara perbuatan yang telah ditunjukkan Mohd Fadli Yusof. Dua bentuk



University of Malaya

nasihat ini telah memberi dorongan yang bersifat menggemarkan non-muslim untuk mendekati dakwah beliau. Manakala faktor *tarhīb* dilihat dengan perkara yang mengerunkan dan memberi pengajaran kepada non-muslim. Perkara ini dihadapi oleh segelintir non-muslim yang memeluk Islam selepas mendapat mimpi yang menggambarkan seorang lelaki berpenampilan seperti Mohd Fadli Yusof. Selain itu, Mohd Fadli Yusof turut menceritakan tentang kedashyatan hari akhirat dan balasan bagi manusia yang kufur. Ini menunjukkan faktor *targhīb* dan *tarhīb* dalam pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* telah memberikan kesan positif kepada dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

## 5.4 Faktor Tarikan Dakwah kepada Pendekatan *Mujādalah*

Faktor tarikan kepada pendekatan dakwah ialah perkara-perkara yang menarik perhatian non-muslim dan mempunyai daya yang kuat untuk mereka mendekati dakwah. Dalam konteks ini, pendekatan dakwah *mujādalah* yang dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof ialah menggunakan cara dialog dengan non-muslim semasa ziarah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua faktor tarikan kepada pendekatan dakwah beliau iaitu tarikan kesamaan dan bersifat menghubungkan.

### 5.4.1 Faktor Tarikan Kesamaan dalam Agama Samawi

Tarikan kesamaan ialah sesuatu yang dilihat sama dari sudut jantina, bangsa, agama, prinsip, pemikiran dan sebagainya. Kesamaan aspek ini memudahkan dalam mendekati seseorang atau menarik perhatian seseorang.[799] Dapatan kajian menunjukkan faktor tarikan kesamaan dalam agama samawi telah menarik perhatian segelintir non-muslim Kristian terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Titik kesamaan tersebut

[799] Rozmi Ismail, *Psikologi Sosial* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2011), 204.



University of Malaya

dapat dilihat dengan perkara yang melibatkan kenabian dan ajaran gereja mengenai Islam. Dalam dialog, beliau telah menjelaskan Islam sebagai agama Allah kerana mereka tidak mendapat maklumat yang tepat berkaitan Islam. Ini menyebabkan sebahagian penganut Kristian tertarik dengan dakwah beliau sepertimana dinyatakan informan:

> “Dakwah ustaz (Mohd Fadli Yusof) telah menjadikan saya berfikir tentang agama Islam. Saya tahu tentang Islam dengan berkawan dengan orang Islam. Di gereja ada diceritakan tentang Islam tapi tidak sama dengan apa yang ustaz tunjuk dan beritahu. Jadi saya hendak tahu Islam dengan ustaz.”[800]

Dalam petikan di atas, informan di atas mengakui bahawa maklumat berkaitan Islam yang dipercayai sebelum ini kurang tepat dan bertentangan dengan dakwah yang dilihat oleh Mohd Fadli Yusof. Asasnya, konflik agama di Sabah suatu ketika, telah memberi kesan negatif kepada agama Islam dan penganutnya. Pihak gereja dan missionari sentiasa mendoktrinisasi pengikutnya dengan memberi gambaran yang negatif tentang Islam. Bahkan pernah suatu ketika, pihak gereja dalam perhimpunan mingguan terpaksa mengingatkan pengikut-pengikut tentang perkara yang buruk mengenai Islam, bagi tujuan menggelakkan daripada terpengaruh dengan gerakan dakwah yang sedang berkembang di Sabah.[801]

Dalam pemerhatian penulis, latar belakang kehidupan beragama masyarakat non-muslim di Sabah yang banyak terdedah dengan kegiatan gereja dan missionari. Pendakwah-pendakwah juga masih kurang di bahagian pedalaman. Keadaan ini menyebabkan mereka keliru dengan maklumat-maklumat berkaitan Islam. Bahkan terdapat sebahagian mereka yang pernah Islam, namun masih tidak terbimbing kerana kekurangan pendakwah. Walau bagaimanapun sebahagian daripada usaha pendakwah-pendakwah di Sabah telah

---

[800] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[801] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

mendorong segelintir non-muslim Kristian di pedalaman Pensiangan memeluk Islam hingga hari ini.

Perkara tersebut turut mendorong sebahagian daripada mereka membuat perbandingan dengan amalan Kristian dihujung minggu. Bahkan mereka mengakui apa yang telah diberitahu gereja mengenai Islam adalah jauh berbeza dengan realiti yang dilihat di Kampung Padang, Sepulut.[802] Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Ghazali Basri bahawa penganut Kristian sentiasa diberi gambaran yang salah berkaitan Nabi Muhammad dan memberi gelaran-gelaran mengaibkan yang tidak sewajarnya sebagai pesuruh Allah. Ia adalah suatu bentuk mendoktrinasasi yang berusaha untuk memberi gambaran buruk tentang Islam dan penganutnya.[803]

Selain itu, seorang informan telah memberitahu penulis bahawa pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan turut mendapat perhatian pihak gereja. Mereka bimbang kerana hampir setiap bulan ada di kalangan penduduk yang beragama Kristian memeluk Islam melaluinya. Keadaan ini menyebabkan sebahagian penganut Kristian mulai membuat perbandingan tentang Kristian dan Islam. Bahkan terdapat di kalangan mereka yang menimbulkan persoalan-persoalan mengenai Kristian dalam perhimpunan mingguan selepas sebahagian daripada ahli keluarga dan rakan-rakan mereka memeluk Islam melalui Mohd Fadli Yusof.[804] Ia merupakan persediaan mereka dalam meyakinkan kepada penganut Kristian agar tidak terpengaruh dengan dakwah.

Reaksi tersebut menyebabkan sebahagian golongan gereja turut tertarik dengan Islam setelah melihat penerimaan dakwah Mohd Fadli Yusof, khususnya di kalangan penduduk Kampung Padang, Sepulut. Penulis telah menemu bual seorang informan yang

---

[802] Muhammad Ayyub @ Jelirus (Saudara Baru dari Kampung Piowuo, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[803] Ghazali Basri, *Gerakan Kristian* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 34-35.
[804] Pamail (Saudara Baru, Bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.



University of Malaya

dikenali Aman Pamail. Beliau merupakan bekas pastor gereja di Silungai, Pagalungan. Beliau antara individu gereja yang kuat menentang dakwah di pedalaman Pensiangan. Kehadiran Mohd Fadli Yusof di pedalaman menjadikan beliau mengkaji tentang Islam secara tidak langsung, sepertimana dinyatakan dalam petikan berikut:

> "Saya mulai tertarik dengan usaha dakwah yang dilakukan ustaz setelah mengkaji semula bible-bible yang diajar di gereja. Sebelum itu, saya sentiasa mengingatkan kepada penganut Kristian agar berhati-hati dengan menguatkan iman selepas mengetahui kegiatan ustaz di sini. Malah saya turut mengetahui terdapat sebilangan kecil penganut Kristian di gereja saya yang telah memeluk Islam melalui ustaz. Keadaan ini juga menyebabkan saya sentiasa berhadapan dengan persoalan berkaitan dengan hakikat kebenaran. Oleh itu, saya mulai melihat dan mengkaji semula bible-bible yang telah diajarkan di gereja. Setelah membuat perbandingan *al-kitāb* timbul beberapa persoalan yang agak meragukan. Akhirnya saya tertarik dengan Islam melalui persoalan cahaya kebenaran yang dinyatakan al-Qur'ān."[805]

Dalam petikan di atas, informan telah mengkaji semula doktrin Kristian yang sering disampaikan di gereja. Beliau mempunyai pengalaman selama 24 tahun sebagai individu rujukan di Gereja Kristian Basel yang terletak di Pagalungan, Pensiangan. Beliau mempunyai latar belakang pengajian Kristian di kolej teologi yang dibiayai oleh pihak missionari di Sabah. Beliau telah memeluk Islam pada 12 Januari 2014 dan penulis turut diberi peluang untuk mengislamkan seorang anaknya pada 14 Januari 2014. Di atas inisiatif Mohd Fadli Yusof, beliau kini sedang mendalami ilmu Islam di Institut Dakwah Islam, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di Kota Bahru Kelantan.

Pengislaman Paderi Pamail turut menarik perhatian golongan non-muslim Kristian lain terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman. Terdapat segelintir yang telah

---

[805] *Ibid.*



University of Malaya

memeluk Islam dan menyatakan bertambah yakin dengan agama Islam kerana pengislaman orang-orang penting yang pernah mengajarnya semasa Kristian.[806] Penulis juga difahamkan selepas pengislaman tokoh tersebut, hampir setiap bulan terdapat non-muslim yang datang menemui Mohd Fadli Yusof, khususnya di masjid Kampung Padang, Sepulut untuk memeluk Islam. Ini menunjukkan kesan daripada pemelukan Islam paderi tersebut, ia telah membuka pemikiran sebahagian penganut Krisitan yang lain mengenai kebenaran Islam.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa tarikan kesamaan dalam pendekatan *mujādalah* telah menarik perhatian non-muslim Kristian terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Non-muslim tertarik dengan dialog dan perbualan secara santai dalam menjelaskan tentang Islam. Kebanyakan informan tertarik dengan penjelasan atau kaitan di antara Islam dan Kristian dalam agama samawi. Faktor ini digunakan Mohd Fadli Yusof secara dialog dalam membina hubungan dengan non-muslim. Di atas faktor kesamaan dalam agama *samawi*, segelintir daripada mereka melakukan perbandingan dan penganalisaan tentang aspek ketuhanan dari perspektif Kristian dan Islam. Di kalangan penganut Kristian, mereka tertarik dengan setelah meneliti tentang kekeliruan dalam ketuhanan[807] dan ketidakaktifan gereja. Situasi ini disebabkan faktor persaingan gerakan dakwah dan missionari di Sabah telah mendorong sikap meneliti di kalangan penganut Kristian terhadap kebenaran.[808] Ini menunjukkan menunjukkan situasi persaingan agama di Sabah menjadi faktor yang menarik non-muslim terhadap dakwah Mohd Fadli Yusof. Secara tidak langsung, faktor kesamaan telah membuka pemikiran non-muslim tentang Islam melalui pendekatan *mujādalah* Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

---

[806] Abdul Aziz @ Robert (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[807] Penganut agama Kristian mempercayai 'triniti.' Oknum triniti ialah Tuhan Bapa, Tuhan Anak (Jesus) dan Rohulqudus. Dalam hal ini terdapat beberapa kekeliruan yang tidak dapat diyakini dengan logik manusia seperti sifat-sifat tuhan yang menyamai makhluk, sifat tuhan yang kadang-kadang lemah daripada manusia dan sebagainya. Lihat Said Ismail, *Perbandingan Aqidah Islam dan Kristen menurut Al-Qur'ān dan Bible*, terj., H.Suhairy Ilyas (Indonesia: Yayasan Al-Anshar, 1990), 13-15.

[808] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 66-67.



University of Malaya

### 5.4.2 Faktor Tarikan Menghubungkan

Tarikan bersifat menghubungkan ialah mengaitkan mesej dakwah dengan perkara yang terdapat dalam golongan sasaran. Ab Aziz Mohd Zin menyatakan dakwah sering menggunakan kaedah menghubungkan perkara-perkara yang hendak disampaikan dengan sasarannya. Walaupun dakwah tidak menyebut nama orang tertentu, namun ia dilakukan dalam bentuk yang ada hubungan dengan sasaran. Al-Qur'an dan hadith turut menggunakan kaedah ini dalam penggunaan seperti istilah 'kamu,' 'wahai orang-orang beriman,' 'wahai sekelian manusia,' 'wahai *ahl al-kitab'* dan sebagainya. Penggunaan kaedah ini menunjukkan dakwah dihubungkan terus kepada sasaran.[809]

Dalam hal ini, dapatan kajian menunjukkan faktor menghubungkan dalam pendekatan *mujādalah* dapat dilihat melalui dialog Mohd Fadli Yusof menjelaskan tujuan kehadirannya di pedalaman Pensiangan. Faktor tersebut dikaitkan dengan istilah 'saudara' dalam dialog beliau dengan non-muslim. Seorang informan menyatakan Mohd Fadli Yusof datang menemui penduduk dengan tujuan untuk mencari saudara yang tinggal di pedalaman. Perkataan 'saudara' dalam penjelasan itu telah menimbulkan persoalan mereka kerana tiada bangsa Melayu yang tinggal pedalaman Pensiangan berbangsa Melayu dan tidak mungkin boleh menjadi saudara dengan orang Murut.[810]

Mohd Fadli Yusof menjelaskan kepada mereka bahawa tujuan kedatangannya adalah untuk mencari saudara seislam untuk dilihat keadaannya, diberi bantuan dan bimbingan. Jawapan ini menyebabkan mereka terdiam dan berfikir sesuatu. Tanpa di duga selang beberapa hari, terdapat beberapa orang yang menelefon beliau dan menyatakan ingin

[809] Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 77-78.
[810] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

menjadi saudaranya iaitu mahu memeluk Islam. Perkara ini dapat dilihat sepertimana dalam petikan temu bual berikut:

> "Rupanya, perkataan "saudara" itu amat menarik hati mereka untuk mengenali Islam. Dalam bahasa Murut, saudara itu disebut pahaka. Saya namakan perahu yang kami bina dan gunakan di sungai-sungai pedalaman sebagai PAHAKA-KU, sebagai lambang persaudaraan yang utuh di dalam Islam. Hingga kini semakin ramai yang punya impian menjadi saudara Islam, insyaAllah."[811]

Perkara ini turut diakui oleh seorang informan yang dikenali Tasib Mesi. Beliau menyatakan setiap kali ziarah ke setiap rumah penduduk, Mohd Fadli Yusof akan menjelaskan kehadirannya untuk mencari saudara.[812] Istilah ini menarik perhatian non-muslim semasa mereka berbual-bual dengan Mohd Fadli Yusof. Sebahagian dari non-muslim memahami maksud tersebut dan menanyakan persoalan mengenai Islam kepada beliau. Mereka mementingkan istilah ini sebagai satu ikatan dalam suku kaum.[813] Dalam pemerhatian penulis, istilah ini sebagai ikatan dalam memelihara hubungan dan identiti kaum di pedalaman. Bahkan ia menjadi suatu perkara sentimental dengan jiwa mereka. Ini menunjukkan penggunaan istilah 'saudara' telah menarik perhatian non-muslim dalam pendekatan *mujādalah* beliau.

Oleh itu, dapat dinyatakan faktor menghubungkan telah menarik perhatian non-muslim terhadap pendekatan *mujādalah* Mohd Fadli Yusof. Faktor menghubungkan dilihat dengan istilah 'saudara' yang digunakan beliau semasa dialog dan perbualan dengan non-muslim. Istilah 'saudara' adalah suatu yang signifikan bagi masyarakat pedalaman khususnya di Kampung Padang, Sepulut. Penggunaan istilah 'saudara' atau 'pahaka' dalam setiap kali dialog atau perbualan telah menarik perhatian non-muslim terhadap dakwah

---

[811] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[812] Tasib Mesi (Saudara baru dari Kampung Stamping, Sepulut), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[813] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

beliau. Ia seolah-olah meletakkan kedudukan yang sama di antara beliau dan masyarakat di pedalaman.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan faktor tarikan kepada pendekatan *mujādalah* Mohd Fadli Yusof melalui perkara kesamaan agama di antara muslim dan non-muslim. Dalam dialog, perkara-perkara yang mempunyai kesamaan di antara Islam dan Kristian telah dibandingkan secara logik. Kaedah dialog ini telah berjaya memberikan kesan positif terhadap non-muslim dalam melihat semula *(review)* kepada dasar-dasar kepercayaan agamanya. Selain itu, faktor tarikan menghubungkan juga memberikan kesan positif dalam dialog Mohd Fadli Yusof dengan non-muslim. Beliau menggunakan istilah ‘saudara’ atau ‘pahaka’ yang bersifat menghubungkan dengan perkara sentimental dalam masyarakat di pedalaman Pensiangan. Penggunaan istilah tersebut telah menarik perhatian mereka terhadap Islam secara tidak langsung.

## 5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan terbahagi kepada tiga. Pertama, faktor tarikan kepada pendekatan *al-ḥikmah* iaitu tarikan *qudwah*, tarikan *quwwah*, tarikan kelainan, tarikan berulang-ulang dan keprihatinan. Analisis kajian mendapati kelima-lima faktor tarikan berlaku secara beriringan. Namun faktor tarikan *qudwah*, *quwwah* dan keprihatinan telah memberikan impak yang kuat dalam menarik perhatian non-muslim di pedalaman Pensiangan. Kedua, faktor tarikan kepada pendekatan *maw‘iẓah al-ḥasanah* melalui tarikan *targhīb* dan *tarhīb*. Dalam kaedah ini, Mohd Fadli Yusof telah memberikan nasihat secara



University of Malaya

lemah lembut dengan menyelitkan mesej berkaitan keindahan Islam dan keadaan manusia di hari akhirat. Walau bagaimanapun, beliau lebih suka memberi nasihat dalam bentuk menunjukkan perbuatan atau model yang boleh menyentuh hati non-muslim melihat. Ia dilakukan dengan menggambarkan model cara hidup Islam yang boleh menggemarkan non-muslim mendekati dakwah. Antaranya beliau menekankan semangat *ukhwah* Islamiyyah sesama saudara baru dan non-muslim di sekitar, menggunakan model keluarga, dan aktiviti kemasyarakatan di masjid Kampung Padang, Sepulut. Faktor tarikan *tarhīb* pula dapat digambarkan dengan pengalaman sebahagian saudara baru sebelum Islam yang mendapat petunjuk daripada mimpi yang mengaitkan Mohd Fadli Yusof. Ketiga, faktor tarikan kepada pendekatan *mujādalah* melalui aspek kesamaan dan menghubungkan dalam dialog tidak formal secara santai. Umumnya, dapatan kajian menunjukkan hampir semua tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof telah memberikan kesan kepada pengislaman sebahagian golongan non-muslim di pedalaman. Manakala sebahagian yang lain merasakan dakwah Mohd Fadli Yusof telah memberikan pengetahuan tentang cara hidup Islam yang sebenar. Ini menunjukkan pengalaman dakwah yang dimiliki telah memudahkan beliau menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan sekalipun di kawasan yang berbeza agama dan budaya. Bab selanjutnya membincangkan dapatan kajian tentang masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

University of Malaya

# BAB 6

# MASALAH KEPADA PENDEKATAN DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN MASYARAKAT NON-MUSLIM DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

## 6.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan hasil kajian berkaitan masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Perbincangan hasil kajian ini dibahagikan kepada bahagian masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof secara *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah*, *al-mujādalah* dan masalah-masalah lain yang dihadapinya dalam dakwah di pedalaman Pensiangan, Sabah.

## 6.2 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *Al-Ḥikmah*

Dalam mendekati masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh Mohd Fadli Yusof. Antaranya ialah masalah kesihatan beliau, masalah bentuk muka bumi di pedalaman yang mencabar, masalah non-muslim suka meminta-minta, diejek non-muslim semasa ziarah, masalah adat dan budaya non-muslim di pedalaman Pensiangan.

### 6.2.1 Masalah Kesihatan

Pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan lebih bersifat dakwah secara *farḍiyyah*. Setiap perkara yang dilakukan adalah bergantung sepenuhnya dengan beliau. Sekiranya beliau mengalami masalah kesihatan yang teruk, maka urusan dakwah dan pengislaman di pedalaman seringkali tertangguh. Apatah lagi keadaan geografi bumi di kawasan pedalaman yang sangat mencabar yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Mohd Fadli Yusof memberitahu penulis antara punca yang menyebabkan kesihatannya kurang baik ialah gangguan halus atau sihir. Gangguan seperti ini biasanya berlaku selepas

University of Malaya

mengislamkan non-muslim. Bahkan turut melibatkan isteri dan anak-anak beliau. Beliau menyatakan sepertimana berikut:

> "Biasanya selepas mengislamkan orang,[814] perkara yang akan dihadapi ialah seperti terkena sihir. Badan jadi lemah dan rasa bisa beberapa hari. Kebanyakan yang diislamkan mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan. Ada yang mempunyai tangkal, ilmu hitam dan lain-lain."[815]

Amalan menggunakan sihir untuk tujuan tertentu dan memuja roh sudah menjadi perkara biasa dalam masyarakat di pedalaman Pensiangan. Mat Zin Mat Kib dalam bukunya yang bertajuk "*Kristian di Sabah 1881-1994,*" menyatakan masyarakat pribumi khususnya di pedalaman mempunyai kepercayaan yang kuat kepada semangat, roh dan makhluk halus. Kepercayaan tersebut menyebabkan mereka mempunyai pelbagai amalan memuja, ilmu hitam dan sihir. Mereka mengambil tangkal, senjata tajam, tulang haiwan dan lain-lain untuk digunakan sebagai cara pelindung hidup di hutan. Latar belakang kehidupan mereka dikelilingi hutan belantara, sungai dan gunung-ganang, menjadikan masyarakat pedalaman sangat kuat mempercayai hantu, makhluk halus dan semangat roh sekalipun mereka sudah beragama Islam.[816]

Oleh itu, dapat dinyatakan faktor gangguan sihir atau makhluk halus telah menjejaskan kesihatan Mohd Fadli Yusof dalam dakwah di pedalaman Pensiangan. Faktor ini dikenal pasti selepas beliau mengislamkan non-muslim yang mempunyai latar belakang kehidupan hutan dan mempercayai amalan pemujaan tertentu sebagai pelindung. Disebabkan gangguan tersebut beliau terpaksa mengambil tempoh yang agak lama untuk tujuan rawatan dan menyebabkan dakwah tertangguh. Walau bagaimanapun, beliau juga

---

[814] Sekiranya terdapat individu yang mengikuinya, Mohd Fadli Yusof akan mengajarkan kaedah-kaedah pengislaman terlebih dahulu agar tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan memudaratkan pada masa akan datang.
[815] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[816] Mat Zan Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 34-36.



University of Malaya

berusaha bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, dengan melantik wakil-wakilnya di Kampung Padang, Sepulut untuk tujuan dakwah di kawasan lain di pedalaman Pensiangan.

### 6.2.2 Bentuk Muka Bumi di Pedalaman yang Mencabar

Keadaan bentuk muka bumi di kawasan pedalaman Pensiangan sangat mencabar. Kebanyakan kawasan-kawasan di pedalaman mempunyai rupa bentuk bergunung ganang dan masih diliputi dengan hutan tebal.[817] Walaupun jalan utama menuju ke kawasan di pedalaman Pensiangan agak baik, namun laluan ke kawasan penempatan penduduk masih tidak sempurna. Penempatan masyarakat di pedalaman Pensiangan banyak tertumpu di kawasan pinggir sungai, lereng bukit atau gunung dan kawasan hutan. Terdapat penempatan yang masih menggunakan laluan lori balak, laluan sungai dan laluan hutan untuk menuju ke jalan utama. Keadaan ini juga memberikan kesan dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Beliau menceritakan pengalamannya dalam perjalanan ke kawasan pedalaman, sepertimana berikut:

> "Saya pernah naik apa saja yang sempat, kadang-kadang naik van (dipanggil bas mini), *motorboat* atau lori balak, traktor pun kami tumpang untuk sampai di pedalaman."[818]

Selain itu, beliau pernah beberapa kali hampir terlibat dengan kemalangan di kawasan curam di pedalaman. Beliau juga pernah tergelincir ketika menaiki kenderaan pacuan empat roda disebabkan keadaan jalan yang tidak baik dan terpaksa menggunakan laluan lori balak. Kadang-kadang kenderaan tersebut tersangkut selama berjam-jam di laluan semasa membawa penumpang dan barang untuk ziarah.[819] Di samping itu, beliau terpaksa menyewa perahu penduduk kampung dengan kos yang agak tinggi untuk mendekati kawasan penempatan yang jauh di pedalaman. Perjalanan melalui sungai

---

[817] Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Georgrafi Petempatan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982), 23.
[818] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[819] *Ibid.*.



University of Malaya

biasanya tidak menentu dan bergantung dengan keadaan air sungai. Sekiranya keadaan air sungai yang rendah, maka perjalanan akan dihentikan dan perahu terpaksa ditolak ke aliran air sungai yang tinggi. Begitu juga, ketika air sungai tinggi, pengendalian perahu harus dilakukan dengan berhati-hati kerana dikhuatiri berlanggar dengan jeram yang boleh menyebabkan perahu pecah. Beliau menyatakan perjalanan dari sungai Logongon ke Pagalungan terpaksa mengambil masa selama satu hingga dua jam untuk menempuh hampir 30 jeram dengan air sungai yang deras.[820]

Selain itu, keadaan faktor muka bumi juga menyebabkan sebahagian penempatan penduduk pedalaman Pensiangan masih kurang mendapat kemudahan asas yang sewajarnya. Menurut laporan akhbar tempatan, lebih 40 peratus isi rumah di pedalaman Sabah dan Sarawak masih kekurangan akses kemudahan asas yang *efisen*. Faktor ini disebabkan keluasan dan bentuk muka bumi kedua-dua negeri itu yang bergunung-ganang dan melintasi jaluran-jaluran sungai.[821] Keadaan ini turut menyebabkan pendakwah kurang masuk ke kawasan pedalaman kerana perhubungan dan pengangkutan yang masih tidak sempurna.[822] Dapatan ini bertepatan dengan kajian Karia Haji Rahmat yang mendapati struktur muka bumi di pedalaman yang mencabar menyebabkan pendakwah tidak dapat memperolehi profil golongan sasaran dengan tepat dan penyampaian mesej yang tidak berkesan.[823] Walaupun faktor kemudahan dianggap *wasilah*, namun ia turut memberikan pengaruh secara tidak langsung kepada keberkesanan pendekatan dakwah.

Oleh itu, dapat dinyatakan keadaan bentuk muka bumi di pedalaman Pensiangan yang mencabar turut memberikan kesan kurang baik dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Kemudahan asas yang disediakan untuk masyarakat masih kurang sempurna dan

---

820 *Ibid.*
821 Hamden Ramli, "Realiti di Pedalaman Sabah," laman sesawang *Utusan Online*, di capai 20 Mac 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0311&sec=Rencana&pg=re_02.htm#ixzz312hn5R9z
822 Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal, Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987), 75.
823 Karia Hj. Rahmat, "Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), 210.



University of Malaya

menyebabkan pendakwah kurang masuk ke kawasan pedalaman Pensiangan. Mohd Fadli Yusof sentiasa berhadapan dengan risiko kemalangan yang tidak dijangka dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat non-muslim di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan.

### 6.2.3 Non-Muslim Suka Meminta-Minta

Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis bahawa sikap segelintir non-muslim di pedalaman Pensiangan yang suka meminta-minta setelah mengetahui tujuan beliau untuk menyeru kepada Islam. Sikap ini sudah menjadi budaya bagi segelintir orang di pedalaman jika orang luar memasuki ke kawasan mereka. Malah mereka tidak janggal melakukan perbuatan tersebut dengan menganggap orang luar pasti merasa simpati dengan keadaan kehidupan pedalaman yang serba kekurangan dan jauh dengan kemudahan serta pembangunan.

Ia seolah-olah mengambil peluang daripada simpati orang luar. Namun tidak semua masyarakat di pedalaman Pensiangan mempunyai sikap sebegitu, hanya segelintir sahaja. Mereka menganggap orang luar adalah ‘orang berada’ dan berkemampuan berbanding mereka hidup dengan sumber pendapatan daripada hutan semata-mata. Tidak mustahil, terdapat sebahagian mereka yang meminta bantuan rumah, perbelanjaan harian, makan dan minuman, minyak petrol dan sebagainya.[824] Perkara ini turut dikhuatiri oleh pihak berkuasa agama di Sabah. Seorang informan menyatakan kepada penulis bahawa timbul kebimbangan terhadap pengislaman yang telah dilakukan kerana dirasakan sebahagian non-muslim yang memeluk Islam mahu menggunakan peluang mendapat bantuan dari pihak kerajaan. Disebabkan itu ada kemungkinan sebahagian *muallaf* yang memeluk Islam

[824] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

dengan tidak sepenuh hati.[825] Perkara ini juga turut disetujui dalam kajian Selamat Amir et al., di negeri Sabah.[826]

Menurut Mohd Fadli Yusof, budaya meminta-minta disebabkan dengan contoh-contoh yang ditunjukkan oleh pihak tertentu yang masuk ke pedalaman sebelum ini. Malah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa mereka mendapat contoh sedemikian daripada pihak luar yang masuk ke pedalaman termasuklah golongan pendakwah ketika era pengislaman beramai-ramai di Sabah. Begitu juga dengan gerakan missionari yang menggunakan kuasa material untuk memujuk penduduk pedalaman mendekati agama Kristian.[827] Pihak missionari sememangnya menggunakan memberikan wang untuk menarik masyarakat tempatan kepada agama Kristian sejak dahulu lagi. Selain mempunyai gerakan yang terancang, pihak missionari juga mempunyai sumber dana kewangan yang kukuh. Maka tidak mustahil tindakan mengkristiankan turut menggunakan tarikan wang semata-mata. Mat Zin Mat Kib dalam tulisannya yang bertajuk *"The Varied Financial Sources of the Main Denominational Churches in Sabah: A Historical Perspective,"* menyatakan bahawa gerakan missionari di Sabah sangat kukuh dari sudut pendekatan dan kewangan. Setiap gereja dikatakan mempunyai sumber kewangan yang kuat untuk program kebajikan. Terdapat lima bentuk sumber kewangan gereja dikenal pasti iaitu sumbangan dari pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC), sumbangan dari negara luar khususnya negara-negara Eropah, sumbangan dari kerajaan negeri, kutipan daripada aktiviti gereja, kutipan daripada aset-aset yang dimiliki gereja, dan sumbangan individu.[828] Kekuatan sumber tersebut mendorong kepada pemilikan aset-aset penting dan mampu menarik minat penduduk di pedalaman memeluk Kristian.

---

825 Mohd Azrin Abdul Zainuddin (Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.
826 Selamat Amir et al., "Islam and Muslim in Multi-Religious Society: Realities and Challenges in Sabah, Malaysia," *Middle East Journal of Society of Scientific Research*, bil 13,no. 2 (2013), 149.
827 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

828 Mat Zin Mat Kib, "The Varied Financial Sources of the Main Denominational Churces in Sabah: A Historical Perspective," *Jurnal Islamiyyat*, bil. 25, no. 1 (2005), 71-81.



University of Malaya

Disebabkan itu, terdapat segelintir non-muslim yang menolak pemberian hadiah atau wang kerana mengetahui tujuan untuk pendakwah.[829] Namun hanya sebilangan kecil sahaja menolak pemberian tersebut kerana mereka masih merasakan keperluan sumbangan daripada orang luar. Peluang sebegini telah digunakan oleh pihak missionari untuk menarik orang pedalaman kepada agama Kristian. Bahkan mereka menganggap pihak missionari adalah pelindung yang sentiasa memberikan keselamatan dalam kehidupannya.[830] Contohnya semasa mendekati masyarakat non-muslim dari suku kaum Kadazan/Dusun, terdapat sebahagian mereka yang menolak sumbangan yang diberikan kerana sudah mendapat maklumat dari gereja tentang ancaman dakwah. Mereka sentiasa menggelakkan diri seolah-olah sudah mengetahui tujuan kehadiran pendakwah di pedalaman.[831]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sikap suka meminta-minta segelintir non-muslim telah memberikan masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Ia disebabkan oleh contoh-contoh daripada orang luar yang suka memberi sesuatu kepada masyarakat pedalaman untuk tujuan-tujuan tertentu. Walaupun ia dilakukan sebagai tujuan menarik perhatian, namun ia turut membentuk suatu budaya sinonim bagi segelintir masyarakat di pedalaman secara tidak langsung. Jika tidak diberi sesuatu mereka akan menjauhkan dan menggelakkan diri. Maka mesej dakwah tidak dapat disampaikan dengan berkesan.

### 6.2.4 Diejek Non-Muslim

---

[829] Pamail (Saudara Baru, Bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan, Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.
[830] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[831] Mohamad Hakimi Abdul Mutallib (Pendakwah Lepasan Universiti al-Azhar, Mesir), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.



University of Malaya

Pendekatan dakwah ziarah adalah kaedah yang digunakan oleh Mohd Fadli Yusof dalam menemui non-muslim di pedalaman Pensiangan. Beliau akan membawa hadiah sebagai buah tangan untuk diberikan kerana ia boleh membina hubungan mesra dengan non-muslim secara tidak langsung. Biasanya, beliau akan memberikan buah tangan berupa makanan harian seperti gula, beras, sardin dan lain-lain. Dalam pendekatan dakwah ziarah, beliau turut berhadapan dengan sangkaan negatif daripada non-muslim. Beliau pernah diejek oleh non-muslim di kalangan anak-anak muda sewaktu melakukan ziarah. Seorang informan telah memberitahu penulis:

> "Sewaktu ustaz datang sini dulu, ada anak-anak muda yang mengejek dia. Saya beritahu mereka tujuan ustaz datang ke sini untuk beritahu tentang Islam. Mereka pandang Islam tidak baik."[832]

Terdapat segelintir anak-anak muda di pedalaman yang mengejek beliau dengan melemparkan kata-kata yang tidak sewajarnya dan mengatakan tentang Islam secara tidak betul.[833] Dalam berhadapan situasi ini, Mohd Fadli Yusof mengambil sikap berlapang dada dan tidak memberi reaksi yang boleh menambah mereka terus marah. Beliau terus berusaha mendekati non-muslim dengan lemah lembut kerana menganggap perbuatan seperti itu adalah untuk diberi perhatian sekalipun mereka mempunyai sikap kasar, keras kepala dan sebagainya.[834] Beliau percaya sentuhan kasih sayang boleh memberikan kesan positif kepada dakwah di pedalaman. Beliau berpandangan kebanyakan non-muslim tidak dapat mengetahui tentang Islam dengan betul disebabkan kelemahan umat Islam sendiri sebagai pendakwah. Maka setiap kali dakwah disampaikan mereka merasa curiga, memberi pandangan buruk dan membalas dengan perkara negatif kepada pendakwah. Mereka hanya mengetahui tentang Islam melalui pandangan gereja, media dan lain-lain. Tidak mustahil

[832] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[833] *Ibid.*.

[834] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

mereka menolak dakwah.[835] Dalam kajian Halim Mokhtar, mendapati kebanyakan non-muslim yang tinggal di kawasan pedalaman dan pulau kurang mendapat pendedahan mengenai Islam yang menyebabkan mereka menerima maklumat Islam yang salah melalui media dan sebagainya.[836] Keadaan ini menyebabkan non-muslim melihat secara prejudis kepada pendakwah dan agama Islam secara tidak langsung.

Selain itu, seorang informan menyatakan terdapat beberapa orang anak muda yang mengejek Mohd Fadli Yusof telah mendapat hidayah dan memeluk Islam. Beliau terkejut dengan pengislaman beberapa orang anak muda tersebut yang pernah mengejek beliau sewaktu ziarah di pedalaman.[837] Sikap beliau yang berpandangan positif dan mengambil pendekatan mendekati, sabar, berlemah lembut dan berdoa. Akhirnya anak muda tersebut menjadi sebagai kawan dan membuka pintu hatinya untuk menerima Islam.[838] Situasi sebegini boleh dikaitkan dengan peristiwa pengislaman saidina Umar al-Khattab r.a. Sebelum memeluk Islam, beliau antara orang yang paling membenci dakwah Nabi s.a.w. Namun beliau antara orang yang didoakan oleh baginda s.a.w agar memeluk Islam di suatu ketika nanti.[839]

Oleh itu, dapat dinyatakan Mohd Fadli Yusof turut berhadapan dengan masalah ejekan non-muslim dalam menyampaikan dakwah di pedalaman Pensiangan. Terdapat non-muslim yang mengeluarkan kata-kata tidak baik ketika ziarah. Ini disebabkan mereka masih tidak terdedah dengan Islam kecuali melalui sumber-sumber biasa dalam kehidupan mereka seperti media televisyen, akhbar, gereja dan lain-lain. Walau bagaimanapun, beliau terus berpandangan positif untuk terus mendekati mereka dengan lemah lembut dan kasih sayang agar dakwah dapat diterima dengan berkesan.

---

[835] *Ibid.*

[836] Halim Mokhtar, "Penerimaan dakwah Islamiyyah di kalangan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), iv.

[837] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[838] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[839] Al-Mubarakfury menyatakan tentang peristiwa keislaman Umar al-Khattab r.a yang tertarik dengan keindahan mukjizat al-Qur'ān. Beliau pernah terdengar Nabi s.a.w membaca surah al-Hāq'qah semasa di dalam solat. Apa yang di dengarinya itu telah menyentuh hati. Dia merasakan bacaan itu adalah susunan ayat yang luar biasa.



University of Malaya

### 6.2.5 Masalah Adat dan Budaya Non-Muslim

Setiap kelompok kehidupan masyarakat di dunia sudah pasti mempunyai adat dan budaya tertentu yang menjadi amalan warisan. Walaupun ia dianggap sebagai bentuk amalan warisan semata-mata, namun ia mempunyai kaitan penting dengan peraturan atau undang-undang yang dibentuk untuk menjaga sesuatu kelompok masyarakat. Maka tidak dinafikan, adat dan budaya menjadi salah satu asas dalam frasa perundangan hidup manusia.

Di pedalaman Pensiangan, adat dan budaya memainkan peranan yang kuat dalam latar belakang non-muslim di situ. Amalan adat dan budaya sering dianggap sebagai perkara yang lebih utama, sekalipun mereka sudah beragama Islam. Mohd Fadli Yusof menceritakan kepada penulis mengenai pengalamannya mendekati golongan non-muslim di pedalaman yang berketurunan Dusun/Kadazan[840] dan Murut. Dua suku kaum ini dianggap terbesar di Sabah. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan luar bandar dan hidup sebagai petani, pemburu, penternak, pesawah, pemungut tumbuh-tumbuhan atau buah-buahan liar dan lain-lain. Kedua-dua kaum ini mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama lain.[841] Kebanyakan orang Murut lebih tertumpu di kawasan pedalaman yang tinggal di lereng bukit atau tanah tinggi. Orang Dusun/Kadazan dan Murut mempunyai amalan adat dan budaya yang tersendiri. Walaupun mereka mempunyai pegangan agama seperti Kristian, namun dari segi amalan adat tetap tidak berubah, termasuk sebahagian penganut

---

[840] Istilah Kadazan dicipta oleh missionari untuk kepentingan Kristian. Manakala istilah ‘Dusun’ diganti dengan Kadazan kerana dicipta orang Islam. Antara tujuan missionari menggantikan Dusun kepada Kadazan disebabkan untuk menyatukan kaum pribumi Kristian di bawah naungannya. Dusun lebih merujuk satu kaum sahaja. Tetapi istilah Kadazan merangkumi lebih dua puluh suku kaum di Sabah seperti Dusun, Tagas, Kwijau, Minokok, Mangkaak, Tambanuo, Sonsogan, Tobilung, Garu, Suang-Lotud, Tidal, Nuluw, Kimaragang, Gonsomon, Pilapazan, Lotud, Runggus, Bisaya, Liwan, Bakud, Bundu, Tangaah, Sungai dan lain-lain. Lihat Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 67.

[841] Terdapat gabungan di antara dua kaum ini melalui politik kepartian United National Kadazan Organisation (UNKO). Matlamat penubuhan UNKO adalah untuk menggabungkan Kadazan atau Dusun dengan Murut dalam bekerjasama membangunkan negeri Sabah.



University of Malaya

Islam di kalangan mereka. Kebanyakannya masih terikat dengan undang-undang adat yang penuh pantang larang dan hukuman.[842]

Dari sudut kepercayaan, kebanyakan masyarakat di pedalaman Pensiangan masih berpegang kuat dengan semangat atau roh yang dikaitkan dengan objek-objek di sekeliling kehidupan mereka di hutan. Setiap perkara yang berlaku di dalam kehidupan sentiasa dikaitkan dengan semangat-semangat tertentu. Mereka sangat mempercayai sekalipun sudah memeluk agama Islam.[843] Jika berlaku kematian, mereka akan mengaitkan dengan makhluk halus dan ilmu hitam. Mereka mempercayai roh-roh manusia yang hidup dan mati. Bahkan mereka membuat tatu di seluruh badan kerana dipercayai akan menjadi cahaya untuk memimpin roh seseorang yang telah mati ke akhirat.[844] Ia disifatkan sebagai pantang larang yang wajib dipatuhi dan mendapat musibah jika tidak diikuti. Sejarah mereka di pedalaman turut mengaitkan amalan puja yang menggunakan kepala manusia. Sebahagian suku kaum di pedalaman pernah dikenali dengan golongan pemenggal kepala. Amalan ini kemudiannya diharamkan semasa pemerintahan British.

Dari sudut adat dan budaya, Mohd Fadli Yusof menyatakan kebanyakan masyarakat di pedalaman Pensiangan suka meminum arak (air tapai) hingga mabuk. Meminum arak menjadi salah satu perbuatan yang sangat disukai mereka sejak zaman berzaman. Bahkan untuk menunjukkan penghormatan kepada orang lain sebagai tetamu, hidangan minuman air tersebut sering dijamukan. Mereka boleh berkecil hati jika minuman kesukaan tersebut dipandang rendah oleh orang lain.

> "Orang di sana sangat sensitif jika kita menolak hidangan minum arak. Bagi mereka, ini cara hormati tetamu. Walaupun tahu kita orang Islam, mereka tetap menghulurkan arak

---

[842] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 25-28.

[843] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[844] Jacqueline Pugh-Kitingan, "Murut," dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed., Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012), 75.



University of Malaya

> kepada kita. Saya pernah alami beberapa kali perkara ini. Namun ada cara untuk menolak dengan baik agar mereka tidak berkecil hati."[845]

Manakala dalam suasana meraikan sesuatu majlis seperti perkahwinan, mereka menjadikan arak dan ular sawa yang diawet sebagai hidangan utama. Mereka meminum arak sehingga mabuk dan makan ular sawa diawet sehingga muntah berselerakkan. Keadaan ini menyebabkan majlis perkahwinan mereka sentiasa berbau busuk dengan arak dan muntah.[846] Adat di pedalaman ini turut disentuh oleh Hugh Clifford dengan agak keterlaluan. Clifford menyebutkan bahawa mereka adalah masyarakat suka mabuk dalam apa jua keadaan dengan meminum arak yang keterlaluan sehingga memberi kesan kepada karekter dan cara hidup mereka.[847]

Selain itu, adat dan budaya masyarakat di pedalaman Pensiangan adalah menyayangi anjing. Mereka menjadikan anjing sebagai haiwan kesayangan dan peliharaan kerana berkait dengan keperluan kehidupan seperti menjaga keselamatan rumah, berburu dan sebagainya. Hampir semua rumah di pedalaman memelihara anjing, termasuk orang Islam. Perkara ini harus diambil kira untuk sentiasa berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan.[848] Walau bagaimanapun haiwan ini dikategorikan sebagai 'janggal' dalam budaya masyarakat Islam di Malaysia dan kadang kala menimbulkan kebimbangan di lapangan dakwah sekalipun sudah mempunyai pendedahan mengenai kaedah untuk berinteraksi dengannya.

Selain itu, adat dan budaya masyarakat di pedalaman lebih gemar memakan haiwan seperti khinzir, ular dan haiwan hutan. Memakan daging khinzir sudah menjadi kebiasaan bagi mereka yang hidup rapat dengan aktiviti hutan. Malah terdapat sebahagian mereka

---

[845] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[846] *Ibid.*
[847] Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule (Noth Borneo 1881-1946)* (Singapura: Universiti Malaya Press, 1958), 106.
[848] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam tembual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

yang memelihara khinzir (babi) hutan di kawasan kediaman mereka sebagai haiwan ternakan. Malah segelintir daripada mereka juga mengetahui bahawa ia adalah haiwan yang diharamkan bagi orang Islam. Namun ia sangat susah untuk dipisahkan sekalipun mereka sudah memeluk Islam. Mohd Fadli Yusof menceritakan kepada penulis bahawa pernah suatu ketika, terdapat pihak daripada organisasi dakwah yang mengislamkan masyarakat di pedalaman Pensiangan berjanji untuk menukar haiwan khinzir kepada kambing. Walau bagaimanapun janji tersebut tidak ditunaikan sehingga hari ini. Akhirnya mereka memakan semula khinzir yang pernah dipelihara sebelum ini.[849]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sebahagian adat dan budaya non-muslim di pedalaman Pensiangan menimbulkan masalah kepada dakwah Mohd Fadli Yusof. Antara adat dan budaya tersebut ialah memuja semangat roh, minum tapai (arak), memelihara anjing dan gemar memakan khinzir. Adat dan budaya tersebut sudah sebati dalam cara kehidupan mereka. Beliau sentiasa berhati-hati dalam perkara yang melibatkan adat budaya di Kampung Padang, agar non-muslim tidak tersinggung dan menjauhkan diri daripada dakwah. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Mohd Farid Mohd Sharif dan Amir Husin[850] yang mendapati adat golongan sasaran sedikit sebanyak menjadi masalah kepada pendakwah.[851]

Berdasarkan huraian di atas dapat dinyatakan terdapat lima masalah kepada pendekatan *al-ḥikmah* dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Pertama, masalah kesihatan beliau yang kini semakin meningkat. Beliau sering menghadapi gangguan sihir selepas mengislamkan non-muslim di pedalaman Pensiangan. Kedua, masalah struktur muka bumi di pedalaman yang mencabar menyebabkan beliau sering berhadapan dengan risiko. Ketiga, masalah sikap non-muslim yang suka meminta-minta

---

[849] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam tembual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[850] Amir Husin, "Strategi Dakwah al-Jamiyatul Washliyah dalam penyebaran Islam di kalangan masyarakat Batak di Sumatera Barat" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), v.
[851] Mohd Farid Mohd Sharif, "Kaum Kensiu Negrito Muslim: Sejarah Pengislaman dan Masalah di Ulu Legong Baling, Kedah," (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003), 85-87.



University of Malaya

disebabkan amalan pendakwah dan pihak missionari Kristian sebelum ini yang sering memberi wang ringgit untuk mengislamkan dan mengkristiankan masyarakat di pedalaman Pensiangan. Keempat, masalah non-muslim yang mengejek dan memberikan pandangan buruk tentang beliau dan agama Islam. Kelima, masalah adat dan budaya masyarakat di pedalaman Pensiangan yang bertentangan syarak.

## 6.3 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *Maw'iẓah al-Ḥasanah*

Pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* yang ditunjukkan Mohd Fadli Yusof ialah memberikan nasihat dengan lisan yang lemah lembut dan menunjukkan contoh Islam yang boleh memberi pengajaran kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan. Dapatan kajian menunjukkan tiga aspek yang menjadikan masalah kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* iaitu masalah akhlak pendakwah sebelum ini, masalah akhlak segelintir orang Islam dan masalah segelintir saudara baru di pedalaman.

University of Malaya

### 6.3.1 Contoh Akhlak Kurang Baik Pendakwah Lepas

Akhlak pendakwah merupakan faktor utama dalam mendekati golongan non-muslim. Akhlak juga menjadi penilaian bagi golongan non-muslim untuk mendekati tentang Islam. Terdapat sebahagian golongan non-muslim yang memeluk Islam selepas melihat keindahan Islam melalui akhlak yang ditunjukkan oleh orang-orang Islam.[852] Penilaian dan kecenderungan manusia tidak terbatas kepada kecantikan rupa lahir, malah watak pembawaan seseorang merupakan suatu pembuktian yang sebenar.[853] Hubungan ini

[852] Al-Sugairi, Majed, "I'm Sorry, O Prophet…", laman sesawang *Saudi Gazette*, dicapai pada 20 Mac 2014, http://www.saudigazette.com.sa/index.cfm?method=home.regcon&contentid=20130422162428

[853] Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 60.

menunjukkan akhlak Islam merupakan elemen yang menjadi tarikan kepada golongan non-muslim.

Di pedalaman, masalah akhlak yang ditunjukkan oleh sebahagian pendakwah lepas telah memberikan kesan negatif kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Tidak dinafikan, terdapat pendakwah-pendakwah lepas yang telah mendekati masyarakat non-muslim di kawasan pedalaman. Ada segelintir daripada pendakwah yang tidak dapat menunjukkan akhlak Islam yang baik dan memberikan kesan negatif kepada pendakwah akan datang.[854] Tambahan pula, gerakan missionari yang aktif di kawasan pedalaman sering menimbulkan provokasi dengan menggambarkan imej negatif kepada pendakwah Islam seperti unsur paksaan dalam dakwah, memberi wang, kasar dan sebagainya.[855] Situasi tersebut turut menyebabkan dakwah Mohd Fadli Yusof pernah diragui atau ditolak oleh segelintir non-muslim di pedalaman, Pensiangan. Mereka dilihat seolah-olah berkecil hati dengan perlakuan yang mungkin pernah dilakukan oleh pendakwah-pendakwah lepas di pedalaman.

> "Ada segelintir pendakwah yang tidak sabar, tidak menunjukkan contoh yang baik dan ada menghina orang di sini."[856]

Seorang informan menyatakan kepada penulis, pernah terdapat wakil dari organisasi dakwah di Sabah yang pernah menziarahi saudara baru Kampung Padang Sepulut, Pensiangan. Pihak tersebut datang di atas urusan rasmi selama beberapa hari. Sepanjang mereka berada di situ, terdapat sebahagian daripada mereka tidak menunjukkan akhlak Islam kepada saudara baru dan terdapat juga yang gagal dalam mengamalkan ibadah

---

[854] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[855] Demond Davidson, "Sabah Christians Meet Today in Bid to Reverse Conversions to Islam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai pada 20 Mac 2014, http://www.themalaysianinsider.com/print /malaysia/sabah-christians-meet-today-in-bid-to-reverse-conversions-to-islam.
[856] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam tembual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

dengan sempurna.[857] Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Yunus Abdullah Zheng yang mendapati unsur *bi al-hāl* sentiasa menjadi ukuran non-muslim terhadap Islam sama ada ia dilihat secara langsung atau tidak langsung. Kegagalan menunjukkan akhlak yang baik dalam mendekati masyarakat non-muslim menyebabkan dakwah tertolak dan menimbulkan imej negatif terhadap Islam tidak langsung.[858] Muhiddin Yusin turut mengulas perkara tersebut dengan menyatakan semasa era 1970-an di Sabah, tindakan yang kurang wajar oleh beberapa pendakwah daripada pertubuhan tertentu menyebabkan Islam dipandang negatif dan dakwah Islam sentiasa dipandang prejudis oleh non-muslim.[859]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kesan dari masalah akhlak pendakwah-pendakwah lepas di pedalaman Pensiangan telah memberikan kesan negatif terhadap pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Perlakuan mereka kurang mencerminkan imej sebagai pendakwah. Bahkan terdapat sebahagian perbuatan mereka menyebabkan non-muslim tersinggung atau merasa terhina. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan kurang baik kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* Mohd Fadli Yusof yang suka menunjukkan contoh Islam di Kampung Padang, Sepulut.

### 6.3.2 Corak Kehidupan Segelintir Orang Islam Tidak Menjadi Contoh

Corak kehidupan sebahagian orang Islam masih gagal menjadi contoh kepada masyarakat non-muslim yang tinggal di sekeliling. Ramai di kalangan orang Islam yang terlibat dengan masalah sosial, masalah keruntuhan akhlak, keruntuhan rumah tangga, masalah keganasan dan sebagainya. Bahkan ia sering dipaparkan dalam media massa. Keadaan ini menyebabkan non-muslim kurang berminat untuk mengenali tentang Islam kerana tiada suatu gambaran positif yang boleh menarik perhatian mereka.

---

[857] Jamuddin Lorrie @ Najmuddin (Ketua Penduduk Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan) dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[858] Ma, Yunus Abdullah Zheng, "Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), iv-v.
[859] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 93.



University of Malaya

Situasi ini turut memberikan kesan negatif kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Mengulas isu ini, beliau telah menjelaskan bahawa realiti segelintir masyarakat Islam di pedalaman Pensiangan masih kurang dalam penghayatan Islam kerana tiada bimbingan agama. Walaupun jumlah mereka di pedalaman masih kecil, namun tidak menjadi tarikan kepada non-muslim untuk mengenali Islam. Kebanyakan mereka lebih berpegang dengan amalan adat dan budaya suku kaum seperti minum arak (air tapai), makan babi, berjudi, tidak solat, bergaduh dan lain-lain.

> "…ramai orang Islam yang masih hidup dengan mengekalkan adat-adat yang bertentangan Islam. Di kalangan mereka masih ramai yang tidak faham tentang ajaran Islam sendiri."[860]

Ini menunjukkan tiada perbezaan cara kehidupan di antara orang Islam dan non-muslim dalam menjalani kehidupan. Mereka masih terikat dengan cara hidup adat yang diwarisi oleh nenek moyang mereka sebelum ini, sekalipun sudah menukar agama. Misalnya pihak missionari terpaksa membenarkan perkara tersebut atas tujuan mengambil hati semata-mata. John Rooney menyatakan gerakan missionari di Borneo harus membenarkan apa yang menjadi disukai oleh orang tempatan pribumi sekalipun bertentangan dengan prinsip dalam Kristian.[861]

Selain itu, perbuatan tidak baik yang dilakukan orang Islam turut mengundang persepsi yang tidak baik kepada agama Islam. Seorang informan yang dikenali Abdul Aziz @ Robert Sinngah, telah menceritakan kepada penulis, bahawa pernah suatu ketika dahulu terdapat salah seorang anak muda Kristian di kampung pedalaman Pensiangan pergi ke Kuala Lumpur untuk mencari rezeki. Selepas beberapa bulan di sana, masyarakat di pedalaman gempar apabila mendapat berita di akhbar tentang kematiannya akibat dibunuh.

---

[860] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[861] Rooney, John, *Khabar Gembira (The Good News), A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976)*, (London: Burns & Oaters Ltd., 1981), 150-151.

Apatah lagi dikhabarkan bahawa pemuda tersebut mempunyai salah seorang kawan yang berbangsa Melayu semasa bekerja di ibu kota. Walaupun punca kejadian masih kurang jelas, namun ia menyebabkan segelintir masyarakat di pedalaman ketika itu berasa marah dan berprasangka tidak baik kepada Islam dan penganutnya secara tidak langsung.[862]

Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof mengakui beberapa gambaran yang tidak baik yang pernah dilakukan orang Islam dan ia telah memberikan kesan kepada penerimaan dakwah di pedalaman Pensiangan. Cara kehidupan segelintir orang Islam masih memenuhi keperluan nafsu hidup semata-mata tanpa memikirkan kepada tuntutan ajaran sebenar secara menyeluruh.[863] Mereka memandang remeh isu-isu yang mengaitkan dosa dan pahala, syurga dan neraka yang tiada beza dengan non-muslim. Bagi mereka tajuk-tajuk seumpama itu tidak penting dibincangkan dan tidak relevan diperbincangkan dalam dunia serba moden ini. Hukum hakam terutama sekali yang berkaitan dengan haram dan ditegah dalam Islam dipersendakan dalam cara dan gaya yang amat *"sinuous"* dan *"sceptical."*[864] Keadaan tersebut menyebabkan non-muslim tidak berminat dengan Islam. Hal ini bertepatan dengan kajian Abdull Rahman Mahmood et al., yang mendapati bahawa masyarakat non-muslim di Malaysia masih belum menerima dan memahami Islam secara jelas disebabkan perkara negatif yang berlaku di kalangan orang Islam.[865]

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kegagalan orang Islam dalam mempraktikkan kehidupan Islam sebenar menyebabkan non-muslim kurang minat mendekati Islam. Walaupun wujud pergaulan secara bermasyarakat atau ber*mu'āmalah* dengan orang Islam, namun ia masih kurang memberi kesan positif bagi non-muslim untuk mengenali dan mendekati Islam. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan kurang baik

---

[862] Abdul Aziz @ Robert Sinngah (Penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

[863] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[864] Hashim Mehat, "Umat Islam Dilanda Krisis," dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*, ed., Shofian Ahmad, et al., (Bangi: Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2003), 30.

[865] Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badruddin, "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia" *Jurnal Hadhari*, bil.2 (2009), 33.



University of Malaya

kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof yang cuba menonjolkan contoh cara hidup Islam di Kampung Padang, Sepulut.

### 6.3.4 Corak Kehidupan Segelintir Saudara Baru Tidak Menjadi Contoh

Jumlah orang Islam yang tinggal di kawasan pedalaman Pensiangan sangat kecil berbanding dengan kawasan-kawasan lain di negeri Sabah.[866] Sebahagian besar saudara baru menerima Islam semasa zaman pengislaman melalui dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sekitar tahun 1970-an. Ketika itu, dakwah USIA telah berjaya meningkatkan populasi masyarakat Islam di Sabah. Walau bagaimanapun terdapat isu-isu yang timbul selepas pengislaman.[867]

Hasil dapatan kajian menunjukkan masalah tersebut juga memberikan kesan negatif kepada dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan Sabah. Masalah pertama ialah berkaitan dengan memberi pendidikan saudara baru selepas pengislaman. Masalah ini sering menjadi isu utama yang membimbangkan. Kegagalan dalam memberi pendidikan kepada saudara baru menyebabkan mereka terus bergelumang dengan cara kehidupan sebelum ini. Akhirnya mereka boleh kembali kepada agama asal sebelum ini. Hal ini diakui oleh Mohd Fadli Yusof:

> "Terlalu ramai yang kembali ke agama asal (murtad) kerana kurangnya *follow-up* dan didikan dari para pendakwah Islam. Akhirnya mereka mengekalkan nama seperti yang didaftarkan ketika Islam."[868]

Ini menunjukkan seolah-olah keadaan saudara baru kurang mendapat pendidikan Islam secara berterusan daripada pihak-pihak tertentu yang pernah mengislamkan. Mereka

---

[866] Abdul Munir Ismail (Bekas Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Dakwah Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis pada 22 Jun 2014.
[867] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 89-90.
[868] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

hanya mendapat kelebihan tertentu sebagai seorang Islam mengikut undang-undang di Malaysia seperti bantuan ataupun *isentif* kerajaan. Namun sebahagian daripada mereka juga masih tidak mendapat bimbingan Islam secara sepenuhnya sekalipun sudah lama memeluk Islam. Maka tidak mustahil, terdapat di kalangan mereka yang tidak dapat mempraktikkan kehidupan sebagai seorang Islam dan terdapat juga yang telah murtad.

Masalah kedua ialah keadaan sebahagian saudara baru yang tidak mendapat perhatian dalam aspek kebajikan. Keadaan hidup mereka agak terbiar dan tidak menampakkan perubahan yang positif selepas memeluk Islam. Bahkan cara hidup mereka masih sama seperti sebelum memeluk Islam. Mohd Fadli Yusof menyatakan kepada penulis:

> "Rata-rata saudara baru di pedalaman masih daif. Mereka memerlukan sokongan dan bantuan, apatah lagi selepas memeluk Islam. Mereka masih mengamalkan cara hidup sebelum Islam."[869]

Mereka masih kurang terbimbing dari sudut pendidikan yang boleh merubah corak kehidupan selepas Islam. Hampir kebanyakan daripada non-muslim yang tinggal di pedalaman pernah memeluk Islam secara beramai-ramai melalui gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Ketika itu, pertubuhan dakwah ini telah mendapat sokongan kuat daripada kerajaan negeri Sabah ketika itu yang diketuai oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun. Dakwah USIA telah mencapai kejayaan dalam menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri, pentadbiran hal ehwal Islam dengan sistematik dan berjaya mengislamkan hampir seratus ribu penduduk Sabah.[870] Mohd Fadli Yusof mengakui

---

[869] *Ibid.*

[870] Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) adalah sebuah organisasi yang dikenalikan oleh tokoh-tokoh politik. Maka cara pelaksanaan dakwah USIA tidak sunyi dari kekurangan tertentu. Kepimpinan pertubuhan ini yang diterajui oleh tokoh-tokoh penting politik menyebabkan cita-cita perjuangan dan pelaksanaan dakwah sukar dipisahkan dengan cita-cita politik mereka. Cara pelaksanaan dakwah USIA yang kurang menitikberatkan masalah prinsip dalam Islam sejak awal perjuangan menyebabkan kegiatannya kurang mencerminkan cita-cita keislaman yang sejati. Dengan itu, kejayaan yang dicapainya lebih bersifat kejayaan politik daripada kejayaan dakwah itu sendiri. Lihat Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 89-90.



University of Malaya

hakikat tersebut kerana ia secara tidak langsung telah memberikan kesan pro dan kontra dalam dakwah di pedalaman Pensiangan.

> Perlu dilihat disudut positif jasa-jasa mereka yang terdahulu, sejak zaman Tun Datu Mustapha hingga Dato'Harris Salleh, melalui Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) yang bersungguh-sungguh mengIslamkan beramai-ramai rakyat Sabah. Allah sahajalah yang membalas jasa-jasa mereka itu. PengIslaman itu merintis jalan untuk Islam berkembang di Sabah.[871]

Walau bagaimanapun, pasca pengislaman sering menjadi isu yang memberi gambaran negatif terhadap dakwah di Sabah. Keadaan sebahagian saudara baru yang kurang mendapat perhatian dalam pendidikan dan kebajikan telah menimbulkan situasi kurang baik kepada dakwah. Ini disebabkan kekurangan pendakwah dan krisis politik yang menimbulkan prasangka tidak baik kepada dakwah. Bahkan, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab mendakwa pengislaman yang berlaku di Sabah ketika itu dilakukan dengan diumpan dengan wang dan terdapat unsur paksaan yang meragukan.[872] Disebabkan itu terdapat sebahagian daripada saudara baru telah murtad, sebagaimana diakui oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sendiri di dalam laporan tahunan 1973 dan 1974.[873]

Situasi ini turut memberikan kesan kepada permohonan keluar Islam di Sabah pada hari ini. Dalam kajian Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail,[874] mendapati permohonan murtad tertinggi di negeri Sabah dalam tahun 2000 hingga 2010. Kes ini harus difahami dengan situasi lokal di negeri Sabah. Status agama pemohon masih kurang jelas dan dapat dibahagikan kepada lima bentuk:

---

871 Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
872 Selamat Amir et al., "Islam and Muslim in Multi-Religious Society: Realities and Challenges in Sabah, Malaysia," *Middle East Journal of Society of Scientific Research*, bil 13,no. 2 (2013), 149.
873 Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 93.
874 Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail, "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah," *Jurnal Syariah* 23, bil. 1 (2015), 53-78.


University of Malaya

1) Pemohon yang bukan beragama Islam, namun dalam MyKad mereka tertera perkataan Islam.[875]

2) Pemohon yang belum ditentukan status agamanya.[876]

3) Pemohon yang memeluk Islam di jabatan agama iaitu golongan muallaf.

4) Pemohon yang memeluk Islam secara beramai-ramai pada pertengahan tahun 1970-an hingga pertengahan tahun 1980-an.

5) Pemohon yang beragama Islam asal.[877]

Lima bentuk status agama tersebut turut memberikan kesan kepada pemohonan keluar Islam di Sabah. Kebanyakan bentuk pemohon yang tinggi memohon keluar Islam ialah golongan yang bukan Islam tetapi tertera perkara ‘Islam’ di kad pengenalan MyKad (44.1%) dan golongan yang belum ditentukan status agamanya (16.9%).[878] Ini menunjukkan wujud golongan ‘Islam’ yang masih belum mempunyai agama dan masih beragama lain di Sabah. Mereka seolah-olah dilihat sebagai ‘muslim,’ namun pada hakikatnya adalah non-muslim. Corak kehidupan golongan ini turut memberikan kesan negatif kepada orang lain untuk menerima Islam.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa corak kehidupan segelintir saudara baru di pedalaman Pensiangan telah memberikan kesan negatif kepada dakwah Mohd Fadli Yusof secara tidak langsung. Kebanyakan saudara kurang diberi perhatian selepas memeluk Islam. Corak kehidupan mereka kurang memberi pengaruh Islam kepada non-muslim di sekeliling kuhsusnya keluarga dan rakan-rakan. Mereka berhadapan dengan masalah pendidikan dan

---

[875] Kesilapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) meletakkan status agama Islam dalam MY Kad orang bukan Islam.

[876] Pemohon tidak mempunyai agama yang jelas, sama ada kerana salah seorang ibu bapa mereka bukan Islam ataupun ibu bapa mereka memeluk Islam ketika mereka masih kanak-kanak lagi. Memandangkan salah seorang ibu bapa mereka beragama Islam, status agama mereka di JPN adalah Islam.

[877] Pemohon yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam.

[878] Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail, “Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah,” *Jurnal Syariah* 23, bil. 1 (2015), 67.



University of Malaya

kebajikan selepas pengislaman. Akibatnya kehidupan mereka selepas Islam seolah-olah terbiar tanpa susulan pembangunan aspek pendidikan Islam yang sistematik daripada pendakwah.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan masalah kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* Mohd Fadli Yusof ialah masalah yang bersifat luaran dan memberikan kesan negatif dalam dakwah beliau di pedalaman Pensiangan. Masalah tersebut ialah contoh akhlak kurang baik pendakwah-pendakwah sebelum ini. Segelintir mereka pernah menyebabkan perasaan tersinggung non-muslim di pedalaman, sekaligus memberikan persepsi negatif terhadap dakwah beliau. Masalah kedua ialah contoh segelintir orang Islam yang tidak menunjukkan cara kehidupan Islam yang sebenar. Masyarakat Islam masih kurang menjadi contoh dalam kehidupan sendiri disebabkan berhadapan dengan krisis dalaman tersendiri. Dapatan ini menunjukkan gambaran negatif tentang Islam turut memberikan kesan negatif dalam peneriamaan dakwah di pedalaman. Masalah ketiga ialah contoh segelintir saudara baru yang tidak terbimbing dan diberi perhatian selepas memeluk Islam. Ketiga-tiga masalah tersebut secara tidak langsung memberikan kesan negatif dalam pendekatan dakwah *maw'iẓah al-ḥasanah* Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

### 6.4 Masalah kepada Pendekatan Dakwah *al-Mujādalah*

Pendekatan *al-mujādalah* dalam dakwah Mohd Fadli Yusof ialah mendekati non-muslim dengan cara dialog bersifat tidak formal. Beliau menggunakan cara dialog agar dapat menimbulkan komunikasi bersifat dua hala yang memberi ruang bertukar-tukar pendapat semasa berziarah di rumah non-muslim. Terdapat dua aspek yang menjadikan masalah kepada pendekatan *al-mujādalah* Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

Pertama, non-muslim kurang memahami maksud yang hendak disampaikan. Mereka kurang memahami perkataan yang biasa digunakan dalam Islam seperti solat, puasa, wuduk, halal, haram, nikah dan lain-lain. Walaupun segelintir mereka pernah mendapat pendidikan sekolah, namun istilah-istilah tersebut kurang difahami dengan jelas. Mereka kurang mendapat pendedahan seperti ini kerana bilangan orang Islam di pedalaman sangat sedikit.[879] Ia bertepatan dengan dapatan kajian Halim Mokhtar yang mendapati masyarakat non-muslim yang tinggal jauh daripada masyarakat Islam kurang mendapat pendedahan mengenai maklumat Islam.[880] Disebabkan itu Mohd Fadli Yusof terpaksa menjelaskan satu persatu tentang istilah-istilah Islam yang kurang difahami mereka.

Kedua, sikap segelintir non-muslim yang akan menggunakan sihir dalam perkara yang tidak disetujui termasuklah dalam dialog atau bertukar-tukar pendapat. Menurut Mohd Fadli Yusof, terdapat di kalangan mereka yang tidak setuju dengan dakwah beliau dan bertindak menggunakan menghantar sihir kepadanya. Mereka menggunakan sihir untuk membuktikan sama ada beliau orang yang benar atau sebaliknya. Sekiranya mereka tidak bersetuju dalam bertukar pendapat dan merasa tersinggung, amalan menghantar sihir kepada orang lain kerana sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di pedalaman. Beliau menceritakan pengalaman tersebut dengan menyatakan prinsip orang menggunakan ilmu sihir untuk menyihir orang lain adalah jika perbuatan itu betul orang itu masih hidup dan jika sebaliknya dia akan mati.[881] Amalan sihir digunakan untuk memusnahkan hidup orang lain kerana sekiranya orang yang disihir itu meninggal dunia, ia menunjukkan orang tersebut adalah salah.

Selain itu, pihak gereja juga menggunakan kaedah sihir untuk menghalang dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Mereka sering memberikan gambaran negatif

---

[879] Muhammad Ayyub @ Jelirus (Saudara baru dari Kampung Piowou, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.
[880] Halim Mokhtar, "Penerimaan dakwah Islamiyyah di kalangan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 186.
[881] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

tentang pengislaman yang dilakukan oleh beliau.[882] Pihak Kristian telah mengadakan acara yang disebut 'Mamangkis' untuk tujuan melawan secara halus. Mamangkis adalah teriakan perang Orang Asal yang digunakan oleh nenek moyang mereka untuk perhimpunan pahlawan memerangi musuh. Kini ia telah diterima oleh orang Kristian sebagai usaha melawan gerakan dakwah di Sabah. Bahkan tindakan ini turut dipersetujui pemimpin-pemimpin utama gereja di Sabah. Mereka mendakwa bahawa kebebasan agama telah terancam disebabkan pengislaman dan lain-lain.[883]

Oleh itu, dapat dinyatakan masalah kepada pendekatan *al-mujādalah* dalam dakwah Mohd Fadli Yusof ialah golongan non-muslim kurang memahami istilah dalam Islam yang menyebabkan dialog kurang berkesan. Ini menyebabkan dialog bersifat satu arah lebih banyak digunakan untuk menjelaskan sesuatu perkara. Selain itu, non-muslim sanggup menggunakan cara menyihir orang lain sekiranya mereka tidak bersetuju dalam sesuatu perkara dan merasa terhina. Mereka juga akan menggunakan sihir untuk memastikan perkara yang dibawa itu benar atau sebalik. Perbuatan menyihir sudah menjadi alat bagi masyarakat di pedalaman terhadap perkara yang tidak disenangi atau membuat dengki.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan masalah kepada pendekatan dakwah *al-mujādalah* Mohd Fadli Yusof terbahagi kepada dua iaitu non-muslim kurang mendapat pendedahan mengenai Islam. Tahap pendidikan yang diperolehi non-muslim di pedalaman masih rendah. Disebabkan itu, dalam dialog dengan non-muslim beliau terpaksa menjelaskan satu persatu istilah-istilah berkaitan Islam. Kedua, sikap non-muslim di pedalaman yang menggunakan sihir dalam perkara-perkara yang tidak dipersetujui. Ini menyebabkan beliau terpaksa berhati-hati dalam perkara yang boleh menimbulkan tindakan menyihir dan memberi kesan kepada Mohd Fadli Yusof. Keadaan ini secara tidak langsung

---

[882] *Ibid.*
[883] "Uskup Agung John Wong Sokong Gerakan Pertahan Hak Orang Asal Sabah," laman sesawang *Herald Malaysia Online*, di capai 15 September 2014, http://www.heraldmalaysia.com/newscategory/news/Uskup-Agung-John-Wong-sokong-gerakan-pertahan-hak-Orang-Asal-Sabah/20471/7/.



University of Malaya

telah memberikan kesan kurang baik kepada pendekatan *mujādalah* Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan non-muslim di pedalaman Pensiangan.

## 6.5 Masalah-Masalah Lain kepada Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof di dalam Pengislaman di Pedalaman Pensiangan, Sabah

Terdapat beberapa masalah lain yang memberikan kesan negatif kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Masalah yang dikenal pasti ialah persepsi organisasi Islam terhadap dakwah beliau, kerenah birokrasi dalam organisasi dakwah dan halangan pihak missionari Kristian di Sabah.

### 6.5.1 Persepsi Organisasi Dakwah Terhadap Dakwah Mohd Fadli Yusof di Pedalaman Pensiangan

Persaingan agama di antara pihak Islam dan Kristian di Sabah berlaku sejak era 1960-an lagi. Ia berlanjutan sehingga hari ini dengan pola agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat di Sabah. Dalam hal ini, semangat nasionalisme atau kebangsaan yang terbentuk di kalangan masyarakat Islam terarah kepada pandangan agama disebabkan kesan penjajahan Inggeris yang kuat.[884] Keadaan ini menyebabkan orang Islam mengambil pendekatan yang agresif dalam dakwah dan pengislaman masyarakat pribumi di Sabah. Bahkan gerakan dakwah dan pengislaman seolah-olah sebagai suatu persaingan atau perlumbaan yang menonjol peranan tertentu. Pandangan prejudis ini juga timbul disebabkan dengan tindakan beberapa pertubuhan dakwah yang mempunyai kepentingan tertentu dalam pengislaman semasa era 1960-an.[885] Walaupun persaingan tersebut dilihat sebagai suatu perkembangan yang positif, namun ia

---

[884] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 66-67.
[885] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 93.



University of Malaya

turut mengundang kesan negatif kerana boleh menimbulkan budaya tidak baik di kalangan pendakwah.

Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof juga berhadapan dengan keadaan sedemikian. Pendekatan dakwah yang dilakukan telah dipandang negatif oleh pendakwah dan organisasi dakwah di Sabah. Antara tanggapan negatif tersebut ialah beliau dituduh membawa ajaran sesat di Kampung Padang, Sepulut. Tuduhan ini turut dilaporkan oleh pihak berwajib bagi menjalankan siasatan, namun sehingga kini belum dibuktikan. Beliau menyatakan:

> "Ada sesetengah orang Islam yang iri hati dengan dakwah kita di pedalaman. Mereka kata kita bawa ajaran sesat sebab saya jadi imam di kampung dengan bacaan dalam solat dengan kuat."[886]

Mohd Fadli Yusof menjelaskan bahawa beliau akan membaca kuat bacaan dalam solat dengan tujuan untuk membimbing saudara baru di Kampung Padang, Sepulut. Namun pihak yang mendakwa masih tidak mengetahui situasi sebenar dan hanya melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak tepat kepada dakwah beliau. Akhirnya perkara tersebut disalah faham oleh pihak tertentu dan ditokok tambah dengan pandangan yang negatif.[887] Dalam isu ini, penulis telah mendapatkan maklumat di Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan. Isu ini hanya ditimbulkan oleh segelintir individu sahaja. Pihak berkuasa agama masih melihat secara positif dakwah dan pengislaman yang telah dijalankan Mohd Fadli Yusof di pedalaman, Pensiangan.[888]

Selain itu, terdapat segelintir pendakwah yang menimbulkan pandangan negatif kepada sistem wakaf yang dilakukan Mohd Fadli di Kampung Padang Sepulut dan kawasan lain di pedalaman Pensiangan. Beliau melakukan perkara tersebut untuk membangunkan

---

[886] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[887] *Ibid.*
[888] Mohd Azrin Abdul Zainuddin (Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.



University of Malaya

taraf kehidupan saudara baru dan bukan untuk kepentingan peribadi semata-mata. Beliau telah berjaya membina sebuah masjid melalui sistem wakaf di Kampung Padang, Sepulut dan di Pensiangan. Namun terdapat pihak yang kurang senang dan mengatakan bahawa ia tidak mengikut peraturan yang digariskan oleh pihak berautoriti agama.[889] Di atas faktor tersebut, terdapat tanggapan-tanggapan lain yang cuba menambah-nambah agar menimbulkan tanggapan buruk terhadap dakwah beliau di pedalaman Pensiangan.

Ini menunjukkan tanggapan negatif yang ditimbulkan oleh sebahagian organisasi dakwah disebabkan perasaan kurang senang dengan beberapa perubahan positif dalam pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Sesetengah merasa tercabar dengan pendekatan dakwah beliau kerana beranggapan merekalah yang sepatutnya menjadi peranan dengan kekuatan organisasi yang dimiliki di Sabah. Ada yang mengatakan tujuan dakwah beliau adalah untuk agenda lain yang tersembunyi kerana beliau bukan berasal dari Sabah.[890]

Selain itu, terdapat segelintir organisasi Islam yang curiga dengan keislaman saudara baru di Kampung Padang, Sepulut dan kawasan lain pedalaman Pensiangan. Disebabkan itu, banyak permohonan pendaftaran Islam tertangguh dan ada yang dinafikan. Mohd Fadli Yusof turut mendapat maklumat daripada kenalan bahawa permohonan kad Islam daripada saudara baru Kampung Padang pernah ditolak disebabkan rasa kurang senang dan prejudis dengan pendekatan dakwah beliau di pedalaman. Beliau menyatakan:

> "…Ada pegawai agama yang mengherdik *mualaf* yang hendak mohon kad Islam. Mereka bertanya, adakah benar-benar sudah memeluk Islam, walaupun terdapat di antara mereka yang lama sudah diislamkan. Ada yang ditolak."[891]

---

[889] Nazri Abdullah, "Pengislaman di Sabah", laman sesawang Suara Mualaf Sabah, di capai pada 20 Mac 2014, http://www.youtube.com/watch?feature=player_embedded&v=YfHlxxXwEPE

[890] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[891] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.



University of Malaya

Keadaan ini menyebabkan beliau berhadapan kesukaran dalam mendaftarkan Islam di kalangan saudara baru. Mohd Fadli Yusof menjelaskan kebanyakan saudara baru yang telah Islam masih mempunyai rekod sebagai penganut Kristian. Mereka sepatutnya sudah disahkan sebagai penganut Islam dengan proses permohonan yang tidak prejudis dan mudah sepertimana dicatat dalam piagam pelanggan organisasi Islam. Bagi menangani perkara tersebut, mereka yang telah diislamkan perlu didaftarkan dengan segera bagi menggelakkan perkara-perkara yang tidak diingini. Beliau kini telah berusaha mendaftarkan Islam melalui Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di Wilayah Persekutuan, Labuan.

Oleh itu, dapat dinyatakan persepsi negatif sebahagian pendakwah dan organisasi dakwah di Sabah telah memberi masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Faktor ini disebabkan rasa kurang senang atau tercabar dengan hasil positif yang dilakukan beliau di pedalaman. Hal ini bertepatan dengan kajian Ibrahim Che Noh[892] yang mendapati bahawa keislaman seseorang *muallaf* seringkali dicurigai oleh orang Islam dan sesetengah pihak berkuasa agama disebabkan sikap kurang profesional. Keadaan ini menyebabkan saudara baru mudah dikaitkan dengan pandangan negatif sekalipun daripada organisasi dakwah sendiri.

### 6.5.2 Birokrasi Dalam Organisasi Dakwah

Dakwah melalui organisasi merupakan salah satu bentuk gerak kerja secara berkumpulan dalam menjalankan kegiatan dakwah dengan lebih luas secara tersusun dan berkesan. Pembentukan organisasi bertujuan untuk urusan pentadbiran dan melicinkan segala aktiviti dakwah kepada kumpulan sasaran tertentu. Pentadbiran organisasi biasanya melibatkan

---

[892] Ibrahim Che Noh, "Dakwah kepada Non-Muslim: Masalah dan Cabarannya," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed., Sidi Gazalba & Zainab Ismail (Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 92.



University of Malaya

kepada pembentukan dasar, membuat keputusan, memilih kepimpinan, perancangan, pengorganisasian dalam melaksanakan keputusan, dan penyelarasan.[893]

Dalam konteks ini, organisasi dakwah sangat penting untuk berfungsi secara efektif pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia. Organisasi dakwah berperanan memperkemas dan memperkuat kedudukan gerakan dakwah Islam, menyatupadukan tenaga gerakan dakwah dan menyelaras segala aktiviti, melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf* dan *al-nahy al-mungkar* di kalangan masyarakat Islam, menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran dunia moden, menyediakan kader-kader dakwah yang terlatih untuk berdakwah bersesuaian dengan semua bentuk sasaran dakwah, menguatkan perhubungan dengan badan-badan dakwah di dalam dan luar negeri.[894]

Organisasi dakwah boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu organisasi dakwah kerajaan dan organisasi dakwah bukan kerajaan (NGO). Organisasi dakwah kerajaan dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri, seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan lain-lain. Manakala organisasi dakwah bukan kerajaan terdiri daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Pertubuhan Kebajikan Dakwah Islam Malaysia (PERKIM) dan lain-lain lagi.[895]

Kewujudan organisasi dakwah menunjukkan pelaksanaan dakwah Islamiah dapat dilakukan dengan lebih luas, sistematik dan berkesan. Bahkan menjadi juru mudah dalam pengurusan dan aktiviti dakwah. Walau bagaimanapun amalan birokrasi sering

---

[893] Berhanuddin Abdullah, "Pentadbiran Organisasi Dakwah" dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan,* ed., Abdul Ghafar Hj. Don, Berhanuddin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani (Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 42-48.

[894] Wan Husien Azmi, "Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah" dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba & Zainab Ismail (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 25.

[895] Abdullah Mohd Zin, "Dakwah dalam Masyarakat Cina dan Orang Asli" dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan*, ed., Abdul Ghafar Hj. Don, Berhanuddin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani (Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 119-122.



University of Malaya

menimbulkan tanggapan negatif kepada organisasi Islam. Asasnya, birokrasi adalah salah satu sistem dalam pengurusan yang banyak digunakan hari ini. Birokrasi mempunyai kelebihan tertentu dalam memastikan pengurusan dalam organisasi bergerak dengan lancar dan efektif. Ia dilihat mempunyai kebaikan dalam pengurusan dengan sistem agihan kerja dan kelayakan pekerja yang sesuai. Namun ia turut tidak ketinggalan dengan kelemahan tertentu yang dilihat menyekat kebebasan individu[896] dan boleh menjadikan sesuatu perkara remeh lebih *komplikated* serta menyusahkan.

Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof juga berhadapan dengan kerenah birokrasi yang melibatkan pengurusan oragnisasi dakwah di Sabah. Amalan birokrasi dalam organisasi dakwah telah menimbulkan masalah dalam permohonan kad Islam di kalangan saudara baru di Kampung Padang, Sepulut.

> "Ramai saudara baru kita dari pedalaman Pensiangan pergi ke Kota Kinabalu dengan perjalanan yang jauh dari awal pagi. Semata-mata untuk dapatkan kad Islam. Tetapi sampai sekarang ada yang tidak dapat lagi."[897]

Dalam fikiran saudara baru, perkara yang penting selepas pengislaman ialah pendaftaran sebagai seorang Islam sepertimana yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Perkara ini diakui oleh informan yang menyatakan kad Islam sangat penting bagi mereka dalam urusan dengan jabatan agama dan jabatan pendaftaran di Sabah. Kelewatan mendapat kad Islam menyebabkan mereka merasa kecewa.[898]

Di Malaysia, setiap permohonan saudara baru yang telah memeluk Islam mesti didaftarkan di jabatan agama negeri. Pemohon mesti menyediakan dua keping gambar terkini berukuran *pasport*. Kemudian pemohon akan mengucap dua kalimah syahadah dan

---

[896] Mustafa Haji Daud, *Pengurusan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1994), 9.
[897] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[898] Muhammad Yusof@ Joseph (Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

diberi keterangan ringkas berkaitan rukun iman dan kewajipan bagi setiap orang Islam. Pemohon diminta mengisi borang pendaftaran Islam dengan keterangan peribadi dan akan ditandatangani oleh dua saksi. Selepas itu, pemohon akan menghantar borang permohonan pendaftaran Islam untuk diproses dan disahkan bagi mendapat kad Islam.[899] Walaupun ia dianggap sebagai peraturan dalam negara, namun ia tetap mempunyai kesan jangka panjang bagi saudara baru seperti hak penjagaan anak, hak saudara baru, zakat, pengebumian dan lain-lain. Ini menunjukkan pendaftaran Islam sangat penting bagi melindungi hak yang sewajarnya sebagai seorang Islam di Malaysia.

Pihak berkuasa agama telah mengambil masa yang lama dalam memproses beberapa peringkat untuk pengesahan yang meyakinkan. Beliau menyatakan kepada penulis:

> "…syarat-syarat yang ditetapkan jabatan agama menyebabkan ada yang bertahun-tahun masih tidak dapat lagi. Bahkan ada yang telah murtad dan baru dapat kad Islam. Keadaan ini membimbangkan."[900]

Penulis telah mendapatkan maklumat berkaitan isu ini di Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan. Pegawai pengislaman menyatakan bahawa pihak jabatan agama Islam perlu membuat penilaian yang ketat dalam pengislaman di pedalaman. Latar belakang orang yang memohon untuk memeluk Islam adalah berbeza-beza dan masih tidak jelas. Ia bagi menggelakkan permohonan Islam dua kali dan individu yang mengambil peluang untuk kepentingan selepas memeluk Islam seperti memohon bantuan zakat dan lain-lain. Di atas faktor ini, pihak jabatan agama mengambil pendekatan yang ketat dalam permohonan kad Islam.[901]

---

[899] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment* (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2008), 96-97.
[900] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[901] Mohd Azrin Abdul Zainuddin (Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan), dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.



University of Malaya

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sistem birokrasi yang diamalkan di organisasi Islam telah menimbulkan masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Walaupun sistem ini dilihat teratur dalam pengurusan organisasi, namun ia turut memberi kesan sampingan lain yang dilihat terlalu ketat dalam pemprosesan sesuatu perkara. Sedangkan ia tidak memerlukan masa yang lama untuk pengenalpastian dan pemprosesan. Antara masalah birokrasi dalam organisasi Islam atau pihak berautoriti agama ialah kelewatan dalam mendapatkan kad Islam. Kerenah birokrasi dalam organisasi Islam menyebabkan sebahagian mualaf masih belum didaftarkan sehingga hari. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng et al., yang mendapati isu kelewatan dalam pemberian kad Islam sering menimbulkan persepsi yang kurang baik kepada pengurusan dan pentadbiran agama di Malaysia.[902] Secara tidak langsung, faktor ini telah memberikan kesan kurang baik kepada dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan non-muslim di pedalaman Pensiangan.

### 6.5.3 Halangan Pihak Missionari Kristian di Sabah

Gerakan Kristinisasi di Sabah bermula sejak kedatangan penjajahan Inggeris melalui Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC). Selepas Sabah mencapai kemerdekaan, gerakan Kristianisasi telah berkembang luas tetapi tidak seperti keadaan semasa di bawah penjajahan British. Dalam masa yang sama, pihak missionari turut mempunyai pengaruh yang kuat dalam aspek politik, pendidikan dan ekonomi di Sabah.[903] Maka tidak mustahil, pihak missionari masih mempunyai sokongan yang kuat dari pelbagai aspek sehingga hari ini.

---

[902] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment* (Kuala Lumpur: International Islamic University *Malaysia*, 2008), 97.
[903] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 48-64.



University of Malaya

Mohd Fadli Yusof mengakui situasi tersebut dan mengambil sikap optimistik kerana yakin bahawa Allah akan membantu dan melindungi hamba-Nya di jalan dakwah. Beliau berpendirian bahawa keadaan Kristian di Sabah tidaklah kukuh seperti yang digambarkan oleh kebanyakan orang. Tetapi masyarakat Islam yang lemah menyebabkan pihak missionari sering menonjol dengan pelbagai terma dan istilah untuk menjuarai keadaan dan kepentingan. Maka tidak mustahil, terdapat usaha pihak missionari menghantar memorandum kepada pihak berkuasa bagi menghalang beliau memasuki Sabah.[904] Perkara ini disebabkan kejayaan beberapa siri pengislaman di pedalaman.

Pihak gereja pula merasa bimbang dengan situasi tersebut. Dalam perhimpunan mingguan, mereka cuba menimbulkan semangat anti-Islam dengan menggambarkan keburukan mengenai Islam dan penganutnya. Berbeza dengan keadaan sebelum ini, pihak gereja sering membincangkan mengenai isi kandungan al-kitab. Hal ini diakui oleh seorang bekas pastor gereja Basel yang ditemu bual penulis:

> "Sebelum ini saya banyak mengingatkan dalam khutbah mingguan agar berwaspada dengan gerakan pengislaman yang berlaku di pedalaman. Malah terdapat ramai juga orang Kristian Basel yang terpengaruh dan masuk Islam."[905]

Pada tahun 2013, Mohd Fadli Yusof menyatakan bahawa usaha tersebut masih kurang berjaya dilakukan. Maka terdapat usaha lain daripada pihak missionari untuk mempengaruhi kerajaan negeri bagi menghalang kemasukannya ke Sabah. Namun ketika itu, pilihanraya umum yang hendak dilakukan menyebabkan usaha pihak gereja tertangguh disebabkan kepentingan sokongan politik tempatan. Penangguhan pilihanraya umum beberapa kali ketika itu menyebabkan cadangan tersebut kurang mendapat perhatian. Faktor tersebut menyebabkan pendekatan dakwah beliau kurang mendapat perhatian dengan

---

[904] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.
[905] Pamail (Saudara Baru, Bekas Pastor Gereja Basel di Pensiangan), dalam temubual dengan penulis pada 16 Januari 2014.



University of Malaya

tuntutan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya mendapat maklumat dari rakan atau kenalan di Jabatan Imigresen Sabah mengenai sesuatu keadaan yang tidak mengizinkan, beliau akan memasuki Sabah melalui pintu Wilayah Persekutuan Labuan.[906]

Selain itu, pihak gereja di Sabah turut membangkitkan isu-isu pengislaman di pedalaman Sabah sebagai usaha menghalang pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof. Keadaan ini turut memaksa campur tangan kerajaan bagi menjernihkan keadaan agar konflik di antara dua agama besar ini tidak merebak. Dalam isu ini, pihak gereja telah mengemukakan tuduhan bahawa terdapat usaha pendakwah dari semenanjung yang menyogok wang dan memaksa masyarakat di pedalaman untuk memeluk Islam.[907] Usaha ini turut menarik perhatian semua pihak agar gerakan pengislaman dari semenanjung hendaklah dihentikan serta merta kerana bertentangan dengan undang-undang dan hak pribumi, sepertimana isu pemelukan Islam di kawasan pedalaman Pitas, Sabah.[908]

Ini menunjukkan konflik politik dan agama yang pernah berlaku sebelum ini turut mempengaruhi reaksi prejudis non-muslim terhadap dakwah sehingga hari ini. Dalam pengamatan penulis, sebahagian besar kawasan pedalaman Sabah dipimpin oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan sehingga hari ini. Beliau pernah memimpin Sabah dan mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan pedalaman.[909] Beliau merupakan bekas Ketua Menteri Sabah pada tahun 1985 yang digambarkan sebagai orang yang kurang lunak dengan masyarakat Islam. Melihat secara retrospektif tentang isu ini, Ismail Yusoff mengatakan semasa menjadi Ketua Menteri Sabah, Joseph Pairin Kitingan telah menggunakan kedudukannya mengatur strategi halus untuk menyingkir apa jua rupa bentuk kebudayaan

---

[906] Mohd Fadli Yusof (Pendakwah Bebas di Sabah), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

[907] Demond Davidson, "Sabah Christians Meet Today in Bid to Reverse Conversions to Islam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai pada 20 Mac 2014, http://www.themalaysianinsider.com/print /malaysia/sabah-christians-meet-today-in-bid-to-reverse-conversions-to-islam.

[908] "300 More People Converted in Remote Sabah Village," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai 20 Mac 2014, http://www.themalaysianinsider.com/print/malaysia/300-more-people-converted-in-remote-sabah-villages.

[909] Keputusan Pilihanraya Umum 2013: Sabah, laman sesawang *My Metro*, di capai pada 23 Mac 2014, http://www.hmetro.com.my/myMetro/pilihanraya/Keputusan/?negeri=sabah&hmpru



University of Malaya

Islam untuk digantikan dengan kebudayaan Kristian. Tindakan ini selaras dengan arahan Pope John Paul II supaya menggiatkan usaha ke arah *"New Evangelization"* di seluruh dunia. Di atas semangat tersebut, kerajaan Sabah yang dipimpin Pairin Kitingan telah meluluskan seberapa banyak gereja untuk dibina di mana-mana sahaja termasuk kawasan masyarakat Islam. Manakala penduduk Islam dianaktirikan daripada menikmati peluang pekerjaan, perniagaan dan biasiswa.[910] Maka tidak mustahil, ia memberi impak kepada kawasan yang berhampiran Keningau termasuklah kawasan di pedalaman Pensiangan sehingga hari ini.

Oleh itu, dapat dinyatakan halangan pihak missionari Kristian telah memberikan kesan kepada dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Ancaman tersebut bersifat secara tidak langsung dan dilakukan di atas nama hak dan undang-undang pribumi. Mereka berusaha menghalang dakwah Mohd Fadli Yusof dengan hujah memelihara undang-undang dan hak asasi manusia. Mereka turut berusaha menarik perhatian pihak kerajaan untuk tidak membenarkan beliau memasuki Sabah di atas kuasa pengaruh pemimpin politik Kristian. Pihak missionari juga telah menimbulkan isu anti Islam bagi mengaitkan kegiatan pengislaman di pedalaman Pensiangan dengan dakwah Mohd Fadli Yusof. Di samping itu, mereka turut memberi gambaran negatif pengislaman dan mengaitkan pendakwah dari semenanjung telah memaksa dan memberi wang kepada penduduk dalam pengislaman di pedalaman Sabah.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dinyatakan terdapat tiga masalah lain kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut. Pertama, masalah persepsi organisasi dakwah yang melihat negatif pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang. Ia telah mencetuskan suasana yang kurang baik. Kedua, kerenah birokrasi dalam permohonan kad Islam saudara baru di Kampung Padang. Barangkali, ia adalah refleksi suasana daripada masalah persepsi organisasi agama yang berautoriti.

---

[910] Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah* (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 126-133.



University of Malaya

Ketiga, halangan pihak missionari Kristian di Sabah. Pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof telah memberi tekanan kepada pihak missionari disebabkan setiap bulan terdapat penduduk di pedalaman Pensiangan yang memeluk Islam di Kampung Padang. Di atas faktor itu, terdapat beberapa halangan melalui pengaruh politik dan undang-undang di Sabah untuk menghalang dakwah beliau di pedalaman.

## 6.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan dilihat kepada empat aspek. Pertama, masalah kepada pendekatan *al-ḥikmah* iaitu masalah kesihatan Mohd Fadli Yusof yang sering terganggu, struktur muka bumi di pedalaman yang mencabar, sikap non-muslim yang suka meminta-minta, non-muslim mengejek dan masalah adat dan budaya masyarakat di pedalaman Pensiangan. Kedua, masalah kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* iaitu contoh akhlak kurang baik pendakwah lepas di pedalaman Pensiangan sebelum ini, contoh negatif dalam kehidupan orang Islam, dan contoh segelintir saudara baru di pedalaman yang hidup tidak dibimbing. Ketiga, masalah kepada pendekatan *al-mujādalah* iaitu non-muslim kurang mendapat pendedahan mengenai Islam dan menyebabkan dialog terpaksa memahamkan satu persatu tentang Islam. Di samping itu, sikap non-muslim di pedalaman yang gemar menggunakan sihir dalam perkara-perkara yang berbeza dengan kebiasaan hidup mereka. Keempat, masalah-masalah lain kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof ialah persepsi negatif organisasi dakwah dan kerenah birokrasi dalam organisasi dakwah. Pendakwah sepatutnya menerima sifat dakwah yang lengkap melengkapi dan bukannya membayangi dakwah dengan sifat *mazmumah* yang merugikan. Begitu juga dengan halangan pihak missionari Kristian di Sabah turut memberi masalah kepada dakwah beliau dengan memberikan tekanan melalui undang-undang. Ia secara tidak langsung memberikan masalah kepada pendekatan dakwah beliau di



University of Malaya

pedalaman Pensiangan. Bab selanjutnya akan membincangkan generalisasi kajian berkaitan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

University of Malaya

# BAB 7

# RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

## 7.1 Pendahuluan

Bab ini akan merumuskan keseluruhan dapatan kajian berkaitan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Perbincangan meliputi kepada rumusan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian.

## 7.2 Rumusan

Pendekatan dakwah kepada non-muslim dapat dirumuskan sebagai suatu kaedah, cara, metodologi, *manhaj*, *uslub* dan *wasīlah* dalam usaha menyeru golongan non-muslim kepada kebenaran akidah Islam dan ajaran Islam secara *syumul*. Pengislaman pula dirujuk kepada kepada proses transisi seseorang kepada agama Islam dan seluruh perintah Allah kepada manusia di dunia ini. Manakala non-muslim ialah salah satu kelompok manusia yang tidak beriman kepada Allah s.wt dan wajid diseru kepada agama Islam. Allah s.w.t telah menunjukkan tiga pendekatan yang berkesan dalam menyeru non-muslim kepada agama Islam, iaitu pendekatan *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Di samping itu, di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah turut menyatakan beberapa faktor tarikan kepada pendekatan dakwah non-muslim iaitu faktor tarikan berasaskan *targhīb*, *tarhīb*, *qudwah*, *quwwah*, kesamaan, mukjizat al-Qur'ān, keprihatinan dan kelainan. Ini menunjukkan pendekatan dakwah akan membentuk suatu daya tarikan tertentu yang mampu mempengaruhi atau menarik perhatian non-muslim untuk mendekati atau mengenali Islam.

Dalam konteks ini, pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof telah berjaya mengislamkan 269 orang di pedalaman Pensiangan dalam tempoh dua tahun (2011-2013). Beliau merupakan seorang pendakwah yang bukan berasal daripada negeri Sabah. Kejayaan dalam pengislaman ini menunjukkan beliau seorang pendakwah mahir dan

berpengalaman. Dari sudut pemikiran dakwah, Mohd Fadli Yusof memegang prinsip dengan bersungguh-sungguh menawan hati manusia kepada agama Islam. Setiap manusia wajib di seru kepada akidah Islam. Bagi tujuan ini, beliau mementingkan aspek hubungan kepada golongan *mad'ū*. Dengan mempunyai hubungan sosial yang baik, dakwah dapat disampaikan dengan mudah dan berkesan. Setelah itu manusia yang telah diislamkan mestilah di didik dengan mencintai Allah dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Di samping menyuburkan iman dalam hati, golongan *muallaf* harus diberi dipelihara kebajikannya dan di didik dengan membangunkan prinsip *hablum min al-nās* melalui kegiatan sisoal dan ekonomi. Kaitan tuntutan antara prinsip *hablum mina Allah* dan *hablum min al-nās* menjadi tumpuan utama dalam pemikiran dakwah Mohd fadli Yusof.[911]

Justeru berdasarkan objektif pertama, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah dalam pengislaman di negeri Sabah. Hasil kajian menunjukkan pendekatan dakwah dalam pengislaman melalui tiga period iaitu di zaman sebelum penjajahan yang menunjukkan peranan pedagang sebagai pendakwah yang telah berjaya mengislamkan golongan pemerintah dan mempengaruhi dasar pemerintahan dalam penyebaran dakwah dan pengislaman. Pendakwah menggunakan kaedah membina hubungan melalui perkahwinan dengan orang tempatan dan menjadi *role model* dan rujukan dalam masyarakat. Mereka terdiri daripada golongan pendakwah ahli sufi. Di era penjajahan, golongan pendakwah telah memainkan peranan dalam pengislaman dan pendidikan kepada orang Islam. Mereka turut digambarkan sebagai perubah pemikiran masyarakat dan terlibat dengan perjuangan melawan penjajah serta menuntut kemerdekaan. Manakala di era selepas kemerdekaan, pendekatan dakwah dalam pengislaman masih berterusan, namun dalam konteks gerakan secara berorganisasi yang tersusun dan bersistematik.

[911] Pemikiran dakwah Mohd Fadli Yusof dilihat sama dengan prinsip dakwah Darul Arqam. Beliau merupakan bekas ahli dan pelajar di pertubuhan ini di era 1990-an. Pendidikan di Yayasan Al-Arqam telah memberikan kesan kepada pemikiran dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.



University of Malaya

Objektif kedua kajian ini ialah bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan adalah berasaskan kepada tiga *manhaj* dakwah yang dinyatakan dalam ayat 125, surah al-Nahl iaitu *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Pertama pendekatan *al-ḥikmah.* Mohd Fadli Yusof menyeru non-muslim di pedalaman dengan kaedah yang tidak memaksa. Beliau lebih mementingkan pendekatan membina hubungan dengan non-muslim, memahami perkara yang disukai dan dibenci, menziarahi dan memberi sumbangan atau hadiah kepada non-muslim secara berulang-ulang, dan menjemput non-muslim makan kenduri di Kampung Padang, Sepulut. Hubungan baik yang telah dibina memudahkan beliau menyampaikan dakwah kepada non-muslim dengan berkesan. Kedua pendekatan dakwah *maw'iẓah al-ḥasanah.* Mohd Fadli Yusof menyampaikan Islam secara lemah lembut dan sentiasa menunjukkan contoh keindahan Islam melalui cara hidup sebagai seorang muslim. Ketiga pendekatan dakwah *mujādalah.* Mohd Fadli Yusof lebih suka menggunakan kaedah dialog atau perbincangan secara santai dan menyelitkan mesej-mesej dakwah.

Sementara itu, dalam objektif ketiga kajian ini ialah bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor tarikan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah. Faktor tarikan kepada pendekatan *al-ḥikmah* ialah faktor tarikan *qudwah*, faktor tarikan *quwwah*, faktor tarikan kelainan, faktor tarikan berulang-ulang dalam ziarah dan memberi hadiah, dan faktor tarikan keprihatinan melalui kesungguhan sikap beliau dalam menjaga kebajikan. Faktor tarikan kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah* menunjukkan terdapat dua tarikan yang signifikan kepada non-

University of Malaya

muslim iaitu tarikan *targhīb* dan faktor *tarhīb.* Beliau dilihat cuba mendekatkan non-muslim dengan keindahan Islam dalam bersaudara dan menimbulkan kebimbangan mengenai kedashyatan hari akhirat. Manakala faktor tarikan kepada pendekatan *mujādalah* beliau dapat dilihat dengan tarikan kesamaan antara Islam dan Kristian dalam agama samawi, dan tarikan dalam menghubungkan dengan perkara-perkara penting bagi masyarakat di pedalaman seperti nilai persaudaraan. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan wujud faktor-faktor lain yang mendorong atau menarik perhatian non-muslim kepada dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan. Faktor tersebut ialah pendedahan Islam melalui pendidikan formal semasa dan peranan pendakwah-pendakwah yang pernah masuk ke pedalaman Pensiangan sebelum ini. Ia menunjukkan seolah-olah pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof telah memberi pengukuhan yang kuat untuk mereka memeluk Islam dengan penuh sukarela.

Manakala bagi objektif keempat, kajian ini bertujuan untuk menganalisis masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan masalah kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman terbahagi kepada empat. Pertama dalam masalah kepada pendekatan *al-ḥikmah*. Dalam masalah ini, beliau dilihat sering mengalami masalah kesihatan diri disebabkan faktor umur dan gangguan sihir selepas mengislamkan seseorang. Beliau juga berhadapan dengan masalah sikap non-muslim yang suka meminta-minta wang, mengejek dengan cara yang tidak wajar dan masalah adat dan budaya di pedalaman menyukarkan dalam menyampaikan dakwah. Kedua, masalah kepada pendekatan *maw'iẓah al-ḥasanah*. Masalah ini berkait dengan faktor luaran, tetapi memberikan kesan negatif kepada dakwah beliau. Antaranya ialah masalah akhlak tidak baik yang ditunjukkan oleh pendakwah-pendakwah lepas yang menyebabkan non-muslim prejudis dengan dakwah beliau dan keadaan hidup saudara baru dan orang Islam di pedalaman yang tidak memberi contoh sebagai seorang Islam. Ketiga, masalah kepada pendekatan *mujādalah*. Mohd Fadli

University of Malaya

Yusof berhadapan dengan latarbelakang non-muslim yang masih mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan sangat kurang mendapat pendedahan mengenai Islam. Keadaan ini menyukarkan beliau dalam menyampaikan mesej dakwah melalui dialog kecuali dengan mengaitkan aspek-aspek yang terdapat di sekeliling mereka. Di samping itu, non-muslim di pedalaman sering menggunakan sihir sebagai tindakan balas kepada perbuatan atau perkataan yang mereka tidak setuju dan tidak suka. Mohd Fadli Yusof terpaksa berhati-hati agar pendekatan dakwah *mujādalah* yang keterlaluan dapat dielakkan kerana dikhuatiri menyentuh sensitiviti mereka. Beliau dilihat cuba menangani masalah dengan tidak menyebabkan non-muslim menjauhkan diri daripada dakwah. Keempat, masalah-masalah lain kepada pendekatan dakwah beliau. Dalam hal ini, beliau telah berhadapan dengan masalah persepsi dan birokrasi pihak organisasi Islam terhadap dakwah beliau di pedalaman. Ia secara tidak langsung menyebabkan urusan berkaitan pengislaman non-muslim tertangguh dan menjejaskan kredibaliti beliau sebagai pendakwah di pedalaman Pensiangan. Pihak missionari Kristian pula berusaha memberi tekanan melalui politik untuk menyekat dakwah beliau di pedalaman. Mereka telah memberikan gambaran buruk tentang dakwah Islam bagi menggelakkan penganut Kristian di pedalaman terpengaruh dengan dakwah Mohd Fadli Yusof.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan berasaskan pendekatan *al-ḥikmah*, *al-maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Hampir semua pendekatan dakwah yang dilakukan beliau lebih bersifat membina kasih sayang, mengukuhkan hubungan dan mengukuhkan iman untuk tujuan menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Beliau telah menjadi *'role model'* bagi masyarakat pedalaman Pensiangan dengan berjaya membangunkan cara hidup Islam di Kampung Padang, Sepulut. Beliau telah menunjukkan cara hidup masyarakat dengan berpusatkan masjid, membangunkan sosiobudaya yang berteraskan Islam dan membangunkan sosioekonomi masyarakat pedalaman dengan prinsip

Islam. Beliau telah berjaya mengubah individu kepada akidah Islam dan menjaga kebajikan mereka pendidikan yang berprinsipkan *hablum min al-nās* sebagaimana dituntut ajaran Islam. Prinsip ini diterjemahkan dengan membangunka cara hidup Islam dalam dir individu, keluarga dan masyarakat di pedalaman Pensiangan.

### 7.3 Implikasi Kajian

Berdasarkan dapatan kajian mengenai *'Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah,'* terdapat beberapa implikasi yang dapat dilihat, sepertimana berikut.

i. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof dalam mengislamkan masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan adalah berasaskan teori pendekatan dakwah yang dinyatakan al-Qur'ān melalui surah al-Nahl, ayat 125 iaitu kaedah secara *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*. Oleh itu, pendakwah haruslah mendekati dan menyeru golongan non-muslim kepada Allah atau agama Allah (ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ) dengan pendekatan *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah*, bukan menyeru untuk tujuan-tujuan tertentu.

ii. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah kepada golongan non-muslim mestilah mempunyai eleman yang tidak memaksa dalam memastikan pengislaman seseorang bersifat berkekalan. Pendakwah juga harus memainkan peranan dalam memastikan pendekatan yang dilakukan memahami latarbelakang dan psikologi kehidupan non-muslim. Ia dapat menggambarkan sifat *syumul* dan praktikal agama Islam merentasi soal budaya dan bangsa seseorang.

University of Malaya

iii. Dapatan kajian menunjukkan golongan non-muslim harus di dekati dengan kaedah-kaedah yang mendekatkan dan merapatkan hubungan. Dalam hal ini, pendakwah harus menunjukkan iltizam yang tinggi dalam mendekati golongan non-muslim secara ziarah, memberi sumbangan atau bantuan dan menjemput makan. Tiga pendekatan ini dilihat boleh mengukuhkan hubungan yang boleh memudahkan dalam menjelaskan atau menyampaikan Islam secara berkesan, sekalipun mereka belum menerima Islam. Kesan hubungan baik juga boleh membentuk suatu kepercayaan yang tinggi dan menghilangkan prejudis non-muslim kepada Islam. Contohnya sebahagian ibu bapa atau penjaga yang masih non-muslim memberi keizinan anak-anak kecil mereka memeluk Islam dan memberikan tanggungjawab pendidikan kepada Mohd Fadli Yusof.

iv. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah secara lisan harus diseimbangkan dengan perbuatan pendakwah dalam mendekati golongan non-muslim. Pendakwah harus menunjukkan *role model* dalam bentuk perbuatan yang dituntut dalam agama Islam sebagai menunjukkan gambaran bahawa Islam tidak terbatas kepada ritual tertentu, malah meliputi seluruh kehidupan manusia. Keseimbangan perkataan dan perbuatan juga mampu membentuk suatu persepsi yang baik kepada Islam dan penganutnya.

v. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah secara dialog merupakan kaedah yang baik dalam menjelaskan tentang Islam. Isu-isu berkaitan Islam dan Kristian telah mendorong reaksi positif kepada sebahagian non-muslim di pedalaman mengetahui tentang agama Islam. Tambahan pula, persaingan gerakan dakwah dan missionari juga mendorong sikap meneliti di kalangan penganut Kristian terhadap kebenaran. Oleh itu, pendakwah haruslah menggunakan peluang dialog secara hikmah dalam menjelaskan dan

University of Malaya

menunjukkan tentang hakikat agama Islam kepada non-muslim. Dialog mestilah dilakukan dengan niat dan matlamat yang betul agar non-muslim lebih selesa atau hampir dengan Islam dan bukannya menyebabkan mereka menjauhkan diri dari dakwah.

vi. Dapatan kajian menunjukkan mesej dakwah kepada golongan non-muslim mestilah tepat dan mengambil kira latar belakang kehidupan melalui agama dan budaya. Justeru dapatan kajian ini telah menunjukkan mesej dakwah mengenai hari kebangkitan dan hari kematian mampu menarik perhatian non-muslim terhadap Islam. Ia secara tidak langsung dapat membuka pemikiran non-muslim tentang agama dan kepercayaan yang dianutinya selama ini.

vii. Dapatan kajian menunjukkan teori penerimaan Islam melalui unsur sufi atau perkara luar biasa, telah mendorong segelintir non-muslim menerima Islam. Tarikan kepada perkara luar biasa dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat pedalaman terhadap mimpi, alam mistik, pelik dan sebagainya. Keadaan ini seolah-olah mereka tertarik dengan Islam disebabkan mempunyai kaitan unsur mistik dan wajib dipercayai, sepertimana disebutkan oleh S.Q Fatimi,[912] Cesar A.Majul[913] dan Muhiddin Yusin.[914] Oleh itu, pendakwah haruslah menggunakan pertimbangan dalam perkara mistik atau luar biasa agar tidak menjadi faktor utama non-muslim memeluk Islam. Walaupun dapat menarik perhatian, namun kebergantungan semata-mata kepada faktor tersebut boleh menjejaskan akidah mereka selepas menerima Islam.

---

[912] S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963), 71-72.
[913] Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 76.
[914] Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 8.



University of Malaya

viii. Dapatan kajian menunjukkan kaedah mendekati golongan non-muslim dengan membawa isteri dan anak-anak bersama-sama dalam lapangan dakwah mampu memberikan kesan positif. Kebersamaan mereka dapat memainkan peranan dalam mendekati non-muslim mengikut kesamaan jantina, peringkat umur dan sebagainya. Mereka juga membantu secara sentuhan fizikal dan emosi seperti berjabat tangan atau bersalaman, berpelukan dan mengusap. Kesamaan dari sudut jantina dan emosi juga memberikan kesan yang positif dalam pendekatan dakwah non-muslim.

ix. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan non-muslim yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof telah menunjukkan keyakinan yang agak tinggi sebagai seorang Islam. Mereka sentiasa bersemangat dan berukhwah dalam menjalani hidup sebagai orang Islam, sekalipun masih berhubungan dengan non-muslim disekeliling mereka sama ada ahli keluarga ataupun rakan-rakan. Ini menunjukkan kematangan kehidupan beragama di Sabah agak kurang memberi tekanan kepada segelintir mereka yang baru memeluk Islam.[915]

x. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah kepada non-muslim yang berkesan memerlukan kepada melahirkan pendakwah-pendakwah yang berpengalaman, berani dan kesediaan dalam menghadapi cabaran-cabaran secara fizikal dan mental. Ia menjadi asas kepada keberkesanan pendekatan dakwah. Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pengislaman, namun cara Islam diperkenalkan dapat

---

[915] Dapatan ini agak berbeza dengan kajian Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng dan Abdul Salam M. Shukri (2008), yang mendapati tahap keyakinan agak tergugat dalam menunaikan perintah agama di kalangan saudara baru disebabkan faktor tekanan keluarga, halangan agama sebelum dan mentaliti kepercayaan agama dan kaum di Malaysia. Manakala kajian Nur Aʻthiroh Masyaa'il Tan Abdullah dan Fariza Md Sham (2009), menunjukkan saudara baru menghadapi masalah dalam penghayatan agama, tekanan keluarga dan tekanan untuk menyesuaikan diri ke dalam agama baru. Ini menunjukkan sentimen agama yang pernah berlaku di Sabah agak kurang memberi tekanan kepada kehidupan saudara baru selepas Islam. Mereka sentiasa mengekalkan sifat toleransi secara harmoni, sepertimana dapatan kajian Suraya Sintang. Manakala sentimen bangsa atau perkauman yang wujud di semenanjung, menjadikan kehidupan saudara baru lebih mencabar dengan dibayangi kebimbangan dan tekanan tertentu.



University of Malaya

memuaskan aspirasi dan harapan rohaniah masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah.

xi. Dapatan kajian turut menunjukkan gerakan dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan telah memberikan impak positif kepada peningkatan penganut Islam dalam suku kaum Murut di Sabah, peningkatan jumlah penganut Islam di kawasan majoriti Kristian dan penerimaan dakwah tanpa konflik agama.

**7.4 Cadangan**

Berdasarkan hasil kajian '*Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah,'* terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan sepertimana berikut:

a) Kajian berkaitan dakwah dan pemikiran dakwah di kalangan tokoh-tokoh harus diterokai supaya kesinambungan model dakwah yang boleh diaplikasikan khususnya dalam usaha dakwah kepada golongan non-muslim di Malaysia.

b) Kajian ini mencadangkan supaya kurikulum dalam pendidikan arus perdana menerap asas metodologi dakwah kepada golongan non-muslim di Malaysia. Setiap muslim harus di dedahkan dengan ilmu tersebut bahkan ia mendidik agar tidak prejudis dengan sentimen kaum dan budaya masyarakat non-muslim di Malaysia agar kehidupan majmuk ini dapat mengukuhkan hubungan atau keharmonian yang bermanfaat untuk perkembangan dakwah.

University of Malaya

c) Kajian ini mencadangkan agar pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan JAIN mengadakan ‘kerjasama’ berkonsepkan *smart partnership* dengan kumpulan pendakwah yang bergerak secara individu dalam usaha dakwah dan pengislaman khususnya di Sabah.

d) Keperluan kajian tentang budaya etnik masyarakat non-muslim di Sabah bagi manfaat dakwah. Begitu juga dengan keperluan kepada pengilibatan pendakwah di kalangan ahli-ahli profesional Islam yang lain seperti ahli sosiologi, antropologi, doktor dan lain-lain di lapangan, agar Islam dapat dilihat secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.

e) Kajian tokoh pendakwah, pendekatan dakwah dan gerakan dakwah kepada golongan non-muslim di Malaysia harus diteruskan dan dipertingkatkan sebagai usaha membentuk suatu penghayatan faedah yang memberi impak berterusan dalam menyemarakkan perkembangan dakwah Islam di Sabah.

f) Mendidik masyarakat Islam agar tidak prejudis dan berpandangan sempit dengan sentimen kaum dan budaya kepada golongan non-muslim agar dapat membina hubungan baik yang dapat dimanfaatkan untuk dakwah.

## BIBLIOGRAFI

‘Abd al-Na‘im Muhammad Hussain. *Al-Da’wah ila Allah ‘ala Bashīrah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1984.

‘Abdul Karim Zaydān. *Usūl al-Da‘wah.* Beirut: Al-Risālah Publisher, 1998.

‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud. *‘Ālamiyyah al-Da‘wah al-Islāmiyyah.* Al-Mansūrah, Misr: Dār al-Wafā’ li al-Tibā‘ah wa al-Naṣr wa al-Tauzi‘, 1992.

A. S Hornby. *Oxford Advanced Learners Dictionary.* Oxford: University Press, 2011.

A. Devito, Joseph. *Essential of Human Communication.* London: Allyn and Bacon, 2002.



University of Malaya

A. Style, Elizabeth. *The Psychology of Attention, Second Edition*. Psychology Press, Taylor & Francis Group: New York, 2006.

Ab Aziz Mohd Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

________________. *Psikologi Dakwah.* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999.

________________. "Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Selangor," *Jurnal Usuluddin* 2 (1995): 38-40.

________________. "Dakwah al-Qur'an kepada Bukan Islam: Suatu Kajian khusus terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994.

________________. *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.

Abd Hadi Borham. "Pola Pendedahan Internet dan Impaknya Terhadap Kefahaman Islam di kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM." Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Abdul Fatah Haron Ibrahim. "Kebatilan al-Arqam." Dalam *Dinamika Islam sebagai al-Din*, ed., Siti Saudah Haji Hassan et al. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, 1999.

Abdul Ghafar Don. *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia.* Shah Alam: Karisma Publications, 2008.

_________________ et al. *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep Metode dan Pengalaman.* Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1998.

Abdul Hakim Mohad. "Spiritual Journey of Murut Tahol and Its Effect to their Headhunting Practise," *International Journal of Science and Humanity* 4 (November 2010): 427.

Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah dan Aliran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992.

____________________________. *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbit KINTAN Sdn Bhd, 1992.

Abdul Sukor Shaari et al. "Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Mengapai Literasi Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1 (November 2011): 62-68.

Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badruddin. "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia," *Jurnal Hadhari* 2 (2009): 33-43.

Abdullah Ishak. *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu).* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1992.

University of Malaya

Abdullah Mohd Zin. “Dakwah dalam Masyarakat Cina dan Orang Asli.” Dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*, *Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Abdul Ghafar Hj. Don, Berhanuddin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani. Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

__________________. “Penyelewengan Akidah dalam Masyarakat Islam di Malaysia Kini: Tumpuan Khas kepada Darul Arqam.” Dalam *Dinamika Islam sebagai Al-Din*, ed. Siti Saudah Hj. Hasan et al. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1999.

__________________. *Islamic Da’wah (Mission), The Defination, Conception & Foundation*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd., 1995.

Abdullah, Abd al-Hayy Muhammad, *Khātimiyyah al-Islām Li Ahsan al-Basyariyyah wa Istiqāruha, Dirāsāh Tahlilīyyah fi al-Da‘wah wa al-Du‘ah*. Kaherah: Dār al-Thibā‘ah al-Muhammadiyyah, 1985.

Al-Bukhāri, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il. *Sahih al-Bukhāri*, ed. Sheikh Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqiy. Kaherah: Maktabah al-Safā, 2003.

Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal. *Al-Da’wah Ilā Allah Ta‘ālā*. t.tp: al-Hadhārah al-‘Arabiyyah, 1977.

Adam Kuper & Jessica Kuper ed. *The Social Science Encyclopedia*. London: Routledge, 1996.

Adi Setia. “Tiga Pengertian ‘Sains Islam’: Ke Arah Usaha Penyedaran Semula Misi Pengislaman Sanis Dan Teknologi Menurut Kerangka Faham Syed Muhammad Naquib al-Attas.” Makalah Training of Trainers Kursus Falsafah Ilmu, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 11 Febuari 2015.

Ahmad Asnawi Hj. Hassan. “Dakwah al-Qur’ān terhadap Manusia ke Arah Pembangunan.” Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia, 1995.

Ahmad Mahmud Abu Zaid. *Pendakwah Masa Kini*, terj. Usamah b. Hussein (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, 1996.

Ahmad Rafizi Salleh. “Islam dan Masyarakat Majmuk.” Dalam *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia A*, ed. Hasnan Kasan, Nasruddin Yunos & Nazri Muslim. Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. *Seruan Tauhid: Checklist Buat Para Dai*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2011.

Ahmad Sonhadji Mohamad. *Tafsir al-Quran di Radio*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2011.

Aishah et al. “Conversions Pattern Among Muallafs at Pusat Bimbingan Islam Sultan abdul Halim Mua’zam Syah Kedah Darul Aman (PUSBA).” *Elixir International Journal Social Science* 34, (2011), 2509-2511.

University of Malaya

Amir Husin. "Strategi Dakwah al-Jamiyatul Washliyah dalam Penyebaran Islam di kalangan Masyarakat Batak di Sumatera Barat." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Al-Alūry, Adam Abdullah. *Tarikh al-Da'wah il Allah baina al-Ams wa al-Yaum*. Kaherah, Egypt: Maktabah Wahbah, 1979.

Al-Bahi, Muhammad. *Al-Islām fi Hayāh al-Muslim*. Misr: Maktabah Wahbah, 1973.

_________________. *Al-Qur'ān dalam Menghadapi Kebendaan*, terj. Mohd Sulaiman Yasin. Kuala Lumpur: Yayasan Salman, t.th.

Al-Banjari, Muhammad Nuruddin Marbu. *Al-Adab al-Mufrad lil Imam al-Hafiz Muhammad Bin Ismail al-Bukhār*. Bogor, Indonesia: Ma'had Al-Zayn li Tibā'ah wa al-Nasr wa al-Tauzi' wa al-Tarjamah, 2010.

Al-Bayānuni, Muhammad Abu al-Fath. *Al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1999.

Al-Bukhāri, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'il. *Sahih al-Bukhāri*, ed. Al-Rifā'ie, al-Sheikh Qāsim al-Shamā'ie. Beirut: Dār al-Qalam, 1987.

Al-Bustani, Fuad Ifram. *Munjid al-Tullāb*. Beirut: Dār al-Mashriq, 1973.

Al-Butty, Muhammad Sa'id Ramaḍhan. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2003.

Al-Faruqi, Ismail Raji. *Islam dan Kepercayaan Lain*, terj. Zulkiple Abd Ghani. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2008.

__________________. *Pengislaman Ilmu*, terj. Mustafa Kasim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.

Al-Hudaybi, Hassan Ismail. *Pendakwah Bukan Penghukum*, terj. Hj. Salahuddin Abdullah. Kota Bahru: Pustaka Aman Press, 1991.

Ali Jarishah. *Manāhij al-Da'wah wa Asālibiha*. Al-Mansurah, Misr: Dār al-Wafa' Li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi',1986.

__________. *Pendakwah Bukan Pelampau*, terj. Hj. Abdul Rahman Ahmad. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1985.

'Ali Mahfūz. *Hidāyah al-Mursyidīn wa Ṭurūq ilā al-Wa'ẓ wa al-Kḥitābah*. Kaherah: Dār al-I'tiṣām, 1952.

Al-Mawardiy, Abu al-Hasan 'Aliy bin Muhammad bin Habib al-Basriy. *Ahkām al-Sultāniyyat wa wilāyah al-diniyyah*, terj. 'Uthman Haji Khalid. Kajang: Institut Pengajian Tradisional Islam (IPTI), 1993.

*Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiy*. Larousse: Al-Munaẓẓhomah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989.

Al-Mubarakfury, Safi al-Rahmān. *Al-Rahiq al-Makhtūm,* terj. Mohd Nor Long. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2011.



University of Malaya

Al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariya Yahya bin Sharif. *Hadith Empat Puluh*, terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1992.

Al-Nisabury, Muslim bin Hajjaj al-Qusairiy. *Shahih Muslim*, terj. Ma'mur Daud. Klang: Klang Book Centre, 2004.

Al-Qaradawi, Yusuf. *Thaqāfah Dā'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001.

Al-Qurtubi, Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. *Al-Jāmi' li al-Ahkām al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabiyy li Tibā'ah wa al-Naṣr, 1967.

Al-Shadiqiyy, Muhammad bin 'Ulān. *Dalil al-Fālihin li Turuq Riyād al-Shalihin*. Kaherah: Dār al-Hadith, 1985.

Al-Shahrastani. *Milal wa al-Nihal, Agama dan Idealogi*, terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006.

Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutawally. *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*. Kaherah: Dār al-Tawfiqiyyah litturāth, 2011.

Al-Siddiqi, Hasbi TM. *Al-Siyāsat al-Shar'iyyah al-Duwaliyah.* Semarang Indonesia: Pustaka Rizki Putra, 1906.

Al-Syawiriyy, Jarjis Hamam, *Mu'jam al-Tullāb*. Lubnan: Maktabah Lubnan Nasyirun, 1995.

Al-Thabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āi al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr, 1999.

Al-Tirmizi, Abū 'Isā bin Saurah bin al-Ḍuhāk. *Sunan al-Tirmizī*, ed. Ibrahim Ghutwah. Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Musṭofa al-Bābī al-ḥalbiyy, 1975.

Aziz Bin Hj. Mohamad. "Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan dari Perspektif Undang-Undang." Tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003.

Babbie, Earl. *The Basics of Social Research*. United States of America: Thomson Wadsworth, 2007.

Badlihisham Mohd Nasir. *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements*. Selangor: Synergymate Sdn Bhd., 2003.

____________________. "Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu," *Jurnal Islāmiyyāt* 34 (Januari-Jun 2012) : 5-12.

____________________. "Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (Julai-Disember 2010): 2-15.

Bailey, Kenneth D. *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992.

*BBC English Dictionary*. London: Harper Collins Publisher, 1993.

University of Malaya

Berhanuddin Abdullah. “Penguasaan Dakwah: Satu Kajian Konseptual Menurut al-Qur’ān dan al-Sunah.” Dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot. Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.

____________________. “Pentadbiran Organisasi Dakwah.” Dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Abdul Ghafar Hj. Don, Berhanuddin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani. Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

Bilcher Bala, Bazley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan. “Pengaruh Kesultanan Brunei kepada Masyarakat Sabah.” *Utusan Borneo*, 3 April 2008.

*Cambridge Advanced Learner’s Dictionary*. Cambridge: Cambridge University Press, 2008.

Cesar Adib Majul. *Islam di Filipina*, terj. Shamsuddin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Che Yusoff Che Mamat et al., “Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Suku Semai Di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang,” *Jurnal Islamiyyat* 25 (2004) : 30-36.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan, Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Kuala Lumpur), 2006.

Clarence L. Barnhart & Robert K. Barnhart. *The World Book Dictionary*, ed. Chicago: World Book Inc., 1988.

*Collins English Dictionary*. Glasgow: Harper Collins Publishers, 1994.

Dusuki Ahmad. *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986.

E.W Lane, *Arabic English Lexicon*. Cambridge: Islamic Texts Society, 1863.

El-Bahi El-Khuly. *Panduan Para Pendakwah*, terj. Ismail Mohd Hassan. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1984.

*Elias’ Modern Dictionary, English-Arabic*. Kaherah: Elias’ Modern Publishing House & Co., 1984.

Elzain Elgamri. *Islam in the British Broadsheets, The Impact of Orientalisme on Representations of Islam in the British Press*. United Kingdom: ITHACA Press, 2008.

Emin Madi. *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, 2009.

*English Dictionary*. London: Penguin Reference, 2001.

*Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, 1998.

University of Malaya

Esmail Hj. Mohd Salleh. "Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Perak Sebelum dan Selepas 1949." Dalam, *Islam di Malaysia*, ed. Khoo Kay Kim, Mohd. Fadzil Othman & Abdullah Zakaria. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, t.th.

Esposito, John, L. *Ensiklopedi Oxford*, *Dunia Islam Moden*, terj. Eva. Y. N, Fremmy, S, et al. Bandung: Pustaka Mizan, 2002.

Farahwahidah Mohd Yusof. *Al-Arqam dan Ajaran Aurad Muhammadiah: Satu Penilaian*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2007.

Farid Mat Zin & Anwar Fakhri Omar. "Amalan Tarekat di Kalangan Ulama Nusantara: Kajian Terhadap Ulama Kalimantan Indonesia." Dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004, 110-125.

Ghalūsh, Ahmad Ahmad. *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usūliha wa Wasa iluha*. Kaherah: Dār al-Kitab al-Misriy, 1978.

Ghazali Basri. *Gerakan Kristian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Ghazali Darusalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996.

Gulati, P.M. *Research Management: Fundamental and Applied Research*. New Delhi: Global India Publications, 2009.

Haji Buyong Adil. *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

Halim Mokhtar. "Penerimaan dakwah Islamiyyah di kalangan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Hamdan Aziz. "Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969-1976," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 1 (2013): 171-175.

Haron Din. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002.

Harun Yahya. *True wisdom described in the Quran*. India: Goodword Book, 2004.

Hashim Mehat. "Umat Islam Dilanda Krisis." Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*, ed., Shofian Ahmad, et al. Bangi: Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2003.

Hodl, Klaus, "Islamophobia in Austria: The Recent Emergence of Anti-Muslim Sentimens in the Country," *Journal of Muslim Minority Affair* 14 (2010): 446-455.

Hsiu, Fay Hsieh & Sarah E. Shannon. "Three Approaches to Qualitative Content Analysis," *Qualitative Health Research Journal* 15 (November, 2005): 1277-1283.

Husni Muhammad Ibrahim Ghithas. *Al-Da'wah Islamiyyah fi 'Ahd Amir al-Mukminin 'Umar bin al-Khattab R.A.* Beirut: Al-Maktab Islamiyy, 1985.

University of Malaya

Ibn Kathīr, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013.

Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Beirut Li al-Tibā'ah wa al-Naṣr, 1968.

Ibrahim Che Noh. "Dakwah Kepada Non-Muslim." Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, 84. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.

Ideris Endot. "Peranan Psikologi Masyarakat Islam dan Dakwah Islamiah." Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini,* ed. Sidi Gazalba & Zainab Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.

*Islamization Of Knowledge, General Principles and Work Plan*. International Institute of Islamic Thought: USA, 1989.

Ismail Yusoff. *Politik dan Agama di Sabah.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Jackson, Sherri L. *Research Methods and Statistics, A Critical Thinking Approach.* USA: Wadsworth/Thinking Learning, 2003.

Jacqueline Pugh-Kitingan. "Murut." Dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed. Kntayya Mariappan & Paul Porodong. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012.

Jamdin Buyong. "Islam Membentuk Tamadun Penduduk Sabah: Sejarah dan Kejayaan." dalam *Islam di Sarawak dan Sabah*, ed. Anwar Fakhri Omar, Ezad Ezraai Jamsari & Jaffari Awang. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, 190-220.

Jamil Hashim dan Sulaiman Ibrahim. *Konsep Al-Jamā'ah Al-Muslimin dalam Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2006.

Judith A. Nagata. "The Impact of Islamic Revival (Dakwah) on the Religious Culture of Malaysia." Dalam *Religion, Values and Development in Southeast Asia*, ed., Bruce Matthew & Judith A. Nagata, 41-50. Singapura: Institute of Southeast Asia Studies, 1986.

Juhariah Ismail. "Keberkesanan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu." Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007.

*Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Kuala Lumpur; Penerbit Fajar Bakti, 2001.

*Kamus Melayu Inggeris Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2012.

Karia Hj. Rahmat. "Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000.

Kasim Hj. Mansur. "K-Dakwah dan Peranannya dalam Proses Islamisasi di Sabah." Dalam *Isu-Isu Sains Sosial dari Perspektif Islam*, ed. Asmady Idris, Dzurizah Ibrahim & Rahminah Muharam. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003.

University of Malaya

Khairuddin Mohd Amin. "Sumber Aliran Al-Tasawuf Al-Sunni Menurut Islam." Dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004, 160-173.

Khalid Rashid. *Al-Da'wah ila Allah fi al-Mustasyfiyyāt Dirāsat Thaṭbiqiyyah Taqwimiyyah*. Arab Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ūd al-Islamiyyah, 2007.

L. R. Wright. *The Origins of British Borneo*. Hongkong: Hongkong University Press, 1970.

Lee Yong Leng. *Sabah: Satu Kajian Georgrafi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982.

Linda Woodhead. "Christianity." Dalam *Religions in the Modern World*, ed. Linda Woodhead et al. New York: Routledge, 2002.

*Longman Dictionary of Contemporary English*. Essex: Longman Group Limited, 1987.

*Longman Exams Dictionary*. United Kingdom: Pearson Longman, 2006.

M. Puvenesvary. "Interviews." Dalam *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Technique*, ed. M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim et al. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2011.

Ma, Yunus Abdullah Zheng. "Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Mahmood Nazar Mohamed. *Pengantar Psikologi, Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.

Mahmud Hamdi Zarzuq. *Orientalisme, Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam*, terj. Mudasir Rosder & Che Yusuf Che Mamat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.

Mahmūd Sharīf. *Al-Adyān fi al-Qur'ān*. Misr: Dār Ma'ārif bi Misr, 1970.

Masnon Haji Ibrahim. Sejarah Perkembangan Islam di Brunei." Dalam *Islam di Brunei, Sabah dan Sarawak*, ed. Ismail Mat. Kuala Lumpur: Penerbit Asiana, 1989.

Masthurhah Ismail, Hamdi Rahman Mohd Yaacob & Mohd Fauzi Mohd Harun. "Sejarah Dakwah dan Pengislaman Orang Asli di Negeri Perak." Laporan penyelidikan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 2011.

Mat Zin Mat Kib. "The Varied Financial Sources of the Main Denominational Churches in Sabah: A Historical Perspective," *Jurnal Islamiyyat* 25 (2004): 72-73.

______________. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia, 2003.

Md. Yusof Abd. Hamid. "Perjuangan dan Jihad Tokoh-Tokoh Tarekat Tasawuf di Nusantara." Dalam *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*, ed., Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2004, 103.

University of Malaya

Moh. Rifai. *Perbandingan Agama*. Jakarta: P.T Djajamurni, 1965.

Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris & Sukura @ Fatimah Md. Hidup. "Masyarakat Arab (Keturunan Syed) di Tawau, Sabah: Tinjauan Terhadap Sejarah Pertapakan dan Sumbangan dari Aspek Sosial," *Borneo Research Journal* 1 (2007): 196-197.

Mohamed Aris Othman. "Islamization of Human Sciences: Problems and Prospects." Dalam *Islamization of Human Sciences*, ed. Mohd Yusof Hussain (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2009.

Mohd Amin Abdul Rahim. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd., 2001.

Mohd Fadli Yusof, "Hidayah Daripada Mimpi," *Majalah Q & A*, Julai 2013, bil. 19.

Mohd Farid Mohd Sharif. "Kaum Kensiu Negrito Muslim: Sejarah Pengislaman dan Masalah di Ulu Legong Baling, Kedah." Tesis sarjana, Universiti Malaya, 2003.

Mohd Lazim Lawee. *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Mohd Noor Abdullah. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1976.

Mohd Sulaiman Hj Yasin. *Islam dan Aqidah (Satu Pengantar).* Bangi, t.p, 1985.

Mohd Yazid Saad. "Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Mohd Yusof Hussain. "Barriers and Obstacles to Islamic Da'wah." Dalam *Reading in Islamic Da'wah,* ed. Mohd. Yusof Hussain. Kuala Lumpur: International Islam University Malaysia Press, 2009.

__________________. "Method in Contemporary Islamic Da'wah." Dalam *Readings in Islamic Da'wah,* ed. Mohd. Yusof Hussain. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, 2009.

Mohd. Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009.

Morgan, King & Robinson. *Introduction to Psychology*. New York: Mc Graw Hill Book Company, 1979.

Muhammad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal, Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987.

Muhammad Afifi Abdul Razak. "Islam: Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia." Dalam *Kenegaraan Malaysia, Isu-isu dan Perkembangan,* ed. Rohani Ab. Ghani & Zulhilmi Paidi. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.

University of Malaya

Muhammad Al-Ghazali. *Maā‘Allah, Dirāsāh fi al-Da‘wah wa al-Dā‘ah*. Kaherah: Dār al-Kitab al-Hadithah bi Misr, 1965.

Muhammad Fuad ‘Abd al-Bāqi. *Muwaṭṭa’ Imam Mālik*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabiyy, 1985.

Muhammad Hasbi Abdul Rahman et al. “Cabaran Dakwah Islam di Sabah: Pendekatan dan Pengalaman Haji Mohd Fadli Yusof.” Dalam kertas kerja *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kali ke 7*. Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kerajaan Negeri Sabah, 10-11 September 2014.

Muhammad Hussain Fadl Allah. *Uslub al-Da‘wah fi al-Qur’ān*. Beirut: Al-Zahrah, 1979.

Muhiddin Yusin. *Islam di Sabah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

Mustafa Haji Daud. *Pengurusan Islam.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1994.

Mustafa Masyhur. *Fiqh Dakwah*, terj. Abu Ridho. Jakarta: Al-I’tishom, 2001.

Najion Jamil. *Pembentukan Malaysia dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2010.

Nāsir Sayyid Ahmad et al. *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Beirut: Dār Ihya’ al-Thurāth al-‘Arabiyy, 2008.

Neuman, W.L. *Social Research Methods. Qualitative and Quantitative Approaches*. United Kingdom: Allyn & Bacon, 2003.

Noor Hisham Md. Nawi et al. *Falsafah Ilmu, Pencarian Hakikat Makna dan Kebijaksanaan*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan, 2013.

Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010.

Norasnie Amiruddin. “Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985).” Tesis sarjana: Universiti Malaysia Sabah, 2012.

Nurasnie Amiruddin, Muhammad Shaukhi Mohd Radzi & Asmady Idris. “Guru Agama Indonesia: Faktor Kedatangan dan Peranan dalam Perkembangan Islam di Sabah (1970-1976).” Prosiding Transformasi Sosial di Borneo-Kalimantan: Pengalaman Modenisasi. Makalah Konferensi Antarauniversiti SeBorneo-Kalimantan Ke-5, Universiti Malaysia Sabah, 16-17 Jun 2009.

Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2008.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 2009.

*Perlembagaan Persekutuan.* Selangor: International Law Book Centre (ILBS), 2005.

University of Malaya

Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail. "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah." *Jurnal Syariah* 23, bil. 1 (2015), 53-78.

Purwadi M. Hum. *Dakwah Sunan Kalijaga, Penyebaran Agama Islam di Jawa Berbasis Kultural*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004.

Qutb, Sayid. *Fi Zilal al-Qur'ān*. Kaherah, Misr: Dār al-Shurūq, 1985.

Ranjit Singh D.S. *The Making of Sabah 1865 – 1941: The Dynamic of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Penerbit University of Malaya Press, 2000.

Rooney, John. *Khabar Gembira (The Good News), A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976).*London: Burns & Oaters Ltd., 1981.

Rozmi Ismail. *Psikologi Sosial.* Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2011.

S.Q. Fatimi. *Islam Comes to Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963.

*Sabah Secara Ringkas*. Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Sabah, 1989.

Saedah Siraj, Zainun Ishak &Tunku Mohani Tunku Mokhtar. *Motivasi dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996.

Said Ismail. *Perbandingan Aqidah Islam dan Kristen menurut Al-Qur'ān dan Bible,* terj. H.Suhairy Ilyas. Indonesia: Yayasan Al-Anshar, 1990.

Sayyid Qutb. *Tafsir Fi Zilal Qur'ān*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. (Kota Bahru Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., 2000.

Selamat Amir et al. "Islam and Muslim in Multi-Religious Society: Realities and Challenges in Sabah, Malaysia," *Middle East Journal of Society of Scientific Research* 13 (2013): 149-159.

Shaharuddin Ahmad. *Statistik Lanjutan: Untuk Geografi dan Bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Shanaz Husain. *The Muslim Conquest of Spain and The Legacy of Al-Andalus.* London: Taha Publishers Ltd., 2004.

Sheikh Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.* Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010.

Sheikh Ghazali Abd Rahman. "Bukan Islam dan Kehakiman dalam Islam." Dalam *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Rumaizi Ahmad. Shah Alam, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor, 2011.

Sidi Gazalba. *Masyarakat Islam.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1976.

Siti Aidah Hj. Lokin. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007.

Sulaiman Ibrahim dan Berhanuddin Abdullah. *Metodologi Dakwah: Teori dan Praktik.* Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM, 2001.

University of Malaya

Sulaiman Noordin. *Sejarah Pemikiran 1, Sumber Ilmu, Perbandingan Idealogi dan Orde Baru Dunia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Suraidah Roslan. "Adenan dipilih Tokoh Maal Hijrah." *Utusan BORNEO*. 16 November 2012, A3.

Suraya Sintang. "Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara Baru di Sabah." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

____________. *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007.

Suzanah Nilam. "Gerakan Dakwah di Kota Kinabalu: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Syaikh Akram Kassab. *Metode Dakwah Yusuf al-Qaradhawi*, terj. Muhyidin Mas Rida. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2010.

Syed Othman al-Habshi. "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah." Dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff & Ideris Endot. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.

T.W Arnold. *The Preaching of Islam*. Lahore: Ashraf Publication, 1970.

*Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Tadmury, 'Umar 'Abd al-Salām. *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibn Hisham*. Kaherah: Dār al-Rayān Li al-Turāth, 1987.

Tantawi, 'Alī. *Fusūl al-Islāmiyyah*. Damsyik: Dār al-Manār, 1960.

*The New Oxford Dictionary of English*. Oxford: Oxford University Press, 1999.

Tregonning, K.G. *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Singapura: Universiti Malaya Press, 1958.

______________. *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967.

Wan Hussein Azmi. "Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah Islamiah Kini." Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.

________________. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984.

Wayne Wu, *Attention*. Routledge, Taylor & Francis Group: London, 2014.

Wilson, J. *Essential of Business Research: A Guide to Doing Your Research Project*. (United Kingdom: SAGE Publications, 2010.

Wimmer, Roger D. & Dominick, Joseph R. *Mass Media Research*. United States of America: International Thomson Publishing, 1994.

University of Malaya

Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil. *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak.* Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd., 2005.

Zulkifli Dahalan et al. *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam.* Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009.

Zulkiple Abd Ghani et al. *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2003.

**TEMU BUAL**

Abang Abdul Rahman bin Taip. Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Abdul Aziz @ Robert. Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Abdul Munir Ismail. Bekas Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Dakwah Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dalam temu bual dengan penulis pada 22 Jun 2014.

Abdullah Ongkil @ Amparing. Saudara Baru di Kampung Salong, Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Ahmad Khairul Ikhwan Abdullah. Pendakwah Bebas di Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Azizul Rahman Mohd Yusof. Pelajar Pascasiswazah Universiti Industri Selangor (UNISEL), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Encik Jamal bin Malim. Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Nurul al-Mustofa Kota Kinabalu, Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Haji Awang Jaafar bin Awang Wahid. Pengerusi Pertubuhan Nurul al-Mustofa Kota Kinabalu, Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Jitra @ Muhammad Ali Daniel. Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Mohamad Hakimi Abdul Mutallib. Pendakwah Lepasan Universiti al-Azhar, Mesir, dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Mohd Azrin Abdul Zainuddin. Pegawai Pengislaman, Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Islam Sook, Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 25 Febuari 2014.

Mohd Fadli Yusof. Pendakwah Bebas di Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

Muhammad @ Micheal. Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Muhammad Ayub @ Jelirus. Saudara Baru di Kampung Piowou, Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

University of Malaya

Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli. Anak Mohd Fadli Yusof, dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Muhammad Suffian Mohd Sulaiman. Pendakwah di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

Muhammad Yusof@ Joseph. Saudara Baru di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Muhd Fazril Roslan. Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), dalam temu bual dengan penulis pada 15 Januari 2014.

Najmuddin Lorie. Ketua Penduduk Kampung Padang, Sepulut, Pensiangan Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Oboy@ Azmil Ambaan. Saudara Baru di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Pamail. Saudara Baru, Bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan, Sabah, dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

Reduan Dollah. Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dalam temu bual dengan penulis pada 30 Mac 2014.

Siti Aisyah Nordin (Isteri Mohd Fadli Yusof), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Januari 2014.

Tasib Mesi. Saudara baru dari Kampung Stamping, Sepulut, dalam temu bual dengan penulis pada 16 Januari 2014.

Zulkeflee Haji Abu Bakar. Penolong Setiausaha Kerja (Operasi), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dalam temu bual dengan penulis, 17 Januari 2014.

**LAMAN SESAWANG**

"300 More People Converted in Remote Sabah Village," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai 15 September 2014, http://www.themalaysian insider.com/print/ malaysia/300-morepeopleconverted-in-remote-sabahvillages.

"Asal Usul Daerah," dikemaskini 10 Januari 2014, laman sesawang *Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Nabawan*, dicapai 26 Mac 2014, http://www.sabah.gov.my/ pd. nbw/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=13&Itemid=117

"Cerita Rakyat mengenai Adat Istiadat Suku Kaum Murut Pensiangan," dikemaskini 10 Januari 2014, laman sesawang *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dicapai 30 Mac 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/dcm/doc-28.html.

"Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992," laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, dicapai 27 Januari 2014, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/ portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b264b 3b2ee79c384482570e00002614f?OpenDocument.

University of Malaya

"Fatwa Pengharaman Ajaran, Pegangan dan Fahaman yang Di Bawa dan Dipegangn oleh Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd. (SRC) dan Rangkaian Syarikat Gabungannya," dikemaskini 10 Disember 2014, dicapai 6 Januari 2014, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-pengharaman-ajaran-pegangan-dan-fahaman-yang-dibawa-dan-dipegang-oleh-ahli-jemaah.

*Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, dikemaskini 7 November 2014, dicapai 30 November 2014, http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About.

"Keputusan Pilihanraya Umum 2013: Sabah," laman sesawang *My Metro*, dicapai 25 Ogos 2014, http://www.hmetro.com.my/myMetro/pilihanraya/Keputusan/?negeri= sabah &hmpru.

"Latar belakang Pejabat Daerah Nabawan," *Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Nabawan*, dicapai 18 April 2014, http://ww2.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option= com_content&view=article&id=16:pejabat-daerah&catid=2:uncategorised& Itemid=105.

"Latar belakang Persatuan Pendakwah Islam Sabah," laman sesawang *Suara Mualaf Sabah*, 25 Mac 2014, http://www.nazrialdusuni.blogspot.com.

"Mujahid Dakwah- Ustaz Hj. Abdul Halim Abas," laman sesawang *You Tube Cahaya FM*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.cahayafm.net.

"Pengenalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEIANS)," laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEIANS)*, dicapai 27 Januari 2014, http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php?option= com_content& view= article&id=547&Itemid=708&lang=en.

"Pengenalan Mengenai Sabah," dikemaskini 7 November 2014, laman sesawang *Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah*, di capai 30 November 2014, http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About.

"Pensiangan District," dikemaskini 10 Januari 2014, dicapai 17 April 2014, http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=13&Itemid=117.

"Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)," dikemaskini 1 Januari 2014, dicapai 2 Jun 2014, http://www.usia.com.my/mukadimah.html.

"Profil Mohd Fadli Yusof," laman sesawang *Kembara Syahadah,org*, dicapai 27 Januari 2014, http://syahadah. dakwah.org/fadli/.

"Uskup Agung John Wong Sokong Gerakan Pertahan Hak Orang Asal Sabah," dikemaskini 14 Ogos 2014, laman sesawang *Herald Malaysia Online*, dicapai 15 September 2014, http://www.heraldmalaysia.com/newscategory/news/ Uskup-Agung-John-Wong-sokong-gerakan-pertahan-hak-Orang-Asal-Sabah/20471/7/.

Ahmad Pazil Md Isa. "Dakwah di Pedalaman Sabah Perlu Digiatkan," laman sesawang *Dtecconan*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.agamaislam-dtecconan.blogspot.my.

Al-Sugairi, Majed. "I'm Sorry, O Prophet…," dikemaskini 23 April 2013, laman sesawang *Saudi Gazette*, dicapai 27 Jun 2014, http://www.saudigazette.com.sa/index.cfm?method=home.regcon&contentid=20130422162428.


University of Malaya

Cambridge Dictionaries Online, dicapai 25 Jun 2014, http://dicitionary.cambridge.org/ dictionary/british/ attraction.

Demond Davidson. "Sabah Christians Meet Today in Bid to Reverse Conversions to Islam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai 15 September 2014, http://www.themalaysianinsider.com/print/malaysia/sabah-christians-meet-today-in-bid-to-reverse-conversions-to-islam.

Eko Prayitno Joko. "Islam dan Dusun Ranau," laman sesawang Academia, di capai 22 Jun 2014, https://www.academia.edu/9622065/Islam_dan_Dusun_Ranau.

Hamden Ramli. "Realiti di Pedalaman Sabah," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 17 Julai 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0311& sec=Rencana&pg=re_02.htm#ixzz312hn5R9z.

Hashnan Hasbullah. "Cabaran Membenters Kejahilan," laman sesawang Utusan Online, dicapai 23 April 2014, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/cabaran-membenters-kejahilan-1. 12177.

Merriam-Webster Online, dicapai 25 Jun 2014, http://www.merriamwebster.com/ dictionary/attraction.

Mohd Azrone Sarabatin. "Artikel Dakwah Negeri di Bawah Bayu," laman sesawang *Mumtaz Humairah*, dicapai 25 Mac 2014, http://www.mumtazhumaira.blogspot.my.

Mohd Fadli Yusof. "Dakwah di Pedalaman Sabah 1: Kemarau Berakhir," dikemaskini 16 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/dakwah-di-pedalaman-sabah-1-kemarau-berakhir/10150249064976 **719**

________________. "Dakwah di Pedalaman Sabah 2: Diancam Sihir," dikemaskini 18 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/dakwah-di-pedalaman-sabah-2-di-ancam-sihir/101502490 65396719

________________. "Dakwah di Pedalaman 3: Antara Isi dan Kulit," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/216-2/.

________________. "Dakwah di Pedalaman Sabah 4: Perjalanan Pertama," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah. org/dakwah-di-pedalaman-sabah-4-perjalanan-pertama/.

________________. "Dakwah di Pedalaman Sabah 7: Solat Jumaat 6 Orang," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 25 Mac 2014, http://syahadah.dakwah. org/dakwah-di-pedalaman-sabah-7-solat-jumaat-6-orang/.

_________________. "Dakwah di Pedalaman 12: Masuk Islam 8 Kali," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 13 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/216-2/.

_________________. "Hidayah Lailatul Qadar," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/hidayah-lailatul-qadar/.

_________________. "Hidayah Sang Pemburu: Kisah Tangga," laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/ hidayah-sang-pemburu-kisah-tangga/.

University of Malaya

_________________. “Hidayah Seorang Pemotong Kayu,” laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/hidayah-seorang-pemotong-kayu/.

_________________. “Hajarul Aswad: Langkah Bermula,” dikemaskini 11 Jun 2013, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/ hajaral-aswad-langkah-bermula/10151751689156719.

__________________. “Hikmah Serangan Lastik,” dikemaskini 19 Julai, 2013, dicapai 23 Mac 2014. https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/hikmah-serangan-lastik/10151835792761719.

__________________. “Karim Anter di Kampung Mambu,” laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 18 Disember 2013, http://syahadah.dakwah.org/2013/11/11/ karim-anter-di-kampung-mambu/.

__________________. “Majlis Perkahwinan Secara Islam Kampung Padang Sepulut Sabah,” laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 27 Mac 2014, http://syahadah. dakwah.org/2013/12/20/majlis-perkahwinan-secara-islam-kampung-padang-sepulut-sabah/.

__________________. “Syahadah Rimin Ansalin,” laman sesawang *Kembara Syahadah*, dicapai 23 Mac 2014, http://syahadah.dakwah.org/2013/02/16/syahadah-rimin-ansalin/.

__________________. “Bagaimana Rasulullah Mencegah Penyakit Masyarakat,” dikemaskini 13 Ogos 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/ notes/mohd-fadli-yusof/bagaimana-rasulullah-mengubati-penyakit-masyarakat /457367031718

__________________. “Baikilah Diri,” dikemaskini 16 Oktober 2010, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/baikilah-diri/423163 80171 8.

___________________. “Berhati-Hati Menjaga Hati,” dikemaskini 12 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https:// www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/berhati-hati-menjaga-hati/101502 47604411719

___________________. “Kewajipan Amar Makruf Nahi Mungkar,” dikemaskini 6 April 2011, dicapai 25 Mac 2014,https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/ kewajipan-amar-makruf-nahimungkar/1015021263250 6719.

___________________. “Kita Saling Memerlukan: Mengapa Sombong?” dikemaskini 1 Mei 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook.com/notes/mohd-fadli-yusof/kita -saling-memerlukan-mengapa-sombong/10150235424581719.

___________________. “Sekilas Pandang Isu Murtad: Mencegah lebih Baik dari Mengubat,” dikemaskini 7 Ogos 2011, dicapai 25 Mac 2014, https://www.facebook. com/notes/mohd-fadli-yusof/sekilas-pandang-isu-murtad-mencegah-lebih-baik-dari-mengubat/10150337055506719.

Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, “Ziarah Kasih PERKIM,” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 28 Mac 2014, http://ww.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama /20140402/ba_05/Ziarah-kasih-Perkim.

University of Malaya

Munirah Athirah Mohd Musleh. “Dakwah di Pedalaman Sabah,” laman sesawang *Kebenaran Tersingkap*, dicapai 25 Mac 2014, https://www.kebenarantersingkap.blogspot.my.

Nazri Abdullah, “Pengislaman di Sabah,” laman sesawang *Suara Mualaf Sabah*, dicapai 30 Mei 2014, http://www.youtube.com/watch?feature=player_embedded&v= YfHlxxXwEPE.

University of Malaya

**LAMPIRAN A**

Protokol temu bual kajian ‘Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah.’

*Informan 1*: Mohd Fadli bin Yusof

a. Assalamualaikum wrbth (penemu bual memperkenalkan diri dan menyatakan tentang tujuan kajian kepada informan). Bolehkah tuan menceritakan secara ringkas mengenai latar belakang tuan berkeluarga, tahap pendidikan, kehidupan berkerjaya dan pengalaman. (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
b. Daripada latar belakang tuan, boleh tuan nyatakan bilakah tuan mula melakukan usaha dakwah? Apakah yang mendorong tuan untuk melakukan dakwah? Pada pendapat tuan,

sejauh manakah keberkesanan dakwah kepada non-muslim hari ini? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).

c. Dalam usaha dakwah di pedalaman Pensiangan, bilakah tuan mula melakukan dakwah kepada non-muslim? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
d. Apakah faktor yang mendorong tuan bersama isteri melakukan dakwah di pedalaman? Bagaimanakah tuan memperolehi sumber kewangan untuk dakwah ini? Terdapat pihak lain yang menyertai dakwah bersama tuan, boleh tuan nyatakan sedikit mengenai pihak tersebut? Apakah yang mendorong mereka mengikuti dalam dakwah tuan di pedalaman?
e. Mengapakah tuan memilih kawasan di pedalaman Pensiangan, Sabah?
f. Setakat ini, berapa ramaikah non-muslim di pedalaman Pensiangan yang telah tuan Islamkan?
g. Alhamdulillah, satu jumlah yang luar biasa. Boleh jelaskan, apakah yang menyebabkan mereka menerima Islam melalui dakwah tuan? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
h. Boleh tuan jelaskan, apakah pendekatan yang tuan lakukan dalam mendekati non-muslim? Bagaimanakah pendekatan bentuk *al-ḥikmah*, *maw'iẓah al-ḥasanah* dan *mujādalah* yang telah tuan lakukan? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
i. Apakah halangan atau masalah kepada pendekatan yang tuan lakukan di pedalaman? Apakah yang menyebabkan sebahagian non-muslim menolak? Apakah yang mendorong mereka menolak dakwah? Bagaimanakah reaksi non-muslim yang menolak selepas tuan kerap menemuinya? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
j. Bagaimanakah pandangan pihak berautoriti agama terhadap dakwah tuan di pedalaman? Adakah mereka menyambut secara positif dan memberi bekerjasama dengan tuan dalam dakwah di pedalaman? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
k. Sejarah dakwah di Sabah menunjukkan antara kekangan utama dalam usaha dakwah ialah pihak missionari Kristian. Bagaimana tuan melihat perkara ini? Adakah terdapat halangan yang telah dikenakan kepada tuan sepanjang dakwah di pedalaman? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).

Akhir kata: Alhamdulillah, semoga tuan dan keluarga sentiasa diberkati Allah dan diberikan kesihatan yang baik serta kemudahan dalam usaha menyampaikan dakwah kepada non-muslim di pedalaman Pensiangan. Amin. Saya mohon maaf sekiranya terdapat persoalan sensitif sepanjang sesi temu bual ini.

University of Malaya

*Informan 2*: Individu di sekeliling atau yang sering mengikuti dalam dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah

A. Assalamualaikum wrbth (penemu bual memperkenalkan diri dan menyatakan tentang tujuan kajian ini kepada informan). Boleh encik perkenalkan diri secara ringkas? Adakah encik mengenali tuan (informan 1)? Bila encik mula mengikuti dakwahnya? Berapa kali encik mengikuti? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
B. Sepanjang encik mengikuti dakwah di pedalaman Pensiangan, bagaimanakah encik melihat pendekatan dakwah tuan (informan 1)? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
C. Apakah faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah tuan (informan 1)? Sejauhmanakah penerimaan non-muslim di sini? Apakah masalah yang dihadapi tuan (informan 1) dalam mengajak non-muslim kepada Islam? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
D. Akhir sekali, apakah pengalaman yang encik perolehi sepanjang mengikuti dakwah ini? Apakah cabaran yang paling getir dalam pengalaman ini?

*Informan 3*: (Saudara baru yang telah diislamkan Mohd Fadli Yusof dalam tempoh 5 bulan)

1. Assalamualaikum wrbth (penemu bual memperkenalkan diri dan menyatakan tentang tujuan kajian ini kepada informan). Boleh encik perkenalkan diri secara ringkas?
2. Bila encik memeluk Islam? Apakah agama yang dianuti encik sebelum ini? Adakah ada ahli keluarga atau rakan yang pernah memeluk Islam sebelum ini? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
3. Sepanjang hidup encik, apakah yang encik tahu dan faham tentang agama Islam? Dari manakah encik mengetahuinya? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
4. Sudah berapa lama encik mengenali tuan (informan 1)? Kenapakah encik memeluk Islam? Apakah faktor yang mendorong encik memeluk Islam? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
5. Apakah pandangan encik tentang dakwah tuan (informan 1)? Bagaimana encik mengenalinya dan boleh menerima Islam melaluinya? Bagaimana encik boleh tertarik dengan caranya? Apakah cara yang dilakukan tuan (informan 1) dalam mendekati bukan Islam di sini? Apakah yang menarik tentangnya? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).



University of Malaya

6. Adakah sebelum ini, ada pendakwah yang masuk pedalaman menemui encik dan orang lain di sini? Jika ada, nyatakan bila? Bagaimana cara mereka mendekati encik dan bukan Islam lain? Berapa ramaikan orang yang memeluk Islam di sini? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).
7. Bagaimana kehidupan encik selepas Islam? Apakah cabaran yang dihadapi? Bagaimana dengan penerimaan orang sekeliling terhadap pengislaman encik? (Soalan-soalan kecil yang mengikuti persoalan utama kajian).

Akhir kata: Alhamdulillah, semoga encik dan keluarga sentiasa diberkati Allah dan diberikan kesihatan yang baik serta istiqamah sebagai seorang muslim yang bertaqwa hingga akhir hayat. Amin. Saya mohon maaf sekiranya terdapat persoalan sensitif sepanjang sesi temu bual ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH

**LAMPIRAN B**

Peta bahagian pedalaman Pensiangan, Sabah




University of Malaya

**LAMPIRAN C**

SENARAI PENDUDUK YANG TELAH DIISLAMKAN OLEH MOHD FADLI YUSOF DI PEDALAMAN PENSIANGAN DARI TAHUN 2011 HINGGA 2013

| BIL | NAMA ASAL | NAMA ISLAM | TEMPAT ISLAM |
|---|---|---|---|
| 1 | Jackmun Popolong | Siti Maimunah | Kg Setamping |
| 2 | Hassan Lorrie | Muhd Hassan | Kg Setamping |
| 3 | Raizah Ghafar | Siti Sumayyah | Kg Bigor |
| 4 | Hendety Ghafar | Nurul Huda | Kg Bigor |
| 5 | Ezanel Ghafar | Muhd Zainal | Kg Bigor |
| 6 | Anak perempun Lily | | Kg Padang |
| 7 | Anak perempuan Lily | | Kg Padang |
| 8 | Baby lelaki Lily | | Kg Padang |
| 9 | Hilda Ambiang | Nur Wahidah | Kg Padang |
| 10 | Jamil Lindung | Muhd Jamil | Kg Padang |
| 11 | Zaquenah Quintin | Siti Zakiah | Kg Padang |



University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12 | ZarinahTalimoh | Nur Zarinah | Kg Padang |
| 13 | Carolina Quintin | Khairunajihah | Kg Padang |
| 14 | Lily Ampiris | Nur Latifah | Kg Padang |
| 15 | Atiqah | Nur Atiqah | Kg Panabaan |
| 16 | Alex Bin Lahai | Muhd Salman | Kg Sinsingon |
| 17 | Isteri Alex | | Kg Sinsingon |
| 18 | Anak Alex | | Kg Sinsingon |
| 19 | Nordin | | Kg Sinsingon |
| 20 | AnakNordin | | Kg Sinsingon |
| 21 | AnakNordin | | Kg Sinsingon |
| 22 | AnakNordin | | Kg Sinsingon |
| 23 | Nonggou | Nur Hidayah | K. Kinabalu |
| 24 | Taihing | Muhd Soleh | Kg Lotong |
| 25 | GhaffarLindung | AbdGhaffar | Kg Bigor |
| 26 | KamboiAsok | NurKamilah | Kg Bigor |
| 27 | Nurfazika | NurSyafiqah | Kg Bigor |
| 28 | Raikul Bin Anguyung | MuhdDaud | Kg Tinanduk |
| 29 | Jasney Bin Raikul | Muhd Jamil | Kg Tinanduk |
| 30 | RinaBintiRaikul | NurRaihanah | Kg Tinanduk |
| 31 | HainiBintiRaikul | Nurani | Kg Tinanduk |
| 32 | RukiahMandulun | NurRosmah | Kg Tinanduk |
| 33 | HanderyRaikul | MuhdHairi | Kg Tinanduk |
| 34 | AmbiahParisah | MuhdAmbia’ | Kg Tinanduk |
| 35 | Juliana Robert | NurJamilah | Kg Tinanduk |
| 36 | Aini Antarik | Noraini | Kg Tinanduk |
| 37 | Siti Ambiah | Siti | Kg Tinanduk |
| 38 | Azmal | MuhdAzman | Kg Tinanduk |
| 39 | SabdinParisah | MuhdIzzudin | Kg Tinanduk |
| 40 | Abdul | Abdul Rahman | Kg Tinanduk |
| 41 | Alex | MuhdFazli | Kg Tinanduk |
| 42 | Julian Antarik | Muhd Jamil | Kg Salung |
| 43 | JulianahOngkorou | NurJamilah | Kg Salung |
| 44 | Justin Bin Aping | MuhdJohari | Kg Salung |
| 45 | Sinimah | SitiSalmah | Kg Salung |
| 46 | Musni Binti Maurice | Maimunah | Kg Sinsingon |
| 47 | Andrew Ansuar | MuhdIdris | Kg Sinsingon |
| 48 | Yohanis | MuhdHanis | Kg Sinsingon |
| 49 | Anak Andrew | MuhdAsri | Kg Sinsingon |
| 50 | Anak Andrew | MuhdAnas | Kg Sinsingon |
| 51 | AnakYohanis | NurAsiah | Kg Sinsingon |
| 52 | AnakYohanis | M. Ridhwan | Kg Sinsingon |
| 53 | Isteriyohanis | Noraini | Kg Sinsingon |
| 54 | June Emos (Bawang) | | Kg Sepulut |
| 55 | Emma | | Kg Sepulut |
| 56 | AnakBawang | | Kg Sepulut |
| 57 | AnakBawang | | Kg Sepulut |
| 58 | AnakBawang | | Kg Sepulut |
| 59 | SuinAmpungit | MuhdSyuib | Kg Tinanduk |
| 60 | Ainih | Noraini | Kg Tinanduk |



University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 61 | Michael | Abdul Malik | Kg Tinanduk |
| 62 | Macronald | MuhdDaud | Kg Tinanduk |
| 63 | AidieJasli | MuhdAidil | Smk Sepulut |
| 64 | Linaun Antaim | | Kg Sinsingon |
| 65 | Yangusam Barayan | | Kg Sinsingon |
| 66 | Samuel Linaun | | Kg Sinsingon |
| 67 | Latifah Linaun | | Kg Sinsingon |
| 68 | Maikel Linaun | | Kg Sinsingon |
| 69 | Mallion Linaun | | Kg Sinsingon |
| 70 | Yasua Linaun | | Kg Sinsingon |
| 71 | Siti Sofeah Imran | | Kg Sinsingon |
| 72 | Siti Nurcahaya Imran | | Kg Sepulut |
| 73 | Eyang-Eyang Amparing | | Kg Sepulut |
| 74 | Amanah Barayan | | Kg Sepulut |
| 75 | Richard Eyang II | | Kg Sepulut |
| 76 | Icin Eyang II | | Kg Sepulut |
| 77 | Kavita Eyang II | | Kg Tinanduk |
| 78 | Latiah Eayang II | | Kg Tinanduk |
| 79 | Yencoi Eyang II | | Kg Tinanduk |
| 80 | Hendry Eyang II | | Kg Tinanduk |
| 81 | Abun | | Kg Sinsingon |
| 82 | Andawan | | Kg Sinsingon |
| 83 | Nordianah Abun | | Kg Sinsingon |
| 84 | Rinawati Abun | | Kg Sinsingon |
| 85 | Jamil Ampohol | | Kg Sinsingon |
| 86 | Remadan Liw | | Kg Sinsingon |
| 87 | Harlina Martin | | Kg Sinsingon |
| 88 | Jascka Jamil | | Kg Sinsingon |
| 89 | Jasceva Jamil | | Kg Sepulut |
| 90 | Jaslanen Jamil | | Kg Sepulut |
| 91 | Jaslini Jamil | | Kg Sepulut |
| 92 | Raspin | | Kg Sepulut |
| 93 | Jasse | | Kg Padang |
| 94 | Roy Raspin | | Kg Padang |
| 95 | Rosyanne | | Kg Salung |
| 96 | Renzai | | Kg Salung |
| 97 | Rovivenne | | Kg Salung |
| 98 | Rosfadilah | | Kg Salung |
| 99 | Hormat | | Kg Padang |
| 100 | Minggin | | Kg Padang |
| 101 | Kimboon | | Kg Salung |
| 102 | Pansingan | | Kg Salung |
| 103 | Lapius | | Kg Salung |
| 104 | Aidah | | Kg Salung |
| 105 | Dewa | | Kg Padang |
| 106 | Deiri | | Kg Padang |
| 107 | Arwin | | Kg Salung |
| 108 | Mohd Arkib | | Kg Salung |
| 109 | Nur Ain Natasya | | Kg Salung |
| 110 | Binukat Endim | | Kg Padang |

University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 111 | Ija | Norazizah | Kg Padang |
| 112 | Easter | Siti Hajar | Kg Salung |
| 113 | Sandra | Siti Sarah | Kg Salung |
| 114 | Masnih Ampakat | Nur Hasni | Kg Salung |
| 115 | Christopher | Mustafa | Kg Salung |
| 116 | Avenesia | NurJannah | Lanas |
| 117 | Azarin Edward | Abu Zarrin | Lanas |
| 118 | Azaman Edward | Muhd Azman | Lanas |
| 119 | SalimahSundai | Siti Salmah | Pensiangan |
| 120 | Jurimejo Junaili | | Kg Salung |
| 121 | Joseph Sambang | | Kg Salung |
| 122 | Isa Tidong | | Kg Padang |
| 123 | Kristiano Joseph | | Kg Padang |
| 124 | Nita | | Pagalungan |
| 125 | Jaibi Joseph | | Pensiangan |
| 126 | Jairi Joseph | | Pensiangan |
| 127 | Naili Joseph | | Pensiangan |
| 128 | Mhd Faizal Joseph | | Kg Nantayap |
| 129 | Jamir Ampohol | | Kg Salung |
| 130 | Julus Thomas | | Kg Padang |
| 131 | Sunah Ampohol | | Kg Nantayap |
| 132 | Lawason bin Kandui | Muhd Anas | Pensiangan |
| 133 | Bapirin Ampait | Siti Aisyah | Pensiangan |
| 134 | Neison bin Lawason | M. Syamsudin | Pensiangan |
| 135 | AzzawandyLawason | Muhd Azhari | Pensiangan |
| 136 | HeldawatiLawason | Siti Sarah | Pensiangan |
| 137 | AzawanLawason | Muhd Azam | Pensiangan |
| 138 | NorpadilahAmpungi | Nor Fadhilah | Kg Nantayap |
| 139 | Midi bin Undi | Muhd Hamidi | Kg Salung |
| 140 | Joseph Siuh | Muhd Yusuf | Kg Padang |
| 141 | Miluh Ansalin | NurJamilah | Kg Sinsingon |
| 142 | Jaswen bin Joseph | Muhd Jamal | Kg Sinsingon |
| 143 | Nurul Jannah | NurJannah | Kg Sinsingon |
| 144 | TalimohAnguyong | Mahmud | Kg Tinanduk |
| 145 | Saminggu Ampohol | | Pensiangan |
| 146 | Mansur Asli | | Pensiangan |
| 147 | Sudin Asli | | Kg Nantayap |
| 148 | Rasmah Salim | | Kg Salung |
| 149 | Molihawa Mazalan | | Kg Padang |
| 150 | Marta Ampukat | | Kg Sinsingon |
| 151 | Engou | | Kg Sinsingon |
| 152 | Philip bin Robert | M. Sulaiman | Kg Tinanduk |
| 153 | Christopher | MuhdRusydi | Pensiangan |
| 154 | SinuaibintiAmparol | NurSunniah | Pensiangan |
| 155 | Robert Bin Singgah | Abdul Aziz | Kg Padang |
| 156 | Isteri Robert | NurAzizah | Kg Padang |
| 157 | AndatongAmpang | NurZaiton | Kg Padang |
| 158 | RiminAnsalin | | Kg Padang |
| 159 | Wulan Bin Inggu | Muhd Ali | Kg Padang |
| 160 | Pakiak | MuhdHamzah | Kg Padang |
| 161 | Inggu bin Rimin | MuhdToriq | Kg Padang |
| 162 | Rozita | | Kg Padang |

University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 163 | RichellebintiInggu | Nur Rasyidah | Kg Padang |
| 164 | Yoyo bin Inggu | | Kg Padang |
| 165 | Sanang | | Kg Padang |
| 167 | Juhaidi Millah | | Kg Padang |
| 168 | Engaou II | | Kg Padang |
| 169 | Rosdai | | Kg Padang |
| 170 | Santi Lapius | | Kg Padang |
| 171 | Donliy Lapius | | Kg Padang |
| 172 | Tina | | Kg Padang |
| 173 | Selly | | Kg Padang |
| 174 | Alif | | Kg Padang |
| 175 | Faiz | | Kg Padang |
| 176 | Amopor | | Kg Padang |
| 177 | Ansama | | Kg Padang |
| 178 | Emmlia | | Kg Padang |
| 179 | Jefry | | Pensiangan |
| 180 | Jaminah Katam | | Kg Nantayap |
| 182 | Jamilah Jefry | | Kg Salung |
| 183 | Enawati Abun | | Kg Padang |
| 184 | Arief Rey | | Kg Sinsingon |
| 185 | Norhailah | | Kg Sinsingon |
| 186 | Reyzezy | | Kg Sinsingon |
| 187 | Mungkias | | Kg Tinanduk |
| 188 | Emmlia Naing | | Pensiangan |
| 189 | Crocysa Mungkias | | Pensiangan |
| 190 | Sazley Mungkias | | Kg Nantayap |
| 191 | Johanes Day | | Kg Salung |
| 192 | Jepir Ansalin | | Kg Padang |
| 193 | Ebeey Ambir | | Kg Sinsingon |
| 194 | Everonneka Jepur | | Kg Sinsingon |
| 195 | Joelehandresyon Jepur | | Kg Tinanduk |
| 196 | Ayob Aboon | | Kg. Padang |
| 197 | Azmil Ambaan | | Kg. Padang |
| 198 | Pamail | | Kg. Penawan |
| 199 | Jamain Ompor | | Kg. Penawan |
| 200 | Ansaman Anggail | | Kg. Penawan |
| 201 | Narisah Asoi @ Ebit | | Kg. Sinsigon |
| 202 | Ompor Lungkung | | Kg. Sinsigon |
| 203 | Rusti Rasilah | | Kg. Penawan |
| 204 | Engou Ambolou | | Kg. Penawan |
| 205 | Lapius Lampa | | Kg. Penawan |
| 206 | Ahubat Antawor | | Kg. Sinsigon |
| 207 | Dewa Lapius | | Kg. Sinsigon |
| 208 | Kimboon Langais | | Kg. Penawan |
| 209 | Oboy Ambaan | | Kg. Penawan |
| 210 | Tasib Mesi | | Kg. Penawan |
| 211 | Karim Anter | | Kg. Sinsigon |
| 212 | Stanley Linaun | Muhammad Faiz | Kg. Lotong |
| 213 | Binuntung Baluanu | | Kg. Sinsigon |

University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 214 | Ambiin Amual | | Kg. Sinsigon |
| 215 | Enawati Chow | Nur Syafiqah | Kg. Pagar-Pagar |
| 216 | Aki Aliff | | Kg. Susowe |
| 217 | Jamain | Muhammad Amin | Kg. Padang |
| 218 | Isteri Jamain | Siti Aminah | Kg. Padang |
| 219 | Aki Ompor | Abdullah | Kg. Padang |
| 220 | Anthony | Ridzuan | Kg. Padang |
| 221 | Jeljude Carlos | Muhammad Hud | Kg. Padang |
| 222 | Almylianah | | Kg. Siatu |
| 223 | Elsa | | Kg. Siatu |
| 224 | Narisah Asoi @ Ebit | Nafisah | Kg. Padang |
| 225 | Inan Berai Entiang | Bahirah | Kg. Padang |
| 226 | Evnesia | Jannah | Kg. Pinipi Lanas |
| 227 | Sharmillah Limin | | Kg. Sinua, Sook |
| 228 | Suami Sharmillah | | Kg. Sinua, Sook |
| 229 | Anak Sharmillah | | Kg. Sinua, Sook |
| 230 | Anak Sharmillah | | Kg. Sinua, Sook |
| 231 | Anak Sharmillah | | Kg. Sinua, Sook |
| 232 | Anita | | Kg. Penawan |
| 233 | Iffon | | Kg. Penawan |
| 234 | Hilda | | Kg. Penawan |
| 235 | Inan Hamidah | | Kg. Sinsigon |
| 236 | Cucu Inan Hamidah | | Kg. Sinsigon |
| 237 | Rusilah Sabarinus | | Kg. Sumabi |
| 238 | Fredo Linaun | | Kg. Lotong |
| 239 | Talimoh Anguyong | | Kg Tinanduk |
| 240 | Edon Asang | Muhammad Asri | Kg Padang |
| 241 | Midi Undi | Muhammad Hamidi | Kg. Salong |
| 242 | Lawason Kandoi | Muhammad Anas | Kg. Laingon |
| 243 | Baripin Ampait | Siti Aisyah | Kg Padang |
| 245 | Yokot Takurang | | Kg. Sibangali |
| 246 | Susiyanti | | Kg. Sibangali |
| 247 | Brandon | | Kg. Sibangali |
| 248 | Jasika | | Kg. Sibangali |
| 249 | Amon Layau | Muhammad Rahmat | Kg. Kilo Lanas |
| 250 | Asit Anjarom | Muhammad Hasib | Kg. Penawan |
| 251 | Easter | Siti Hajar | Kg. Padang |
| 252 | Sandra | Siti Sarah | Kg. Padang |
| 253 | Miusnah Badaut | Husna | Kg. Padang |
| 254 | Sarah Andalan | Nur Safiah | Pensiangan |
| 255 | Anduru Tuoh | Muhammad Nasir | Pensiangan |
| 256 | Christoper | Mustafa | Kg. Salong |
| 257 | Azaman Edward | Azman | Kg. Sinsigon |

University of Malaya

| | | | |
|---|---|---|---|
| 258 | Azarin Edward | Zarrin Edward | Kg. Sinsigon |
| 259 | Yusub | Yusuf | Kg. Pulungan |
| 260 | Laura Ansuar | Laura | Kg. Pulungan |
| 261 | Fredolin Diun | Muhammad Taufiq | Kg. Sinua, Sook |
| 262 | Masnih Ampakat | Hasni | Kg. Salong |
| 263 | Puiscilla Ansuku | | Pensiangan |
| 264 | Micheal Linaun | | Kg. Lotong |
| 265 | Arwin Lawason | | Pensiangan |
| 266 | Simah Kailo | | Kg. Padang |
| 267 | Juini Arang | | Kg. Padang |
| 268 | Justin | | Kg. Sebulu, Salong |
| 269 | Katina Baw | | Kg. Sebulu, Salong |

Disahkan oleh:

1) Mohd Fadli bin Yusof

2) Muhammad Fidauddin bin Mohd Fadli

2) Muhammad Suffian bin Mohd Sulaiman

University of Malaya

## LAMPIRAN D: KAD MEMELUK AGAMA ISLAM (PERKIM)

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: LAPIUS BIN LAMPA

NAMA ISLAM: MUHAMMAD JAMAL BIN LAMPA

TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH

ALAMAT: KAMPUNG SUMATALUN NABAWAN SABAH

TARIKH DIISLAMKAN

01/10/2014

Setiausaha Agung Kehormat

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: AHUBAT BINTI ANTAWOR

NAMA ISLAM: AMINAH BINTI ANTAWOR

TEMPAT DIISLAMKAN: MASJID AS SYAHADATUL MUTTAQIN

ALAMAT: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN SABAH

TARIKH DIISLAMKAN

24/01/2015

Setiausaha Agung Kehormat

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: DEWA LAPIUS

NAMA ISLAM: MUHAMMAD WALI BIN LAPIUS

TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH

ALAMAT: KG SUMATALUN 89950 NABAWAN SABAH

TARIKH DIISLAMKAN

05/10/2014

Setiausaha Agung Kehormat

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: KIMBON BINTI LANGAIS

NAMA ISLAM: NURANI BINTI LANGAIS

TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH

ALAMAT: KEM LIMBAWAN 89000 KENINGAU SABAH

TARIKH DIISLAMKAN

05/10/2014

Setiausaha Agung Kehormat

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: PANSINGAN MANDULUN

NAMA ISLAM: SITI NUR FATIMAH

TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH

ALAMAT: KAMPUNG SILUNGAI 89950 NABAWAN SABAH

TARIKH DIISLAMKAN

05/10/2014

Setiausaha Agung Kehormat

**KAD MEMELUK AGAMA ISLAM**

Dikeluarkan oleh

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: AIDAH LAPIUS

NAMA ISLAM: HABIBAH BINTI LAPIUS

TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH

ALAMAT: KG SUMATALUN, PAGALUNGAN 89950 NABAWAN

TARIKH DIISLAMKAN

05/10/2014

Setiausaha Agung Kehormat

362

University of Malaya

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO.: 740324-12-5939

BIL. DAFTAR: SABAH/15/390

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO.: 701104-12-5388

BIL. DAFTAR: SABAH/15/408

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO. 081112-12-0945

BIL. DAFTAR: SABAH/15/392

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO.: 541016-12-5396

BIL. DAFTAR: SABAH/15/388

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO.: 790523-12-6446

BIL. DAFTAR SABAH/15/389

ingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

## DUA KALIMAH SYAHADAH

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



K.P NO.: 990823-12-5046

BIL. DAFTAR: SABAH/15/391

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

University of Malaya

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: JAMAIN BIN OMOPOR
NAMA ISLAM: MUHAMMAD AMIN BIN OMOPOR
TEMPAT DIISLAMKAN: MASJID AS SYAHADATUL MUTTAQIN
ALAMAT: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
24/01/2015

Setiausaha Agung Kehormat

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: ANSAMAN BINTI ANGGAIL
NAMA ISLAM: ASMA' BINTI ANGGAIL
TEMPAT DIISLAMKAN: KAMPUNG PAGAR PAGAR KENINGAU
ALAMAT: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
27/01/2015

Setiausaha Agung Kehormat

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: NARISAH ASOI @ EBIT
NAMA ISLAM: NAFISAH BINTI ASOI @ EBIT
TEMPAT DIISLAMKAN: MASJID AS SYAHADAH KG PADANG
ALAMAT: KG PADANG TALINGKAI 89950 NABAWAN SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
27/09/2014

Setiausaha Agung Kehormat

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: OMOPOR BIN LUNGKUNG
NAMA ISLAM: ABDULLAH BIN LUNGKUNG
TEMPAT DIISLAMKAN: KAMPUNG PAGAR PAGAR KENINGAU
ALAMAT: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
28/01/2015

Setiausaha Agung Kehormat

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: ENGOU BIN AMBOLOU
NAMA ISLAM: MUHAMMAD FIRDAUS BIN AMBOLOU
TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH
ALAMAT: KUARTERS JKR JALAN RUMAH MURAH 89000 KENINGAU SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
07/11/2014

Setiausaha Agung Kehormat

## KAD MEMELUK AGAMA ISLAM

Dikeluarkan oleh
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

NAMA ASAL: RUSTY BIN RASILIH
NAMA ISLAM: MUHAMMAD RUSYDI BIN RASILIH
TEMPAT DIISLAMKAN: KEM PPH KENINGAU SABAH
ALAMAT: KG BAHAGIA C PETI SURAT 63 NABAWAN SABAH
TARIKH DIISLAMKAN
11/11/2014

Setiausaha Agung Kehormat

363

University of Malaya

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 680502-12-5025

BIL. DAFTAR: SABAH/15/407

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 481015-12-5368

BIL. DAFTAR: SABAH/15/410

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 960101-12-7106

BIL. DAFTAR: SABAH/15/383

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 470414-12-5329

BIL. DAFTAR: SABAH/15/409

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 531103-12-5059

BIL. DAFTAR: SABAH/15/400

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

**DUA KALIMAH SYAHADAH**

*"Aku mengaku tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH dan Aku mengaku Nabi Muhammad Pesuruh ALLAH"*



PERKIM PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

K.P NO.: 871029-49-5355

BIL. DAFTAR: SABAH/15/401

Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40412482, 40426224 Fax : 40427403

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 389

1. Nama Asal: Pansingan Mandulun
2. Nama Islam: Siti Nur Fatimah
3. Kad Pengenalan: 790523-12-6446
4. Tempat Lahir: Kampung Silungai, 89950, Nabawan, Sabah
5. Alamat: Kampung Silungai, 89950, Nabawan,Sabah
6. Telefon:-
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Lelaki
9. Status: Berkahwin
10. Tarikh Lahir: 23 Mei 1979
11. Umur: 35 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: -
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 5 Oktober 2014
16. Tempat: Kem PPH, Keningau , Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Muhammad Suffian Sulaiman
19. Saksi 2: Hj Hamsah

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA -383

1. Nama Asal: NARISAH ASOI @ EBIT
2. Nama Islam: NAFISAH BINTI ASOI@EBIT
3. Kad Pengenalan: 960101-12-7106
4. Tempat Lahir: NABAWAN SABAH
5. Alamat: KAMPUNG PADANG TALINGKAI 89950 NABAWAN SABAH
6. Telefon:
7. Bangsa: MURUT
8. Jantina: PEREMPUAN
9. Status: BUJANG
10. Tarikh Lahir: 01-01-1996
11. Umur: 18 TAHUN
12. Warganegara: MALAYSIA
13. Pekerjaan: -
14. Agama Asal: KRISTIAN
15. Tarikh Memeluk Islam: 27.09.2014
16. Tempat: MASJID AS-SYAHADAH ,KG PADANG SEPULUT.
17. Di Islam oleh: MOHAMMAD SUFFIAN BIN MOHD SULAIMAN
18. Saksi 1: MUHAMMAD MUAZ BIN MUHAMMAD USMAN
19. Saksi 2: MUHAMMAD HAZROY BIN RASPIN.

University of Malaya

KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA - 400



1. Nama Asal: Engou bin Ambolou
2. Nama Islam: Muhammad Firdaus bin Ambolou
3. Kad Pengenalan: 531103-12-5059
4. Tempat Lahir: Pekan Sepulut, Nabawan,Sabah
5. Alamat: Kuarters JKR Jalan Rumah Murah, 89000, Keningau, Sabah
6. Telefon: -
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Lelaki
9. Status: Berkahwin
10. Tarikh Lahir: 30 November 1953
11. Umur: 61 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: Pengawal Keselamatan
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 7 November 2014
16. Tempat: Kem PPH, Keningau, Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Jamal Malim
19. Saksi 2: Muhammad Safwatullah bin Mohd Fadli

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 408

1. Nama Asal: AHUBAT BINTI ANTAWOR
2. Nama Islam: AMINAH BINTI ANTAWOR
3. Kad Pengenalan: 701104-12-5388
4. Tempat Lahir: PENSIANGAN,SABAH
5. Alamat: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN,SABAH.
6. Telefon: -
7. Bangsa: MURUT
8. Jantina: PEREMPUAN
9. Status: BERKAHWIN
10. Tarikh Lahir: 04/11/1970
11. Umur: 45 TAHUN
12. Warganegara: MALAYSIA
13. Pekerjaan: BEKERJA SENDIRI
14. Agama Asal: KRISTIAN
15. Tarikh Memeluk Islam: 24/01/2015
16. Tempat: MASJID AS-SYAHADATUL MUTTAQIN
17. Di Islam oleh: JULIAH BINTI LINDAS
18. Saksi 1: USTAZ MOHD FADLI BIN YUSOF
19. Saksi 2: MUHAMMAD SUFFIAN BIN MOHD SULAIMAN

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 410

1. Nama Asal: ANSAMAN BINTI ANGGAIL

2. Nama Islam: ASMA' BINTI ANGGAIL

3. Kad Pengenalan: 481015-12-5368

4. Tempat Lahir: PENSIANGAN,SABAH

5. Alamat: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN,SABAH.

6. Telefon: -

7. Bangsa: MURUT

8. Jantina: PEREMPUAN

9. Status: BERKAHWIN

10. Tarikh Lahir: 15/10/1948

11. Umur: 67 TAHUN

12. Warganegara: MALAYSIA

13. Pekerjaan: SURI RUMAH

14. Agama Asal: KRISTIAN

15. Tarikh Memeluk Islam: 27/01/2015

16. Tempat: KAMPUNG PAGAR-PAGAR,KENINGAU

17. Di Islam oleh: USTAZAH AISYAH BINTI NORDIN

18. Saksi 1: USTAZ MOHD FADLI BIN YUSOF

19. Saksi 2: MUHAMMAD USMAN

University of Malaya

KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 407



1. Nama Asal: JAMAIN BIN OMOPOR
2. Nama Islam: MUHAMMAD AMIN BIN OMOPOR
3. Kad Pengenalan: 680502-12-5025
4. Tempat Lahir: PENSIANGAN,SABAH
5. Alamat: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN,SABAH.
6. Telefon: 0128374091
7. Bangsa: MURUT
8. Jantina: LELAKI
9. Status: BERKAHWIN
10. Tarikh Lahir: 02/05/1968
11. Umur: 47 TAHUN
12. Warganegara: MALAYSIA
13. Pekerjaan: BEKERJA SENDIRI
14. Agama Asal: KRISTIAN
15. Tarikh Memeluk Islam: 24/01/2015
16. Tempat: MASJID AS-SYAHADATUL MUTTAQIN
17. Di Islam oleh: SHELDON LABAY BIN JUSTINIANO LABAY
18. Saksi 1: USTAZ MOHD FADLI BIN YUSOF
19. Saksi 2: MUHAMMAD SUFFIAN BIN MOHD SULAIMAN

University of Malaya

KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 409



1. Nama Asal: OMOPOR BIN LUNGKUNG
2. Nama Islam: ABDULLAH BIN LUNGKUNG
3. Kad Pengenalan: 470414-12-5329
4. Tempat Lahir: PENSIANGAN,SABAH
5. Alamat: KG SIATU MUKIM PENSIANGAN 89950 NABAWAN,SABAH.
6. Telefon: -
7. Bangsa: MURUT
8. Jantina: LELAKI
9. Status: BERKAHWIN
10. Tarikh Lahir: 14/04/1947
11. Umur: 68 TAHUN
12. Warganegara: MALAYSIA
13. Pekerjaan: BEKERJA SENDIRI
14. Agama Asal: KRISTIAN
15. Tarikh Memeluk Islam: 26/01/2015
16. Tempat: KAMPUNG PAGAR-PAGAR,KENINGAU
17. Di Islam oleh: MUHAMMAD USMAN
18. Saksi 1: USTAZ MOHD FADLI BIN YUSOF
19. Saksi 2: MUHAMMAD SAFWATULLAH BIN MOHD FADLI

University of Malaya



Keterangan Saudara Baru kita ke 401

Nama: Rusty bin Rasilih

Nama Islam: Muhammad Rusydi bin Rasilih

Kad pengenalan: 871029-49-5355

Alamat: Kg Bahagia C Peti Surat 63 Nabawan, 89957, Nabawan, Sabah

Bangsa: Murut

Warganegara: Malaysia

Umur: 27 Tahun

Tarikh lahir: 29 Oktober 1987 Tempat lahir: Hospital Queen Elizabeth

Jantina: Lelaki Status: Berkahwin

Telefon:- Pekerjaan:-

Agama asal: Kristian (dalam IC telah tertulis Islam, sebenarnya menurut beliau belum pernah Islam)

Tarikh Memeluk Islam: 11 November 2014

Tempat: Kem PPH, Keningau,Sabah.

Di islam oleh: Mohd Fadli Yusof

. Saksi 1: Jamal Malim

Saksi 2: Muhammad Safwatullah bin Mohd Fadli.

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 392

1. Nama Asal: Dewa Lapius
2. Nama Islam: Muhammad Wali bin Lapius
3. Kad Pengenalan: 081112-12-0945
4. Tempat Lahir: Kampung Sumatalun, 89950, Nabawan, Sabah
5. Alamat: Kampung Sumatalun, 89950, Nabawan , Sabah
6. Telefon:-
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Lelaki
9. Status: Bujang
10. Tarikh Lahir: 12 November 2008
11. Umur: 6 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: -
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 5 Oktober 2014
16. Tempat: Kem PPH, Keningau, Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Muhammad Suffian Sulaiman
19. Saksi 2: Hj Hamsah

University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 388

1. Nama Asal: Kimbon binti Langais
2. Nama Islam: Nurani binti Langais
3. Kad Pengenalan: 541016-12-5396
4. Tempat Lahir: Kampung Limbawan, 89000, Keningau, Sabah
5. Alamat: Kampung Limbawan, 89000, Keningau, Sabah
6. Telefon:-
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Perempuan
9. Status: Berkahwin
10. Tarikh Lahir: 16 Oktober 1954
11. Umur: 60 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: -
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 5 Oktober 2014
16. Tempat: Kem PPH , Keningau, Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Muhammad Suffian Sulaiman
19. Saksi 2: Hj Hamsah



University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 390

1. Nama Asal: Lapius bin Lampa
2. Nama Islam: Muhammad Jamal bin Lampa
3. Kad Pengenalan: 740324-12-5939
4. Tempat Lahir: Kampung Sumatalun, Nabawan, Sabah.
5. Alamat: Kampung Sumatalun, Nabawan, Sabah.
6. Telefon: -
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Lelaki
9. Status: Berkahwin
10. Tarikh Lahir: 24 Mac1974
11. Umur: 40 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: Petani
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 1 Oktober 2014
16. Tempat: Kem PPH , Keningau, Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Jamal Malim
19. Saksi 2: Muhammad Safwatullah bin Mohd Fadli



University of Malaya



KETERANGAN SAUDARA ISLAM KITA 391

1. Nama Asal: Aidah Lapius
2. Nama Islam: Habibah binti Lapius
3. Kad Pengenalan: 990823-12-5046
4. Tempat Lahir: Kg Kuala Sumatalun, Pagalungan,89950, Nabawan, Sabah
5. Alamat: Kg Sumatalun, Pagalungan, 89950, Nabawan, Sabah
6. Telefon:-
7. Bangsa: Murut
8. Jantina: Perempuan
9. Status: Bujang
10. Tarikh Lahir: 23 Ogos 1999
11. Umur: 15 Tahun
12. Warganegara: Malaysia
13. Pekerjaan: -
14. Agama Asal: Kristian
15. Tarikh Memeluk Islam: 5 Oktober 2014
16. Tempat: Kem PPH, Keningau, Sabah
17. Di Islam oleh: Mohd Fadli Yusof
18. Saksi 1: Muhammad Suffian Sulaiman
19. Saksi 2: Hj Hamsah

University of Malaya

## LAMPIRAN E: Gambar



Gambar 1: Mohd Fadli Yusof bersama isteri Puan Aisyah Nordin



Gambar 2: Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan, Sabah

University of Malaya



Gambar 3: Mohd Fadli Yusof sedang mengislamkan non-muslim di dewan serbaguna Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah



Gambar 4: Mohd Fadli Menemui Non-Muslim di Kampung Lotong Sepulut, Pensiangan.



Gambar 5: Mohd Fadli bersama dengan non-muslim Kristian di Kampung Tinanduk Pensiangan



Gambar 6: Penulis sedang men Mohd Fadli Yusof dalam perjalanan ziarah di pedalaman Pensiangan, Sabah

University of Malaya



Gambar 7: Mohd Fadli Yusof sedang mengislamkan bekas Pastor Gereja Basel.
Penulis (Berbaju T shirt hijau) diberi peluang mengislamkan anaknya.



Gambar 8: Penulis bersama bekas Pastor Gereja



Gambar 7: Penulis sedang menemu bual informan di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah



Gambar 8: Penulis bersama informan yang bertanggungjawab sebagai pembantu Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah




Gambar 10: Masjid As Syahadah, Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah



Gambar 11: Pengislaman seorang penduduk di Pensiangan, Sabah



Gambar 12: Penulis bersama rombongan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM Kebangsaan) yang mengikuti dakwah Mohd Fadli Yusof di pedalaman Pensiangan, Sabah.



Gambar 13: Penulis sedang menziarahi rumah salah seorang penduduk di Pensiangan



Gambar 13: Laluan utama ke Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, dengan menggunakan jambatan gantung



Gambar 14: Perjalanan ke kawasan penempatan di pedalaman Pensiangan, Sabah

University of Malaya